

Kelompangan Dasar Belia Negara - Menyangga Potensi Belia Menerusi Pendekatan Transformasi Konflik

ASNARULKHADI ABU SAMAH

ABSTRAK

Gagasan idea melonjakkan lagi martabat belia tersirat rapi dalam Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN). Walaupun sudah melebihi satu dekad usianya sejak diberi nafas baru, dasar ini masih relevan dengan fokus negara yang serius mengurus dan menjana modal insan. Statistik negara menunjukkan bahawa belia boleh menyumbang ke arah pembentukan modal insan. Oleh itu, jika adunan yang sempurna dapat diusahakan antara belia dengan pelbagai program pembangunan seperti yang digariskan oleh dasar, golongan belia mampu menjadi satu tenaga ekonomi, sosial dan politik yang disegani lagi dihormati. Malah, dasar belia yang dibentuk oleh pemerintah mempunyai harapan dan matlamat yang sama. Namun, hakikatnya tidak semua belia bersedia dan mahu seiringan dengan hasrat murni itu. Ada yang ketinggalan, keciciran dan tidak kurang yang menolak sama sekali program yang disediakan dengan memilih cara mereka sendiri bagi menyalurkan tenaga dan potensi diri. Tindakan yang mereka ambil, perilaku dan pekerti yang ditonjolkan dan nilai yang dipegang oleh sebahagian dari belia tersasar dari yang diharapkan oleh dasar. Ertinya, terdapat kelompangan dalam dasar belia itu bilamana sasaran matlamat yang diharapkan tidak sejajar dengan realiti, masalah dan cabaran yang dihadapi oleh sebilangan besar belia seperti yang dibuktikan oleh statistik polis dan lain-lain institusi pengawasan, pencegahan dan pemulihian untuk belia yang ditaja kerajaan. Pada satu sudut yang lain pula dapat di mengertikan bahawa sekumpulan belia ini berada dalam konflik. Mereka berkonflik dengan persekitaran sosial, struktur dan dalam diri sendiri. Untuk membawa kumpulan ini bersama dalam proses pembinaan negara bangsa pada masa tertentu memerlukan pendekatan baru. Pendekatan transformasi konflik mengutarakan cara alternatif melihat, mentafsir dan mengartikulasikan kelemahan atau unsur negatif kepada yang lebih bersifat konstruktif berdasarkan nilai, keyakinan dan ideologi baru membangunkan keupayaan dan potensi manusia.

Kata kunci: Belia, Penyertaan, Transformasi Konflik, Pendayaupayaan, Modal Insan

ABSTRACT

The idea to boost up youth dignity is well prescribed and embedded in the National Youth Policy. This policy which has been given new spirit since a decade ago is still relevant in line with the focus of the country in managing and generating human capital. The national statistic has shown that youth has the potential to contribute to the human capital development. Therefore, if there is effective effort initiated to blend youth with development programmes as underlie by the policy, they are able to become the economic, social and political force reckoned and respected by others. In fact, the policy on youth developed by the

state has its own aspiration and goals. However, in reality not all youth are prepared and want to be together with this noble aspiration. Some are left behind, dropout, and there are also some who totally rejected the programmes available for them, instead choosing their own way to channel their potential and energy. This actions, behaviour and character showed by them and the values that some of them hold are sidetracked from policy. This means that there is a discrepancy in youth policy when the targeted goal is not in line with the reality, problems and challenges faced by many youths as proven by the police statistic, and other governmental-sponsored preventive and rehabilitative institution. In another point of view, it can be made to understand that this group of youths is in a conflict position. They are conflicting with their social environment, structure and in oneself. To bring this group in the nation building process, it needs new approach. Transformational conflict approach offer an alternative way to see, interpret and articulate weakness or negative elements of youths to a more constructive perspective based on values, confidence and new ideology for developing their capacity and human potential.

Key words: Youth, Participation, Transformational Conflict, Empowerment, Human Capital

PENGENALAN

Dasar Pembangunan Belia Negara telah melalui evolusi yang sederhana. Mula diperkenalkan pada tahun 1985, dasar ini 'digubah semula' pada tahun 1997. Ia merupakan satu dasar sosial bagi golongan belia di negara ini yang mencakupi mereka yang umur 15 hingga 40 tahun. Pentakrifan belia berdasarkan lingkungan umur seumpama ini agak berbeza berbanding dengan definisi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Pertubuhan antarabangsa ini mendefinisikan belia sebagai individu yang berumur antara 15 hingga 24 tahun. Kadang kala, definisi yang berasaskan umur sebegini kurang tepat dan mengelirukan. Oleh kerana jarak umur yang terlalu melebar, menganggap belia itu sebagai satu entiti, tidak dapat memberi gambaran yang tepat mengenai identiti diri, keperluan dan masalah serta cabaran bagi kumpulan kategori sosial ini. Dalam bidang psikologi perkembangan pula, terdapat dua kategori umur yang terletak di bawah label belia iaitu remaja dan dewasa. Malah bagi kategori remaja boleh dibahagikan kepada remaja awal (12-14 tahun), remaja pertengahan (15-17 tahun) dan lewat remaja (18-19 tahun). Dewasa adalah mereka yang berumur 20 tahun ke atas. Pengkategorian berasaskan umur begini menunjukkan terdapatnya perbezaan fizikal, kognitif dan emosi dalam kalangan pelbagai kategori umur belia itu. Oleh itu, realitinya akan terdapat perbezaan dan kelainan keperluan, masalah, tanggapan, jangkaan dan cara melihat sesuatu dari kalangan pelbagai peringkat umur belia itu.

DEMOGRAFI BELIA NEGARA

Berasaskan dokumen rasmi kerajaan, iaitu Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) dan Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), penduduk belia yang berumur 15-24 tahun telah meningkat daripada 3.58 juta dalam tahun 1990 kepada 3.97 juta orang pada tahun 1995 dengan kadar pertumbuhan 2.1 peratus setahun. Angka ini terus meningkat kepada 4.37 juta

orang pada tahun 2000, dan bertambah lagi pada tahun 2005 kepada 4.98 juta orang. Begitu juga keadaannya bagi kumpulan umur antara 25-39 tahun yang menunjukkan pola pertambahan mulai tahun 1990 kepada 2005 (3.99 juta orang tahun 1990; 4.85 juta orang tahun 1995; 5.4 juta orang tahun 2000 dan terus meningkat kepada 5.83 juta orang tahun 2005). Walau bagaimanapun, belia yang berumur 15-39 tahun membentuk 42.6 peratus keseluruhan penduduk Malaysia pada tahun 1995, dan menurun sedikit kepada 41.9 peratus pada tahun 2000, dan seterusnya kepada 23 peratus bagi tahun 2005. Dengan mengambil kira belia sebagai mereka yang berusia antara 15-40 tahun (mengikut definisi kementerian), ertiya jumlah kohot umur ini telah meningkat daripada 2.7 juta orang pada tahun 1991 kepada 10.1 juta orang pada tahun 2000. Dalam tempoh yang sama kumpulan belia yang berumur 25 hingga 40 tahun membentuk 23.4 peratus (1991) dan 23.6 peratus (2000) dari keseluruhan jumlah penduduk negara pada masa itu yang masing-masing berjumlah 17.6 juta dan 23.2 juta (JPN, 1995).

Dari aspek pecahan mengikut jantina pula perbezaannya tidaklah begitu ketara. Daripada jumlah 9.85 juta orang belia pada tahun 2000, sebanyak 50.6 peratus (4.99 juta) adalah lelaki berbanding 49.4 peratus adalah wanita. Pecahan peratusan ini berubah sedikit lima tahun kemudiannya. Pada tahun 2005, jumlah belia di negara ini meningkat kepada 11.10 juta orang yang terdiri daripada 5.6 juta (50.5%) lelaki dan 5.5 juta (49.5%) adalah wanita (JPN, 2000). Jika dibandingkan demografi belia sepuluh tahun sebelumnya, terdapat sedikit perubahan dalam peratusan jumlah belia wanita dan lelaki. Mengikut Banci Penduduk 1991, belia lelaki dalam lingkungan umur 25 hingga 40 tahun mencatatkan 50.3 peratus berbanding belia wanita 49.7 peratus (JPN, 1995), sedangkan bagi lingkungan umur 15 hingga 24 tahun pula mencatatkan jumlah yang sama.

Jumlah bilangan belia agak signifikan dalam konteks keseluruhan penduduk Malaysia sejak tahun 2000. Mengikut Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, yang juga memberi perhatian kepada kumpulan kohot umur ini, mencatatkan bahawa belia yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 39 tahun menyumbang sebanyak 42 peratus (9.85 juta orang) daripada keseluruhan penduduk pada tahun 2000 (23.49 juta). Peratusan ini merosot sedikit pada tahun 2005 kepada 41.5 peratus. Namun, dengan purata peningkatan sebanyak 1.1 peratus setahun, dijangka jumlah belia akan meningkat kepada 11.65 juta orang pada tahun 2010. Jumlah ini merupakan 40.2 peratus dari keseluruhan jumlah penduduk yang dijangkakan pada waktu itu (28.96 juta orang) (KBSM, n.d). Secara demografinya, belia yang dikategorikan sebagai individu yang berada dalam lingkungan umur 15 hingga 39 tahun adalah signifikan dari segi angka dan jika diterjemahkan kepada sumber tenaga, belia berpengaruh secara positifnya kepada pembentukan negara baik dari aspek politik (pengundi), sosial (perpaduan) dan ekonomi (modal insan).

DASAR BELIA NEGARA – SATU ULASAN TEORITIS PERSPEKTIF PEMBANGUNAN SOSIAL

Usia dasar ini sudah mencapai 24 tahun sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 1985. Dasar ini yang dikaji semula pada tahun 1997 menjadi asas kepada perancangan dan pembangunan belia negara ini. Beberapa prinsip yang digariskan oleh dasar pertama itu menjadi panduan kerja belia (*youth work*) di negara ini. Lima prinsip teras itu adalah (i) berpegang teguh kepada Rukun Negara; (ii) mendukung semangat perpaduan, kesukarelaan dan kebebasan; (iii) mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang berkualiti dan bertanggungjawab; (iv) menggalakkan penyertaan dalam perancangan negara; (v) mempunyai nilai moral yang tinggi dan sikap yang mementingkan kesihatan dan

kecergasan diri; dan (vi) mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam semua bidang yang relevan. Dasar Belia 1985 yang dirangka dan dijangka dapat diamalkan oleh pelbagai peringkat itu, dikatakan kurang pragmatik kerana dapat dilaksanakan di kalangan pemegang kepentingan (*stakeholder*) peringkat atasan sahaja seperti Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Belia Malaysia dan cuma beberapa organisasi pertubuhan belia sahaja. Dasar ini dikaji semula pada tahun 1997. Setelah melalui beberapa tahap dan proses penggubalan yang melibatkan semua peringkat pemegang kepentingan termasuklah belia dari peringkat bawah (organisasi dan perkumpulan), akhirnya pada 8 Disember 1997, dasar baru yang dikenali sebagai Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN) telah diisyiharkan oleh Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, selaku Menteri Kementerian Belia dan Sukan pada ketika itu.

Dasar belia yang diperkenalkan oleh pemerintah mempunyai hasrat yang tersirat dan tersurat. Satu hakikat yang tidak dapat dinafikan, dasar belia ini seperti juga dasar sosial lain yang diperkenalkan boleh dianggap sebagai satu instrumen penting kerajaan bagi menyokong dasar ekonomi yang sedia ada untuk memacu tenaga manusia muda ke arah menjana pertumbuhan ekonomi agar matlamat pembangunan dapat dicapai. Sungguhpun dasar ini boleh dianggap sebagai pelengkap kepada dasar ekonomi sebagai dasar teras negara, tetapi ia tidak dianggap terlalu sekunder atau ‘residual’ sifatnya oleh kerajaan. Malah, kewajaran kerajaan meneliti semula dasar ini setelah sebelas tahun diperkenalkan, menunjukkan peri pentingnya dasar ini dan liputan ‘pemakaian’nya pada ketika itu dan masa depan. Hal ini kerana dasar tersebut mempunyai liputan ‘klien’ yang besar, terutamanya apabila jumlah belia Malaysia mencapai angka 3.97 juta pada tahun 1995, meningkat kepada 11.10 juta orang pada tahun 2005, dan dijangka mencapai angka 11.65 juta pada tahun 2010. Malah DPBN (1997) yang bermatlamat mewujudkan belia yang memiliki peribadi yang bersepada dari segi rohani, akal dan jasmani, bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara, merupakan satu gagasan yang mahu menjadikan belia sebagai rakan utama dalam pembinaan negara.

Dasar belia ini adalah satu instrumen yang mengacukan, membentuk dan memodelkan belia mengikut citra rasa pemerintah. Meskipun penggubalan dasar ini melibatkan beberapa tata kerja teknikal dengan kerjasama beberapa pihak pemegang kepentingan, termasuk organisasi belia yang mewakili ‘klien’ mereka, namun proses penghasilannya lebih bersifat berpandu dan terarah dari pihak atasan melalui Majlis Perundingan Belia Kebangsaan dan ‘broker’nya, Majlis Belia Malaysia. Sudah menjadi kelaziman dalam perancangan yang bersifat atas-bawah ini, matlamat yang ingin dicapai dan cara bagaimana mencapainya, banyak ditentu dan disesuaikan bagi memenuhi hasrat kepentingan pemerintah. Kepentingan klien yang mengambil bentuk sebagai keperluan (*felt needs*) dari kaca mata belia sendiri, boleh menjadi perkara ‘residual’ dalam perbincangan besar pembentukan dasar. Ia boleh menjadi semakin tidak penting langsung, sekiranya perwakilan belia yang mewakili organisasi belia gagal menyuarakan kepentingan itu dalam pelbagai peringkat membuat keputusan dalam kerangka perkongsian kuasa antara pelbagai peringkat pemegang kepentingan yang sedia ada.

Namun dalam kerangka struktur kuasa yang bersifat birokratik, kuasa rundingan dalam kalangan belia agak terhad, sehingga boleh memungkinkan suara, kepentingan dan hasrat mereka tidak mendapat perhatian besar dalam perancangan dan penggubalan dasar. Namun, ini tidaklah pula bermakna belia atau perwakilan mereka terus diketepikan sama sekali dalam proses penggubalan dasar ataupun dalam mana-mana perancangan. Ini

kerana kebijakan mereka dijamin dan dipelihara oleh dasar berkenaan seperti yang digariskan oleh pelan tindakan dan strategi mencapainya. Lapan strategi yang digariskan dalam Dasar Pembangunan Belia Negara iaitu (i) menyediakan program keilmuan dan latihan untuk belia; (ii) mengukuhkan program pembangunan kepimpinan dan siasah untuk membina kekuatan diri; (iii) memantapkan program latihan kemahiran dan keusahawanan belia; (iv) mengupayakan pertubuhan belia supaya menarik minat rakan belia yang lain; (v) menyediakan peluang dan kemudahan sosial dan ekonomi; (vi) meningkatkan semangat kesukarelaan dan patriotik di kalangan belia; (vii) memberi kefahaman generasi belia dengan konsep globalisasi dan jalinan hubungan dengan pihak luar; dan (viii) menyediakan prasarana dan mekanisme bagi penyelidikan belia. Kesemua strategi yang digariskan ini menjaga kepentingan dan kebijakan belia. Kerajaan percaya golongan belia adalah merupakan aset manusia, daya manusia, dan modal insan yang berpotensi untuk diolah dan di manfaat bagi menjana kemakmuran dan pembangunan negara.

Di sebalik semua ini adalah pertimbangan ekonomi. Belia, setelah mengikuti latihan dan program yang disediakan oleh kerajaan, mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi penglibatan mereka secara langsung dalam pasaran ekonomi terbuka, sama ada sebagai pekerja mahir atau separuh mahir. Oleh itu, belia adalah unit pengeluaran yang berpengetahuan dan berkemahiran. Mereka adalah ‘*k-workers*’. Matlamat dasar belia negara selain daripada membentuk keperibadian generasi muda, hasrat menjadikan belia sebagai penggerak atau penjana kemajuan (ekonomi) sangat jelas. Ertinya di sini, perspektif pembangunan sosial belia sudah berganjak dari yang hanya berorientasikan memberi perkhidmatan dan berdasarkan penggunaan (*consumption-based*) kepada program sosial yang mengarah dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi. Oleh itu, pendekatan pembangunan sosial tidak hanya tertumpu kepada aspek menyediakan perkhidmatan sosial bagi menjaga kebijakan belia (sebagai tanggungjawab sosial tradisional yang lazimnya dilaksanakan oleh pihak pemerintah), tetapi meningkatkan keupayaan (*capacities*) mereka (belia) yang memerlukan bagi membolehkannya menyertai sama dalam persekitaran ekonomi yang produktif.

Membina pusat-pusat kemahiran dan latihan belia yang bertujuan memberi ilmu pengetahuan bukan sahaja boleh dianggap sebagai menyediakan kemudahan sosial kepada belia tetapi program sosial seumpama ini meningkatkan penyertaan ekonomi generasi muda untuk menyumbang kepada kemajuan atau pembangunan. Hal inilah yang dapat dikaitkan bahawa pendekatan pembangunan sosial itu sebagai satu pelaburan sosial dan ia merupakan satu pendekatan produktiviti dalam polisi sosial (Midgley & Sherraden, 2000; Midgley, 1999; Esping-Anderson, 1990; Gilbert, 1983).

Strategi pertama, ketiga dan kelima dalam DPBN mendukung nilai, pegangan dan andaian yang dinyatakan di atas tadi. Dengan menyediakan program keilmuan dan latihan untuk belia, memantapkan program latihan kemahiran dan keusahawanan belia dan menyediakan peluang dan kemudahan sosial dan ekonomi keupayaan belia dapat dipertajam dan diperluaskan. Apabila belia dilengkapkan dengan kemahiran, pengetahuan, ilmu keusahawanan dan pengalaman latihan, pendekatan pembangunan sosial mempercayai bahawa belia tadi dapat menyertai sama dalam arena ekonomi produktif atau dikenali umum sebagai ekonomi pasaran bebas. Juga, adalah dipercayai bahawa menerusi penyertaan dalam arena ekonomi terbuka inilah juga golongan belia dapat memenuhi keperluan sosial mereka, bilamana hasil usahanya itu mendapat pulangan dalam bentuk gaji atau upah. Kesejahteraan ekonomi mengarah pula kepada

kesejahteraan sosial yang meningkatkan peluang belia mendapatkan rawatan kesihatan, pemakanan, pemakaian dan juga hiburan sewaktu senggang.

Peranan dan campur tangan kerajaan dalam menentu dan memperuntukkan perbelanjaan awam penting dalam menjayakan dasar sosial berteraskan pembangunan sosial ini. Walaupun negara ini bukan negara kebajikan, namun buat sekian lama, kerajaan menjadi pemain utama dalam menentukan bentuk, orientasi dan hala tuju pembangunan belia. Kerajaan memberi jaminan perbelanjaan awam mencukupi bagi memastikan kemahiran, pengetahuan, insentif sumber, peluang dan subsidi untuk memungkinkan belia dapat selesa menyertai pasaran ekonomi terbuka sebagai pekerja mahir atau separuh mahir yang bergaji tetap. Malah, dalam pelan tindakan dasar belia ini juga membayangkan kesediaan kerajaan memberi bantuan selanjutnya sekiranya terdapat belia yang berupaya menjadi usahawan dalam persekitaran ekonomi yang produktif. Usaha sama atau rakan kongsi antara pihak kerajaan dan belia inilah yang mencirikan lagi amalan perspektif pembangunan sosial untuk belia di negara ini bagi menggalakkan penyertaan ekonomi golongan muda. Sesungguhnya, dasar belia sebagai satu polisi sosial berpaksikan pembangunan sosial (*social development perspective*) yang berteraskan kepada pembangunan atau kemajuan adalah satu kerangka bertujuan memakmurkan dan memartabatkan belia sebagai modal insan negara.

REALITI DAN CABARAN BELIA.... FENOMENA ‘COUNTER’ PRODUKTIF

“Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara”. Rangkai kata ini yang popular dan dihayati sedikit masa dahulu mempunyai erti yang besar. Ia melambangkan kuasa yang boleh dilakukan oleh generasi belia untuk mencapai kebaikan, kemajuan dan kesejahteraan diri mereka serta menyumbang kepada nusa dan bangsa. Dasar belia yang diperkenalkan oleh pemerintah boleh dilihat sebagai satu usaha yang seiringan dengan harapan besar itu. Dasar yang mempunyai matlamat yang jelas dan dilengkapi dengan pelan tindakan dan strateginya adalah pengukuh ke arah pencapaian matlamat yang memberi manfaat kepada kedua belah pihak, iaitu belia dan negara (kemajuan). Ini adalah suatu yang ideal dan *utopian*. Realitinya, generasi muda berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran.

Terdapat laporan dan kajian yang memfokuskan belia pada peringkat umur persekolahan dan lepasan sekolah yang menunjukkan mereka banyak menghadapi masalah. Kebanyakan daripada mereka adalah pada peringkat perkembangan lewat remaja (18 hingga 19 tahun) dan remaja pertengahan (15 hingga 17 tahun). Mereka berhadapan dengan krisis identiti dan gagal menyalurkan potensi diri ke arah tindakan yang lebih bermanfaat. Gengsterisme adalah fenomena baru dalam sistem pendidikan moden. Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, membuktikan fenomena kurang sihat tersebut pernah berlaku di kalangan pelajar sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Walaupun kejadian gengster berlaku di luar kawasan sekolah, tetapi ia melibatkan pelajar sekolah dan orang luar.

Pelajar sekolah menengah juga terlibat dalam jenayah dan tingkah laku anti sosial seperti tingkah laku lucah, ugut, ponteng sekolah, kurang sopan, tidak jujur dan lain-lain perlakuan salah laku (Rozumah, et.al., 2003). Ia berlaku di sekolah bandar dan juga luar bandar. Salah laku yang kerap berlaku seperti yang dipersetji oleh pelajar sekolah adalah pergaduhan, bertengkar, penyalahgunaan dadah, buli, berjudi dan dera. Kajian tersebut juga mendapati bahawa separuh daripada pelajar yang ditemui mempersepsi dan mengakui mereka pernah

terlibat dengan salah laku tersebut. Malah dalam sesi kumpulan perbincangan berfokus bersama pelajar dan guru, kajian juga mendapati bahawa terdapat segelintir pelajar perempuan yang mendapat bayaran kerana mengizinkan diri mereka diraba. Masalah berkaitan belia seumpama ini bukannya baru. Hampir 17 tahun yang lalu, Menteri Perpaduan Nasional dan Pembangunan Masyarakat, Napsiah Omar, pernah menyatakan bahawa salah laku dalam kalangan belia adalah tinggi dan menakutkan (Berita Harian, 3 Feb 1992). Dalam tahun 1988, sejumlah 3,978 kes telah dilaporkan, 4,111 kes dalam tahun 1989, 3,763 kes dalam tahun 1990 dan 2,658 kes dalam tahun 1991. Terkini, kajian yang dilakukan di kalangan remaja di kawasan bandar menunjukkan bahawa kategori salah laku ke atas diri sendiri seperti lari dari rumah, ikut orang yang tidak dikenali dan terutamanya *dating* masih merupakan gejala kurang sihat yang banyak melibatkan belia dalam lingkungan perkembangan lewat remaja (Asnarulkhadi et.al., 2008).

Satu lagi gejala sosial yang boleh membentuk ke arah patologi sosial, jika tidak dipantau, ialah budaya lepak. Gejala ini banyak dikesan di kalangan belia dalam lingkungan perkembangan remaja pertengahan (berumur 15 hingga 17 tahun) dan lewat remaja (berumur 18 hingga 19 tahun). Rata-rata mereka yang terlibat dalam gejala ini adalah pelajar sekolah. Mereka berada di gedung perniagaan, pawagam dan mega mall tanpa tujuan. Gejala ini sudah wujud sekitar awal tahun 1990-an, dan satu kajian peringkat kebangsaan dilakukan terhadapnya. Ekoran daripada hasil kajian tersebut, Program Rakan Muda telah diilhamkan oleh Kementerian Belia dan Sukan pada waktu itu. Cabaran dan realiti belia seumpama itu bukannya terhad pada zaman itu sahaja. Dalam tahun 2003, Rozumah dan rakan-rakan dalam kajian mereka telah mendapati bahawa ponteng sekolah merupakan salah laku berkaitan disiplin yang kerap dilakukan pelajar. Malah di peringkat tertiar, gejala ponteng kelas berlaku dalam kalangan penuntut universiti. Cuma yang membezakannya adalah tempat di mana mereka melepak. Noremy (2006) melaporkan terdapat pelajar perempuan dari universiti tempatan yang menghabiskan masa terluang mereka ke kelab-kelab malam, pusat karaoke dan pub. Malah ada yang terlibat dengan kegiatan yang jarang dilakukan oleh belia perempuan zaman dahulu seperti minum minuman keras dan merokok. Gejala seumpama ini boleh dijangkakan lebih hebat lagi berlaku dalam kalangan mereka yang tercicir dalam pelajaran atau mereka yang telah meninggalkan alam persekolahan.

Kalau fakta di atas boleh dijadikan petunjuk, realiti sosial di kalangan belia yang tercicir persekolahan mungkin lebih hebat. Dengan kadar keciciran bagi sekolah menengah sebanyak 60,413 (14.5%) orang pelajar bagi kohort 1998/2002 dan seramai 43,586 (10.3%) orang pelajar bagi kohort 2001/2005 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006: 95), bererti mereka yang berkemungkinan terdedah kepada gejala baru ini adalah ramai. Darjah keseriusannya mungkin berbeza-beza, dan ia banyak bergantung kepada rangsangan iaitu kesediaan kemudahan tempat berpelesiran seperti pub, kelab malam dan tempat berkaraoke. Namun masih dapat dibayangkan hebatnya masalah ini, sama ada di bandar atau luar bandar, jika diambil kira kadar keciciran peringkat sekolah menengah sebanyak 10.1 peratus daripada saiz kohort di bandar dan 16.7 peratus daripada saiz kohort di luar bandar bagi kohort 2000/2005 (*ibid*).

Belia yang dianggap sebagai harapan bangsa dan tiang negara juga ada di antaranya melakukan jenayah. Menurut, statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 2003, seramai 2,562 pelajar ditangkap, dan dari jumlah ini seramai 1,429 daripada mereka didapati melakukan kes jenayah. Jumlah ini meningkat pada tahun 2004 dengan tangkapan seramai 2,710 pelajar, dan darinya seramai 1,499 orang disabitkan dengan kes jenayah (Utusan Malaysia, 12 Julai 2005). Dilaporkan pula pada tahun 2005, sejumlah 1571

orang belia yang berumur 16-18 tahun telah ditahan kerana melakukan kesalahan berkaitan (PDRM, 2007). Mengikut Ketua Polis Negara, Indeks Jenayah negara untuk Januari hingga September 2006 adalah sebanyak 170,481 kes berbanding 151, 444 kes dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya yang melibatkan penambahan sebanyak 12.57%. Daripada jumlah ini sebanyak 4,414, kes melibatkan remaja dan 1,436 kes adalah di kalangan pelajar sekolah (Utusan Malaysia, 31 Oktober 2006). Petunjuk mengenai realiti dan cabaran belia seumpama ini menakutkan.

Kini perlakuan anti sosial semakin ekstrem, malah ada aktiviti yang melewati batasan undang-undang menjadi *trend* baru untuk sesetengah belia. Berdasarkan rekod statistik jalan raya tahun 2004, belia berumur 16-25 tahun merupakan kumpulan yang banyak terlibat dengan kemalangan jalan raya (605 kes daripada jumlah 1,860 kematian) (Utusan Malaysia, 8 Jun 2004). Mereka adalah yang terlibat dengan lumba motor haram atau lebih dikenali sebagai “merempit”. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji tempatan pada tahun 2004, telah mengenal pasti mereka yang terlibat dengan aktiviti ekstrem adalah belia berumur antara 18 hingga 22 tahun dan 23 hingga 27 tahun (Berita Harian, 21 Oktober 2004). Fakta ini diperkuahkan lagi oleh statistik Unit Trafik Bukit Aman yang melaporkan bahawa terdapat 334 kes kemalangan motosikal yang melibatkan kematian sehingga lima bulan pertama tahun 2007 dicatatkan oleh golongan belia berumur 16 hingga 20 tahun (Utusan Malaysia, 11 Julai 2007).

Penyalahgunaan dadah masih lagi merupakan ancaman besar di kalangan golongan belia. Menurut Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), pada tahun 2008, bagi tempoh 7 bulan pertama, dilaporkan seramai 5,396 orang golongan belia yang berumur di antara 19-39 tahun yang dikesan menagih dadah (AADK, 2008). Angka ini merupakan 67.9% dari jumlah penagih (7,948 kes) yang dikesan dalam tempoh itu. Seperkara lagi daripada statistik yang dikeluarkan oleh AADK, dilaporkan sebanyak 18.96 peratus (1,507 orang) dari jumlah penagih ini terdiri daripada mereka dalam lingkungan umur produktif, iaitu antara 25 hingga 29 tahun. Menurut laporan itu lagi, sepanjang tempoh tujuh bulan pertama 2008, peratus pelajar sekolah yang terbabit dalam penyalahgunaan bahan ini mengikuti peratusan tertinggi adalah peringkat PMR (41.12%), SPM (33.63%), STP (1.33%), Persijilan (1.13%), Diploma (1.09%) dan Ijazah (0.12%). Semua fakta ini adalah petunjuk mengenai keseriusan gejala dadah dalam kategori umur belia yang diterima pakai secara rasmi di negara ini.

Berdasarkan senario yang dinyatakan di atas, pada ketika ramai yang menganggap belia, sama ada pelajar, remaja atau dewasa adalah insan yang bertenaga, berkekerti baik dan mempunyai potensi diri yang menyumbang kepada pembangunan diri, bangsa dan negara, sebenarnya terdapat sebilangan mereka yang berhadapan dan bergelumang dengan masalah. Terjebaknya golongan belia dalam kegiatan yang dianggap sebagai pelencongan sosial ini merupakan satu pembaziran tenaga, wang, potensi dan daya manusia. Pendek kata, di sebalik usaha murni yang digagaskan oleh dasar belia negara bagi membina modal insan yang bernilai, penglibatan sesetengah belia dalam kancah penyalahgunaan dadah, jenayah, keciciran pendidikan, kesalahan lalu lintas dan lain-lain aktiviti anti sosial adalah merupakan satu perlakuan ‘counter’ produktif yang memerlukan strategi baru mendekati permasalahan ini.

PENDEKATAN TRANSFORMASI KONFLIK SEBAGAI PENDEKATAN ALTERNATIF MENYANGGA POTENSI BELIA

Transformasi konflik- menukar kerugian, memulihara hubungan

Perlakuan ‘counter’ produktif yang tidak bermanfaat adalah satu tingkah laku yang menyongsang arus. Golongan belia ini berada dalam satu keadaan konflik. Ia boleh berlaku di taman perumahan, blok kediaman, kawasan kilang, kampung dan seumpamanya. Namun, tidak semua belia negara yang terlibat dalam gejala yang tidak bermanfaat. Belia berkonflik dengan masyarakat umum, komuniti tempatan, institusi-institusi sosial tempat mereka tinggal apabila mempunyai tanggapan dan nilai yang berbeza dengan jangkaan dan tingkah laku yang mereka lakukan. Secara tidak langsung, walaupun konflik itu tidak nyata atau abstrak sifatnya, namun perlakuan belia yang bertentangan dengan nilai atau prinsip yang dipegang oleh kumpulan belia yang melakukan dan mengikuti aktiviti sihat menggambarkan mereka berkonflik dengan persekitaran dan tuntutan yang digagaskan oleh dasar belia negara itu sendiri. Konflik wujud melibatkan dua pihak, iaitu belia di satu pihak dengan institusi sosial dan persekitarannya yang mempunyai jangkaan tertentu, di pihak yang lain. Ini bererti, belia berada dalam dua keadaan konflik, iaitu konflik struktur dan diikuti oleh konflik hubungan. Secara ringkasnya, konflik berlaku bilamana wujud pertembungan tanggapan, jangkaan dan harapan di antara dua pihak itu, sehingga membentuk “penglaben” oleh satu pihak ke atas pihak yang lain. Konflik yang diasaskan oleh struktur ini melemahkan hubungan atau interaksi sosial antara dua pihak itu seterusnya. Malah, boleh dihujahkan bahawa konflik hubungan mengukuh dan dikukuhkan lagi oleh konflik struktur sehingga ikatan sosial antara belia yang berisiko (mereka yang melakukan perbuatan tidak bermanfaat dari sudut pandangan majoriti) dengan masyarakat umum atau majoriti menjadi renggang. Selain itu, belia yang terjebak dengan gejala kurang sihat juga berhadapan dengan konflik dalaman, iaitu konflik dalam diri sendiri yang melibatkan persaingan membentuk identiti diri dengan memenuhi tuntutan sosial di sekeliling mereka. Pendek kata, belia berada dalam tiga keadaan konflik iaitu konflik struktur, konflik hubungan dan konflik dalaman. Ketiga-tiga konflik ini saling berkaitan dan mempengaruhi tingkah laku serta sikap belia yang berkonflik.

Namun, pendekatan transformasi konflik melihat konflik yang wujud bukan satu penghalang kepada perubahan (Garcia, 2006; Mitchell, 2002; Lederach, 1997). Sebaliknya, tindakan yang wajar dilakukan adalah mengenal pasti punca konflik itu dan mengubah unsur atau elemen negatif kepada yang lebih bersifat konstruktif, seperti mana yang ditakrifkan,

“Conflict transformation can be defined as “... actions and processes which seek to alter the various characteristics and manifestations of conflict by addressing the root causes of a particular conflict over the long term. It aims to transform negative destructive conflict into positive constructive conflict and deals with structural, behavioural and attitudinal aspects of conflict. The term refers to both the process and the completion of the process.”
(Austin et al. 2004, pg.464-465)

Oleh itu, konflik yang sering dianggap oleh perspektif tradisional sebagai gangguan yang merosakkan hubungan dalam komuniti (Faure, 2000: 163), persatuan atau organisasi,

sewajarnya tidak dianggap sebagai yang memusnahkan dari perspektif transformasi konflik. Dalam hal ini, isu yang penting bukannya menghukum atau menyisihkan mereka yang melakukan perbuatan menyongsang arus atau menimbulkan tingkah laku yang mencabar norma atau nilai yang diterima umum. Sebaliknya, usaha hendaklah dicari bagi menyelesaikan konflik yang timbul dengan mengembalikan semula hubungan baik dengan pihak yang dianggap menimbulkan konflik itu. Justeru itu, dalam perspektif transformasi konflik, hukuman sama ada dalam bentuk meminggirkan belia, melabelkan mereka atau merencanakan program khas, bukannya penyelesaian muktamad. Tetapi sebaliknya, mereka wajar diberi peluang dan ruang, memperakukan mereka yang devian itu masih berpengetahuan, memiliki kemahiran dan bakat yang baik, dan sewajarnya diintegrasikan dalam satu tindakan yang bersepada dengan persatuan, pemimpin tempatan, pentadbir peringkat kampung, daerah, negeri dan nasional. Ini boleh berlaku dalam tahap-tahap kerja atau peranan seperti mengenal pasti masalah, menentukan keperluan, memutuskan matlamat (*goal*), merancang aktiviti, menentukan strategi dan melaksanakan apa yang diputuskan bersama. Usaha pemuliharaan keadilan (*restorative justice*) bagi belia seumpama ini, seharusnya di tanggap sebagai “pengganti kepada kerugian, dan bukannya dendaan terhadap kesalahan” (Zartman, 2000: 222) yang dilakukan oleh belia dalam perspektif transformasi konflik ini.

Metodologi: Penyertaan turut-serta dan dialog

Terdapat pelbagai metodologi yang boleh digunakan untuk mengenal pasti akar atau punca masalah konflik. Antaranya yang boleh dicadangkan adalah penyertaan turut-serta (*participatory approach*), dan teknik yang popular ialah dialog. Penyertaan turut-serta menuntut semua pemegang kepentingan (*stakeholder*) sama terlibat dalam membuat keputusan yang memberi kesan mereka. Sifat penyertaan yang tidak berat sebelah ini menghasilkan keputusan yang lebih adil, dan justeru itu meminimumkan konflik antara beberapa pihak yang terlibat. Teknik dialog yang biasanya diguna “bersama menganjurkan” pula hubungan dua hala antara dua pihak berkonflik, iaitu golongan sasaran (belia) di satu pihak dengan persatuan, pemimpin tempatan, pemimpin kampung dan seumpamanya di pihak yang lain. Semasa dialog inilah perbincangan, persetujuan dan keputusan kolektif dicapai dan ditentukan oleh belia. Melaluinya juga belia dapat belajar menyuarakan pendapat, membuat proses tawar menawar, berkompromi ataupun membuat desakan. Kesemua ini mengizinkan belia belajar mengetahui persekitaran struktur sosiopolitik di mana mereka berada dan mengartikulasikannya menerusi penglibatan mereka bagi mencapai kepentingan dan keperluan yang dihajati. Peranan pekerja komuniti (*community worker*) atau pekerja belia (*youth worker*), sama ada pemimpin belia tempatan, daerah atau negeri maupun pemimpin tempatan adalah bertindak sebagai pemudah cara (fasilitator) mengendalikan perbincangan, forum atau sesi cambah minda (*brain storming*) dalam dialog. Dalam hubungan dua hala itu, kedudukan pekerja komuniti atau pekerja belia bukanlah sebagai pemegang kuasa dan belia berisiko atau bermasalah pula sebagai mereka yang tiada berkuasa. Sebaliknya, dalam dialog, kedudukan antara kedua belah pihak berada dalam hubungan subjek-subjek, kerana dalam perspektif transformasi konflik tidak berlaku apa yang dinamakan ‘satu pihak akan hilang kuasa apabila pihak lain berjaya mengetengahkan atau mengutamakan idea atau keputusannya’. Falsafahnya adalah mencari kekuatan dalam perselisihan atau pertembungan yang merugikan lalu membina kekuatan yang seadanya itu kepada suasana (atau aktiviti) yang lebih konstruktif. Menerusi metod ini, sedikit potensi diri positif belia yang ada dapat disangga (*leveraged*) supaya perlahan-lahan dipupuk, dipertajam dan diperkembangkan sehingga timbul rasa

tanggungjawab ke atas diri dan tindak-tanduk mereka. Pendekatan dan metod seumpama ini telah dibuktikan oleh beberapa pengamal pekerja belia seperti Morgan, et.al (2004), Mordock dan Krasny (2001), Chambers (1999), Freudenberg (1999), Bailey dan Ward (1991), Mullender dan Ward (1991), Ward dan Mullender (1991) dan Gaventa (1988).

Ideologi pembangunan sosial atas-bawah menyangga potensi belia

Pendekatan transformasi konflik dan metode dialog adalah berasaskan ideologi pembangunan sosial “bawah-atas”. Selaras dengan namanya itu, sememangnya keutamaan diberikan kepada mereka yang ingin dibangunkan, iaitu belia. Pendekatan pembangunan sosial “atas-bawah” adalah berpaksikan klien. Ini bermakna klien (belia) adalah pemegang kepentingan utama (*primary stakeholder*). Untuk membangunkan golongan belia yang berisiko dan berkonflik, dari segi praktis, mereka dianggap dan diterima sebagai pemberi maklumat, perancang, pembuat keputusan, pelaksana, pembentuk strategi, penerima faedah, pemantau dan penilai bersama-sama pemegang kepentingan yang lain. Ini bermakna penyertaan mereka dalam membangunkan aktiviti (atau program pada peringkat yang lebih tinggi) untuk memenuhi keperluan mereka tidak dijayakan secara ‘*adhoc*’, malah belia itu sendiri terlibat dalam membuat taksiran kejayaan usaha yang dilakukannya. Meningkatkan akauntabiliti belia secara berperingkat-peringkat bermakna memberi pengiktirafan kepadanya, diikuti dengan peningkatan harga diri yang sesungguhnya mampu membina semula hubungan sosial, sikap dan tingkah laku mereka yang sebelum ini berada dalam suasana konflik.

Bagi melaksanakan pendekatan transformasi konflik untuk menyangga potensi belia ia banyak bergantung kepada cara kerja di kalangan pengamal kerja belia selaku golongan profesional yang kerap berdamping dengan kumpulan umur ini. Selain itu, pemimpin komuniti, ketua adat, ketua agama, serta pemimpin belia juga berperanan besar boleh melakukan anjakan atau transformasi ini khususnya bagi kumpulan yang berisiko. Cuma pendekatan ini menuntut keyakinan bahawa setiap insan mempunyai kebaikan, walaupun sedikit, yang perlu digilap dengan penuh kesabaran (*patience*), ketekunan (*diligence*) dan ‘*passion*’. Keyakinan itu adalah tentang pegangan bahawa potensi manusia adalah daya manusia. Daya manusia boleh diperkembangkan dan diperluaskan. Proses meningkatkan daya manusia (belia) inilah yang dinamakan pendayaupayaan. Belia yang diberi dan digalakkan melibatkan diri dalam tindakan sosial membawa perubahan dalam hidup mereka sama ada bagi memenuhi keperluan atau menangani masalah yang dihadapi, juga dapat meningkatkan daya dan potensi diri. Dengan dibantu oleh fasilitator, mereka dapat mempelajari mengenal pasti keperluan atau masalah, memahami konteks masalah, merancang mengambil tindakan, merangka strategi, membuat keputusan, mencari dan mengelolakan sumber serta melaksanakan apa yang telah diputuskan. Menerusi proses inilah pengalaman, kebolehan, kemahiran dan pengetahuan bertambah, sekali gus meningkatkan daya atau potensi diri. Tegasnya, dari segi teori praktis, pembangunan sosial “bawah-atas” menerusi pendekatan transformasi konflik yang didasarkan kepada metod penyertaan turut-serta boleh mendaya upayakan belia. Ideologi inilah yang banyak dipegang oleh pengamal kerja komuniti sekitar tahun 1990-an, malah sehingga sekarang seperti Barr (1995), Parsons (1991), Adams (1990) dan Zimmerman dan Rappaport (1988). Menurut Adams (1990), “[empowerment]can be defined as the process by which individuals, groups and/or communities become able to control of their circumstances and achieve their own goals, thereby being able to work towards maximising the quality of life” (hal. 43).

Output transformasi konflik ialah apabila belia secara individu atau secara kolektif dalam kumpulan berjaya menunjukkan kebolehan dan kemampuannya memahami, menginterpretasikan masalah dan/atau keperluan dan kemudiannya membuat

keputusan serta bertindak sesama mereka dengan menyertai rundingan, membuat tuntutan, atau desakan mahupun mempengaruhi sesuatu keputusan yang terarah kepada membawa perubahan (kemajuan) dan menjaga kepentingan mereka. Dalam konteks inilah belia berupaya menentukan hala tuju dan corak perubahan yang dihasratkan sesuai dengan suasana persekitaran sosiopolitik kehidupan mereka. Inilah hasil potensi manusia yang telah disangga dengan tulus, berhikmah dan menepati citra rasa klien sendiri. Kejayaan belia memenuhi keperluan dan kepentingan mereka tidak melibatkan pengambilan hak orang lain. Ia tidak melibatkan transaksi ‘zero-sum-game’. Tiada siapa yang rugi dan tiada siapa yang hilang kuasa dalam hal ini. Malah apabila belia dapat menguasai persekitaran hidup dan bertindak bebas tanpa rasa khuatir, takut atau cemas, sebaliknya lebih bebas dan matang dalam mengambil tindakan, bererti mereka telah mencapai tahap komuniti yang berdaya upaya (Asnarulkhadi, 2005). Belia yang berdaya upaya berkemampuan melakukan dan mempengaruhi perubahan sesuai dengan keperluan yang didorong oleh rasa kebertanggungjawaban, berdikari, tolong-menolong membebaskan diri secara sukarela dari belenggu masalah. Sesungguhnya melalui pendekatan ini, kekangan konflik dalam belia dengan dirinya dan juga konflik struktur yang dialaminya, diubah pindah atau ditransformasikan kepada sesuatu yang boleh dimanfaatkan oleh belia sendiri.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Apabila dasar belia dikatakan kurang berkesan menjaga kebijakan dan kepentingan belia massa bermakna ia semacam mengetepikan belia yang berhadapan dengan masalah atau belia berisiko. Namun, kenyataan ini tidaklah pula bermaksud bahawa sesuatu polisi itu tidak berfungsi langsung apabila terdapatnya unsur-unsur ‘counter’ produktif yang bertentangan dengan hasrat dasar tersebut. Cuma perbezaan antara, status keadaan atau perkembangan yang sepatutnya dicapai atau tunjukkan oleh belia dengan status sebenar pencapaian atau keadaannya, yang diistilahkan sebagai kelompongan itu berkemungkinan disebabkan oleh pendekatan perlaksanaan membangunkan belia yang tidak berkesan dan perlu diberi perhatian. Mengaplikasikan pendekatan tradisional pembangunan sosial “atas-bawah” (*top-bottom approach*) dalam semua situasi bagi membangunkan belia boleh mengundang konflik dengan mereka. Apatah lagi belia itu sendiri (sebahagian yang bermasalah) sudah berkonflik dengan persekitaran, sosial dan struktur di tempat mereka berada.

Transformasi konflik menganjurkan satu metodologi mendaya upayakan individu yang berkonflik dengan mengubah dan memindahkan tenaga, peri laku, sifat, pegangan dan nilai yang negatif kepada yang lebih bermanfaat dengan membawa bersama mereka dalam tindakan perubahan itu. Kunci amalan kepada transformasi konflik ialah penyertaan individu atau kumpulan yang mahu dibangunkan (Schell-Faucon, 2001). Dengan menerima dan membawa mereka (belia) dalam perbincangan atau dialog terbuka untuk membangunkan ia mampu menjernihkan hubungan sosial, mengubah sikap dan tingkah laku belia. Hal ini kerana dengan meneruskan amalan ini bagi satu jangka masa yang lama oleh agen perubahan (pekerja belia, pekerja komuniti atau pemimpin tempatan) belia diberi peluang belajar tentang diri sendiri, sedar dan tahu mengenai punca konflik, kedudukan mereka dalam struktur budaya, sosiopolitik tempatan serta mencari jalan penyelesaian yang difikirkan mampu dilaksanakannya. Pendek kata, transformasi konflik mengajak pengamal pembangunan komuniti belia mengiktiraf belia yang bermasalah atau mereka yang anti-sosial sebagai sumber atau modal yang boleh di bawa ke dalam arus perdana. Justeru, pendekatan konflik membina keupayaan komuniti belia untuk

mengurus dan mengawal perubahan sejarah dengan kepentingan dan keperluan mereka menerusi perubahan institusi, amalan dan nilai (Bush & Folger, 1994; Dukes, 1996; Lederach, 1997). Ideologi transformasi konflik yang memperakukan potensi belia, walaupun sedikit, masih boleh diperkembangkan mampu menggembung dan membawa bersatu belia bagi mengubah unsur-unsur yang berkonflik kepada pembentukan keupayaan komuniti belia supaya dapat menjana komuniti belia yang sihat dan adil. Kelebihan pendekatan alternatif ini bagi memperkuuhkan kelompongan dasar belia negara terletak kepada daya penyatuannya yang mampu mendorong dan menggerakkan individu belia bersatu memajukan diri. Ini kerana transformasi konflik dikatakan sebagai prediktor utama pencapaian matlamat penyatuhan sesuatu komuniti (Chavis, 2001). Walau bagaimanapun, pendekatan ini hanya boleh dilaksanakan dengan sempurna jika kepelbagaian atau pertembungan kepentingan, keperluan, tanggapan atau nilai diberi perhatian bersama, serius dan ikhlas oleh kedua-dua pihak, iaitu pihak yang ingin dibangunkan (belia) dengan pihak agen perubahan (pemimpin belia, pemimpin tempatan dan golongan profesional) agar proses pemuliharaan dan pemulihan perhubungan, sikap dan tingkah laku belia dan penyelesaian konflik antara belia dengan pelbagai persekitaran dapat dilaksanakan dengan jayanya, justeru memperkemaskan lagi hasrat dan matlamat DPBN.

RUJUKAN

- Adams, R. 1990. *Selp-help, social work and empowerment*. London: Macmillan
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan. 2008. Laporan Dadah Julai 2008. Dimuat turun pada 8 April 2009. <http://www.adk.gov.my/download/laporan/laporanjulai.pdf>
- Asnarulkhadi Abu Samah. 2005. *Pendayaupayaan komuniti ke arah pemupukan masyarakat sivil*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kenegaraan dan Ketamadunan: Ke Arah Memahami Islam Hadhari di Malaysia Anjuran Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia dan Pusat Islam UPM, pada 18-19 Mei 2005 di Fakulti Ekologi Manusia
- Asnarulkhadi Abu Samah, Ahmad Hariza Hashim, Mariani Mansor, Mohd Ibrani Shahrimin Adam Assim. 2008. Kajian gejala sosial dalam kalangan remaja di perumahan awam DBKL. UPM: Fakulti Ekologi Manusia (tidak diterbitkan)
- Austin, A., Fische, M. and Ropers, N. (eds.). 2004. *Transforming Ethnopolitical Conflict. The Berghof Handbook*. Wiesbaden: VS Verlag
- Bailey, R. & Ward, D. 1991. *Probation supervision: Attitudes to formalised helping*. Berita Harian, 21 Oktober 2004; Berita Harian, 3 Feb 1992
- Bush, R. A., & Folger, J. P. 1994. *The promise of mediation: Responding to conflict through empowerment and recognition*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Chambers, R. 1999. *Whose reality counts?: Putting the first last*. London: Intermediate Technology publications
- Chavis, D.M. 2001. The Paradoxes and Promise of Community Coalitions, *American Journal of Community Psychology*, Vol. 29, No. 2, 2001
- Dukes, E. F. 1996. *Resolving public conflict: Transforming community and governance*. Manchester, England: Manchester University Press.
- Esping-Anderson, G. 1990. *The three worlds of welfare capitalism*. Princeton, N.J.: Princeton University Press
- Faure, G. O. 2000. Traditional Conflict Management in Africa and China. In I. William Zartman (ed.) *Traditional Cures for Modern Conflicts. African Conflict "Medicine"*, pp. 153–165. Boulder, CO: Lynne Rienner.

- Faure, G. O. 2000. Traditional Conflict management in Africa and China. In Zartman, I.W. (ed) *Traditional cures for modern conflicts. African Conflict "Medicine"*, Boulder, CO: Lynne Rienner, pp. 153-165.
- Freudenberger, K.S. 1999. *Rapid rural appraisal (RPA) and participatory rural appraisal (PRA): A manual for CRS field workers and partners*. Baltimore, MD: Catholic Relief services
- Garcia, E. 2006. Addressing Social Change in Situations of Violent Conflict: A Practitioner's Perspective. The Berghof Handbook Dialogue Series. Berlin: Berghof Research Center for Constructive Conflict Management Berghof Handbook for Conflict Transformation
- Gaventa, J. 1988. Participatory research in North America. *Convergence*, 21 (2/3), 19-27
- Gildert, N. 1983. *Capitalism and the welfare state*. New Haven, CT: Yale University Press
- Jabatan Perangkaan Negara (JPN). 1995. *Laporan Umum Banci Penduduk, Vol. 1 & 2*. Kuala Lumpur
- _____. 2000. *Banci Penduduk Tahun 2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBSM, n.d). *3 -Kepimpinan, Kemahiran, Keusahawanan- Menjana Agenda Nasional*. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Kemneterian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan. 1999. *Laporan kajian gengsterisme di sekolah menengah harian*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan dasar Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lederach, J. P. 1997. *Building Peace: Sustainable Reconciliation in Divided Societies*. Washington, D.C.: USIP Press.
- Lederach, J. P. 1997. *Resolving public conflict: Transforming community and governance*. Manchester, England: Manchester University Press.
- Malaysia. 1996. *Rancangan Malaysia Ketujuh* (1996-2000). Kuala Lumpur: Percetakan Negara
- Malaysia. 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan* (2001-2005). Kuala Lumpur: Percetakan Negara
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan* (2006-2010). Kuala Lumpur: Percetakan Negara
- Midgley, J. & Sherraden, M. 2000. The social development perspective in social policy dlm. Midgley, J. Tracy, M. B., Livermore, M. (eds.). 2000. *The handbook of social policy*. London: Sage
- Midgley, J. 1999. *Growth, redistribution and welfare: Towards social investment*. Social Service Review, 77 (1), 3-21
- Mitchell, C. R. 2002. Beyond Resolution: What does Conflict Transformation Actually Transform? in: *Peace and Conflict Studies*, Vol. 9, No. 1, 1-23. Online at <http://www.gmu.edu/academic/pcs/CM83PCS.htm>.
- Mordock, K. & Krasny, M. E. 2001. Participatory Action Research: a theoretical and practical framework for environmental education. *Journal of Environmental Education*, 32 (3), 15-20.

- Morgan, D., Pacheco, V., Rodriguea, C., Vazquez, E., Berg, M., and Schensul, J. 2004. "Youth Participatory Action Research on Hustling and Its Consequences: A Report from the Field." *Children, Youth and Environments* 14(2): 201-228.
- Mullender, A. and Ward, D. 1991. *Self-Directed Groupwork: Users Take Action for Empowerment*, London: Whiting and Birch
- Noremy Md Akhir. 2006. *Penglibatan remaja melayu di kelab malam*. Projek Ilmaih Tahun Akhir Bac. Sains (Pembangunan manusia) Fakulti Ekologi Manusia, UPM (unpublished)
- Parsons. R.J. 1991. "Empowerment: Purpose and practice in social work", *Social Work with the group*: 14, 2, 7-21.
- Polis Diraja Malaysia (PDRM). 2007. Statistik Kontigen Polis Kuala Lumpur: Bahgian Risikan Jenayah (melalui fax bertarikh 23 April 2007)
- Rozumah Baharudin, Abdullah Al-Hadi Hj Muhamed, Rumaya Juhari, Asnarulkhadi Abu Samah, Amna Md. Noor, Mansor Abu Talib dan Tan Jo Pei (2003) *Tingkah Laku Pelajar Sekolah Menengah dan Rendah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Schell-Faucon, S. 2001. *Conflict transformation through education and youth programmes*. Berlin: Berghoff Research Centre for Constructive Conflict Management.
- Ward, D. and Mullender, A. 1991. "Facilitation in Self-Directed Groupwork", *Groupwork*, 4, 2, 141-151
- Zartman, I. William. 2000(b). Conclusions: Changes in the New Order and the Place for the Old. In I. William Zartman(ed.) *Traditional Cures for Modern Conflicts. African Conflict "Medicine"*, pp. 219-230. Boulder, CO: Lynne Rienner.
- Zimmerman, M.A. dan Rappaport, J. 1988. "Citizen participation, perceived control and psychological empowerment", *American Journal of Community Psychology*, 16, 5, 725-750
- Univerisity of Nottingham: Centre for Socail Action Barr, R. 1995. "Empowering communities- beyond fashionalbe rhetoric? Some reflections on Scottish experience" dlm *Community Development Journal*, 30, 2, 121-132
- Utusan Malaysia, 11 Julai 2007; Utusan Malaysia, 31 Oktober 2006; Utusan Malaysia, 12 Julai 2005; Utusan Malaysia, 8 Jun 2004

Profil Penulis

Asnarulkhadi Abu Samah, PhD
*Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
UPM Serdang Selangor
asnarul@upm.edu.my*

Implikasi Keterlibatan Audien Belia Dengan Kempen Perpaduan Di Televisyen: Perbandingan Belia Melayu Dan Bukan Melayu

DZUHAILMI DAHALAN, NOBAYA AHMAD, NOR AZLIZA WANIS ABDULLAH,
SALLEH HASSAN, JAMILAH OTHMAN & MARIAH MUDA

ABSTRAK

Masyarakat Malaysia khususnya golongan belia sering disajikan dengan kempen-kempen perpaduan di saluran televisyen dalam negara. Ini adalah kerana televisyen dikatakan antara saluran media yang sangat berpengaruh dalam menyampaikan maklumat. Namun sejauh manakah saluran ini berkesan dalam penyampaian maklumat kempen perpaduan? Kertas ini membincangkan sejauh mana implikasi keterlibatan audiens belia di tahap pemikiran, pengetahuan dan tingkah laku setelah menonton kempen perpaduan di televisyen Malaysia dengan melihat perbandingan di antara kumpulan belia Melayu dengan belia bukan Melayu. Implikasi keterlibatan audiens belia ditakrifkan sebagai situasi di mana belia memahami dan melibatkan diri dengan kempen-kempen perpaduan yang disiarkan menerusi televisyen Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Seramai 513 orang belia di sekitar Lembah Klang dan berumur antara 15 hingga 25 tahun telah terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan di antara implikasi keterlibatan audiens belia di tahap pemikiran dan perasaan sahaja dengan kempen-kempen perpaduan di televisyen Malaysia di antara kumpulan belia Melayu dengan kumpulan belia bukan Melayu. Kajian juga menunjukkan bahawa televisyen masih lagi berperanan sebagai medium komunikasi bagi menyemai semangat perpaduan antara kaum khususnya golongan belia namun strategi penyampaian mungkin boleh diperkemas lagi dari masa ke semasa.

Kata kunci: Keterlibatan Audiens Belia, Media penyiaran, Kempen Perpaduan

ABSTRACT

The Malaysian society in particular the youths are often exposed to numerous unity campaigns in local television channels. This is because television is regarded as an influential media channel in imparting information. However, how effective are these channels in transmitting information regarding unity campaigns? This paper discusses how far the implication on the involvement of youths in their level of thinking, knowledge and behavior after watching unity campaigns in Malaysian television by comparing the differences between Malay and non-Malay youths. The implication on the involvement of youths is defined as a situation whereby youths understand and get involved in unity campaigns that were broadcasted in Malaysian television. This study used quantitative approach. As many as 513 youths in Klang Valley aged between 15 to 25 years participated in this study. The results showed that there was significant difference between implication on the involvement of youths in terms of thinking and feelings with unity campaigns in Malaysian television between Malay and non-Malay youths.

This study also showed that television is still relevant as a medium of communication to instill the spirit of unity between races particularly among the youths. However, the delivery strategy could be improved from time to time.

Keywords: *Participation of Youth Audients, Broadcasting Media, Unity Campaigns*

PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara yang pesat membangun dan mempunyai rakyat yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Dalam hal ini, perpaduan dan integrasi serta budaya toleransi adalah perkara yang begitu penting dihayati oleh setiap masyarakat Malaysia (Nazri dan Mohamad Sabri, 2005). Semua pihak bersetuju bahawa perpaduan adalah pemangkin kepada kestabilan sosial dan pembangunan sesebuah negara. Ia merupakan keperluan yang tidak dapat dipisahkan oleh mana-mana masyarakat dalam sesebuah negara (Malaysia Kita, 2005).

Pemimpin negara sejak dari Malaysia mencapai kemerdekaan sehingga kini begitu beriltizam ke arah mewujudkan sebuah negara yang harmoni, mempunyai semangat perpaduan yang mantap dan ikatan integrasi yang erat antara kaum dan wilayah. Walaupun negara kita pernah teruji dengan ‘musibah perpaduan’ suatu masa dahulu namun usaha memupuk rakyat dalam negara yang sentiasa meraikan kepelbagaian kaum tidak pernah luntur dan sentiasa dijadikan agenda nasional. Satu contoh yang baik untuk dihayati bagaimana usaha menyemai benih perpaduan antara kaum ini begitu serius sehingga menjadi agenda nasional ialah dengan wujudnya barisan kepimpinan negara kita sendiri yang terdiri daripada pemimpin pelbagai kaum.

Menurut Mohamad Zaini (2005), perpaduan di kalangan anggota masyarakat merupakan satu konsep yang bersifat abstrak dan elusif. Menurutnya lagi, ia amat sensitif kepada perubahan-perubahan seperti transformasi nilai, norma persekitaran dan kepentingan. Dalam konteks Malaysia, perpaduan negara merujuk kepada satu keadaan di mana rakyat dari pelbagai kumpulan etnik, agama dan wilayah, hidup dengan aman sebagai satu bangsa yang bersatu dengan memberi komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara¹.

Perpaduan kaum adalah satu perkara yang sangat penting dipertahankan demi menjamin kesejahteraan hidup setiap individu. Kepentingan elemen ini dalam pembangunan negara pernah ditegaskan oleh YAB Mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam satu majlis penyampaian watikah pelantikan Panel Penasihat Perpaduan Negara (Panel) dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri (JKKPN) Sesi 2007-2008 sepertimana berikut: “*Perpaduan mesti terus menjadi matlamat pembangunan negara supaya Malaysia dapat mengekalkan keamanan serta mempunyai bangsa yang maju dan berjaya*”.

Sehingga kini, kerajaan telah merangka dan memberi penekanan kepada beberapa dasar dalam bidang sosioekonomi yang menjurus kepada pemupukan perpaduan dan integrasi nasional antaranya: Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara, Dasar Wawasan Negara

¹ Mesyuarat Panel Penasihat Perpaduan Negara, Februari 1992

dan Dasar Sosial Negara. Dasar-dasar tersebut telah diperkuuhkan lagi dengan memperkenalkan ‘Rukun Negara’ sebagai ideologi kebangsaan dan usaha-usaha bagi mengurangkan tindak-tanduk politik yang boleh memecahbelahkan rakyat.

GENERASI BELIA ASAS KEPADA PEMBENTUKAN PERPADUAN

Isu perpaduan nasional tidak mungkin dapat dipisahkan tanpa fokus yang betul kepada aspek pembangunan belia kontemporari pelbagai kaum dalam negara kita. Ini kerana negara ini mempunyai sejumlah 11 juta belia atau 45 peratus penduduknya adalah ditakrifkan sebagai golongan belia (Samsudin, 2005). Kita mesti melihat realiti yang berlaku kepada golongan belia pada hari ini dan merancang untuk meningkatkan lagi kesejahteraan hidup mereka di masa depan (Samsudin, 2005).

Oleh sebab itu, kepentingan untuk menyemai benih perpaduan di kalangan belia pelbagai kaum ini berjaya dikesan oleh pemimpin terdahulu melalui pemantapan sistem pendidikan negara. Ini dibuktikan dengan terdapatnya saranan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua peringkat pendidikan sebagaimana dalam Penyata Razak dan Laporan Rahman Talib. Selain itu, walaupun kewujudan sekolah berasrama penuh, sekolah menengah kebangsaan dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) dikhuluskan kepada bangsa Melayu, namun keistimewaan ini turut diberikan kepada bukan Melayu apabila kerajaan membenarkan mereka memasuki MRSRM dan Matrikulasi dengan kuota 10% (Nazri dan Mohamad Sabri, 2005).

Untuk mencegah dari berlakunya konflik perkauman, setiap individu perlu mempunyai sikap toleransi terhadap perbezaan budaya, agama, kepercayaan dan etnik (Wendy Yee, 2008). Memang tidak dinafikan konflik perkauman melibatkan kumpulan belia di Malaysia masih wujud walaupun ia agak terkawal. Peristiwa rusuhan oleh kumpulan Hindraf di ibu kota Kuala Lumpur pada tahun 2008 yang merasakan terdapat diskriminasi kumpulan kaum minoriti selain kejadian perbalahan antara kaum di Kampung Medan pada tahun 2001 adalah antara contoh yang tidak sihat melibatkan golongan belia di Malaysia. Selain itu, kajian yang pernah dijalankan oleh Institut Pembangunan Sabah pada tahun 1994 mendapati masih terdapat isu perpaduan dan integrasi nasional yang perlu diatasi oleh negara ini. Antaranya kajian ini mendapati, fakta sejarah mengenai pembentukan Malaysia masih belum diterapkan secara kukuh terutamanya kepada generasi muda.

Sungguhpun demikian semua pihak harus melihat keadaan ini dengan perasaan penuh tanggungjawab. Hari ini dalam keadaan semua pihak mempunyai harapan yang tinggi terhadap belia agar menjadi tonggak perpaduan kaum, tidak adil kalau kita asyik menyalahkan setengah-setengah pihak sahaja sedangkan diri kita sendiri tidak mengambil bahagian sedikit pun dalam menyemai benih-benih perpaduan. Dalam pada itu, golongan belia itu sendiri perlu merasakan bahawa mereka mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sangat besar kepada masa depan negara kerana mereka adalah aset dan modal insan yang tidak ternilai. Mereka perlu memainkan peranan secara proaktif dalam memupuk semangat perpaduan yang telah disemai oleh tokoh-tokoh kemerdekaan negara pada masa lalu. Maka, golongan belia di negara kita harus diberikan kepercayaan, peluang dan bimbingan supaya potensi mereka dapat dimanfaatkan untuk kepentingan negara.

TELEVISYEN SEBAGAI MEDIA PENYAMPAIAN KEMPEN PERPADUAN MALAYSIA

Media memainkan peranan penting dalam penyampaian maklumat. Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957, media massa khususnya radio telah diberi tugas untuk mencorakkan perubahan dalam masyarakat (Md. Salleh, 2008). Media penyiaran di Malaysia melalui Perkhidmatan Penyiaran Luar Bandar, telah menyiaran program-program atau siaran-siaran khusus dalam bidang pertanian bagi membantu negara yang baru mencapai kemerdekaan pada waktu itu (Md. Salleh, 2008). Kewujudan media baru seiring dengan perkembangan ICT yang begitu pesat pada masa ini merancakkan lagi kecapaian maklumat di pihak penerima (audien).

Mc Quail (1995) dalam Samsudin, (2001) menyatakan prestasi media akan dinilai berdasarkan peranannya dalam dua domain iaitu domain sosial dan domain budaya. Sejauh mana media dapat memainkan peranannya dalam kedua-dua domain itu pula bergantung kepada budaya media itu sendiri (Samsudin, 2001). Kita boleh beranggapan, sistem media awam akan lebih memperagakan aspek domain sosial berbanding dengan sistem media komersial kerana media komersil yang bermotifkan keuntungan akan lebih tertumpu kepada isian hiburan yang popular yang boleh menarik perhatian khalayaknya (Samsudin, 2001).

Di Malaysia, media penyiaran sememangnya medium yang biasa digunakan sebagai alat dalam memupuk semangat perpaduan di antara kaum. Kita sering terpandang berbagai-bagi kempen kemasyarakatan yang disiarkan oleh stesen-stesen televisyen yang turut menyelitkan unsur-unsur perpaduan di dalamnya. Salah satu genre televisyen yang memaparkan kempen perpaduan kaum ini ialah kempen-kempen kemasyarakatan yang membawa berbagai-bagi tema seperti kempen rasa kekitaan terhadap negara, kempen-kempen untuk hari kebesaran kaum dan agama, kempen-kempen kesihatan, kempen keselamatan jalan raya, kempen penjagaan alam sekitar dan banyak lagi.

Sungguhpun terdapat begitu banyak lambakan kempen perpaduan khususnya di televisyen, namun menurut Shamsul Amri Baharuddin (2006) masalah perpaduan di negara kita masih dianggap berada dalam *stable tension*. Fenomena ini bermaksud walaupun pada permukaannya, umum nampak bahawa perpaduan kaum di negara ini sangat baik, wujud di mana-mana, namun hakikat sebenarnya ia adalah agak sukar ditafsirkan. Kenapa agaknya keadaan ini masih berlaku meskipun kita sudah 50 tahun mencapai kemerdekaan? Adakah kempen-kempen kerajaan terutamanya yang disiarkan oleh televisyen sebagai media massa yang paling berpengaruh gagal meninggalkan sebarang kesan?

Menurut Gunter (2000), setelah 30 tahun para penyelidik bertungkus-lumus melakukan berbagai-bagi bentuk penyelidikan, namun mereka masih gagal mendapatkan satu kaedah yang benar-benar dapat menggambarkan bagaimana media massa mempengaruhi audiens. Bertolak dari keadaan ini, maka satu perspektif baru dalam memahami kesan media ke atas audiens difikirkan. Perspektif baru ini ialah kajian yang memfokuskan kepada penglibatan audiens dengan mesej-mesej media massa yang dilakukan secara kuantitatif dan juga kualitatif.

Perkembangan program televisyen penyiaran yang tidak mempunyai matlamat yang selaras dengan aspirasi negara akan hanya mencemarkan persekitaran budaya kita (Samsudin, 2007). Ini disebabkan apa juga penerbitan program dan penerimaannya oleh generasi muda akan memberi kesan kepada pembentukan identiti budaya mereka, sama

ada identiti nasional, bangsa, agama, pekerjaan, keluarga dan dirinya sendiri (Samsudin, 2007). Cabaran utama yang dihadapi oleh media penyiaran khususnya televisyen di Malaysia ialah bagaimanakah ia boleh terus berperanan membantu dalam memupuk semangat perpaduan di antara kaum sehingga semua anggota masyarakat faham peranan mereka dalam memastikan tidak wujud sebarang tindak-tanduk anasir yang boleh membawa kepada perpecahan kaum.

KONSEP KETERLIBATAN AUDIEN DENGAN MEDIA

Kajian keterlibatan audiens (*audience involvement*) sebenarnya cuba melihat perkara yang sama iaitu kesan media namun ia terbit dari perspektif audiens. Dalam konteks ini, audiens harus diberi hak dan kebebasan untuk menyatakan sendiri tentang pemikiran dan perasaan mereka terhadap sesuatu kandungan media. Penglibatan atau keterlibatan audiens merupakan salah satu dimensi dalam konsep keaktifan audiens (Perse, 1990). Levy da Windahl (1985) pula berpendapat bahawa keterlibatan audiens merupakan salah satu orientasi yang ditunjukkan oleh audiens yang aktif, di samping perbuatan memilih (*selectivity*) dan menggunakan dengan cara yang berbagai-bagai (*utility*). Pandangan ini selari dengan pandangan Kim dan Rubin (1997) yang menyebut bahawa audiens yang aktif akan melakukan tiga perkara ketika memilih untuk mendedahkan mereka kepada media massa. Ketiga-tiga proses tersebut ialah pemilihan (*selectivity*), perhatian (*attention*) dan penglibatan (*involvement*).

Penglibatan audiens mempunyai dua makna. Satu yang berkisar dalam bidang penyelidikan pemasaran yang terbit dari Teori Penghakiman Sosial (Rubin dan Perse, 1987). Makna kedua ialah makna yang diberikan oleh Krugman (1966) yang memberi makna sebagai pengalaman peribadi secara terus oleh audiens semasa mereka menerima sesuatu mesej. Keterlibatan audiens belia juga membawa maksud wujudnya penyertaan mereka dengan mesej-mesej yang mereka terima.

Kajian oleh Rubin dan Perse (1987) memberikan tiga bentuk penglibatan iaitu secara kognitif, afektif dan tingkah laku. Perse (1990) yang mengkaji keterlibatan audiens dengan kandungan berita menunjukkan berlaku dua aspek penglibatan iaitu pengingatan dan juga interaksi para sosial. Sood (2002) yang mengkaji dimensi penglibatan audiens dengan program drama radio bersiri yang menggunakan pendekatan didik hibur menghasilkan empat bentuk penglibatan iaitu penglibatan rujukan (*referential involvement*), penglibatan perasaan (*affective involvement*), penglibatan kritikal (*critical involvement*) dan penglibatan kognitif (*cognitive involvement*). Kajian oleh Bae dan Lee (2004) bertujuan untuk mengenal pasti bentuk keterlibatan audiens dengan drama-drama yang berkisar pada tema perceraian di Korea Selatan menunjukkan terdapat tiga jenis keterlibatan yang ditunjukkan. Ketiga-tiga jenis keterlibatan itu ialah berbentuk interaksi para sosial, mengingati semula apa yang disiarkan (*reflection*) dan penyertaan secara tingkah laku.

Mariah dan Zaridah (2005) yang cuba mengenal pasti lebih terperinci bentuk-bentuk keterlibatan audiens pendatang asing wanita Indonesia terhadap program-program televisyen tempatan memberikan 10 dimensi keterlibatan yang kesemuanya boleh dikategorikan sebagai keterlibatan berbentuk kognitif, afektif dan tingkah laku. Konstruk-konstruk baru yang ditemui dalam kajian berbentuk kualitatif tersebut ialah: menonton dengan penuh perasaan, sering kaitkan berita yang di tonton dengan kampung halaman dan keluarga, marah dan malu jika ada orang Indonesia yang ditangkap atau membuat

kesalahan, jalankan hubungan emosional dengan watak dalam televisyen, mengidentifikasi watak dan cerita dengan diri sendiri, sekadar meminati atau suka menonton sesuatu program, membabitkan emosi dan pemikiran, kesan langsung yang diperoleh dari televisyen dan menonton televisyen dengan bermacam-macam tujuan.

PERNYATAAN MASALAH

Memang tidak dapat nafikan media penyiaran khususnya televisyen membantu perkembangan intelektual dan pembangunan audiens. Kajian yang dijalankan oleh Rubin dan Perse (1987), Perse (1990) memang menunjukkan terdapatnya keterlibatan audiens dalam aspek pemikiran, perasaan dan tingkah laku dengan kandungan program televisyen. Begitu juga dapatan yang serupa ditemui dalam kajian yang telah dijalankan oleh Mariah dan Zaridah (2005). Ringkasnya, audiens terkesan dengan kandungan program yang disalurkan oleh media penyiaran sama ada keterlibatan mereka itu pada tahap pemikiran, perasaan ataupun tingkah laku.

Jika ditinjau dalam konteks Malaysia, akses belia dalam negara ke atas maklumat yang disalurkan televisyen dilihat memang tidak ada masalah. Dalam satu kajian bertajuk Media dan Identiti Budaya yang dijalankan oleh penyelidik Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM pada tahun 2000 (dalam Samsudin, 2001) mendapati tren umur mempengaruhi pola audiens menonton televisyen. Mereka yang berumur muda lebih banyak menonton televisyen dengan umur yang lebih dewasa. Kajian ini mendapati pola menonton televisyen dalam tempoh seminggu oleh remaja mengikut kategori umur adalah seperti berikut: 1) 13-15 tahun (18.3 jam); 2) 16-20 tahun (18.2 jam) dan; 3) 21-25 tahun (17.7 jam). Ini bermakna golongan belia di Malaysia memang terdedah dengan maklumat yang banyak daripada media penyiaran termasuk kempen-kempen perpaduan yang saban hari ditayangkan.

Sungguh pun begitu, Shamsul Amri Baharuddin (2006) dalam artikelnya yang bertajuk “*The Construction and Management of Ethnic Relation in Plural Malaysia*” menyatakan masalah perpaduan di negara kita masih dianggap berada dalam *stable tension*. Fenomena ini menurutnya walaupun pada permukaan, umum nampak bahawa perpaduan kaum di negara ini sangat baik, wujud di mana-mana, namun hakikat sebenarnya ia adalah agak sukar ditafsirkan.

Pemerhatian umum yang boleh kita sama-sama perhatikan sama ada melalui laporan-laporan media massa dan *blog* khususnya masih terdapat kenyataan-kenyataan yang menggambarkan sikap prejudis dalam kalangan anggota kumpulan etnik tertentu di Malaysia yang masih menganggap perpaduan kumpulan etnik lain memberi ancaman terhadap kumpulan etnik mereka. Bagi kumpulan belia pula khususnya, peristiwa rusuhan oleh kumpulan Hindraf di ibu kota Kuala Lumpur pada tahun 2008 yang merasakan terdapat diskriminasi kumpulan kaum minoriti selain kejadian perbalahan antara kaum di Kampung Medan pada tahun 2001 adalah antara contoh yang tidak sihat melibatkan golongan ini di Malaysia (Wendy Yee, 2008). Terdapat juga kajian yang pernah dijalankan oleh Institut Pembangunan Sabah pada tahun 1994 mendapati masih terdapat isu perpaduan dan integrasi nasional yang perlu diatasi oleh negara ini. Antaranya kajian ini mendapati, fakta sejarah mengenai pembentukan Malaysia masih belum diterapkan secara kukuh terutamanya kepada generasi muda.

Persoalan yang mungkin boleh difikirkan apabila dikaitkan dengan golongan belia dalam hubungan ini ialah, apakah kempen-kempen kerajaan terutamanya yang disiarkan

oleh televisyen sebagai media massa yang paling berpengaruh gagal meninggalkan sebarang kesan sehingga masih terdapat sikap prejudis di antara kumpulan etnik di Malaysia? Mengapakah kempen-kempen perpaduan yang disiarkan gagal menimbulkan kesedaran dalam kalangan kumpulan-kumpulan etnik tertentu dalam negara sehingga masih terdapat antara mereka yang berani membuat stereotaip negatif dan berlebihan kepada kumpulan etnik yang lain? Apakah kumpulan ini masih belum bersedia menjayakan hasrat kerajaan yang dilihat begitu bersungguh-sungguh menjadikan perpaduan kaum sebagai satu agenda nasional? Apakah lambakan kempen perpaduan di media penyiaran selama ini telah pun menyebabkan kumpulan belia pelbagai kaum mampu memainkan watak sebagai warganegara yang sebenar dari segi tingkah laku atau hanya sekadar memberi kesan pada pemikiran dan perasaan mereka sahaja.

Bagi menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan, maka kajian ini bertujuan mengenal pasti apakah tahap keterlibatan kumpulan belia Melayu dan bukan Melayu pada masa ini dengan kempen perpaduan di televisyen Malaysia sama ada ianya berlaku di tahap pemikiran, perasaan ataupun tingkah laku. Di samping itu, kajian ini juga menentukan apakah jurang perbezaan tahap keterlibatan kumpulan belia Melayu dan bukan Melayu dengan kempen perpaduan di televisyen Malaysia di tahap pemikiran, perasaan dan tingkah laku.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan pendekatan tinjauan sosial. Data dikutip menggunakan borang soal selidik yang diurus sendiri oleh para responden. Kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang lebih meluas berkaitan keterlibatan audiens belia dengan mesej-mesej perpaduan dalam kempen kemasyarakatan di televisyen Malaysia.

Pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dalam memilih responden. Populasi kajian terdiri daripada belia pelbagai kaum yang tinggal di Lembah Klang. Responden kajian adalah terdiri daripada pelajar sekolah menengah terpilih iaitu yang berumur antara 15 sehingga 18 tahun dan penuntut di institusi pengajian tinggi awam yang terpilih dan berumur antara 18 sehingga 25 tahun. Jumlah keseluruhan responden dalam kajian ini adalah seramai 513 orang.

Borang soal selidik telah di pra uji terlebih dahulu dengan membabitkan sejumlah 53 orang responden. Ujian kebolehpercayaan (*reliability*) telah dijalankan dengan mengukur nilai *Cronbach's Alpha*. Hasil pra uji tersebut mendapat bahawa nilai *Cronbach's Alpha* bagi pemboleh ubah adalah .790. Terdapat beberapa pernyataan yang memberi nilai kolerasi yang negatif dan pasukan penyelidik telah mengubah struktur ayat yang lebih mudah untuk difahami.

Sebelum proses kutipan data dijalankan, responden terlebih dahulu dipertontonkan dengan sampel iklan kemasyarakatan yang pernah disiarkan di beberapa saluran televisyen sebelum diberi penerangan untuk mengisi borang soal selidik. Penayangan sampel iklan ini dilakukan dengan tujuan supaya responden mengingati semula (*refresh*) iklan kemasyarakatan yang pernah mereka tonton sebelum ini. Secara puratanya, responden mengambil masa antara 20 sehingga 25 minit untuk mengisi borang soal selidik. Pengumpulan data kajian mengambil masa lima bulan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar belakang responden

Profil responden diterangkan mengikut jantina, bangsa (Melayu dan bukan Melayu), agama, jenis kediaman, umur dan juga keadaan penempatan responden sama ada mereka tinggal di kawasan penduduk berbilang kaum ataupun tidak. Kajian ini melibatkan seramai 513 responden yang tinggal di kawasan Lembah Klang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 48.6 peratus responden adalah berumur di antara 19 tahun hingga 25 tahun, 29.6 peratus berumur 16 tahun hingga 18 tahun dan 21.8 peratus berumur 15 tahun. Ini bermakna setiap peringkat umur belia diwakili dalam kajian ini.

Berdasarkan kepada Jadual 1, majoriti responden yang terlibat adalah perempuan iaitu sebanyak 54.9 peratus dan 45.1 peratus adalah lelaki. Dari segi bangsa pula, lebih ramai responden yang berbangsa Melayu (54.9%) berbanding responden bukan Melayu (45.1%). Jika dilihat dari segi agama, sebanyak 55.6 peratus daripada responden adalah beragama Islam, 28.2 peratus beragama Buddha, 10.6 peratus beragama Hindu, 4.5 peratus beragama Kristian dan lain-lain agama sebanyak 1.2 peratus. Responden juga ditanya mengenai jenis kediaman tempat tinggal mereka. Kebanyakan responden tinggal di rumah teres (40.3%), selebihnya tinggal di rumah kampung (23.2%), rumah flat (10.5%), rumah berkembar (10.1%), banglo (7.7%), pangsapuri (4.6%) dan lain-lain (3.6%). Seramai 71% responden kajian tinggal di kawasan kediaman yang terdiri daripada penduduk pelbagai kaum, manakala 29% lagi tinggal dalam kawasan penduduk yang sebangsa dengan responden. Dalam kajian ini, majoriti responden (95.7%) menyedari bahawa adanya iklan-iklan yang bertemakan perpaduan rakyat berbilang kaum di saluran televisyen Malaysia dan sebanyak 75% responden menyatakan mereka pernah menonton iklan kemerdekaan.

Jadual 1: Profil Demografi Responden Terpilih

Ciri Demografi	Peratusan
Umur (n=510)	
15 tahun	21.8
16 -18 tahun	29.6
19 - 25 tahun	48.6
Jantina (n=512)	
Lelaki	45.1
Perempuan	54.9
Bangsa (n=512)	
Melayu	54.9
Bukan Melayu	45.1
Agama (n=511)	
Islam	55.6
Buddha	28.2
Hindu	10.6
Kristian	4.5
Lain-lain	1.2

Jenis kediaman (n=504)	
Banglo	7.7
Rumah berkembar	10.1
Pangsapuri	4.6
Rumah teres	40.3
<i>Flat</i>	10.5
Rumah kampung	23.2
Lain-lain	3.6
Tinggal di kawasan penduduk berbilang kaum (n=511)	
Ya	71.0
Tidak	29.0

Implikasi keterlibatan dengan kempen perpaduan

Tahap implikasi keterlibatan responden dengan kempen perpaduan di televisyen diukur dari segi pemikiran, perasaan dan tingkah laku. Dalam erti kata yang lain, sejauh manakah kempen perpaduan di saluran televisyen ini benar-benar memberi impak kepada responden seperti mana yang diharapkan sehingga mereka dapat meraikan kepelbagaian kaum dalam kehidupan mereka. Tahap implikasi keterlibatan responden dengan kempen perpaduan mengikut kumpulan bangsa (Melayu dan bukan Melayu) diringkaskan dalam Jadual 2.

Analisis mendapati implikasi di tahap pemikiran, perasaan dan tingkah laku belia Melayu adalah lebih tinggi (pemikiran=60.1%; perasaan=61.2%; tingkah laku=36.3%) berbanding bukan Melayu yang hanya menunjukkan di tahap pemikiran (39.4%), perasaan (31.6%) dan tingkah laku (34.2%). Rata-rata implikasi keterlibatan belia Melayu dan bukan Melayu di peringkat pemikiran, perasaan dan tingkah laku dengan kempen perpaduan di saluran televisyen berada pada tahap sederhana. Implikasi keterlibatan dengan kempen perpaduan di saluran televisyen menunjukkan belia bukan Melayu adalah sederhana lebih sedikit di tahap pemikiran (59.3%) dan perasaan (62.3%) berbanding belia Melayu (pemikiran=39.5% dan perasaan=37.0%), sebaliknya implikasi ke atas tingkah laku menunjukkan belia Melayu berada pada tahap sederhana lebih sedikit (59.8%) berbanding belia bukan Melayu (58.4%).

Keseluruhannya, kajian mendapati implikasi keterlibatan belia Melayu dengan mesej perpaduan di saluran televisyen lebih tinggi di peringkat pemikiran dan perasaan berbanding belia bukan Melayu. Manakala implikasi keterlibatan belia dengan kempen perpaduan di tahap tingkah laku menunjukkan belia Melayu dan belia bukan Melayu majoriti pada tahap yang sederhana. Ini memberikan gambaran bahawa kempen perpaduan di saluran televisyen banyak memberi kesan kepada keterlibatan belia di tahap pemikiran dan perasaan sahaja di mana mereka dilihat masih lagi kurang dalam meraikan kepelbagaian kaum di Malaysia.

Jadual 2: Tahap Implikasi Keterlibatan Belia Melayu dan Bukan Melayu dengan Kempen Perpaduan di Saluran TV Malaysia

Tahap Implikasi Keterlibatan	Pemikiran		Perasaan		Tingkah laku	
	Melayu	Bukan Melayu	Melayu	Bukan Melayu	Melayu	Bukan Melayu
	(n=281) (%)	(n=231) (%)	(n=281) (%)	(n=231) (%)	(n=281) (%)	(n=231) (%)
Rendah	0.36	1.3	1.8	6.7	4.6	7.4
Sederhana	39.5	59.3	37.0	62.3	59.8	58.4
Tinggi	60.1	39.4	61.2	31.6	36.3	34.2
	$\lambda = 22.457$ 0.000	$\rho =$ 0.000	$\lambda = 46.277$ 0.000	$\rho =$	$\lambda = 1.783$ 0.341	$\rho =$

Perbandingan di antara belia Melayu dan bukan Melayu

Jadual 3 menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara implikasi keterlibatan di tahap pemikiran dan perasaan sahaja dengan kempen perpaduan di saluran televisyen di antara belia Melayu dengan belia bukan Melayu. Kajian mendapati implikasi keterlibatan dengan kempen perpaduan di saluran televisyen di tahap pemikiran dalam kumpulan belia Melayu ($M = 2.5979$, $SD = .49842$) adalah lebih tinggi sedikit berbanding kumpulan belia bukan Melayu ($M = 2.3810$, $SD = .51278$). Begitu juga implikasi di tahap perasaan menunjukkan belia Melayu ($M = 2.5943$, $SD = .52696$) lebih tinggi berbanding kumpulan belia bukan Melayu ($M = 2.2554$, $SD = .55923$).

Jadual 3: Perbandingan Tahap Implikasi Keterlibatan dengan Kempen Perpaduan di Saluran TV Malaysia antara Belia Melayu dan Bukan Melayu

Tahap implikasi keterlibatan	Kumpulan Belia	N	Mean	Sd.	t	p
Pemikiran	Melayu	281	2.5979	.49842	4.837	.000
	Bukan Melayu	231	2.3810	.51278		
Perasaan	Melayu	281	2.5943	.52696	7.044	.000
	Bukan Melayu	231	2.2554	.55923		
Tingkah laku	Melayu	281	2.3167	.55681	.953	.341
	Bukan Melayu	231	2.2684	.58740		

RUMUSAN

Secara umumnya, televisyen memainkan peranan penting dalam menyiaran kempen perpaduan seterusnya mampu menarik minat golongan belia. Namun begitu dalam konteks ini, kajian menunjukkan implikasi keterlibatan kumpulan belia Melayu dan bukan Melayu lebih menjurus ke arah tinggi dari segi pemikiran dan perasaan tetapi sederhana pada tingkah laku. Ini membawa maksud bahawa mereka memahami dan menghayati kempen perpaduan yang disiarkan tetapi kurang dari segi amalan. Pada hal latar belakang responden kajian menunjukkan majoriti menyedari bahawa adanya iklan-iklan yang bertemakan perpaduan rakyat berbilang kaum di saluran televisyen Malaysia dan majoriti responden menyatakan mereka pernah menonton iklan kemerdekaan, namun implikasi keterlibatan tidak begitu mengesani tingkah laku mereka. Mungkin belum pada tahap kritikal, tetapi jika tren ini berterusan negara mungkin akan berhadapan dengan kumpulan belia pelbagai kaum yang pasif dalam menyokong usaha perpaduan di pihak kerajaan. Hal ini mungkin juga berkait rapat dengan sikap selektif kumpulan belia dalam menonton program-program di televisyen. Contohnya dalam satu kajian lain yang dijalankan oleh Samsudin (1994) mendapati apabila menonton televisyen belia lebih suka menonton program hiburan (55 peratus), sukan (46 peratus) dan agama (32 peratus).

Kajian ini juga mendapati jurang perbezaan yang begitu ketara mengenai peratusan implikasi keterlibatan belia Melayu dan belia bukan Melayu dengan kempen perpaduan, di mana pada tahap pemikiran dan perasaan belia Melayu jauh lebih tinggi daripada belia bukan Melayu. Manakala belia bukan Melayu rata-rata mereka hanya di tahap sederhana dari segi pemikiran dan perasaan. Mengapa pula wujud perbezaan yang begitu ketara ini? Walau pun di tahap tingkah laku dapatkan kajian menunjukkan peratusan yang hampir sama di antara belia Melayu dan bukan Melayu, tetapi ada tandatanda awal menunjukkan belia Melayu lebih bersedia untuk meraikan kepelbagaian kaum berbanding belia bukan Melayu. Justeru jika langkah-langkah yang sesuai tidak diambil negara mungkin akan berhadapan dengan kumpulan belia yang mempunyai masalah dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum.

Ringkasnya, media penyiaran mungkin boleh memikirkan strategi bersepadan yang lebih kreatif untuk membentuk citra perpaduan belia pelbagai kaum di Malaysia. Reka bentuk kempen perpaduan di televisyen mungkin boleh dikurangkan daripada hanya memberi tumpuan kepada kempen yang terlalu bersifat maklumat atau *informational* kepada bersifat *infotainment* dan *edutainment* di mana unsur kempen perpaduan digabungkan dengan unsur-unsur hiburan dan pendidikan. Dalam keadaan belia di Malaysia memperuntukkan masa yang begitu lama untuk menonton televisyen, maka kesempatan ini harus diambil peluang dengan sebaik-baiknya oleh pengamal media penyiaran dalam negara. Pada masa yang sama, kumpulan belia pelbagai kaum di Malaysia harus melihat fenomena yang berlaku ke atas generasi mereka dalam konteks ini sebagai kayu ukur sekali gus dapat memikirkan apakah peranan yang mungkin boleh disumbangkan bagi menjayakan agenda perpaduan negara.

RUJUKAN

- Bae, H.S. dan Lee, B. 2004. Audience involvement and its antecedents: An analysis of electronic bulletin board messages about an entertainment-education drama on diverse in Korea. *Asian Journal of Communication*, 14(1): 6-21

- Gunter, B. 2000. *Media research method*. Thousand Oaks: Sage Pub.
- Kim, J. Dan Rubin, A. M. 1997. The variable influence of audience activity on media effects. *Communication Research*, 24: 107-135
- Krugman, H. E. 1996. The measurement of advertising involvement. *Public Opinion Quarterly*, 30: 583-596
- Levy, M. R. Dan Windahl, S. 1985. The concept of audience activity. Dalam Rosengren, K. E., Wenner, L.A., dan Palmgreen, P. (Peny.). *Media gratification reserach: Current perspectives* (pg. 109-122). California: Sage Pub.
- Latif, S., Zaharah, H., Nasruddin, Y., Rozita, I., Sharifah Zurina, S.K. & Faizah, M.), Seminar Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Peringkat Kebangsaan “Masyarakat Pelbagai Kaum Kunci Kejayaan Malaysia: Bersama Meraikan Kepelbagaian, Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pengajian Umum, UKM dan Pasukan Penyelidik COLLA, UPM, pp. 162-175.
- Malaysia Kita. 2005. Kuala lumpur: Direct Art Co.
- Mariah Muda dan Zaridah Abdullah. 2005. Memahami keterlibatan audiens wanita pendatang asing Indonesia dengan program-program tv tempatan. Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference on Media and Communication: Communication, globalization, and cultural identities. J.W. Marriot Hotel, Putrajaya: 26-28 September
- Md. Salleh, H. 2008. Role of Media in Development: Strategies, Issues & Challenges. *Inaugural Lecture Series*. Penerbit UPM: Malaysia
- Mohamad Zaini, A.B. 2005. Pengukuran Tahap Perpaduan Antara Etnik: Satu Kajian Kes Di Pulau Pinang, Malaysia. In: (Ed. Abdul Latif, S., Zaharah, H., Nasruddin, Y., Rozita, I., Sharifah Zurina, S.K. & Faizah, M.), Seminar Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Peringkat Kebangsaan “Masyarakat Pelbagai Kaum Kunci Kejayaan Malaysia: Bersama Meraikan Kepelbagaian, Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pengajian Umum, UKM dan Pasukan Penyelidik COLLA, UPM, pp. 120-136.
- Nazri, M. & Mohamad Sabri, H. 2005. Toleransi dalam Pendidikan Negara. In: (Ed. Abdul
- Perse, E. M. 1990. Media Involvement and local news effects. *Journal of Broabcasting and Electronic Media*, 34: 17-36
- Rubin, A.M. dan Perse, E. M. 1987. Audience activity and soap opera involvement: A uses and gratification approach. *Human Communication Research*, 14:58-84
- Samsudin, A.R. 1994. Tingkah Laku Lepak di Kalangan Remaja. Kuala Lumpur. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Samsudin, A.R. 2001. Media Dan Identiti Budaya: Cabaran Media Terhadap Masyarakat Malaysia di Alaf Ke-21. Kertas kerja yang dibentangkan di Kertas kerja di Simposium Kebangsaan Masyarakat Malaysia - Isu dan Cabaran Abad Ke 21. Universiti Malaya: 22-24 Julai 2001
- Samsudin, A.R. 2007. Generasi Belia: Satu Cetusan Pandangan. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan: Malaysia
- Shamsul Amri, B. 2006. The Construction and Management of Ethnic Relation in Plural Malaysia. In: (Jayum A. Jawan dan Zaid Ahmad (Editor)). *Inter Ethnic Relation in Malaysia: Selected Reading*. Malaysia: UPM Press

- Sood, S. 2002. Audience involvement and entertainment-education. *Communication Theory*, 12(2):153-172
- Wendy Yee, M.T. Pembangunan Kompetensi Belia sebagai Prediktor untuk Toleransi di kalangan Mahasiswa dan Mahasiswi. Thesis PhD (Tidak diterbitkan), Universiti Putra Malaysia, 2008.

Profil Penulis

Dzuhailmi Dahalan

Pegawai Penyelidik Sosial

Laboratori Pendidikan Komuniti dan Pengajian Belia

Institut Pengajian Sains Sosial

Universiti Putra Malaysia

dzuhailmi@gmail.com

Nobaya Ahmad, PhD

Pensyarah

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia.

nobaya@putra.upm.edu.my

Nor Azliza Wanis Abdullah

Pembantu Penyelidik

Laboratori Pendidikan Komuniti dan Pengajian Belia

Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)

Universiti Putra Malaysia

taurus_grlz@yahoo.com

Md. Salleh H. Hassan, PhD

Profesor

Jabatan Komunikasi

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

Merangkap

Ketua Pengarah

Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)

Universiti Putra Malaysia

mdsalleh@putra.upm.edu.my

Jamilah Othman, PhD

Pensyarah

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

Merangkap

Ketua Laboratori Pengajian Sosial, Ekonomi dan Keamanan

Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)

Universiti Putra Malaysia

jothman@putra.upm.edu.my

Mariah Muda, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media

Universiti Teknologi MARA.

mariahmuda62@yahoo.com

Pasca Bandar Pintar dan Pembangunan Belia

JALALUDDIN ABDUL MALEK

ABSTRAK

*Pembangunan belia di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB 1971-1990) sangat jauh berbeza dengan pembangunan belia di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN 1991-2000) dan Dasar Wawasan Pembangunan (DWP 2001-2010). Perbezaan itu jelas ketara kerana para belia era DEB belum meluas terdedah dengan budaya siber kesan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICTs). DEB membentuk belia menjadi manusia massa (*homo sapiens*) yang membangun. DPN menyediakan asas untuk membentuk belia menjadi manusia pintar (*homo intelligence*) dan maju. Sementara DWP sudah menetapkan matlamat belia mesti menjadi manusia pintar yang menggunakan ruang siber melalui ICTs. Pembangunan belia *homo intelligence* dianggap sebagai salah satu matlamat untuk merealisasikan masyarakat berilmu pengetahuan di bawah DWP dan Wawasan 2020. Perubahan itu dapat dilihat kepada realiti kemajuan belia yang dihasilkan oleh tiga Rangka Rancangan Jangka Panjang tadi. Kemajuan belia *homo intelligence* di era pasca moden lebih cepat dan kompleks berbanding dengan kemajuan belia *homo sapiens* era modenisasi. Kalau dalam era modenisasi kemajuan belia dilihat sejauh mana mereka bergiat dalam pertanian komersial, industri kecil dan sederhana atau menjadi seorang ahli profesional yang berpendidikan tinggi. Berbeza kemajuan belia di era pasca moden, batasan akademik, latar belakang sosio-ekonomi dan budaya tidak lagi menghalang mereka untuk maju menjadi belia yang berpengetahuan tinggi dengan adanya kemudahan ICTs. Belia *homo intelligence* boleh jadi bergiat sebagai usahawan teknologi, ahli grafik digital, jurutera perisian dan mempunyai kemahiran profesional yang lain. Mereka celik dan mahir ICTs untuk kegunaan seharian. Sebahagian daripadanya mampu menghasilkan ilmu baru dan menyumbang kepada kemajuan negara. Persoalannya benarkah golongan belia masa kini khususnya di era pasca bandar pintar sudah mencapai tahap *homo intelligence*? Jika sudah mencapai tahap tersebut apakah imej dan peribadi belia sebagai seorang *homo intelligence*? Untuk menjawab dua persoalan tersebut perbincangan ini akan memperlihatkan kemajuan belia di Malaysia secara umum.*

Kata Kunci: Pasca Bandar Pintar dan Pembangunan Belia Homo Intelligence

ABSTRACT

*Youth development under New Economic Policy (NEP 1971-1990) widely differs from youth development under National Development Policy (NDP 1991-2000) and Vision Development Policy (VDP 2001-2010). The difference is transparently clear because youth in NEP's era were not broadly exposed to cyber culture caused by information technology and communications (ICTs) outburst. NEP shapes youth to become development mass man (*homo sapiens*). NDP provide the foundation to shape youth to be wise man (*homo intelligence*) and developed. While VDP already decided an objective which is youth must become wise man that makes use of cyberspace through ICTs. Homo intelligence youth development is regarded as one of the goals to recognize knowledge society under VDP and Vision 2020. The change is visible to reality of youth progress which is produced by the three frameworks of long-term plan. Homo intelligence youth's growth in postmodern era is faster and complex compared to growth of *Homo sapiens* in modernization era. In modernization era youth's progress is seen by how far they are active in commercial agriculturesmall and medium industry or being a tertiary well-educated professional. Youth's progress in postmodern era; academic limitsocio-economic and culture background are no more preventing them to step forward and become high-knowledgeable youth with ICTs facilities. Homo intelligence youth could engage as technology entrepreneur, digital graphic associate, software engineer and had other professional skills. They are smart and have skills in ICTs for daily use. Half of them can create new knowledgeand contribute to the country's growth. The issue, is it true that today youths especially in post intelligence city era already reached homo intelligence level? If the level is already achieved, what are the youth image and individual qualities as homo intelligence? In answering the two issues, this discussion would explain Malaysia's youth progress in general.*

Keywords: Post-Intelligence City & Youth Development, *Homo Sapiens* or *Homo Intelligence*?

PENGENALAN

Kaum belia memainkan peranan penting dalam pembangunan bandar walau apa pun jenis masyarakat yang berkembang. Iaitu bermula daripada masyarakat bermaklumat kepada masyarakat klas pencipta ilmu baru dan daya saing baru. Dalam era kemajuan ICT kemajuan belia tidak lagi ada batasan fizikal, masa dan budaya. Semua belia mempunyai peluang yang luas untuk maju terutama di era ilmu pengetahuan peluang digital. Ertinya belia pada masa kini perlu memajukan diri menjadi *homo intelligence* dan bukan lagi *homo sapiens* pada era perindustrian. Kemajuan belia dituntut supaya lebih dinamik.

Dalam tempoh 51 tahun merdeka belia telah dibentuk sebagai *homo sapiens* iaitu manusia moden era perindustrian. Pada tempoh tersebut banyak kemajuan belia yang


tercapai sesuai dengan zamannya. Namun begitu kemajuan dan zaman sudah berubah. Belia dituntut lebih maju supaya sesuai dengan kemajuan abad ke 21 khususnya era globalisasi dan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Belia dilihat pemangkin kepada kemajuan lokal dan global (glokal) yang perlu berpengetahuan luas dan mahir ICT. Kemajuan belia yang dikehendaki mestilah mempunyai etika, moral, mempunyai jatidiri dan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi. Oleh sebab itu sesuai dengan peredaran zaman kemajuan belia kini bukan lagi berasaskan kemajuan *homo sapiens* era perindustrian, tetapi mesti melangkau lebih daripada itu. Belia mesti maju sebagai belia *homo intelligence* atau *homo cybersapiens* iaitu manusia pasca moden era berpengetahuan. Belia ini menjadi tonggak kepada kegiatan sosioekonomi, pembangunan modal insan dan modal sosial yang berlandaskan ilmu pengetahuan yang tinggi. Belia *homo intelligence* sentiasa mempunyai imej peribadi tinggi atau insan yang unggul, pandai mencari ilmu yang bermanfaat, pandai menggunakan ilmu untuk kemajuan hidup dan dapat menyumbang kepada kemajuan kepada masyarakat dan negara. Dalam arus globalisasi dan dunia tanpa sempadan ini belia mestilah siap siaga untuk maju menjadi belia *homo intelligence* supaya matlamat Malaysia maju pada tahun 2020 benar-benar tercapai.

DARIPADA BANDAR PINTAR KEPADA WILAYAH PINTAR

Setelah berlaku proses pembangunan bandar pintar yang pesat pada tahun 1990an, iaitu selepas pembangunan Putrajaya dan Cyberjaya, pada tahun 2000an ini dianggap sebagai pasca bandar pintar. Sepanjang tempoh tersebut perkembangan tamadun bandar pintar tidak terhenti begitu sahaja malah ia semakin berkembang mengikut saiz bandar, fungsi bandar dan perkembangan teknologi terkini. Perubahan tamadun dan kemajuan bandar pintar ini telah dibincangkan di peringkat global. Oleh sebab itu pasca bandar pintar telah berkembang sehingga menjadi satu wilayah banda raya yang pesat dan maju.

Bermula sebagai sebuah bandar pintar yang mempunyai masyarakat global bermaklumat (MGB) kemudian berkembang kepada bandar berteknologi tinggi (*technopole*). *Technopole* mempunyai masyarakat yang berilmu dan berkemahiran tinggi. Setelah banyak institusi penyelidikan dan pendidikan tinggi di dalamnya ia berkembang menjadi bandar raya ilmu (*knowledge city*). Masyarakat yang mendiaminya dikenali sebagai masyarakat berilmu yang kreatif dan inovatif. Gabungan antara bandar-bandar ilmu tadi telah membentuk wilayah keusahawanan berasaskan industri berteknologi tinggi, berasaskan ilmu pengetahuan dan kreativiti. Wilayah ini memfokuskan satu atau dua jenis industri yang membentuk imejnya tersendiri. Wilayah bandar raya ilmu ini dinamakan *ideopolis*. Masyarakat yang mendiami kawasan *ideopolis* ini pula dikenali sebagai masyarakat *technopreneur* yang berdaya saing. Berdasarkan kemajuan berikutnya *ideopolis* ini berkembang sehingga menjadi satu wilayah pintar (*intelligent regions*) yang bukan sahaja menghasilkan teknologi baru tetapi juga menghasilkan ilmu baru yang dipelopori oleh syarikat dan pengusaha tempatan. Wilayah pintar ini dinamakan *innopolitan*. Masyarakat yang mendiami *innopolitan* ini dikenali sebagai masyarakat kelas pencipta ilmu baru dan mempunyai daya saing baru.

Rajah 1: Perubahan Bandar Pintar kepada Wilayah Pintar



Sumber: Diubahsuai daripada *The European Commission 2003*

DARIPADA *HOMO SAPIENS* KEPADA *HOMO INTELLIGENCE*

Perubahan masyarakat daripada masyarakat perindustrian kepada masyarakat bermaklumat menjadi asas kepada wujudnya masyarakat berpengetahuan. Masyarakat berpengetahuan yang bernilai inilah dinamakan *homo intelligence* atau *homo sapiens*. Belia merupakan pemangkin kepada perubahan masyarakat *homo intelligence* kerana mereka adalah aset kepada masyarakat yang berkembang. Proses globalisasi dan ledakan ICT telah melahirkan individu *homo intelligence* yang berbeza dengan individu *homo sapiens* seperti yang digambarkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Perbezaan Insan *Homo Sapiens*, *Homo Digital* dan *Homo Intelligence*

<i>Homo Type</i>	<i>Software</i>	<i>Firmware</i>	<i>Hardware</i>
<i>Homo Sapiens</i> (Human based)	<i>Learned ways to use neural paths</i>	<i>DNA – defined neural paths</i>	<i>Behavioural expressions like moving</i>
<i>Homo Digital</i> (ICT based)	<i>Operating systems applications</i>	<i>Logic circuits burned to chips</i>	<i>Input/output aspect such as display</i>
<i>Homo Intelligence @Sibersapiens</i> (Knowledge based)	<i>Lifelong learning for everyday life</i>	<i>Mindware and knowledge</i>	<i>Value-added and value creations</i>

Sumber: Diubahsuai daripada *World Summit on The Information Society 2003*

Berdasarkan Jadual 1 di atas, *Homo Sapiens* bergantung kepada sistem ekonomi pengeluaran dan ekonomi komoditi. Infrastruktur kemajuan *homo sapiens* berdasarkan kepada teknologi mesin, jentera di samping modal, buruh dan tanah. Kemajuan *hardware* bergantung kepada perubahan sikap dan imej berdasarkan keturunan, pendidikan dan status dalam masyarakat. Sementara *Homo Digital* bergantung kepada

sistem ekonomi bermaklumat dan ekonomi perkhidmatan. Infrastruktur kemajuan homo digital berdasarkan ICT termasuk teknologi elektrik dan elektronik. Kemajuan *hardware* berdasarkan faktor input dan output iaitu sejauh mana mereka menguasai maklumat dan berjaya memanipulasi ruang siber. Pengkomputeran dan telekomunikasi bertindak sebagai sistem operasi bagi mengurus kegiatan sehari-hari berdasarkan maklumat terkini melalui internet dan e-mail.

Homo Intelligence atau *Homo Sibersapiens* pula bergantung kepada sistem ekonomi berdasarkan kemajuan ilmu pengetahuan dan sistem ekonomi yang lebih liberal dan demokratik. Kemajuan *Homo Intelligence* banyak bergantung kepada pemikiran, kreativiti dan daya inovasi yang berterusan. Mereka berjaya menguasai ilmu pengetahuan baru dan menterjemah pengetahuan tersebut kepada kemajuan hidup. Infrastruktur ICT dan infrastruktur yang lain hanya sebagai pelengkap kemajuan. Paling utama mereka berjaya memberi nilai tambah kepada ilmu pengetahuan yang ada melalui daya kreativiti dan inovasi. Mempunyai kesedaran yang cukup tinggi terhadap estetika, etika dan moral menggunakan pengetahuan supaya bermanfaat sehingga menghasilkan ilmu pengetahuan yang baru untuk kemajuan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Di Malaysia, pasca bandar pintar telah menyaksikan satu platform perubahan kemajuan masyarakat iaitu perubahan daripada insan *Homo Sapiens* kepada insan *Homo Digital* dan seterusnya *Homo Intelligence*. Perancangan pembangunan Malaysia pula memberi tumpuan kepada pembangunan belia menjadi *Homo Intelligence* khususnya menjelang abad ke-21. Oleh sebab itu, Dasar Pembangunan Nasional (OPP2 1991-2000) dan Dasar Wawasan Pembangunan (OPP3 2001-2010) dirangka bagi melahirkan sumber manusia berdasarkan *Homo Intelligence* pada tahun 2020. Kedua-dua OPP2 dan OPP3 telah diterjemahkan melalui RMK6 hingga RMK9 (Rajah 2). Secara umumnya di bawah OPP2 Malaysia mahu melahirkan belia yang bijak dalam ilmu sains dan teknologi (S&T). Ini bermakna di bawah OPP2 pembangunan belia lebih diberi tumpuan kepada kemajuan belia yang menguasai ICT dan S&T. Kebetulan pada era 1990an ledakan kemajuan ICT di Malaysia begitu pantas dan kaum belia sangat digalakkan menceburi bidang industri dan perniagaan berdasarkan kemajuan ICT. Kemajuan belia diukur kepada sejauh mana mereka celik ICT dan dapat menceburi dalam bidang ekonomi berdasarkan maklumat. Industri ICT dilihat sebagai peluang utama kepada belia untuk menceburi dunia perniagaan khususnya industri perkakasan, perisian dan perkhidmatan maklumat. Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) sebagai contohnya banyak memainkan peranan utama menggalakkan kaum belia menceburi bidang industri ICT. Oleh sebab itu pada tahun 1990an wujud kaum belia dikenali sebagai *Homo Digital*. Mereka menceburkan diri dalam kegiatan ekonomi digital. Belia *homo digital* ramai yang bergiat dalam dunia perniagaan kafe siber, pangkalan data, membangunkan perisian, membekal dan membaiki komputer sehingga kepada usahawan industri kecil dan sederhana bagi mengeluarkan komponen ICT.

Setelah berlaku pasaran turun naik industri ICT global, Malaysia mengambil langkah ke hadapan dengan menumpukan kegiatan ekonomi bidangan yang baru. Di bawah OPP3 tumpuan Malaysia ialah membangunkan modal insan global terutama golongan Belia *Homo Intelligence* yang boleh menguasai berbagai ilmu pengetahuan serta menghasilkan ilmu pengetahuan baru untuk diri, keluarga, masyarakat dan negara. Belia *Homo Intelligence* menguasai pasaran ekonomi berdasarkan ilmu pengetahuan (K-ekonomi). Mereka mempunyai modal insan dan modal sosial yang mampan sama ada dari segi *metacapitals*, *input capitals*, *productive capitals* dan *output capitals* (Rajah 2).

Belia *Homo Intelligence* merupakan sebahagian daripada masyarakat berpengetahuan yang bernilai (*knowledge society*). Mereka berkebolehan melakukan artikulasi dalam semua bidang ilmu, iaitu S&T, sains gunaan dan sains sosial untuk dimanfaatkan bagi memajukan hidup. Ciri-ciri kepercayaan dan falsafah Rukun Negara juga melekat dalam minda mereka yang terpancar sebagai *metacapitals*. *Metacapitals* ini jarang sekali diberi perhatian dalam pembangunan belia di kebanyakan negara. Keberkesanan pembangunan Belia *Homo Intelligence* ini dihubung kaitkan dengan kemajuan global, tetapi dalam waktu yang sama tidak meninggalkan nilai baik tempatan. Falsafah *think global, act local* sentiasa dipupuk dalam minda Belia *Homo Intelligence* untuk tujuan membentuk diri mereka menjadi belia glokal yang mempunyai daya saing tinggi. Persoalannya bersediakah belia hari ini membentuk diri mereka sebagai *Homo Intelligence* yang menyumbang untuk kemajuan negara? Semuanya ini boleh diukur berdasarkan ciri-ciri Belia *Homo Intelligence*.

Rajah 2: Perubahan Sosio-Teknologi, Pembangunan Ekonomi, Pembangunan Bangsa dan Belia di Malaysia

DUNIA GLOBAL & UNIVERSAL						
Lokal			Glokal			
Input		Throughput		Ouput	Outcome	
<ul style="list-style-type: none"> • Metacapitals • Input capitals • Productive capitals • Output capitals 	Ilmu Baru Dalam S&T, Sains Gunaan & Sains Sosial	Belia era Pertanian	Belia era Perindustrian	Belia era Bermaklumat	Belia era Berilmu pengetahuan - menguasai dan menyumbang ilmu baru	Ilmu baru yang bernilai
	Inovator	-kemunculan belia tani yang menguasai pengeluaran dan perdagangan komoditi	-kemunculan belia profesional dalam industri pembuatan dan pengeluaran	Industri teknologi maklumat dan komunikasi	Inovasi S&T, Sains Gunaan & Sains Sosial	
	Penyelidikan & Pembangunan					
	Teknologi Termaju	Pertanian sara diri	Pertanian komersial, perlombongan, perkilangan & perkhidmatan			
	Sains & Teknologi					
	Keusahawanan	Modal				
	Buruh					
	Tanah	Mundur	Membangun	Maju	Termaju	Mapan
		Masyarakat pertanian	Masyarakat perindustrian	Masyarakat global bermaklumat	Masyarakat berpengetahuan	Masyarakat Madani /Hadhari
		P-ekonomi		Ekonomi digital	K-ekonomi	

Sumber: Diubahsuai daripada Malaysia 2001, Malaysia 2002, Abdul Rahim Anuar & Zulikha Jamaludin 2005, dan Nariman Mohd Saad 2008

CIRI-CIRI BELIA *HOMO INTELLIGENCE*

Seperti mana ditegaskan ciri-ciri Belia *Homo Intelligence* mestilah menepati empat modal utama, iaitu *metacapitals*, *input capitals*, *productive capitals* dan *output capitals*.

i. *Metacapitals*

Metacapitals merupakan modal dalam bentuk identiti, imej dan pemikiran belia yang melibatkan falsafah nilai etika dan estetika, termasuk cara berfikir dan cara bertindak. *Metacapitals* merupakan modal artikulasi di antara modal insan, modal sosial dan modal kebendaan. Kerencaman *metacapitals* Belia *Homo Intelligence* berbeza dengan belia *homo sapiens* dan Belia *Homo Digital*. Jadual 2 menunjukkan perbezaan penekanan *metacapitals* ke arah Belia *Homo Intelligence* apabila dibandingkan dengan Belia *Homo Sapiens* dan Belia *Homo Digital*. Antara contoh perbezaan tersebut dari segi falsafah hidup di mana, falsafah hidup utama Belia *Homo Intelligence* ialah menghasilkan sebanyak mungkin ilmu pengetahuan baru untuk kemajuan negara. Berbanding falsafah Belia *Homo Sapiens* lebih memberikan tumpuan sumbangan melalui penguasaan S&T, dan Belia *Homo Digital* lebih memberikan tumpuan menguasai maklumat. Begitu juga daripada aspek *metacapitals* yang lain, iaitu sangat berbeza di antara kemajuan Belia *Homo Intelligence* dengan Belia *Homo Digital* dan *Homo Sapiens*.

Jadual 2: Penekanan *Metacapitals* ke arah Belia *Homo Intelligence*

Aspek	Homo Sapiens	Homo Digital	Homo Intelligence
Falsafah hidup -epistemologi -ontologi -metod -axiologi (nilai etika dan estetika)	Moden, industrialisasi, <i>top-down / bottom-up</i> dan menguasai pengetahuan S&T	Neo-moden, industri ICT, demokratik dan menguasai maklumat	Pasca moden, K-ekonomi, <i>collaborative</i> dan pengetahuan baru yang menyumbang
Fizikal	Dominasi ruang fizikal kepada ruang teknologi	Dominasi ruang siber kepada ruang fizikal	Dominasi pengetahuan baru kepada ruang siber
Ekonomi	P-ekonomi	Ekonomi digital	K-ekonomi
Sosial	Metro kosmopolitan	Siber kosmopolitan	<i>Uber</i> kosmopolitan
Budaya	Budaya barat	Budaya siber	Budaya keilmuan
Politik	Demokrasi	e-demokrasi	Penyertaan demokrasi

Sumber: Diubahsuai daripada Carrilo 2006

Kesimpulannya, kemajuan Belia *Homo Intelligence* lebih ke hadapan, maju dan mampan seperti mana yang dikehendaki oleh pelan pembangunan negara berbanding kemajuan yang dicapai oleh Belia *Homo Sapiens* dan *Homo Digital* seperti yang digambarkan melalui Rajah 2.

ii. *Input Capitals*

Input Capitals merupakan modal pelaburan untuk melahirkan insan Belia *Homo Intelligence*. Ianya merangkumi berbagai input seperti input fizikal, input kemanusiaan

(*human*), input pengeluaran seperti alat kelengkapan, sistem perhubungan, input rangkaian (jaringan), proses membuat keputusan dan sistem politik. Jadual 3 menunjukkan *input capitals* untuk membangunkan Belia *Homo Intelligence* sangat berbeza dengan Belia *Homo Sapiens* dan *Homo Digital*. Dari segi input pengeluaran misalnya, Belia *Homo Intelligence* menggunakan penguasaan ilmu baru untuk mengeluarkan produk dan perkhidmatan. Belia *Homo Sapiens* dan *Homo Digital* masing-masing menggunakan kekuatan mesin dan jentera serta teknik dan inovasi kaedah yang sedia ada bagi mengeluarkan produk dan perkhidmatan baru.

Jadual 3: Perubahan *Input Capitals* ke arah Belia *Homo Intelligence*

Sub-input	<i>Homo Sapiens</i>	<i>Homo Digital</i>	<i>Homo Intelligence</i>
Sempadan	Sempadan geografi tidak formal, sempadan geografi berasaskan negara dan bangsa	Tiada batasan geografi khususnya masa dan tempat	Geografi maya, tidak terikat dengan kumpulan sosial
<i>Human</i>	Kelahiran biasa dan kawalan kelahiran	Pengklonan, pembiakan genetik, kebebasan S&T	Cyborg, mesin dan <i>human</i>
Pengeluaran	Guna tenaga sendiri dengan bantuan mesin dan jentera	Teknik, inovasi dan kemahiran sistematik	Ilmu pengetahuan baru yang bernilai
Perhubungan	Berjalan kaki, haiwan, perahu Pengangkutan darat, air dan udara	ICTs (komunikasi tanpa pengangkutan)	Transformasi informasi dan hubungan komunikasi
Rangkaian	Pertemuan muka, isyarat, buku, media-massa, telefon	Rangkaian elektronik, telefon mobile, e-mail	Komunikasi maya ada suara, imej, objek, multimedia
Pembuat keputusan	Ketua, organisasi, birokrasi dan pemerintah	Bantuan ICTs dan perisian	Kebolehan individu dan personal
Politik	Ketua, tokoh, suku, bomoh, pengundian ataupun diktator	Sistem demokrasi siber	Proses penyertaan demokrasi yang tinggi

Sumber: Diubahsuai daripada Tonn & Ogle 2002

Kesimpulannya, Belia *Homo Intelligence* lebih memberi nilai tambah dalam aspek *input capitals* berbanding dengan Belia *Homo Sapiens* dan Belia *Homo Digital*. Ertinya Belia *Homo Intelligence* mencipta *input capitals* baru, sementara Belia *Homo Sapiens* dan *Homo Digital* hanya menggunakan input sedia ada.

iii. *Productive Capitals*

Productive capitals merupakan modal pengeluaran di peringkat makro, meso dan mikro. Ia merangkumi modal agen dan modal instrumen untuk kemajuan Belia *Homo Intelligence*. Modal agen termasuklah sistem kerajaan yang digunakan, corak organisasi,

struktur masyarakat dan institusi yang ada yang bersifat makro dan meso. Modal instrumen termasuklah kekuatan individu dan masyarakat, teknologi dan infrastruktur, penggerak perubahan masyarakat, termasuk juga pemikiran, nilai estetika dan etika yang bersifat mikro.

Productive capitals Belia *Homo Intelligence* berbeza dengan Belia *Homo Sapiens* dan *Homo Digital* (Jadual 4). Dari sudut makro Belia *Homo Intelligence* merupakan penyumbang kepada sistem kerajaan demokrasi. Mereka bukan hanya pemilih atau peserta sistem demokrasi tetapi juga sebagai pejuang bagi mengekalkan dan menambah baik sistem demokrasi yang ada. Berbanding Belia *Homo Sapiens* dan *Homo Digital* mereka hanya bertindak sebagai pemilih dan peserta kerajaan demokrasi. Dari sudut tanggungjawab mencapai kemajuan negara, Belia *Homo Intelligence* menyumbang kepada pengekalan kualiti hidup dan menilai tambah daya saing dalam semua bidang. Sementara Belia *Homo Sapiens* dan *Homo Digital* bertanggungjawab menyokong usaha meningkatkan keluaran negara kasar dan mengurangkan fenomena jurang digital. Petunjuk makro kemajuan Belia *Homo Intelligence* lebih bersifat sejauh mana mereka memberi sumbangan kepada kemajuan negara. Berbeza petunjuk makro kemajuan belia *Homo Sapiens* dan *Homo Digital* memperlihatkan sejauh mana mereka turut serta dalam program pembangunan negara. Dari sudut meso, *productive capitals* Belia *Homo Intelligence* berbeza dengan Belia *Homo Sapiens* dan *Homo Digital* (Jadual 4). Keutamaan sosioekonomi misalnya, Belia *Homo Intelligence* berasaskan peraturan nilai sejagat (*universal*) hasil jaringan yang mereka lakukan ke peringkat global. Sementara Belia *Homo Sapiens* keutamaan sosioekonominya berasaskan penawaran dan permintaan barang, iaitu peraturan harga. Manakala Belia *Homo Digital* keutamaan sosioekonominya berlandaskan prinsip pembangunan masa hadapan yang *synergistic* iaitu hasil perkongsian maklumat. *Productive capitals* sistem sosio ekonomi Belia *Homo Intelligence* memberi keutamaan membuka peluang, kesamarataan, agihan, kualiti hidup dan hak-hak individu, sedangkan Belia *Homo Sapiens* terikat dengan modal hak milik individu, daya saing bebas dan keuntungan maksimum. Sementara Belia *Homo Digital* sistem sosioekonominya berasaskan jaringan infrastruktur, hubungan antara unit-unit ekonomi dan sejauh mana maklumat memberi faedah kepada kehidupan sosial.

Dari sudut mikro pula *productive capitals* Belia *Homo Intelligence* berbeza jika dibandingkan dengan Belia *Homo Sapiens* dan *Homo Digital* (Jadual 4). Keutamaan perubahan sosial, teknologi dan infrastruktur, pemikiran, nilai dan etika Belia *Homo Intelligence* berasaskan kemajuan insan yang memanfaatkan kemudahan ICT, maklumat dan ilmu yang mapan. Tetapi Belia *Homo Sapiens* perubahan sosial dilihat sejauh mana mereka menguasai jentera pengeluaran, kemahiran tertentu dan berpandu kemajuan berasaskan nilai kebendaan. Manakala Belia *Homo Digital* perubahan sosial dilihat kepada sejauh mana mereka menguasai pengkomputeran, maklumat, mengambil peluang daripada kemajuan global dan menterjemah maklumat menjadi ilmu yang berguna.

Jadual 4: Productive Capitals dan Perubahan ke arah Belia Homo Intelligence

Productive Capitals	Homo Sapiens	Homo Digital	Homo Intelligence
Peringkat Makro			
• Asas kerajaan	Pemilih sistem demokrasi	Penyertaan pendemokrasian	Menyumbang pendemokrasian dan keamanan sejagat
• Matlamat negara	Kadar keluaran negara kasar, Kadar keluaran dalam negara	Mengurang jurang digital, kemiskinan dan meningkatkan kesaksamaan	Kualiti, pendemokrasian, kemampuan serta kebolehan dan kekesalan daya saing
• Keluaran	Berdasarkan kuantiti dan kualiti perkhidmatan	Kuantiti dan kualiti ICT, maklumat dan berkomunikasi	Kualiti pengetahuan baru dan penciptaan baru demi kemajuan tamadun manusia
• Pusat keluaran	Asas perkilangan moden (jentera dan mesin)	Asas maklumat (rangkaian maklumat & bank data)	Jentera dan maklumat sebagai alat manakala keluaran kualiti yang bernilai tinggi diutamakan
• Pasaran	Pasaran baru, rakan kongsi dan kuasa pengguna	Penguasaan maklumat dan ruang informasi	Penjanjanaan pengetahuan yang memberi nilai kepada bentuk pasaran baru
Peringkat Meso			
• Industri utama	Industri kejenteraan berat dan industri kimia	Industri intelektual (industri maklumat, telekomunikasi & informasi)	Industri intelektual yang berteraskan ilmu pengetahuan baru yang ada nilai tambah
• Struktur industri	Industri utama, kedua dan ketiga termasuk perkhidmatan	Struktur industrial metriks – industri gabungan dan berangkaian	Struktur rangkaian industri berdasarkan ilmu dan menjaga persekitaran alam dan manusia yang mapan
• Struktur ekonomi	Ekonomi komoditi dan perburuhan (pengasingan sektor pengeluaran dan sektor pengguna)	Synergetic ekonomi (rakan pintar di antara sektor pengeluaran dan sektor pengguna)	Perkongsian kesejahteraan dan kemapanan. Semua golongan mendapat hak dan peluang masing-masing (<i>Development as freedom</i>)
• Keutamaan sosio-ekonomi	Peraturan harga (berasaskan penawaran dan permintaan)	Prinsip pembangunan masa depan yang <i>synergetic</i>	Peraturan nilai sejagat yang terbit dari jaringan ilmu pengetahuan baru

• Fokus sosio-ekonomi	Enterprise sama ada swasta atau kerajaan	Kelompok kesepakaran (komuniti lokal dan antarabangsa)	Kesepakaran sejagat yang saling bantu membantu dan memahami
• Sistem sosio-ekonomi	Modal hakmilik individu, daya saing bebas, keuntungan maksimum	Infrastruktur, <i>principle of synergy</i> , faedah sosial	Peluang, kesamarataan, agihan, hak-hak individu dan kedaulatan
Peringkat Mikro			
• Asas masyarakat	Masyarakat berklas (pemusatan kuasa, kelompok, kawalan)	Masyarakat fungsional (pemusatan pelbagai, fungsi dan berautonomi)	Masyarakat sejahtera, masyarakat madani dan masyarakat terbuka dalam kawalan
• Gerak perubahan sosial	Kemajuan dan perkembangan perburuhan, <i>strikes</i>	Kemajuan warganegara, <i>litigation</i>	Kemajuan nasional dan kehebatan kemanusiaan
• Proses kematangan	Kesedaran hak pengguna	Kesedaran penguasaan maklumat	Penguasaan ilmu pengetahuan baru yang bernilai dan aspek Ketuhanan menjadi landasan hidup
• Teknologi dan infrastruktur	Jentera, kuasa elektrik	Komputer (memori, perkomputeran & kawalan)	Teknologi maklumat, multimedia, teknologi komunikasi dan penyiaran
	Kuasa fizikal & kemahiran	Kuasa pekerja bermaklumat	Kuasa pekerja berpengetahuan, berdisiplin, iltizam, berilmu dan insaf diri
	Kuasa keluaran kebendaan (meningkat keluaran perkapita)	Kuasa produk maklumat (peningkatan keupayaan & kebolehan)	Kuasa keluaran kebendaan dengan mengambil kira penciptaan pengetahuan baru
• Pemikiran, nilai, etika, dan moral.	Nilai kebendaan	Nilai masa, pencapaian matlamat, pengetahuan	Nilai kemanusiaan, ihsan dan semangat jati diri
	Hak asasi manusia	Disiplin diri, penyertaan sosial	Pensejagatan hak yang berterusan dan mapan
	Liberalisasi kemanusiaan	Nilai-nilai sejagat- Global merangkumi hubungan manusia dengan PenciptaNya dan persekitaran	Nilai-nilai sempurna yang sepunya hasil mendaulatkan aspek Ketuhanan dan kemanusiaan

Sumber: Diubahsuai daripada Masuda (1981), Masuda (1990), Martin (1995), Malaysia (1991) dan Malaysia (2001)

iv. *Output Capitals*

Kesinambungan *metacapitals*, *input capitals* dan *productive capitals*, Belia *Homo Intelligence* pasca bandar pintar mempunyai asas *output capitalsnya* sendiri. *Output capitals* bermaksud impak modal yang bernilai bagi menunjukkan imej, peribadi dan gaya kemajuan yang diingini oleh Belia *Homo Intelligence*, Belia *Homo Sapiens* dan Belia *Homo Digital*. Belia merupakan kelompok pengguna yang majoriti dan mereka mempunyai cita rasa dan pandangan yang berbeza terhadap kemajuan dan obses diri. Golongan belia dianggap sebagai komoditi pelbagai ragam (*hypercommodity*) yang mudah menguasai pengetahuan baru dan gaya hidup baru. *Output capitals* berbagai ragam ini dinamakan budaya *hypercommodity*. *Hypercommodity* ialah gejala budaya merebaknya komoditi baru menguasai seluruh aspek kehidupan yang menjadi agen penyebaran makna-makna dan reproduksi hubungan sosial (Kristeva 1979). Isu halal, haram, jenama, gaya dan sebagainya telah mempengaruhi kehidupan sehari-hari masyarakat belia. Kesan daripada kepentingan komoditi dalam kehidupan belia tadi maka lahir tiga jenis masyarakat belia pasca bandar pintar. Masyarakat pertama dinamakan metro kosmopolitan, iaitu Belia *Homo Sapiens*. Kedua dinamakan masyarakat siber kosmopolitan, iaitu Belia *Homo Digital*. Ketiga dinamakan masyarakat *uber* kosmopolitan, iaitu Belia *Homo Intelligence* (Richardson 2006).

Tiga jenis masyarakat belia ini berbeza dari sudut pandangan kehidupan sehari-hari dan kemajuan hidup mereka. Dari sudut falsafah pemikiran, masyarakat belia metro kosmopolitan berdasarkan nilai romantisme yang mementingkan kepada aspek hedonisme. Kegembiraan, kebahagiaan dan kenikmatan hidup menjadi asas matlamat hidup mereka. Sementara belia siber kosmopolitan falsafah pemikirannya berdasarkan *siberculture*, iaitu sejauh mana mereka berfikiran universal hasil penggunaan ruang siber dan ICT. Falsafah nilai hidup belia *uber* kosmopolitan pula berdasarkan nilai fungsionalisme yang mementingkan kepada sejauh mana mereka mendapat faedah daripada sesuatu aktiviti yang mereka lakukan. Dari sudut kehidupan sehari-hari, belia metro kosmopolitan lebih bersifat romantis dalam merencana kehidupan sehari-hari mereka. Keperluan hidup mereka didasari kelengkapan material yang menampilkan kemewahan, gaya dan imej popular. Sementara belia siber kosmopolitan lebih bersifat *determinism* (rasa kemestian) untuk memiliki ICT dan menguasai maklumat. Kehidupan sehari-hari mereka menjadi tidak lengkap jika tidak melayari internet dan berkomunikasi di e-mail. Berbeza dengan belia *uber* kosmopolitan yang lebih kefungsian dalam merencana kehidupan mereka. Segala keperluan hidup ditimbang sejauh mana boleh memberi fungsi yang maksimum dan wajar mereka miliki.

Dari sudut pelaburan, belia metro kosmopolitan banyak melabur wang untuk kecantikan dan penampilan diri. Penjagaan kulit, muka dan badan diberi perhatian lebih. Malahan sanggup berhabis-habisan untuk menjaga penampilan. Belia siber kosmopolitan pula banyak melabur wang untuk memenuhi obses teknologi ICT. Sebagai seorang *technophilia*, mereka sanggup berbelanja bagi mendapatkan teknologi perkakasan dan perisian baru. Tetapi belia *uber* kosmopolitan lebih berminat melabur wang mereka untuk mencari keuntungan. Mereka lebih berminat menggunakan wang untuk memperoleh keuntungan jangka panjang dan sebagai persediaan untuk menerus hidup pada masa hadapan. Secara psikologinya, belia metro kosmopolitan sering beremosi dan bertindak tanpa usul periksa. Mereka ini kurang pertimbangan rasional. Mereka lebih mengikut emosi semata-mata. Sementara belia siber kosmopolitan lebih mengambil

pertimbangan berdasarkan empirikal, logik akal dan rasional berdasarkan kecanggihan teknologi dan maklumat terkini. Manakala belia *uber* kosmopolitan pula, lebih mengambil pertimbangan yang seimbang di antara rasionalistik, empirik dan emosi. Mereka juga tidak terkecuali beremosi ketika menghadapi masalah. Namun emosi tadi diseimbangkan dengan naluri maskulin dan feminin yang matang. Mereka ini sentiasa membuat pertimbangan menggunakan akal fikiran yang waras dan sesuai dengan konteks semasa.

Belia metro kosmopolitan sangat obses dengan diri sendiri terutama tentang apa yang mereka pakai. Mereka sangat teliti dalam membuat keputusan berkaitan diri mereka. Belia metro kosmopolitan amat sensitif tentang barang kecantikan. Mereka lebih pakar untuk membezakan penyegar dan pencuci wajah atau fesyen terkini daripada perkara-perkara lain. Mereka amat menitik beratkan keindahan tempat tinggal agar nampak kemas, bersih dan teratur. Belia siber kosmopolitan pula tertumpu terhadap jaringan dan hubungan komunikasi maya sama ada melalui internet dan e-mail. Sikap mereka lebih menyendiri dan jarang bersosial secara bersemuka kerana terikat dengan cara berkomunikasi dunia siber tadi. Belia siber kosmopolitan pula melihat contoh penampilan diri berdasarkan kecanggihan teknologi yang miliki. Lebih mahal, kecil dan canggih teknologi ICT tersebut menjadi aset kepada penampilan diri mereka. Namun begitu, masyarakat belia *uber* kosmopolitan tidak ghairah pada apa yang mereka pakai dan kemudahan ICT. Sebaliknya mereka obses kepada keuntungan perniagaan, politik dan hal-ehwal kehidupan dunia yang lain. Mereka membuat keputusan yang dirasakan betul mengenai apa yang mereka fikirkan dan tidak semestinya terikat oleh pandangan masyarakat di sekelilingnya.

Masyarakat belia metro kosmopolitan rajin membuat rujukan dan menambahkan bahan bacaan yang berkaitan dengan penampilan dan penggayaan diri. Belia siber kosmopolitan rajin membuat rujukan tentang maklumat terbaru mengenai teknologi terkini, permainan komputer terbaru, muzik dan sebagainya. Jadi penampilan diri mereka yang mempunyai kelengkapan teknologi canggih tidak akan ketinggalan. Walau bagaimanapun, belia *uber* kosmopolitan tidak suka merujuk kepada bahan bacaan dan ICT semata-mata. Sebaliknya mereka mendapat idea untuk membentuk imej mereka dengan merantau dan memantau. Dari sana mereka akan mendapat ilmu, seni dan pengetahuan budaya lain secara pemerhatian.


Berdasarkan aspek populariti pula masyarakat belia metro kosmopolitan sukakan perhatian dan inginkan orang sekeliling melihat terhadap penampilan mereka yang hebat dari pelbagai sudut. Belia siber kosmopolitan sukakan publisiti dalam ruang siber. Mereka akan memasukkan latar diri berserta gambar untuk mempopularkan diri seperti di laman web mencari jodoh atau mencari rakan siber. Namun begitu belia *uber* kosmopolitan lebih sensual dan tidak terlalu obses pada diri sendiri. Orang lain tidak perlu memberi tahu sama ada mereka mempunyai gaya penarik, seksi atau tidak. Masyarakat belia *uber* kosmopolitan tidak memerlukan penampilan menurut pandangan orang lain.

Merujuk kepada hubungan sesama manusia, belia metro kosmopolitan mempunyai sikap dan tabiat, iaitu melayan semua orang dengan sama rata. Mereka tidak prejudis dan menganggap kaum wanita misalnya sama seperti mereka. Belia siber kosmopolitan melihat orang lain sebagai alat berkomunikasi dan sumber maklumat. Khususnya bila berkomunikasi dengan orang lain di internet dan e-mail. Bagi mereka

hubungan tersebut tiada batasan masa, sempadan, jantina dan budaya serta lebih meluas berbanding kaedah perhubungan secara bersemuka. Namun begitu, belia *uber* kosmopolitan tetap melayan semua orang seperti mereka. Mereka boleh menganggap lelaki atau wanita sebagai kawan baik, rakan kongsi atau saingen yang positif. Dari sudut kecantikan, masyarakat belia metro kosmopolitan sentiasa menjaga kecantikan diri secara terperinci. Penjagaan kecantikan yang dimaksudkan seperti menitik beratkan masalah jerawat, rambut gugur, gigi, kuku dan lain-lainnya. Belia siber kosmopolitan kurang memberi tumpuan kepada menjaga kecantikan dan penampilan diri. Minat mereka kepada fesyen, hiburan dan teknologi baru yang diperoleh berdasarkan maklumat di internet. Namun begitu, belia *uber* kosmopolitan tidak pula memikirkan sangat hal penampilan diri, kecantikan, fesyen, hiburan dan teknologi baru. Mereka lebih memikir perkara yang berfaedah seperti bagaimana mahu kembangkan perniagaan, memantapkan kerjaya, memperbaiki sumber kewangan dan memajukan diri.

Kesimpulannya, output *capital* belia *uber* kosmopolitan (*homo intelligence*) berbeza dengan belia metro kosmopolitan (*homo sapiens*) dan belia siber kosmopolitan (*homo digital*). Perbezaan ini diperkuuhkan lagi bahawa ciri-ciri kemajuan Belia *Homo Intelligence* mempunyai peringkat-peringkat yang lebih tersusun, iaitu daripada peringkat pertama, kedua, ketiga sehingga ke peringkat yang keempat iaitu lebih maju, bernilai dan mampan (Rajah 3).

Rajah 3 : Ciri-ciri dan Peringkat Kemajuan Belia *Homo Intelligence*



Sumber : Diubahsuai daripada Steels 1995 & SKMM 2006

Kemajuan Belia *Homo Intelligence* bermula pada peringkat pertama dan kedua, iaitu sebagai belia *homo digital* (Rajah 3). Seterusnya pada peringkat ketiga belia *homo digital* tersebut sedang menuju menjadi masyarakat Belia *Homo Intelligence*. Pada peringkat keempat barulah belia *homo digital* mencapai kemajuan Belia *Homo Intelligence*. Sebagai Belia *Homo Digital* pada peringkat pertama belia berusaha meningkatkan keupayaan dalam bidang ICT. Setelah mempunyai kemahiran ICT, pada

peringkat kedua Belia *Homo Digital* mempunyai jaringan, mobiliti dan jalinan dengan sistem pendidikan, kemajuan S&T dan ruang perniagaan. Hasil perolehan ilmu pengetahuan, kemajuan S&T dan dunia perniagaan, Belia *Homo Digital* mula bergerak ke peringkat ketiga menuju *homo intelligence*. Mereka berkemampuan menyerapkan semua pengetahuan dalam kehidupan sehari-hari untuk faedah dan keperluan sosial, budaya, kesihatan serta persekitaran. Kemudian pada peringkat keempat muncullah Belia *Homo Intelligence* yang semakin matang, maju serta mampan. Pada peringkat ini belia berupaya menyumbang ilmu pengetahuan baru, teori dan sistem baru, teknologi yang bersesuaian serta pasaran dan jaringan yang baru.

BELIA DI MALAYSIA : *HOMO SAPIENS* ATAU *HOMO INTELLIGENCE*?

Setelah mengenal ciri-ciri Belia *Homo Intelligence* persoalannya adakah belia di Malaysia masih *Homo Sapiens* atau *Homo Intelligence*? Persoalan ini boleh dijawab dengan membuat analisis berdasarkan maklumat sekunder. Data yang digunakan ialah fakta belia yang diterbitkan oleh pihak IPPBM (2007).

Pada tahun 2005 penduduk dalam kalangan golongan belia berjumlah 11.1 juta daripada 26 juta orang penduduk Malaysia. Ini bermakna lebih kurang 42.0 peratus penduduk Malaysia terdiri daripada golongan belia yang berumur di antara 15-40 tahun. Pada tahun 2005 belia yang bekerja ialah 6.67 juta, iaitu lebih 60.0 peratus daripada jumlah penduduk belia. Mereka yang bekerja terlibat dalam berbagai sektor pekerjaan seperti pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan, perlombongan dan kuari, pembuatan, elektrik, gas dan air, pembinaan, kewangan, insurans, harta tanah dan lain-lain pekerjaan. Paling ramai belia bekerja dalam sektor pembuatan 24.0 peratus, perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran 23.8 peratus serta perkhidmatan lain 18.9 peratus. Belia yang terlibat dalam pekerjaan profesional, teknikal dan berkaitan ialah 18.7 peratus. Mereka yang terlibat dalam pekerjaan perkhidmatan, jualan dan berkaitan ialah 15.3 peratus, dan yang terlibat dalam pekerjaan pengeluaran ialah 38.7 peratus. Ini bermakna tidak ramai belia yang terlibat dalam pekerjaan profesional dan teknikal seperti sebagai pegawai penyelidik, saintis dan ahli teknologi. Sedangkan pekerjaan profesional dan teknikal tadi boleh mencipta ilmu baru. Ia menjadi titik tolak kepada kemajuan belia membangun sebagai *Homo Intelligence*. Berdasarkan taburan jenis pekerjaan belia tersebut menunjukkan majoriti belia masih pada tahap kemajuan *Homo Sapiens* dan *Homo Digital*.

Begitu juga bila dilihat pada tahap pendidikan belia pada tahun 2005. Mereka yang berkelulusan PMR/SPM ialah 78.0 peratus. Belia yang berkelulusan pasca SPM atau berijazah ialah 22.0 peratus. Manakala penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan belia Melayu ialah 23.1 peratus, belia Cina 53.6 peratus, belia India 51.8 peratus, belia Bumiputera Sabah 26.7 peratus dan belia Bumiputera Sarawak 42.1 peratus. Dari segi penguasaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa global sudah menampakkan belia Melayu dan Bumiputera Sabah mempunyai masalah. Apabila dikumulatifkan semua belia tanpa mengira kaum didapati hanya 39.5 peratus mereka yang menguasai Bahasa Inggeris. Ini bermakna tahap pendidikan tinggi belia Malaysia hanya 22.0 peratus dan tahap penguasaan Bahasa Inggeris 39.5 peratus. Kedudukan ini menunjukkan tidak sampai separuh belia di Malaysia yang layak untuk maju sebagai *Homo Intelligence*. Sebahagian besarnya masih berada dalam kemajuan Belia *Homo Sapiens* dan *Homo Digital*.

Tambahan pula, belia yang mengikuti kursus Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) berdasarkan rekod pengambilan pada tahun 2005 ialah 4,515 orang dan hanya 19.4 peratus daripada mereka layak memohon pelbagai bidang seperti kejuruteraan automatik, kejuruteraan awam, kejuruteraan elektronik, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan marin, teknologi makanan, teknologi fotografi, perkhidmatan dan teknologi tekstil. Jadi bagaimana belia yang selebihnya boleh maju sebagai Belia *Homo Intelligence* jika hanya sedikit sahaja layak ke IKBN?

Pada asasnya ICT merupakan pemangkin kepada kemajuan belia *homo digital* untuk maju sebagai Belia *Homo Intelligence*. Jika dilihat kepada penggunaan ICT pada tahun 2006 didapati menggalakkan. Sejumlah 85.2 peratus belia yang berumur 15-25 tahun menggunakan internet sama ada setiap hari atau sekali seminggu. Sementara 86.9 peratus belia berumur 26-40 tahun mengguna internet dalam tempoh yang sama. Adalah diharapkan dengan peratusan tersebut belia ini dapat menimba ilmu daripada maklumat yang diperoleh untuk maju sebagai Belia *Homo Intelligence*. Namun begitu dalam melayari internet majoriti belia meminati program hiburan, iaitu 72.5 peratus berbanding dengan berita dan info 59.8 peratus, pendidikan 20.2 peratus dan program berbentuk keagamaan 17.1 peratus. Jika kedudukan ini berterusan maka perancangan membentuk Belia *Homo Digital* menjadi *Homo Intelligence* sukar dicapai. Begitu juga jika dilihat dari segi modal sosial belia, mereka kurang aktif bersosial yang bermanfaat. Keaktifan menyertai persatuan misalnya, belia Malaysia hanya 18.0 peratus berminat menyertai persatuan yang selebihnya 82.0 peratus tidak berminat menyertai persatuan. Antara sebabnya kegiatan kurang menarik, terlalu banyak peraturan, yuran dan perbelanjaan tambahan serta sibuk dengan kerjaya. Berdasarkan modal sosial yang lemah ini bagaimana Belia *Homo Sapiens* dan Belia *Homo Digital* boleh maju menjadi Belia *Homo Intelligence*?

Kesimpulan daripada analisis di atas, kemajuan belia Malaysia masih berada pada diperingkat *Homo Sapiens* dan *Homo Digital*. Mereka agak sukar untuk membentuk diri mereka menjadi Belia *Homo Intelligence* jika langkah-langkah susulan tidak disegerakan. Pembangunan modal insan serta modal sosial di bawah modal *metacapitals*, *input capitals*, *productive capitals* dan *output capitals* perlu diperkasakan jika mahu belia maju sebagai *homo intelligence*. Penggembelangan semua *stakeholders*, iaitu pihak kerajaan, pihak swasta, pihak NGO dan NPO serta pertubuhan belia perlu diperkuuhkan lagi untuk bertindak 360 darjah bagi membangun Belia *Homo Intelligence*. Jika tidak kemajuan belia masih ditakuk lama iaitu sebagai Belia *Homo Sapiens* dan *Homo Digital*. Tidak seperti mana yang dicita-citakan pada tahun 2020 lahir kelompok Belia *Homo Intelligence* yang boleh mencipta ilmu baru bagi menyumbang kepada kemajuan negara (Rajah 2).

METOD PENGAMBILAN KEPUTUSAN BELIA KE ARAH *HOMO INTELLIGENCE*

Berdasar penemuan di atas atas kemajuan belia daripada *Homo Sapiens*, *Homo Digital* dan seterusnya maju sebagai Belia *Homo Intelligence* bergantung kepada lima metod membuat keputusan (Jadual 5). Metod pertama berdasarkan pertimbangan berdasarkan logik atau *logical proof (logos)*. Belia boleh menerima kemajuan bila melihat kepada logik sesuatu pembangunan itu diperkenalkan. Melalui pengalaman pancaindera dan

bukti empirikal kemajuan mereka bersedia menjalani proses pembangunan sama ada di peringkat *Input, Throughput, Output, Outcome & Impact*. Metod kedua ialah berasaskan pertimbangan dari sudut emosi atau *emotional proof (pathos)*. Pertimbangan emosi itu didasari oleh keperluan yang dirasai dan motivasi diri belia itu sendiri. Dalam pertimbangan ini termasuklah sejauh mana belia menyedari keperluan asas diri mereka, keperluan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan keperluan untuk meningkatkan kendiri mereka. Sebab itu terdapat belia yang obses dengan teknologi ICT (*technophilia*). Terdapat juga belia yang menolak atau pesimis dengan kemajuan ICT (*technophobia*). Ada juga belia yang menerima dan mengguna ICT secara rasional (*technoconsumer*). Kepelbagaiannya penerimaan kemajuan dari sudut emosi ini boleh diukur sama ada belia itu akomodasi, adaptasi, asimilasi, difusi dan inovasi terhadap teknologi. Ianya dibayangi dengan keperluan asas, keperluan pengetahuan dan keperluan peningkatan diri yang ditunjukkan melalui sikap, psikologi, imej dan identiti belia itu sendiri.

Metod ketiga ialah asas pertimbangan berdasarkan etika dan estetika yang dinamakan *ethical proof (ethos)*. Belia pada asasnya mengambil keputusan menerima kemajuan berdasarkan nilai etika dan estetika yang positif. Terdapat juga mereka bersandarkan nilai norma yang ditentukan oleh keluarga dan masyarakat. Falsafah nilai yang belia ikuti untuk menerima kemajuan termasuklah nilai utilitarian, hedonisme, universal dan pragmatis. Sebab itu dalam dunia ICT wujud etika siber, etika kepenggunaan dan etika perundungan untuk memandu arah nilai-nilai tadi. Metod keempat ialah asas pertimbangan berdasarkan pengaruh kuasa pihak pemerintah yang dinamakan *authority defined proof (kratos)*. Belia pada asasnya mengambil keputusan menerima kemajuan berdasarkan kewenangan dan kepercayaan yang dijanjikan oleh pihak pemerintah. Janji tadi terjelma dalam bentuk undang-undang oleh pemerintah yang mesti dipatuhi oleh individu dan masyarakat untuk maju. *Modus operandi* yang biasa digunakan ialah melalui perlombagaan, akta, enakmen, peraturan kecil dan garis panduan khusus.

Metod kelima ialah asas pertimbangan berdasarkan panduan kepercayaan dan anutan agama atau *revelation proof (theos)*. Belia yang berpendidikan agama biasanya menggunakan asas pertimbangan agama dan perintah agama yang dianuti untuk menerima kemajuan. Panduan pertimbangan tersebut didapati melalui kitab-kitab, catatan wahyu, sunnah dan ajaran daripada tokoh agama. Lima metod tadi masih bergantung kepada operasi membuat keputusan sama ada sesuai atau tidak dengan budaya dan kehendak para belia. Proses pemujukan, perundingan, perbincangan, permesyuaratan dan tindakan lainnya sangat penting bagi menarik belia supaya maju menjadi Belia *Homo Intelligence* (Jadual 5). Persoalan bagaimana belia menerima perubahan bergantung kepada cara dan proses operasi membuat keputusan.

Jadual 5: Metod Pengambilan Keputusan ke arah Belia *Homo Intelligence*

Metod Membuat Keputusan	Asas Pembuatan Keputusan	Skop dan Panduan	Operasi Pembuatan Keputusan
<i>Logos</i> (Pengambilan keputusan berdasarkan logik)	Asas kepada logik, pengalaman pancaindera, bukti empirikal dll.	Logik akal Logik metamatik Logik rasionaliti (deduktif atau induktif) (Proses <i>Input, Throughput, Output, Outcome & Impact</i>)	Agumen map, Analytic hierarchy process, Business decision mapping, Cognition, Collaborative intelligence, Decision theory, Critical thinking, Emotions in decision making, Facilitation, Forecasting, Group process, Groupthink, Linear partial information, Majoritarianism, Majority rule, Mindset, Minoritarianism, Morphological analysis, Multiscale decision making Online deliberation, Optimism bias Path dependence, Risk analysis Risk management, Planning fallacy Psychology of reasoning, Public choice theory, Rulemaking, Society for judgement and decision making, Uncertainty, Utility theory, Portal thinking, List of thought processes, Situational awareness, Responsible decision making.
<i>Pathos</i> (Pengambilan keputusan berdasarkan pertimbangan emosi)	Asas kepada pertimbangan emosi, keperluan yang dirasai dan motivasi diri	Technophilia (obses) Technophobia (pesimis) Technoconsumer (rasionaliti) (Akomodasi, adaptasi, asimilasi, difusi & inovasi) (Keperluan asas, keperluan pengetahuan dan keperluan peningkatan diri) (IQ, MI, SQ, EQ)	
<i>Ethos</i> (Pengambilan keputusan berdasarkan etika dan estetika kemajuan)	Asas kepada etika dan estetika yang positif serta nilai norma yang diterima oleh individu dan masyarakat	Utilitarian, Hedonisme, Universal Norma -etika siber -etika kepenggunaan -deterministik	
<i>Kratos</i> (Pengambilan keputusan berdasarkan piagam, kuasa dan undang-undang pemerintahan - birokratik)	Asas kepada perintah dan undang-undang oleh pemerintah yang mesti dipatuhi oleh individu dan masyarakat untuk maju	Perlembagaan Undang-undang Enakmen Peraturan kecil Garis panduan	
<i>Theos</i> (Pengambilan keputusan berdasarkan perintah ketuhanan atau agama)	Asas kepada kepada pertimbangan agama dan perintah agama yang dianuti	Bible / AlQuran Messengers Sunnah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tafsir 2. Itjimak 3. Qias

Sumber: Diubahsuai daripada Hatch 2002

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya pembangunan Belia *Homo Intelligence* di Malaysia masih belum mencapai matlamat kerana pelbagai rintangan yang perlu dihadapi. Setakat ini DEB, DPN dan DWP telahpun berjaya sebahagiannya membangun Belia *Homo Sapiens* dan *Homo Digital*. Usaha perlu dipertingkatkan lagi untuk memupuk kemajuan belia dalam berbagai aspek untuk membentuk diri mereka menjadi *Homo Intelligence*. Adalah dijangka Belia *Homo Intelligence* merupakan tonggak kepada masyarakat Malaysia untuk merealisasikan Wawasan 2020.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Anuar & Zulikha Jamaludin. 2005. *Agenda Ict Ke Arah Pembangunan K-Ekonomi Malaysia*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Carrillo, J. F. 2006. *Knowledge Cities: Approaches, experience and perspective*. Amsterdam: Elsevier.
- Hatch, G. 2002. *Arguing in communities: Reading and writing argument in context*. New York: McGraw Hill.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM). 2007. *Fakta Belia*. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Malaysia. 1991. *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000 (RRJP2)*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. 2001. *Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010 (RRJP3)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Martin, J. W. 1995. *The Global Information Society*. Hampshire, England: AslibGower.
- Masuda, Y. 1981. *The Information Society as Post-industrial Society*. Tokyo: Institute for the Information Society.
- Masuda, Y. 1990. *Managing in The Information Society: Releasing Synergy Japanese Style*. Oxford, UK: Basil Blackwell.
- Nariman Mohd Saad. 2008. Analisis koridor pembangunan wilayah. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke III ``Daya Tahan Ekonomi Negara: Dasar & Strategi Pengukuhan''. Port Dickson. 20-22 Ogos.
- Richardson, J. D. 2006. Social democracy *uber alles*. *International Studies Review*, Vol. 8 (3): 515-517.
- Samsudin A. Rahim. 2007. *Generasi belia: Satu cetusan pandangan*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Steels, L. 1995. The homo siber sapiens, the robot homonidus intelligens, and the 'artificial life' approach to artificial intelligence. The Burda Symposium on Brain-Computer Interfaces. Muenchen, Germany. February.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). 2006. *MyICMS 886: Digital opportunities for development*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- The European Commission. 2003. Metropolis: Exchanging experiences on innovation in metropolitan regions. Final Report Project Reference: IPS-2000-01063 ``INNOPOLITAN''.

Tonn, B. E. & Ogle, E. 2002. A vision for communities in the 21st century: Back to the future. *Futures*. 34. 717-734.

World Summit on The Information Society. 2003. *The wisdom of the wisdom society: Embodying time as the heartland of humanity*. Geneva: United Nations.

Profil Penulis

Jalaluddin Abdul Malek, PhD

Pensyarah

Pusat Pengajian Sosia, Pembangunan dan Persekutaran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Jurang Digital Belia Orang Asli Di Bukit Lanjan Selangor

SARJIT S. GILL, W. A. AMIR ZAL & MA'ROF REDZUAN

ABSTRAK

Jurang digital merupakan satu masalah yang sering berlaku dalam pembangunan ICT, ia menyebabkan wujudnya perbezaan besar dalam masyarakat termasuklah perbezaan kemudahan infrastruktur, pemilikan, penggunaan serta nilai terhadap ICT. Keadaan ini akan menjadikan pembangunan tidak lagi bersifat mapan dan menyeluruh terutamanya di kalangan belia Orang Asli. Keadaan ini akan menolak mereka untuk terus ketinggalan dari arus pembangunan perdana negara. Oleh itu, kajian ini cuba menghuraikan fenomena jurang digital yang berlaku di kalangan belia Orang Asli yang berada di bandar Damansara, iaitu Kampung Orang Asli Damansara Selangor. Kajian ini melibatkan 120 orang belia yang berumur dari 15 hingga 40 tahun. Hasil kajian ini mendapati bahawa belia Orang Asli berada dalam jurang digital, bukan kerana jurang digital nilai, namun ia lebih kepada jurang digital pengetahuan, kemahiran dan fizikal untuk memudahkan mereka akses kepada ICT. Ini menunjukkan bahawa belia Orang Asli tidak ada masalah untuk menerima pembangunan ICT, cuma faktor utama yang menyebabkan mereka berada dalam jurang digital ialah masalah ketidakstetapan kemudahan infrastruktur ICT di persekitaran mereka.

Kata kunci: *Belia, Orang Asli, Jurang digital, Pembangunan*

ABSTRACT

The digital divide is one problem that frequently arises in ICT development. It causes major disparities in society, including disparities in infrastructure facilities, ownership, usage and value of ICT. This situation will bring about a condition where development is not stable and holistic, especially among the Orang Asli youths. This situation will continue to drive them backwards away from the mainstream of national development. Thus this study attempts to analyze this digital divide phenomenon that exists among the Orang Asli at the town Damansara, namely Kampung Orang Asli Damansara, Selangor. This study involved 120 Orang Asli youths aged between 13 and 40. This study found that the Orang Asli youths are in a digital divide, not because of digital divide value but more because of knowledge, skills and physical digital divides that prevent access to ICT. This shows that the Orang Asli do not have much problems in accepting ICT development; it is only that the main factor causing them to remain in the digital divide is the unavailability of infrastructure facilities within their environment.

Keywords: *Youth, Orang Asli, Digital Divide, Development*

PENGENALAN

Meskipun 52 tahun negara merdeka, Orang Asli masih lagi banyak ketinggalan dari pembangunan arus perdana negara (Ramle, 2007). Ini tidak bermaksud kerajaan meminggirkan pembangunan Orang Asli, sejarah menunjukkan pembangunan Orang Asli telah lama diusahakan sesuai dengan keperluan perubahan semasa. Sedar dengan tanggungjawab untuk membangunkan Orang Asli. Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) telah merancang dan melaksanakan pelbagai bentuk pembangunan Orang Asli.

Walaupun pada peringkat awalnya pembangunan Orang Asli lebih bersifat provokatif, iaitu rancangan untuk menghalang pengaruh gerila Komunis daripada mempergunakan Orang Asli (Siti Nor Awang dan Juli Edo, 2006). Namun, keseriusan kerajaan untuk membangunkan Orang Asli dapat dilihat dengan jelas, yang mana kerajaan terpaksa menukar sepuluh kali JHEOA dari pelbagai kementerian bagi memastikan pembangunan Orang Asli dapat tumpuan yang menyeluruh (Yahya Awang, 2008). Sejajar dengan keadaan ini, Orang Asli telah didedahkan dengan banyak program pembangunan sama ada bersifat umum mahupun khusus. Sungguhpun demikian, hampir kesemua pembangunan tersebut lebih menjuruskan kepada pembangunan yang memenuhi keperluan atas Orang Asli (Ramle, 2008). Di antara projek yang lazimnya dijalankan ke atas Orang Asli ialah penyediaan bekalan air bersih, kemudahan elektrik, penjagaan kesihatan, penyediaan penempatan yang lebih tersusun, penyertaan pendidikan yang lebih konsisten dan sebagainya. Namun, pembangunan penyediaan keperluan atas tersebut adalah penting bagi memastikan Orang Asli dapat menikmati pembangunan yang sama sebagaimana masyarakat arus perdana yang lain.

PEMBANGUNAN ICT: PEMBANGUNAN KONTEMPORARI MALAYSIA

Dalam RMK8 dan RMK9 kerajaan banyak memberi tumpuan kepada pembangunan ICT dalam kalangan masyarakat, sama ada bagi tujuan pendidikan, pembangunan insan, ekonomi dan sosialnya. Tumpuan tersebut adalah disebabkan oleh keyakinan kerajaan terhadap ICT yang mampu untuk membangunkan negara serta mampu meletakkan negara di atas landasan pembangunan sebagaimana yang dilalui oleh negara membangun. Oleh yang demikian, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan misalnya dalam RMK8, kerajaan telah memperluaskan penyebaran dan penggunaan ICT dalam dan di antara sektor. Dalam masa yang sama, kerajaan turut menyediakan persekitaran institusi, peraturan dan perundungan yang kondusif bagi membantu pembangunan ICT dan aktiviti lain yang berkaitan. Selain itu, kerajaan telah mempercepatkan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan membantu melaksanakan aplikasi perdana MSC (Kerajaan Malaysia, 2001).

Rentetan dari pembangunan ICT dalam RMK8, kerajaan dalam RMK9 telah meningkatkan lagi pelbagai usaha bagi memastikan rakyat Malaysia mempunyai dan menggunakan ICT. Bukan setakat itu sahaja, kerajaan telah berjaya mengesan beberapa masalah yang timbul dari pembangunan ICT yang telah dibangunkan oleh kerajaan selama ini iaitu masalah jurang digital. Masalah jurang digital ini tidak dapat dielakkan lagi kerana masalah jurang digital merupakan masalah yang sentiasa diungkit dalam pembangunan ICT di Malaysia (Tengku Mohd, 2003). Justeru, usaha untuk merapatkan

jurang digital menjadi salah satu misi nasional kerajaan untuk menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan.

JURANG DIGITAL DAN MASA DEPAN ORANG ASLI

Jurang digital merupakan satu kos normal yang perlu ditanggung oleh kerajaan dalam mengarusperdanakan masyarakat keseluruhan dengan pembangunan kontemporari. Jurang digital menjadi fenomena lazim dalam usaha memperkenalkan pengetahuan ICT yang semakin diperlukan oleh masyarakat, di sisi pembangunan itulah wujudnya masalah jurang digital kerana terdapat golongan yang tidak mampu untuk mengikuti arus pembangunan tersebut. Oleh itu, jurang digital menjadi isu besar dalam pembangunan dan kemajuan ICT di seluruh dunia (Mohd Sobhi Ishak dan Musa Abu Hassan, 2007). Jurang digital bermaksud terdapatnya jurang di antara satu komuniti dengan komuniti yang lain dalam akses kepada ICT, mencapai maklumat melalui ICT dan memahami dan menggunakan maklumat dari ICT (Norizan, 2007). Menurut Ting Kung Shiung dan Woo Yoke Ling (2005), jurang digital boleh dilihat dari tiga aspek, iaitu jurang akses, jurang penggunaan dan jurang nilai. Huraian berkenaan jurang digital dalam kalangan belia Orang Asli dibuat berdasarkan tiga aspek jurang digital tersebut.

Antara faktor yang menyebabkan berlakunya jurang digital dalam kalangan masyarakat ialah akses infrastruktur ICT yang berbeza, ia dipengaruhi oleh pendapatan dan kekayaan yang dimiliki oleh individu, isi rumah dan kerajaan negeri (Halim Man, 2006). Faktor lain yang menyebabkan berlakunya jurang digital ialah ketidakseimbangan yang berlaku dalam masyarakat terutama dan segi ekonomi, pendapatan, pendidikan, kemudahan infrastruktur. Bukan itu sahaja, pemodenan yang dikehjarnya oleh masyarakat turut mewujudkan fenomena jurang digital (Ting Kung Shiung dan Woo Yoke Ling, 2005). Dari aspek yang lain, Norizan (2007) beranggapan bahawa empat faktor yang menyebabkan jurang digital, iaitu ekonomi, geografi, kemahiran komputer dan kemahiran bahasa dan literasi. Faktor ekonomi merujuk kepada ketidakmampuan untuk membeli dan mendapatkan khidmat ICT. Faktor geografi ialah faktor tempat tiada liputan Internet dan bekalan elektrik. Kemahiran komputer merujuk kepada masalah tidak mengetahui bagaimana untuk mengakses maklumat dan faktor kemahiran bahasa dan literasi ialah masalah tidak dapat membaca dan memahami bahasa internet dengan baik.

Setelah meneliti beberapa keadaan berkenaan jurang digital, boleh dikatakan bahawa belia Orang Asli merupakan golongan yang termasuk dalam keadaan tersebut. Pandangan ini dibuat berdasarkan pertimbangan empat dimensi sebenar yang berlaku dalam hidup Orang Asli. Dimensi tersebut ialah kemudahan asas, kedudukan perkampungan, pendapatan dan pendidikan Orang Asli. Jika dipertimbangkan keempat-empat dimensi tersebut, Orang Asli boleh dikatakan sebagai golongan utama yang berada dalam jurang digital negara. Tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan Orang Asli mendapat tumpuan istimewa oleh kerajaan sebaliknya Orang Asli merupakan kumpulan minoriti yang paling bertuah kerana mempunyai agensi khas yang menjaga hal ehwal mereka. Namun, sekiranya dinilai pembangunan tersebut, ia masih lagi memberi penekanan kepada penyempurnaan keperluan asas sahaja. Realiti tersebut dapat dilihat dalam siling peruntukan pembangunan RMK9 mengikut program dalam pembangunan Orang Asli (JHEOA, 2008).

Jadual 1: Siling Peruntukan Pembangunan RMK9

Program	Siling Peruntukan RMK9 (RM Juta)	Peruntukan Program Basmi Kemiskinan (RM Juta)	Peratus (%)
Penempatan Tersusun	121.1	38.8	32.0
Pembangunan Ekonomi	50.0	32.0	64.0
Pembangunan Sosial	187.0	148.4	79.4
Jumlah	358.1	219.2	61.2

Sumber: JHEOA, 2008

Jadual 1 menunjukkan bahawa program pembangunan ekonomi menumpukan kepada pembangunan projek perladangan, tanaman kontan, ternakan, fertigasi, keusahawanan, ruang niaga dan kursus pengembangan. Bagi pembangunan sosial, program pembangunan ini memberi tumpuan kepada pembinaan rumah bagi golongan miskin tegar, infrastruktur dan utiliti, pusat transit, klinik desa, program kesihatan dan program pembangunan modal insan. Manakala penempatan tersusun ia melibatkan Penyusunan Semula Kampung (PSK), Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), kerja-kerja ukur serta pewartaan dan projek penempatan bencana alam. Ini menunjukkan bahawa tumpuan pembangunan yang dikatakan sebagai holistik, masih lagi hanya menyentuh aspek keperluan asas sahaja. Pembangunan yang sepatutnya menghasilkan output yang baik, kini dilihat sebagai aktiviti yang melambatkan pembangunan ICT belia Orang Asli. Sekiranya mereka menikmati pembangunan ICT sekalipun, ia hanya merupakan kesan dari interaksi belia Orang Asli dengan pembangunan dalam bentuk umum sahaja iaitu pembangunan yang dilaksanakan untuk semua masyarakat dan bukan khas untuk belia Orang Asli (Juli Edo, 2006).

Menurut Norizan (2007), faktor geografi banyak menyumbang kepada kewujudan jurang digital. Data JHEOA (2008), jumlah keseluruhan kampung Orang Asli di Malaysia ialah 876 buah kampung. Jika dipecahkan mengikut kategori penempatan, kampung Orang Asli yang berada di pedalaman sebanyak 323 kampung (36.9 peratus), kawasan pinggir bandar sebanyak 547 buah kampung (62.4 peratus) dan kawasan bandar berjumlah 6 buah kampung (0.7 peratus). Menurut Laporan Unit Perancangan Ekonomi (2007), fenomena kurangnya akses kepada ICT banyak berlaku di kawasan pedalaman dan luar bandar. Ini secara tidak langsung sudah pun menggambarkan bahawa, risiko belia Orang Asli adalah tinggi untuk dikategorikan sebagai kumpulan yang mempunyai masalah dengan ICT dan meletakkan mereka dalam jurang digital.

Faktor lain yang meletakkan belia Orang Asli dalam jurang digital ialah pendapatan, kemampuan belia Orang Asli untuk menggunakan ICT adalah terhad kerana mereka tidak mempunyai kemampuan kewangan terutama untuk memiliki ICT. JHEOA (2008) juga telah mengeluarkan perangkaan tentang status kewangan mereka yang mana perangkaan tersebut menunjukkan 13,945 KIR yang tergolong dalam golongan miskin, dari jumlah tersebut 9,003 KIR terdiri dari golongan miskin tegar. Perangkaan tersebut telah menentukan kemampuan belia Orang Asli untuk turut serta dalam pembangunan

ICT negara. Dengan pendapatan yang terhad sudah pasti belia Orang Asli terus ketinggalan dari pembangunan ICT negara.

Dari aspek pendidikan pula, di antara masyarakat yang sering diketahui umum mempunyai masalah dalam pendidikan ialah Orang Asli. Mereka dikenali sebagai golongan yang paling tinggi berlakunya kes keciciran dari arus pendidikan negara. Oleh yang demikian, kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia telah membangunkan kurikulum khas yang dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Orang Asli/Penan (KAP) (Asnarulkhadi, Maria, Zahid Emby, Mariani dan Hanina, 2007). Kes keciciran dari persekolahan memang tidak dinafikan tinggi dalam kalangan Orang Asli, meskipun peratusannya memperlihatkan penurunan. Menurut JHEOA (2008), 36.1 peratus pelajar Orang Asli tercicir dari mengikuti persekolahan ke peringkat menengah setelah tamat persekolahan rendah. Peratus tersebut tidak menyebut dengan terperinci jumlah Orang Asli yang tercicir ketika mengikuti persekolahan peringkat rendah atau menengah. Ketidaksertaan dengan pendidikan telah menyukarkan mereka untuk menerima pengetahuan baru terutama berkenaan dengan pengetahuan dan kemahiran ICT.

USAHA KERAJAAN MERAPATKAN JURANG DIGITAL

Pembangunan ICT yang mengundang kewujudan jurang digital sememangnya disedari oleh kerajaan, kesan dari jurang digital memberi gambaran baru terhadap pembangunan ICT negara iaitu mengabaikan masyarakat tertentu terutamanya masyarakat minoriti. Kesan lain turut mengundang polemik negatif terhadap kerajaan iaitu pembangunan yang dirancang bersifat tidak menyeluruh, sedangkan kerajaan telah membelanjakan dana yang besar untuk pembangunan ICT. Menyedari masalah ini, kerajaan telah membelanjakan RM2,433.1 juta atau 30.9 peratus daripada perbelanjaan ICT dalam RMK8 bagi tujuan mengatasi masalah jurang digital (Kerajaan Malaysia, 2001). Peruntukan tersebut meningkat dalam RMK-9 iaitu RM3,710.2 juta yang meliputi 28.8 peratus daripada peruntukan keseluruhan yang berjumlah RM12,888.9 juta (Kerajaan Malaysia, 2006).

Secara khususnya, peruntukan tersebut merangkumi pelaksanaan pelan infrastruktur untuk akses menyeluruh, penyediaan perkhidmatan dan produk ICT yang mampu beli, penubuhan *telecentre* di kawasan luar liputan, semakan semula tarif langganan telefon dan Internet serta menggalakkan pemilikan komputer peribadi. Bagi menggalakkan lagi usaha tersebut, kerajaan mewujudkan inisiatif Satu Rumah Satu komputer (Aspirasi Digital, 2007). Usaha murni kerajaan tersebut seharusnya dipuji dan mendapat sokongan dari pelbagai pihak, namun persoalannya adakah usaha kerajaan tersebut telah membawa belia Orang Asli turut serta dengan pembangunan ICT negara? Adakah belia Orang Asli sudah pun keluar dari jurang digital? Kajian ini dijalankan bagi menghuraikan persoalan tersebut dan menerangkan tingkah laku berkenaan kepenggunaan ICT dalam kalangan belia Orang Asli Bukit Lanjan Selangor.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan ke atas 120 orang belia Orang Asli Bukit Lanjan Selangor yang berumur dari 15 hingga 40 tahun. Pemilihan responden dibuat berdasarkan rawak mudah, responden perlu menjawab soalan kajian yang berbentuk soalan tertutup dan responden

dibantu oleh pembantu penyelidik untuk mengelakkan responden sukar memahami soalan kajian. Soalan kajian tersebut merangkumi kefahaman, pemilikan, kepenggunaan, tujuan, kemudahan, dorongan, halangan dan persepsi menggunakan komputer dalam kalangan belia Orang Asli Bukit Lanjan. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS dan data dianalisis dengan kaedah deskriptif.

LATAR BELAKANG BUKIT LANJAN

Orang Asli Bukit Lanjan dianggap sebagai kelompok Orang Asli yang agak moden jika dibandingkan dengan penempatan Orang Asli di kawasan lain. Ini adalah kerana faktor pengaruh tempat tinggal mereka yang terletak berhampiran dengan kawasan bandar raya utama (Suki Mee dan Yahya Ibrahim, 2009). Bukit Lanjan terletak dalam Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Selangor. Hampir keseluruhan penduduk di Kampung Orang Asli Bukit Lanjan terdiri daripada Orang Asli suku Temuan. Namun ada beberapa keluarga Orang Asli dari suku Semai, Jakun dan Mah Meri menetap di situ. Populasi penduduk pada tahun 1995 ialah seramai 875 orang yang terdiri dari 158 buah keluarga. Orang Asli Bukit Lanjan telah pun beberapa kali dipindahkan dari perkampungan asal mereka, iaitu bermula dari Bukit Nenas, Dataran Merdeka, Kampung Sungai Pencala, Bukit Perual dan akhirnya Bukit Lanjan.

BUKIT LANJAN DAN PEMBANGUNAN

Kampung Orang Asli Bukit Lanjan merupakan salah sebuah kampung Orang Asli yang termoden dan dikelilingi dengan pelbagai kemudahan asas yang lengkap. Selain itu, kampung Orang Asli Bukit Lanjan di kelilingi bandar satelit seperti Taman Tun Dr. Ismail, Bandar Utama Damansara serta berhampiran dengan bandar raya Kuala Lumpur. Keluasan asal kampung Orang Asli Bukit Lanjan ialah 791 ekar dengan jumlah penduduk 875 orang. Manakala persekitaran asalnya pula dikelilingi oleh hutan yang masih kaya dengan sumber alam semula jadi. Petempatan asal dikelilingi oleh dusun buah-buahan dan kebun getah serta kawasan hutan. Penempatan asal Orang Asli di Bukit Lanjan sudah lama dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, dewan, padang permainan dan sekolah.

Pembangunan dan pemodenan kampung Orang Asli Bukit Lanjan bermula pada 1995 yang mana ia dimajukan sebagai sebuah bandar baru secara penswastaan oleh syarikat Saujana Triangle Sdn. Bhd (STSB), syarikat usaha sama yang dimiliki oleh MKN Holding Sdn. Bhd. (80%) dan Yayasan Selangor (20%). Ia telah menyebabkan penempatan Orang Asli berubah secara drastik, dalam masa yang sama mereka turut kehilangan tanah adat daripada 791 ekar kepada 45 ekar. Pembangunan tersebut merupakan inisiatif JHEOA dengan kerjasama pihak swasta untuk mewujudkan sebuah bandar maju bersepadu yang mengandungi perumahan, perniagaan, kemudahan awam utiliti dan sebagainya. Pembangunan Bukit Lanjan ini bermatlamat untuk menjadikannya sebagai sebuah bandar baru yang serba moden dan bestari dengan menerapkan nilai bandar baru moden (Suki Mee dan Yahya Ibrahim, 2009).

Kawasan petempatan baru yang berkonsepkan skim perumahan moden diwujudkan bagi mengantikan perkampungan asal Orang Asli yang tidak lagi sesuai di

dalam konteks pembangunan Bandar Baru Damansara Perdana. Ia juga merangkumi kejiranan moden dan *self contained* yang terdiri dari 147 buah rumah banglo dan 130 unit apartmen kos sederhana rendah yang dilengkapi dengan kemudahan sekolah rendah, dewan, mini muzium, balai adat, tadika, surau, padang permainan dan *corner shop*. Konsep pembangunan yang diterapkan dalam pembangunan keseluruhan Damansara Perdana ialah berkonseptkan 'Bandar Moden' dan 'Bestari.' Pembangunan kawasan ini merupakan pembangunan bercampur. Petempatan baru yang ditawarkan kepada komuniti Orang Asli Bukit Lanjan, iaitu Desa Temuan adalah berkonseptkan perancangan kejiranan moden yang terancang dan tersusun dengan peletakan lot-lot rumah yang jelas serta jajaran jalan raya yang berderet atau berkonseptkan *Conventional Urban Layout Plan* (Suki Mee dan Yahya Ibrahim, 2009).

PROFIL RESPONDEN

Jumlah keseluruhan belia Orang Asli yang terlibat dengan kajian ini ialah seramai 120 orang, responden lelaki adalah seramai 59 orang manakala responden wanita adalah seramai 61 orang. Manakala bagi suku kaum pula, majoriti responden adalah dari kalangan suku Temuan iaitu 95.8 peratus, Jakun dan Semai masing-masing 1.7 peratus dan hanya 0.8 peratus responden adalah terdiri dari suku Mah Meri. Pada asalnya kesemua populasi Bukit Lanjan adalah terdiri dari Orang Asli suku Temuan, namun kini populasi tersebut mula bercampur kesan daripada migrasi Orang Asli melalui perkahwinan dan ekonomi. Bagi tahap pendidikan pula, majoriti responden iaitu 45.8 peratus hanya bersekolah hingga peringkat rendah sahaja, manakala 42.5 peratus bersekolah hingga peringkat menengah, 9 peratus lagi tidak pernah bersekolah dan hanya 1 peratus responden yang mempunyai tahap pendidikan peringkat diploma. Kajian ini menunjukkan kes keciciran masih lagi berlaku malah kes tersebut adalah sangat tinggi. Dari sudut yang lain, kegagalan untuk terlibat dengan sistem pendidikan secara konsisten dan berterusan menyebabkan mereka akan gagal untuk didedahkan dengan pelbagai dasar kerajaan yang baru.

Bagi status pekerjaan, lebih daripada separuh responden kajian tidak mempunyai pekerjaan iaitu 65 peratus dan hanya 35 peratus responden yang bekerja. Daripada jumlah tersebut, kajian ini mendapati hampir separuh responden iaitu 49.5 peratus tergolong dalam golongan miskin yang mempunyai pendapatan RM650 sebulan. 35.7 peratus mempunyai pendapatan bulanan RM651. Manakala hanya 9.5 peratus responden mempunyai pendapatan RM1000 sebulan. Hasil kajian ini memberi gambaran bahawa belia Orang Asli mempunyai masalah kewangan terutama mereka tinggal di kawasan bandar kerana kos sara hidup yang tinggi.

KEFAHAMAN BELIA ORANG ASLI TERHADAP KOMPUTER

Belia Orang Asli Bukit Lanjan mampu mentafsirkan dan menerokai komputer sebagai teknologi baru dalam kehidupan mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa 83.3 peratus belia Orang Asli Bukit Lanjan mempunyai kefahaman yang tepat terhadap komputer. Kefahaman tersebut adalah berkenaan dengan maklumat asas, kepentingan, kemampuan dan teknikal komputer. Huraian mengikut kategori terhadap komputer telah menunjukkan

bahawa, mengikut kategori teknikal belia Orang Asli mengetahui dan memahami cara komputer berfungsi, iaitu komputer merupakan sebuah teknologi ICT yang berasaskan teknologi elektronik (81.7 peratus). Mereka memahami komputer hanya berfungsi kesan dari saling berfungsi di antara elektronik dalam komputer yang dikenali sebagai perkakasan elektronik.

Belia Orang Asli juga mengetahui asas komputer sebagai *gadget* ICT yang mana komputer dikategorikan sebagai ICT kerana ia mempunyai fungsi dan ciri-ciri dua jenis teknologi yang dikenali iaitu teknologi maklumat dan teknologi komunikasi (78.3 peratus). Bagi belia Orang Asli, komputer merupakan sebuah teknologi perantaraan untuk menyampaikan apa juga maklumat. Komputer juga memainkan peranan sebagai teknologi yang mampu mengkomunikasikan maklumat. Belia Orang Asli memahami komputer sebagai sebuah teknologi dua dalam satu iaitu teknologi yang mempunyai maklumat dan teknologi yang mampu untuk mengkomunikasikan maklumat tersebut. Analisis dari hasil kajian tersebut mendapati bahawa belia Orang Asli tidak mempunyai halangan kefahaman tentang asas komputer. Mereka mempunyai kefahaman yang jelas cara komputer berfungsi dan kombinasi penting dua teknologi. Ia menunjukkan dengan jelas bahawa, belia Orang Asli tidak sepatutnya berada dalam masalah jurang digital kerana mereka telah mempunyai kefahaman yang jelas tentang komputer.

Dari aspek fungsi komputer, belia Orang Asli memahami dengan baik tiga fungsi utama komputer iaitu membantu dalam proses mempelajari perkara baru (88.3 peratus), ICT membantu memudahkan proses komunikasi (86.7 peratus) dan teknologi yang membantu dalam mendapatkan maklumat dengan mudah dan cepat (85.8 peratus). Kefahaman yang menyatakan bahawa komputer membantu mereka untuk mempelajari perkara baru adalah kerana komputer penting dalam kehidupan sehari-hari mereka terutamanya bagi tujuan pendidikan. Menurut mereka, keperluan komputer dalam pendidikan menyebabkan mereka memahami bahawa komputer sebagai asas untuk mempelajari perkara baru. Lebih-lebih lagi dasar baru dalam pendidikan iaitu Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) memberi penekanan yang serius terhadap penggunaan komputer dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PIPP, 2006). Bukan setakat itu sahaja, belia Orang Asli Bukit Lanjan didedahkan dengan sistem pendidikan arus perdana dan tidak terlibat dengan sistem pendidikan khas untuk Orang Asli yang dikenali sebagai KAP. Pendedahan melalui sistem pendidikan tersebut mendorong belia Orang Asli untuk menggunakan komputer bagi tujuan memperoleh maklumat baru.

Kefahaman belia Orang Asli terhadap komputer sebagai ICT yang membantu dalam memudahkan proses komunikasi adalah kesan dari pendedahan mereka dengan teknologi Internet. Ini bermakna, belia Orang Asli memahami komputer bukan hanya sebagai teknologi komunikasi yang bersifat sehalo sahaja, akan tetapi ia mampu digunakan untuk berkomunikasi secara dua hala. Kefahaman ini bermakna belia Orang Asli sudah menyedari kemampuan dan kepentingan komputer dalam memudahkan komunikasi sesama mereka. Pendedahan terhadap fungsi komputer telah memberi alternatif baru kepada belia Orang Asli untuk mendapatkan maklumat. Mereka mampu untuk mendapatkan apa sahaja maklumat dengan hanya menggunakan komputer. Namun menurut mereka, cara memperoleh maklumat adalah dengan dua cara iaitu pertama maklumat yang dimasukkan atau dipindahkan ke dalamnya dan kedua maklumat yang diperoleh dengan bantuan Internet. Menurut mereka lagi, penggunaan Internet

membolehkan mereka mendapatkan maklumat dengan mudah dan cepat. Mereka tidak lagi hanya bergantung dengan teknologi konvensional seperti televisyen atau radio, akan tetapi memperoleh maklumat tanpa had melalui penggunaan komputer.

PEMILIKAN KOMPUTER

Kajian ini turut mengenal pasti pemilikan komputer dan beberapa *gadget* lain yang berhubung kait dengan komputer termasuklah *laptop* dan Internet. Berikut merupakan pemilikan komputer dan *gadget* komputer alatan yang berkaitan:

Jadual 2: Pemilikan Komputer

	Komputer	Laptop	Internet
Ada	15 (12.5%)	9 (7.5%)	8 (6.7%)
Tidak Ada	105 (87.5%)	111 (92.5%)	112 (93.3%)
	120	120	120

Berdasarkan jadual 2, hanya 12.5 peratus belia Orang Asli yang mempunyai komputer di rumah mereka. Jumlah ini sangat kecil berbanding dengan jumlah penglibatan belia Orang Asli dalam kajian ini iaitu 1:10. Begitu juga dengan pemilikan *laptop* dan Internet, namun peratus pemilikannya jauh lebih rendah dari komputer. Masalah pemilikan komputer yang rendah menyebabkan belia Orang Asli jauh ketinggalan daripada beberapa aspek iaitu kepenggunaan, kemahiran dan manfaat ICT. Masalah pemilikan ini juga menyebabkan mereka tidak dapat untuk mengakses pelbagai manfaat ICT. Oleh demikian, ia meletakkan belia Orang Asli dalam jurang digital. Di antara faktor yang menyebabkan belia Orang Asli tidak memiliki komputer dan *gadget* yang lain ialah faktor pendapatan yang terhad. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam hasil kajian sebelum ini, kebanyakan belia Orang Asli merupakan individu golongan miskin dan miskin tegar. Ini bermaksud parameter kepada jurang digital saling berkaitan dengan beberapa faktor yang lain.

Dalam kes belia Orang Asli Bukit Lanjan, pemilikan komputer sebagai parameter jurang digital adalah kesan dari parameter jurang digital yang lain iaitu masalah pendapatan yang terhad. Kombinasi di antara kedua-dua parameter tersebut menyebabkan fenomena jurang digital menjadi semakin melebar dan kompleks. Pendapatan yang terhad menghalang belia Orang Asli untuk memiliki komputer, manakala kegagalan untuk memiliki komputer telah menyebabkan belia Orang Asli tidak dapat menggunakan ICT dalam kehidupan mereka. Bukan setakat itu sahaja, pendapatan yang terhad menghalang belia Orang Asli untuk mencuba pelbagai *gadget* komputer yang lain seperti *laptop* dan Internet. Apa yang lebih membimbangkan ialah kegagalan mereka untuk memiliki komputer menyebabkan mereka tidak mendapat pendedahan yang secukupnya dan seterusnya menolak pembangunan yang diusahakan oleh kerajaan sama ada pembangunan ICT atau pelbagai bentuk pembangunan yang lain.

KEPENGUNAAN ICT

Di antara parameter lain bagi mengesan kewujudan jurang digital ialah tingkah laku kepenggunaan ICT dalam kalangan mereka. Pola kepenggunaan komputer menggambarkan keadaan sebenar jurang digital dalam kalangan belia Orang Asli iaitu jika kepenggunaan tinggi dalam kalangan mereka maka boleh disimpulkan tidak berlakunya masalah jurang digital di kawasan tersebut dan sebaliknya. Kepenggunaan komputer dalam kalangan belia Orang Asli Bukit Lanjan ditunjukkan sebagaimana berikut:

Jadual 3: Kepenggunaan

	Komputer	Laptop	Internet
Guna	10 (8.3%)	9 (7.5%)	8 (6.7%)
Tidak Guna	110 (91.7%)	111 (92.5%)	112 (93.3%)
	120	120	120

Hanya sekumpulan kecil belia Orang Asli yang menggunakan komputer, begitu juga dengan penggunaan *laptop* dan Internet. Kepenggunaan yang rendah tersebut telah meletakkan belia Orang Asli sebagai golongan yang ketinggalan jauh dari teknologi yang semakin digunakan secara meluas oleh masyarakat. Kegagalan menggunakan teknologi tersebut telah menghalang mereka menikmati pelbagai faedah penggunaan komputer. Di antaranya aktiviti komunikasi yang lebih baik, pemerolehan maklumat yang lebih banyak dan pengurusan serta penyimpanan maklumat yang lebih berkesan. Kegagalan belia Orang Asli menggunakan komputer menggambarkan betapa jauhnya mereka ketinggalan daripada dasar-dasar kerajaan yang bermatlamat untuk menjadikan rakyat Malaysia kaya dengan maklumat bermanfaat sekali gus memberikan semula sumbangan kepada negara kelak.

Kegagalan belia Orang Asli menggunakan komputer turut memberi satu kesimpulan yang konkret iaitu dasar pembangunan ICT negara telah gagal disampaikan dan diterima masyarakat keseluruhannya. Kegagalan ini meletakkan belia Orang Asli berada dalam jurang digital dan menimbulkan satu persoalan yang besar, iaitu sejauh mana kejayaan kerajaan membangunkan pembangunan ICT sedangkan Orang Asli yang tinggal di kawasan bandar elit tetap tidak menggunakan komputer dengan baik. Ini menunjukkan jurang digital bukan setakat berlaku disebabkan oleh faktor geografi, akan tetapi ia turut melibatkan kumpulan manusia tertentu terutamanya masyarakat minoriti.

PENGETAHUAN KEPENGUNAAN KOMPUTER

Dari sudut pengetahuan kepenggunaan perisian asas komputer, hasil kajian telah menunjukkan pengetahuan kepenggunaan yang dimiliki oleh belia Orang Asli terhadap perisian ICT tersebut iaitu:

Jadual 4: Pengetahuan Kepenggunaan Komputer

	<i>Microsoft Word</i>	<i>Microsoft Excel</i>	<i>Microsoft Point</i>	Laman sesawang	E-mel
Tidak Tahu	92 (76.7%)	101 (84.2%)	105 (87.5%)	100 (83.3%)	101 (84.2%)
Sederhana	16 (13.3%)	8 (6.7%)	4 (3.3%)	7 (5.8%)	7 (5.8%)
Tahu	12 (10%)	11 (9.2%)	11 (9.2%)	13 (10.8%)	12 (10%)
	120	120	120	120	120

Bagi perisian asas komputer iaitu perisian *Microsoft Word* yang biasa digunakan untuk tujuan penulisan, penyusunan maklumat dan penyimpanan rekod, bilangan belia Orang Asli yang tahu menggunakan perisian ini ialah 10 peratus, sederhana tahu 13.3 peratus dan 76.7 peratus belia Orang Asli langsung tidak tahu untuk menggunakan perisian tersebut. Bagi perisian asas lain iaitu *Microsoft Excel*, peratus belia Orang Asli yang tahu menggunakan perisian ini ialah 9.2 peratus sahaja, sederhana tahu 13.3 peratus dan tidak tahu 76.7 peratus. Manakala bagi penggunaan perisian asas komputer yang lain iaitu *Microsoft Powerpoint*, peratus belia Orang Asli yang tahu menggunakan perisian tersebut ialah 9.2 peratus, sederhana tahu 3.3 peratus dan langsung tidak tahu ialah 87.5 peratus.

Pengetahuan terhad tentang aplikasi atau perisian asas komputer menyebabkan belia Orang Asli tidak dapat menggunakan komputer bagi mencapai maksud yang sebenar. Komputer merupakan sebuah teknologi yang dicipta untuk memudahkan aktiviti mengkomunikasikan dan perkongsian maklumat, ia termasuklah aktiviti komunikasi sehala. Namun, berdasarkan hasil kajian, boleh dirumuskan bahawa belia Orang Asli masih lagi gagal untuk menguasai komputer dengan baik. Ketidakmampuan mereka untuk menggunakan perisian asas komputer telah menyukarkan mereka untuk menggunakan komputer bagi mencapai objektif pembangunan ICT negara. Usaha kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 yang dipacu oleh pengetahuan ICT mungkin akan tercapai, namun belia Orang Asli yang gagal menggunakan komputer sebagai aplikasi ICT utama, akan terus ketinggalan. Bukan setakat mereka berterusan akan berhadapan dengan masalah jurang digital, yang lebih membimbangkan lagi ialah kemampuan mereka untuk mengikuti arus pembangunan negara kelak.

Bagi penggunaan laman sesawang pula, hanya 10.8 peratus belia Orang Asli tahu menggunakan perisian ini, 5.8 peratus lagi hanya sederhana tahu dan 83.3 peratus lagi langsung tidak tahu untuk menggunakan Internet. Bagi pengetahuan penggunaan e-mel pula, 10 peratus belia Orang Asli tahu menggunakan perisian ini, 5.8 peratus lagi sederhana tahu dan manakala 84.2 peratus lagi langsung tidak tahu untuk menggunakan perisian ini. Data tersebut menunjukkan kebanyakan belia Orang Asli mempunyai pengetahuan yang sangat rendah terhadap aplikasi asas Internet sama ada bagi melayari laman sesawang untuk mencari maklumat atau penggunaan e-mel untuk aktiviti perkongsian maklumat secara interaktif.

Keadaan tersebut sangat bertentangan dengan strategi kerajaan di dalam RMKe-9, yang mana dalam strategi tersebut kerajaan memperhebatkan lagi usaha untuk menggalakkan penggunaan Internet dalam kalangan rakyat. Ini kerana, penggunaan Internet mampu menggalakkan aktiviti perkongsian maklumat di antara mereka dengan pantas dan berkesan. Namun, strategi tersebut gagal mencapai matlamatnya apabila

hanya segelintir belia Orang Asli yang mampu menggunakan Internet sedangkan kajian ini sudah melibatkan sebuah kumpulan Orang Asli yang telah mendapat pendedahan dengan pembangunan yang agresif. Manakala dari aspek yang lain, ketidaktahuan belia Orang Asli untuk menggunakan Internet sudah pasti akan mengakibatkan mereka tidak mampu untuk menggunakan Internet yang mempunyai pelbagai kebaikan untuk menggalakkan peningkatan ilmu, pengetahuan dan pembangunan manusia.

TUJUAN PENGGUNAAN ICT

Terdapat pelbagai tujuan penggunaan ICT dalam kalangan belia Orang Asli yang menggunakan ICT. Hasil kajian telah merumuskan terdapat empat tujuan penggunaan ICT dalam kalangan belia Orang Asli Bukit Lanjan iaitu:

Jadual 5: Tujuan Penggunaan

Tujuan	Komputer	Laptop	Internet
Hiburan	9 (7.5%)	10 (8.3%)	7 (5.8%)
Pendidikan	10 (8.3%)	8 (6.7%)	7 (5.8%)
Kerja	6 (5%)	6 (5%)	5 (4.2%)
Pembangunan Diri	9 (7.5%)	8 (6.7%)	5 (4.2%)

Bagi penggunaan komputer, tujuan belia Orang Asli menggunakan ICT tersebut adalah untuk pendidikan iaitu (8.3 peratus). Tingkah laku penggunaan komputer adalah kerana ia diperlukan dalam sistem pendidikan. Memandangkan kampung Orang Asli Bukit Lanjan berada di kawasan bandar, sistem pendidikan yang diaplikasikan adalah berasaskan sistem pendidikan yang merujuk kepada dasar kerajaan terkini iaitu Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). PIPP menekankan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran bagi menggalakkan peningkatan minat dan prestasi dalam pendidikan. Oleh sebab itulah, belia Orang Asli menggunakan komputer untuk pendidikan. Menurut mereka, di antara aktiviti yang memerlukan komputer dalam persekolahan mereka ialah menyelesaikan tugas sekolah, menguruskan maklumat dan beberapa pelajaran yang memerlukan penggunaan komputer.

Di antara tujuan lain penggunaan komputer ialah tujuan untuk hiburan dan pembangunan diri yang mana masing-masing adalah 7.5 peratus. Penggunaan komputer bagi tujuan hiburan sememangnya tidak dapat dielakkan kerana banyak perisian dan perkakasan komputer dibina bagi tujuan tersebut. Contohnya ialah perisian permainan komputer, belia Orang Asli menganggap ia merupakan salah satu cara hiburan baru yang lebih menarik. Bagi pembangunan diri pula, ia merujuk kepada kemampuan komputer menyediakan ruang alternatif yang lebih canggih untuk menyediakan kemudahan-kemudahan perolehan maklumat. Belia Orang Asli juga menggunakan komputer untuk membantu menyelesaikan kerja mereka. Di antara keperluan komputer dalam kerja ialah merekodkan, mengurus dan menyimpan maklumat kerja dengan berkesan. Bagi belia Orang Asli, penggunaan komputer banyak membantu mereka untuk menyelesaikan kerja-kerja mereka dengan lebih baik dan pantas. Tujuan penggunaan *laptop* adalah sama sebagaimana komputer, namun penggunaannya lebih banyak bagi tujuan hiburan

berbanding pendidikan. *Laptop* yang mempunyai unsur mudah dibawa membolehkan mereka menggunakan untuk melayari Internet bagi tujuan hiburan.

Bagi penggunaan internet pula, penggunaan bagi tujuan pendidikan dan hiburan dalam kalangan belia Orang Asli Bukit Lanjan ialah 5.8 peratus. Begitu juga di antara penggunaan komputer untuk tujuan urusan kerja dan pembangunan diri iaitu masing-masing 4.2 peratus. Penggunaan Internet adalah penting dalam membantu pembelajaran belia Orang Asli, Internet mengandungi pelbagai maklumat yang berkenaan pendidikan serta memudahkan mereka untuk saling berinteraksi dalam memenuhi keperluan pendidikan. Begitu juga dengan tujuan hiburan, Internet menyediakan ruang tanpa had kepada belia Orang Asli untuk memperoleh maklumat berkenaan dengan hiburan. Bagi tujuan kerja, Internet membekalkan maklumat yang diperlukan oleh belia Orang Asli terutamanya tentang keadaan semasa yang memberi kesan kepada kerja mereka. Manakala untuk pembangunan diri pula, Internet menyediakan pelbagai maklumat-maklumat yang diperlukan oleh belia Orang Asli untuk mengubah hidup mereka agar menjadi lebih baik. Di antaranya ialah laman sesawang dan *blog-blog* yang membincangkan isu-isu tertentu yang memberi manfaat kepada mereka.

KEMUDAHAN ICT

Di antara isu besar dalam masalah jurang digital ialah kegagalan penyediaan kemudahan dan akses kepada ICT. Kajian ini telah menyenaraikan beberapa kemudahan-kemudahan yang penting dalam menyalurkan pengetahuan, kepenggunaan dan akses ICT kepada belia Orang Asli iaitu:

Jadual 6: Kemudahan ICT

Talian telefon tetap		Kelas/Kursus ICT		Internet	
Tidak Ada	Ada	Tidak Ada	Ada	Tidak Ada	Ada
89 (74.2%)	31 (25.8%)	100 (83.3%)	20 (16.7%)	101 (84.2%)	19 (15.8%)

Kebanyakan responden menyatakan bahawa di rumah mereka tidak mempunyai talian telefon tetap (74.2 peratus) yang mana perkhidmatan tersebut adalah penting untuk akses Internet. 16.7 peratus belia Orang Asli menyedari kewujudan kelas atau kursus ICT di kawasan mereka dan hanya 15.8 peratus belia Orang Asli menyedari bahawa perkhidmatan Internet disediakan di sekeliling mereka. Kajian ini menunjukkan kemudahan atau akses kepada Internet adalah amat rendah di persekitaran belia Orang Asli Bukit Lanjan. Kegagalan penyediaan kemudahan dan akses ICT ini merupakan salah satu faktor besar yang menyebabkan belia Orang Asli berada dalam jurang digital. Talian telefon tetap sebagai contohnya, sungguhpun kampung Orang Asli berada di persekitaran bandar, namun perkhidmatan ini masih lagi kurang dimiliki oleh belia Orang Asli. Di antara faktor yang menyebabkan masalah tersebut ialah ketidakmampuan belia Orang Asli untuk melanggan perkhidmatan tersebut. Memandangkan komunikasi penting dalam hidup belia Orang Asli, mereka telah memilih teknologi yang tidak memerlukan kos

tinggi iaitu telefon bimbit. Ini menunjukkan peranan faktor kewangan memainkan peranan yang penting untuk memiliki dan menggunakan ICT.

Masalah lain yang mendorong kewujudan masalah jurang digital dalam kalangan belia Orang Asli Bukit Lanjan ialah kurang diadakan kursus atau kelas yang berkaitan dengan ICT terutamanya komputer. Usaha untuk mengurangkan masalah jurang digital tidak akan berjaya sekiranya saluran untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT untuk belia Orang Asli tidak diberikan perhatian yang serius. Menurut belia Orang Asli, mereka ingin mengikuti kelas atau kursus ICT namun ia jarang diadakan. Jika adapun, ia tidak dibuat secara sistematik dan konsisten. Dalam masa yang sama, penyertaan kelas atau kursus ICT memerlukan kos kerana lazimnya ia ditawarkan oleh pihak-pihak swasta dan jarang dari agensi yang sepatutnya bertanggung jawab menyediakan perkhidmatan tersebut.

Manakala bagi kemudahan Internet, hanya sedikit belia Orang Asli mempunyai kemudahan tersebut. Menurut belia Orang Asli, mereka memerlukan Internet untuk mencari maklumat dan berhubung dengan persekitaran mereka. Namun, mereka tidak mampu untuk memiliki Internet sebagaimana telefon talian tetap yang juga memerlukan kos yang tinggi. Sebagai alternatifnya, mereka mengunjungi kafe siber yang berdekatan untuk akses kepada Internet. Kesemua masalah tersebut menunjukkan kegagalan menyediakan kemudahan menjadi salah faktor kepada jurang digital. Namun, kajian ini melihat faktor kewangan menjadi kekangan utama belia Orang Asli untuk mendapatkan ICT.

DORONGAN PENGGUNAAN KOMPUTER

Sungguhpun kebanyakan belia Orang Asli tidak menggunakan komputer, ia tidak bermakna mereka menolak dan enggan menggunakan komputer sebaliknya mereka menyatakan keinginan untuk menggunakan dan memiliki komputer. Terdapat sembilan dorongan yang mendorong belia orang Asli menggunakan komputer iaitu keinginan untuk membangun, keperluan dalam hidup, mengisi masa lapang, mempelajari perkara baru, kewangan keluarga, pengaruh kawan, hiburan, keperluan dalam kerja dan mencari kerja. Di antara kesembilan dorongan tersebut, terdapat empat dorongan yang paling utama iaitu ingin membangun (76.7 peratus), mempelajari perkara baru (73.3 peratus), keperluan dalam hidup (70 peratus) dan mencari pekerjaan (62.5 peratus).

Belia Orang Asli melihat komputer sebagai teknologi yang memanifestasikan pembangunan dan penggunaannya akan mengakibatkan hidup mereka menjadi lebih baik. Belia Orang Asli menyedari bahawa mereka masih lagi jauh ketinggalan dari arus pembangunan perdana negara. Kesedaran ini menyebabkan mereka tercari-cari ruang yang perlu mereka ikuti untuk mengatasi masalah tersebut dan mencari keseimbangan pembangunan. Kesan dari pendedahan dengan ICT, belia Orang Asli menyedari bahawa komputer mampu mencapai matlamat mereka untuk turut serta dalam pembangunan negara dan seterusnya berjaya menjadi masyarakat yang membangun. Selain itu, belia Orang Asli menyedari bahawa komputer mampu membantu mereka untuk memperoleh maklumat baru dan terkini dengan pantas. Kemampuan komputer tersebut adalah sesuai dengan keadaan semasa yang mana maklumat diperlukan segera terutamanya bagi aktiviti pendidikan dan pekerjaan.

Belia Orang Asli juga menyatakan bahawa komputer diperlukan kerana ia merupakan satu keperluan dalam hidup. Dorongan ini wujud disebabkan dua perkara iaitu penyertaan dalam arus perdana negara dan desakan persekitaran. Penyertaan dalam arus pembangunan negara seperti sistem pendidikan, pembandaran dan kerja telah mendesak belia Orang Asli untuk menggunakan komputer. Kesemua persekitaran tersebut kebanyakannya telah pun bergantung dengan komputer terutamanya dalam sistem pendidikan. Selain itu, belia Orang Asli turut mula tertekan dengan persekitaran mereka yang sudah semakin banyak bergantung dengan komputer termasuklah perbankan, urusan kerja dan sebagainya. Atas desakan kerja juga mendorong belia Orang Asli untuk menggunakan komputer, lebih-lebih lagi menurut belia Orang Asli, untuk mencari peluang dan memohon pekerjaan juga memerlukan komputer. Keadaan tersebut menunjukkan satu dimensi baru berkenaan jurang digital dalam kalangan belia Orang Asli. Jurang digital yang berlaku dalam kalangan mereka bukanlah dalam bentuk jurang nilai, kerana belia Orang Asli mempunyai nilai yang positif dan terbuka terhadap ICT, sebaliknya mereka telah menunjukkan tingkah laku berasimilasi dengan ICT dengan menyatakan bahawa ICT diperlukan dalam hidup mereka bagi pelbagai tujuan.

HALANGAN MENGGUNAKAN KOMPUTER

Kajian ini telah berjaya mengenal pasti tiga kategori faktor yang lazimnya menghalang penggunaan ICT iaitu faktor dalaman, faktor pengetahuan dan kemahiran dan faktor luaran. Faktor dalaman merangkumi minat, bersedia guna, puas hati dan rendah diri. Faktor pengetahuan merangkumi pengetahuan untuk guna dan belajar untuk menggunakan komputer. Manakala faktor luaran menunjukkan galakan dari keluarga dan kewangan diri. Belia Orang Asli menunjukkan minat yang tinggi untuk menggunakan komputer iaitu 80.8 peratus dan hanya 19.2 peratus belia Orang Asli yang tidak minat untuk menggunakan komputer. Sungguhpun belia Orang Asli mengetahui bahawa mereka tidak tahu untuk menggunakan komputer, masalah tersebut tidak menyebabkan mereka berasa rendah diri untuk menggunakan komputer yang mana 77.5 peratus belia Orang Asli tidak mempunyai rasa rendah diri untuk menggunakan komputer. Hasil kajian juga menunjukkan 60 peratus belia Orang Asli yang tidak berpuas hati dengan keadaan diri mereka yang tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer. Dalam masa yang sama, 77.5 peratus belia Orang Asli bersedia untuk menggunakan komputer.

Minat memainkan peranan besar dalam menentukan tingkah laku khusus terhadap komputer sama ada menggunakan komputer atau tidak. Kebanyakan belia Orang Asli Bukit Lanjan mempunyai minat terhadap komputer, keadaan ini menjadikan belia Orang Asli ingin menggunakan komputer dan bukan menolaknya. Keinginan mereka untuk memiliki atau menggunakan komputer akan memberi tanggapan dan tingkah laku positif terhadap komputer. Oleh demikian, minat belia Orang Asli terhadap komputer tidak menjadi halangan kepada mereka untuk menggunakan komputer. Begitu juga dengan faktor dalaman yang lain, sungguhpun hasil kajian sebelum ini menunjukkan hanya segelintir belia Orang asli yang tahu, memiliki dan mahir menggunakan komputer, ia tidak bermakna belia Orang Asli merasa rendah diri, takut atau malu untuk menggunakan komputer. Namun, keadaan tersebut tidak berlaku dalam kalangan belia Orang Asli.

Menurut mereka, keperluan komputer dalam hidup mereka melebihi segala-galanya dan oleh itu mereka sepatutnya lebih berusaha untuk menggunakan komputer dan bukannya menjauhi komputer.

Dalam masa yang sama, belia Orang Asli berasa tidak berpuas hati dengan masalah kekurangan pengetahuan dan kemahiran komputer mereka. Belia Orang Asli tidak menunjukkan tingkah laku negatif seperti menjauhi dan pasrah dengan kekurangan mereka. Sebaliknya, belia Orang Asli merasakan keadaan tersebut perlu diperbaiki dan kekurangan tersebut menjadi dorongan yang kuat kepada belia Orang Asli untuk menggunakan komputer. Selain itu, mereka bersedia untuk menggunakan komputer pada bila-bila masa sahaja sekiranya kemudahan komputer disediakan. Hasil kajian berjaya menunjukkan belia Orang Asli tidak mempunyai halangan dalaman yang menghalang mereka untuk menggunakan komputer. Sebaliknya, unsur dalaman tersebut menjadi daya pendorong yang kuat kepada belia Orang Asli untuk menggunakan komputer. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa faktor dalaman termasuklah juga nilai bukanlah faktor yang menolak belia Orang Asli ke dalam masalah jurang digital dan seterusnya menghalang mereka untuk menggunakan komputer.

Bagi faktor pengetahuan dan kemahiran pula, sebahagian besar belia Orang Asli pernah belajar menggunakan komputer iaitu 65.8 peratus. Manakala sebahagian kecil sahaja yang tidak pernah belajar menggunakan komputer iaitu 34.2 peratus. Bagi pengetahuan menggunakan komputer, 56.7 peratus belia Orang Asli yang tahu menggunakan komputer dan 43.3 peratus belia Orang Asli yang tidak tahu menggunakan komputer. Hasil kajian mengalih perhatian untuk memahami fenomena tersebut dari dua dimensi yang berbeza iaitu pertama belia Orang Asli telah didedahkan untuk menggunakan komputer, ini sepatutnya menyebabkan belia Orang Asli mudah untuk menerima komputer dan tidak menolaknya. Dimensi kedua ialah pembelajaran komputer tidak semestinya menyebabkan belia Orang Asli tahu komputer, oleh itu terdapat faktor lain yang membentuk tingkah laku tahu untuk menggunakan komputer.

Penembusan komputer akan menjadi sukar sekiranya teknologi tersebut masih baru diperkenalkan dalam masyarakat kerana ia melibatkan pertimbangan nilai terlebih dahulu. Namun, hasil kajian menunjukkan komputer bukan lagi teknologi baru atau asing kepada belia Orang Asli yang memerlukan pertimbangan baru nilai. Belia Orang Asli sudah pun didedahkan dengan komputer melalui penyertaan dengan kelas atau kursus komputer. Ini secara langsung menunjukkan bahawa belia Orang Asli mampu untuk menerima komputer dan tiada halangan penerokaan awal atau pembelajaran komputer dalam kalangan mereka. Justeru, pendedahan atau pengetahuan tentang komputer bukanlah menjadi faktor kepada masalah jurang digital dalam kalangan belia Orang Asli.

Hasil kajian menunjukkan satu fenomena yang mana pembelajaran komputer tidak menyebabkan belia Orang Asli tahu untuk menggunakan komputer. Oleh demikian, kajian ini menunjukkan suatu dimensi lain dalam melihat masalah literasi komputer dalam kalangan belia Orang Asli. Hasil kajian sebelum ini menunjukkan hanya sekumpulan kecil belia Orang Asli memiliki komputer, keadaan ini adalah disebabkan masalah kewangan yang dimiliki oleh belia Orang Asli. Masalah tidak mempunyai kemudahan komputer tersebut telah menghalang belia Orang Asli untuk menggunakan komputer secara konsisten dan berterusan. Kesannya, masalah tersebut menghalang mereka untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran komputer yang pernah

mereka pelajari. Jadi, masalah jurang digital dalam aspek kemahiran menggunakan komputer merupakan manifestasi dari masalah lain yang dihadapi belia Orang Asli dan masalah tersebut memberi kesan timbal balik di antara satu sama lain.

Kategori ketiga iaitu faktor luaran yang menghalang belia Orang Asli menggunakan komputer ialah kewangan diri dan galakan dari keluarga. Belia Orang Asli menyatakan bahawa hanya 21.7 peratus belia Orang Asli mampu untuk memiliki komputer. Manakala hanya 36.7 peratus belia Orang Asli yang menggalakkan penggunaan komputer. Kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua faktor tersebut menjadi halangan yang besar kepada kepenggunaan dan pemilikan komputer yang mana faktor tersebutlah yang menjadi faktor besar kepada masalah jurang digital dalam kalangan belia Orang Asli. Memandangkan mereka memiliki pendapatan yang terhad, belia Orang Asli lebih cenderung memilih untuk berbelanja membeli barang keperluan sahaja. Oleh itu, kecenderungan untuk memiliki komputer akan terhalang kerana kesan dari masalah kewangan terhad tersebut. Golongan belia Orang Asli juga bermasalah untuk mendapat sokongan dan galakan dari keluarga, ini menunjukkan kepenggunaan komputer dalam kalangan belia Orang Asli tidak mendapat sokongan yang baik dari keluarga mereka. Masalah ini akan mematikan keinginan dan tingkah laku belia Orang Asli untuk menggunakan komputer. Oleh demikian, kategori faktor luaran merupakan faktor utama yang menyebabkan belia Orang Asli berada dalam jurang digital.

Kesimpulannya, di antara ketiga-tiga kategori faktor yang menghalang belia Orang Asli menggunakan komputer, hanya satu kategori faktor yang menyebabkan belia Orang Asli berada dalam masalah jurang digital iaitu faktor luaran. Ini membawa maksud, faktor dalaman dan pengetahuan tidak menjadi halangan kepada belia Orang Asli untuk menggunakan komputer. Justeru, ia memperlihatkan potensi dan keupayaan belia Orang Asli untuk dibangunkan seiring dengan pembangunan ICT negara.

PERSEPSI BELIA ORANG ASLI TERHADAP ICT

Secara keseluruhannya, belia Orang Asli mempunyai persepsi positif terhadap komputer 85.8 peratus dan hanya 14.2 peratus belia Orang Asli yang melihat komputer sebagai negatif. Belia Orang Asli beranggapan komputer sebagai penting dalam kehidupan mereka (86.7 peratus), menjadikan hidup lebih mudah 98.3 peratus), keupayaan mendapat lebih maklumat berbanding orang lain (83.3 peratus), penggunaannya akan membawa kepada kemajuan (80 peratus), dapat mengubah kehidupan Orang Asli agar hidup lebih baik dan memberi faedah kepada Orang Asli (83.3 peratus). Manakala bagi persepsi negatif, hanya 24.3 peratus belia Orang Asli beranggapan komputer menyalurkan maklumat negatif kepada Orang Asli, 13.3 peratus boleh merosakkan budaya Orang Asli dan membawa masalah kepada Orang Asli.

Belia Orang Asli menyedari bahawa komputer penting dalam kehidupan mereka, oleh itu mereka terpaksa akur untuk menerima komputer meskipun mereka sukar untuk menggunakan atau memilikinya. Dalam masa yang sama, walaupun mereka tidak mampu untuk menggunakan komputer, mereka beranggapan bahawa zaman sekarang memerlukan komputer dalam segenap kehidupan manusia sama ada bagi tujuan pendidikan, ekonomi dan sebagainya. Belia Orang Asli turut beranggapan komputer sebagai teknologi yang memudahkan urusan harian mereka iaitu keperluan dalam

pendidikan dan pekerjaan yang mampu mengoptimumkan keupayaan dan pengurusan kerja mereka. Ini bermaksud, mereka telah menyertai pembangunan arus perdana negara dengan baik.

Belia Orang Asli percaya komputer mampu memberi maklumat positif yang boleh memberi kesan langsung kepada pembangunan modal insan dalam kehidupan mereka. Perolehan maklumat yang baru dan sentiasa dikemaskinikan mampu membawa mereka untuk maju dan bergerak seiring dengan arus pembangunan perdana negara. Tanggapan ini terbentuk kesan daripada desakan dalaman mereka untuk menikmati pembangunan yang sama dengan masyarakat elit di sekeliling mereka. Oleh demikian, komputer menjadi satu bentuk manifestasi kepada kemajuan dan teknologi yang mampu membawa mereka ke arah matlamat tersebut. Belia Orang Asli juga melihat komputer sebagai teknologi yang memberi banyak faedah kepada mereka terutamanya bagi mengubah kehidupan Orang Asli menjadi lebih baik. Belia Orang Asli melihat kekuatan komputer dari sudut kemampuannya untuk memberi maklumat yang bermanfaat dan positif yang diperlukan untuk mengubah hidup mereka. Secara tidak langsung memperlihatkan golongan belia tidak lagi berasa selesa dengan persekitaran tradisional dan bergantung kepada sosioekonomi berasaskan sara diri. Mereka mula menunjukkan kemauan untuk mengikuti persekitaran yang banyak bergantung kepada teknologi komputer.

Lebih-lebih lagi, belia Orang Asli tidak melihat komputer sebagai teknologi yang boleh merosakkan budaya Orang Asli. Sebaliknya mereka beranggapan komputer perlu digunakan oleh kesemua ahli masyarakat mereka. Dengan perkataan lain, komputer bukanlah ancaman kepada kelangsungan budaya mereka sebagai Orang Asli. Dalam masa yang sama, belia Orang Asli percaya bahawa baik atau buruk kesan penggunaan komputer adalah bergantung pada pengguna itu sendiri dan bukannya kesan dari *per se* komputer. Oleh itu, mereka tidak beranggapan komputer sebagai alat yang membawa masalah kepada hidup mereka dan sebaliknya banyak membantu memudahkan urusan harian mereka. Kesimpulannya, faktor persepsi bukan menjadi halangan belia Orang Asli untuk menerima komputer, faktor tersebut juga bukan faktor utama yang menyebabkan belia Orang Asli berada dalam masalah jurang digital. Persepsi positif terhadap komputer yang dimiliki belia Orang Asli memberi petanda bahawa mereka akan mudah menerima komputer dalam hidup mereka.

KESIMPULAN

Menurut Ting Kung Shiung dan Woo Yoke Ling (2005) jurang digital boleh dilihat dari tiga aspek, iaitu jurang akses, jurang penggunaan dan jurang nilai. Jurang digital yang berlaku dalam kalangan belia Orang Asli Bukit Lanjan pula hanya berlaku dari dua aspek sahaja, iaitu jurang akses dan jurang penggunaan. Belia Orang Asli tidak mempunyai akses yang mencukupi untuk membenarkan mereka menggunakan komputer dengan baik, di kawasan mereka tidak disediakan kemudahan yang dapat menggalakkan mereka untuk menggunakan komputer. Kemudahan tersebut termasuklah penyediaan makmal atau kafe siber yang membolehkan belia Orang Asli akses kepada komputer. Dalam masa yang sama, kemudahan pengajaran atau kelas komputer yang berperanan memberi pengetahuan dan kemahiran komputer juga tidak dilaksanakan dengan sistematik dan konsisten. Masalah kegagalan akses tersebut telah meletakkan belia Orang Asli dalam jurang digital. Menurut Mokhtaruddin Ahmad (2002), penyediaan kemudahan ICT akan

mampu menarik masyarakat mendekati ICT, beliau turut menunjukkan satu model yang sesuai bagi menyokong kenyataan beliau iaitu projek ICT di Kampung Bayangan Keningau Sabah berjaya yang disebabkan faktor tersebut.

Bagi jurang penggunaan pula, belia Orang Asli memperlihatkan hanya segolongan kecil belia Orang Asli yang menggunakan komputer, begitu juga dengan golongan yang memiliki kemahiran menggunakan komputer. Ia memberi gambaran bahawa belia Orang Asli berada dalam masalah jurang digital. Namun, dari aspek jurang nilai pula, hasil kajian menunjukkan bahawa belia Orang Asli tidak mempunyai masalah jurang digital dari aspek nilai. Ia disebabkan kebanyakan faktor dalaman seperti dorongan, halangan dalaman dan persepsi belia Orang Asli menunjukkan mereka menerima komputer dan tidak menolaknya. Ia boleh disimpulkan bahawa, belia Orang Asli diklasifikasikan sebagai golongan yang mempunyai masalah jurang digital dari dua aspek iaitu jurang akses dan jurang penggunaan.

Dengan lebih terperinci, Norizan (2007) menyatakan bahawa empat faktor yang menyebabkan berlakunya jurang digital iaitu ekonomi, geografi, kemahiran komputer dan kemahiran bahasa dan literasi. Di antara keempat-empat faktor tersebut, hanya dua faktor yang berhubung kait dengan masalah jurang digital belia Orang Asli iaitu faktor ekonomi dan kemahiran komputer. Namun, kajian ini mendapati kedua-dua faktor tersebut saling bergantung di mana, masalah kemahiran komputer yang rendah dalam kalangan belia Orang Asli adalah kesan daripada masalah kewangan yang dihadapi oleh belia Orang Asli. Faktor kewangan sebagai halangan dan kegagalan program ICT juga dipersetujui oleh Siti Zobidah Omar, Musa Abu Hassan, Narimah dan Jusang Bolong (2008) di dalam kajian mereka yang menunjukkan masalah kewangan menghalang penglibatan masyarakat dengan program ICT.

Namun, isu keengganan menggunakan ICT yang lazimnya boleh menyebabkan berlakunya masalah jurang digital sebagaimana dinyatakan oleh Mohd Sobhi Ishak dan Musa Abu Hassan (2007), tidak berlaku dalam kalangan belia Orang Asli Bukit Lanjan, yang mana kebanyakannya daripada mereka mempunyai kesediaan untuk menerima komputer sama ada kesediaan dari aspek nilai, persepsi, faktor dalaman, pengetahuan dan pendedahan dengan komputer. Oleh demikian, dapat disimpulkan bahawa belia Orang Asli bersedia untuk menerima komputer serta mempunyai keupayaan untuk menggunakan dengan optimum dan efektif sekiranya dua masalah jurang digital tersebut diatasi dengan segera.

RUJUKAN

- Asnarulkhadi A. S., Maria M., Zahid Emby, Mariani M. & Hanina H. H. 2007. *Kurikulum Bersepadu Orang Asli/Penan (KAP)–Satu Pendekatan Baru dalam Pembangunan Pendidikan Komuniti Orang Asli/Penan*. Dalam Arshad Abd. Samad, Asmawati Suhid, Bahaman Abu Samah, Jamilah Othman, Jegak Uli, Mazanah Muhamad, Nobaya Ahmad dan Samsilah Roslan (pnyt), Seminar Kebangsaan Sains Sosial: Sains Sosial Teras Pembangunan Modal Insan Jilid 1 (hal. 83-92). Serdang: Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) UPM.

- Halim Man. 2006. Dalam Aspirasi Digital. Majalah Dwibulanan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi Malaysia (KTAK). Edisi 3 November dan Disember 2006. Dimuat turun pada 25 April 2008 dari www.aspirasidigital.net.my.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2008. *Pembangunan Orang Asli- Cabaran dan Kejayaan*. Seminar Mengenai Pembangunan Masyarakat Orang Asli: Cabaran dan Kejayaan Sempena Hari Orang Asli Sedunia. 19 Ogos 2008. Pusat Pengajian Peribumi Malaysia, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Kerajaan Malaysia. 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- Kerajaan Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- Mohd Sobhi Ishak & Musa Abu Hassan. 2007. *Keengganan Memiliki Komputer Dan Internet Di Rumah: Satu Persoalan Jurang Digital Dalam Kalangan Masyarakat Malaysia*. Kertas seminar International Conference on Media and Communication (MENTION 2007) pada 20-22 Ogos 2007 anjuran Sekolah Pengajian Media & Komunikasi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokhtaruddin Ahmad. 2002. *Projek ICT & Komuniti Kampung Bayangan Keningau Sabah*. Kertas kerja seminar Teknologi Maklumat; Pembangunan Keluarga dan Masyarakat pada 26-27 Mac 2002 anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Norizan Abdul Razak. 2007. *Inisiatif Merapatkan Jurang Digital dalam kalangan Masyarakat Malaysia*. Pusat Kajian E-Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramle Abdullah. 2007. *Orang Asli Dalam Arus Pembangunan Nasional: Analisis Persepsi dan Penerimaan Terhadap Pembangunan dalam kalangan Orang Asli di Terengganu*. Dalam Arshad Abd. Samad, Asmawati Suhid, Bahaman Abu Samah, Jamilah Othman, Jegak Uli, Mazanah Muhamad, Nobaya Ahmad dan Samsilah Roslan (pnyt), Seminar Kebangsaan Sains Sosial: Sains Sosial Teras Pembangunan Modal Insan Jilid 1 (hal. 105-119). Serdang: Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) UPM.
- Siti Nor Awang & Juli Edo. 2003. *Isu Pembangunan dan Dampak Sosial dalam kalangan Masyarakat Orang Asli*. Dalam Mohd Razali Agus & Yahya Ibrahim (pnyt.). Penilaian Dampak Sosial (hal. 278-290). Klang: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Zobidah Omar, Musa Abu Hassan, Narimah dan Jusang Bolong (2008). Faktor Kejayaan & Kegagalan Projek ICT di Luar Bandar. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*. 16 (2): 173-186.
- Suki Mee & Yahya Ibrahim. 2009. Pembandaran dan Penempatan Semula Komuniti Orang Asli. Dalam Yahya Ibrahim, *Komuniti Pembangunan & Transformasi* (hlm. 202-225). Bangi: Penerbit UKM.
- Tengku Mohd. Tengku Sembok. 2003. *Teknologi Maklumat: Dalam Peradaban Malaysia*. Dalam A. Aziz Deraman dan Rohani Zainal Abidin (pnyt.). Globalisasi dan Peradaban di Malaysia (hal. 238-254). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ting Kung Shiung & Woo Yoke Ling. 2005. *Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran dalam kalangan Guru Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional: Sikap Guru, Peranan ICT dan Kekangan / Cabaran Penggunaan ICT*. Kertas Kerja Seminar Pendidikan 2005, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, 15 Oktober 2005.
- Unit Perancangan Ekonomi. 2007. *Rangka Kerja Strategik Kebangsaan bagi Merapatkan Jurang Digital (NSF-BDD)*. Bengkel Pusat Perkhidmatan dan Ilmu Komuniti Peringkat Negeri Pulau Pinang, 13 Jun 2007. Tidak diterbitkan.
- Yahya Awang. 2008. *Sejarah Perkembangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia (JHEOA): Cabaran dan Kejayaan*. Seminar Mengenai Pembangunan Masyarakat Orang Asli: Cabaran dan Kejayaan Sempena Hari Orang Asli Sedunia. 19 Ogos 2008. Pusat Pengajian Peribumi Malaysia, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.

Profil Penulis

Sarjit S. Gill, PhD

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor.
sarjit@putra.upm.edu.my

Ma'ruf Redzuan, PhD

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor.
marof@putra.upm.edu.my

W. A. Amir Zal

Institut Pengajian Sains Sosial
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor.
waamirzal@gmail.com

Minat, Aspirasi dan Sokongan Politik Belia IPT Malaysia

**MOHD FUAD MAT JALI, YAHAYA IBRAHIM, NOOR AZIAH MOHD AWAL,
ABDUL HALIM SIDEK & KHAIDZIR ISMAIL**

ABSTRAK

Mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi merupakan kumpulan belia elit dan terpelajar. Di samping mempelajari pelbagai disiplin ilmu, mereka juga bergiat dalam aktiviti politik kampus. Pola perlakuan politik mereka mampu menggugat suasana politik kampus dan nasional. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis sokongan dan perlakuan politik di kalangan 5200 belia daripada 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 12 Swasta (IPTS) terhadap kerajaan dan faktor yang mempengaruhinya. Berdasarkan pemerhatian dan soal selidik, hasil kajian menunjukkan bahawa minat politik di kalangan belia IPT adalah pada tahap sederhana dan hanya 27.7 peratus daripada mereka telah mendaftar sebagai pengundi dan 12.3 peratus yang menyatakan telah menjadi ahli sesebuah parti politik. Internet merupakan sumber maklumat utama politik mereka di samping televisyen dan akhbar harian perdana. Belia IPT menyatakan mereka memilih calon berdasarkan kriteria pencapaian akademik, seagama, latar belakang agama yang baik dan persamaan ideologi politik. Manakala parti yang dipilih pula berdasarkan perjuangan agama dan bangsa, isu kemanusiaan dan pembangunan. Aspirasi mereka mahukan kerajaan lebih prihatin terhadap kebijakan belia, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, lebih banyak kebebasan bersuara, pembasmian rasuah dan kemiskinan, mahukan AUKU dipinda dan ISA terus dikekalkan. Hasil kajian juga mendapati bahawa 54.6 peratus daripada belia IPT menyokong Barisan Nasional (BN) berdasarkan aspirasi dan sebaliknya 45.7 peratus akan menyokong BN dalam pilihan raya akan datang. Majoriti daripada mereka memilih dan menyokong Dato' Seri Najib Tun Razak sebagai tokoh yang paling layak menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ke-6 dan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai gandingan yang sesuai.

Kata kunci: Politik kampus, belia, aspirasi, pilihan raya, minat politik, perlakuan politik

ABSTRACT

Students in the Institute of Higher Learning (IHL) are a group of elite and educated youth. Besides learning various disciplines of knowledge, they also participate in campus politics. With the pattern of their political behavior it is not possible to change the campus and national political scenarios. Hence, this study is aim to analyze the political support and behavior among 5200 students from 20 Public IHL and 12 Private IHL towards the government. The results of this study shows that the political interest among IHL youths are moderate and only 27.7 per cent of them have registered as voters and 12.3 per cent have registered as

members of a political party. Internet was their main source of political information beside television and daily main stream newspapers. They prefer candidates with higher academic qualification, good religious background and have the same religious faith and political ideology. On the other hand they prefer political party which fights for the religion and race, humanitarian issues and development. They want the government to pay more attention towards their welfare, create more job opportunities, widen the freedom of speech, fight against corruption, poverty and revise on AUKU and ISA to be maintained. The result of the study also shows that 54.6 per cent of the IHL youth support the Barisan Nasional (BN) based on aspiration and 45.7 per cent will vote BN in the next general election. Majority of them choose and support Dato' Seri Najib Tun Razak as the sixth Prime Minister of Malaysia and Tan Sri Muhyiddin Yassin as his suitable partner.

Key words: Campus politics, Youth, Aspiration, Election, Political Interest, Political Behaviour

PENGENALAN

Universiti merupakan salah sebuah institusi sosial yang penting dan dipandang tinggi oleh masyarakat kerana mengeluarkan sebahagian besar golongan terpelajar dan bakal pemimpin. Semasa di Kampus Mahasiswa di ajar pelbagai disiplin ilmu di samping mengikuti kegiatan kurikulum. Salah satu aktiviti yang diceburi secara meluas oleh Mahasiswa ialah politik kampus dan mengikuti perkembangan politik nasional. Ia merupakan sebahagian daripada budaya kampus yang mengasuh kepimpinan individu dan organisasi selaras dengan hasil dari pembelajaran pelbagai disiplin ilmu. Pola perlakuan mahasiswa juga banyak dipengaruhi oleh kedudukan status sosioekonomi dan pergolakan politik semasa di luar kampus. Gerakan politik pelajar mampu mencetuskan masalah dalam kampus dan luar kampus apabila melibatkan isu masyarakat, polisi dan kepimpinan. Universiti juga dilihat sebagai institusi yang ramai menempatkan belia atau pengundi muda dan sokongan mereka terhadap kerajaan amat penting dalam mencorakkan pola politik negara. Di Indonesia umpamanya gerakan pelajar sebagai golongan pendesak terbesar telah memainkan peranan menjatuhkan kerajaan Presiden Suharto. Di Thailand, Filipina, Cuba, Korea Selatan, Eropah dan juga Amerika, gerakan politik pelajar kampus telah menggugat kesejahteraan sosial dan keselamatan negara.

Malaysia juga tidak terlepas dari gejala politik belia kampus bermula tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an dengan berlakunya beberapa demonstrasi. Fenomena tersebut memuncak pada akhir tahun 1990-an dengan berlakunya rusuhan yang mengancam keselamatan negara. Kegiatan politik belia kampus telah menjangkau kepada kegiatan politik nasional dan dalam pilihan raya. Sebilangan mereka telah melibatkan diri secara individu atau berkumpulan berkempen untuk parti politik tertentu, menjadi ahli, menentang atau pengkritik dasar kerajaan dan turut serta dalam demonstrasi jalanan. Persoalannya mengapakah fenomena ini berlaku? Adakah minat dan kesedaran politik mereka telah berubah kerana dipengaruhi oleh keadaan politik atau isu-isu semasa? Atau adakah ianya hasil daripada sosialisasi dan sistem pendidikan negara? Apakah aspirasi

mereka sebenarnya sebagai pelajar terhadap kerajaan. Sejauh manakah media alternatif mempengaruhi fahaman politik mereka? Dan apakah kriteria parti atau calon yang mereka mahukan? Oleh itu adalah tujuan artikel ini untuk menjawab persoalan tersebut agar kita dapat mengetahui antara lain sumber maklumat politik, aspirasi, pilihan politik dan faktor yang menyebabkan belia di Institut Pengajian Tinggi (IPTA dan IPTS) menyokong kerajaan atau sebaliknya.

DATA

Sampel dalam kajian ini dipilih daripada 20 IPTA dan 12 IPTS. Institut Pengajian yang terlibat ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Darul Iman (UDI), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Bagi IPTS pula ia melibatkan, Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), PTPL Sungai Petani, PTPL Kota Kinabalu, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), *HELP College University*, Kolej Teknologi Bestari, Kolej Teknologi Darul Naim, INTI *International University College* (Nilai), Nilai *International College*, Kolej INTI Sabah, Kolej SEGI dan Kolej Twintech. Seramai 5200 (4000 IPTA dan 1200 IPTS) mahasiswa lelaki dan perempuan telah dipilih berumur 19 hingga 24 tahun mengikut kaum, fakulti dan tahap pengajian. Soal selidik telah dilakukan pada tahun 2008 dan 2009 oleh pembantu penyelidik (pembanci) yang terdiri daripada pelajar sarjana yang telah dilatih dan diberi taklimat sebelum menjalankan soal selidik.

KAJIAN POLITIK BELIA

Grenfell (1979) adalah antara pengkaji yang terawal menjalankan pungutan pendapat di Malaysia pada tahun 1959 mengenai penggunaan media massa. Beliau mendapati pungutan pendapat awam berkembang dengan tertubuhnya indeks media pada tahun 1967 dan membuktikan bahawa kempen melalui media massa mempengaruhi tahap sokongan parti di kalangan pengundi. Media juga telah memainkan peranan penting bagi kemenangan BN dalam pilihan raya umum 1995 (Syed Arabi dan Mazni, 1995). Ia dijadikan sebagai saluran penyampaian maklumat pembangunan kerajaan BN yang memerintah Malaysia dan sebagai alat propaganda politik untuk memburukkan parti lawan atau pembangkang. Gomez (1996) juga mengaitkan media, wang, jentera dan Mahathir (*Media, Money, Machinery & Mahathir*) sebagai faktor kemenangan BN dalam pilihan raya umum tersebut. Ia memberikan kelebihan kepada BN yang mempunyai pengalaman memerintah sejak merdeka hingga sekarang dan dapat menilai arah sebenar politik pengundi dalam setiap pilihan raya yang lebih cenderung kepada sogongan pembangunan semata-mata.

Kesedaran dan perlakuan politik di kalangan mahasiswa di 11 IPT (UKM, UM, UPM, UiTM, UIA, USM, UTM, UPSI UUM, UMS dan UNIMAS) telah dilakukan oleh Mohd Fuad Mat Jali et. al (2005). Beliau mendapati bahawa tahap minat politik di kalangan belia IPT adalah rendah dan hanya 27.2 peratus yang mendaftar sebagai pengundi. Mereka lebih kerap menghadiri ceramah politik di luar kampus yang berhaluan kiri. Mereka juga mempunyai aspirasi mahukan kerajaan lebih prihatin terhadap kebajikan mereka, mewujudkan lebih banyak pekerjaan, memberikan lebih kebebasan bersuara dan membasmikan gejala rasuah. Pada hakikatnya , belia IPT mempunyai tiga permintaan asas, iaitu mereka mahukan suara mereka didengar, peranan mereka diiktiraf dan isu mereka ditangani dengan cara yang menjurus kepada belia (Saifuddin Abdullah, 2008). Keaktifan belia berpolitik dalam pilihan raya dapat dikesan melalui cara gaya mereka terlibat dalam berkempen, keghairahan menzahirkan sokongan serta agresifnya mereka menggerakkan jentera parti politik. Trend pengundian belia dikatakan amat signifikan dalam membantu kemenangan sesebuah parti politik, namun fitrah belia yang ingin idealisme mereka diketengahkan menjadikan pengundian kelompok ini menjurus kepada sokongan kepada pihak kiri.

Kajian pungutan pendapat awam Pra-Pilihan Raya Umum 1999 yang dijalankan di kawasan Kubang Pasu, Kedah, mendapati trend pemilihan parti politik dipengaruhi oleh faktor etnik dan kawasan. Majoriti Melayu (78 peratus) di Kubang Pasu dikenal pasti sebagai kawasan yang menyokong UMNO (BN) dan 22 peratus mengidentifikasi diri mereka sebagai penyokong parti alternatif_(PAS). Jumlah anak muda yang mengikuti fahaman politik ibu bapa (BN) adalah 50 peratus, Barisan Alternatif (15.5 peratus) dan 34.5 peratus tidak mempunyai faham politik (Mohd Fuad Mat Jali et al. 2006). Antara isu utama yang diperbincangkan ialah kegawatan ekonomi, agama dan krisis kepimpinan. Analisis juga memaparkan kesanggupan rakyat menukar kerajaan khususnya mereka daripada wilayah timur dan mereka yang tidak berpuas hati dengan pentadbiran kerajaan (Mohd Fuad Mat Jali dan Sabihah Osman , 2002 dan Mohamad Lizal Duwasa, 2000). Perubahan yang berlaku tidak menyeluruh dan sokongan terhadap BN masih besar walaupun mengalami kemerosotan dari jumlah undi di kebanyakan kawasan yang majoritinya Melayu.

Sokongan pengundi muda (belia) dalam pilihan raya kecil DUN Pengkalan Pasir pada Mac 2005 merupakan indikator penilaian kekuatan PAS bertahan di Kelantan. Kemenangan BN di DUN tersebut merupakan satu manifestasi anjakan pemikiran politik pembangunan di kalangan pengundi muda dan veteran. Fenomena ini dianggap sebagai petanda yang mendorong BN bekerja keras untuk berkuasa semula. Walau bagaimanapun, sokongan semula kepada BN akan tercapai dengan syarat BN mestilah mengekalkan kerjasama jentera yang erat di kalangan mereka, kesepadan dalam pimpinan UMNO Kelantan itu sendiri, menepati janji dan melaksanakan projek pembangunan terus menerus (Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar, 2006). Pengundi mempercayai hanya parti pemerintah (BN) yang mampu menyediakan pembangunan di bandar atau pun di luar bandar secara berterusan dan beranggapan parti pembangkang kurang mampu membawa perubahan di sesuatu kawasan (Arnold Puyok, 2003; Ghazali Mayudin & Mohd Rizal Mohd Yaakop, 2000; Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif & Mohd Fuad Mat Jali, 2003). Sebaliknya penggunaan isu nasional seperti isu kenaikan harga minyak, isu ketelusan, keadilan, anti rasuah mengatasi politik

pembangunan di kalangan pengundi di kawasan Parlimen Permatang Pauh (Ibrahim Abu Shah et al. 2009).

Belia IPT juga terpengaruh dengan fahaman politik baru atau sivil yang menekankan atau membahaskan secara terbuka mengenai parti yang memperjuangkan isu demokrasi, kesejagatian, nasionalisme, isu tempatan, ekonomi, hak wanita, alam sekitar, pembasmian rasuah dan nepotisme, hak asasi, keselamatan sosial, pendidikan dan kesihatan. Secara puratanya 87.3 peratus pengundi masih mahukan parti atau calon yang memperjuangkan fahaman politik baru tersebut. Kajian yang dilakukan oleh Merdeka *Centere* pada November 2007 pula mendapati bahawa sokongan masyarakat India terhadap pembangkang meningkat dari 60 peratus ke 90 peratus dan kaum Cina dari 45 peratus ke 70 peratus selepas berlakunya perhimpunan BERSIH dan Hindraf (Wan Abdul Rahman Wan Ab. Latif, 2008). Pada hakikatnya, isu-isu seperti Hindraf, perpecahan dalam parti, kelemahan pentadbiran dan dasar, rasuah, politik wang, rusuhan, nepotisme dalam politik negara dan keselamatan sosial telah memberi impak kepada pola sokongan politik belia yang turut sama mencetuskan ‘tsunami politik’ di Malaysia pada Mac 2008.

MINAT DAN PENYERTAAN

Tahap minat mempengaruhi seseorang menghampiri dan mendalam kefahaman ideologi sesebuah parti politik. Kegiatan belia dalam aktiviti sosioekonomi dan keadaan politik semasa, mencabar dan mempengaruhi minat serta keterampilan berpolitik yang mendokong visi dan misi politik tertentu. Majoriti (43.3 peratus) belia IPT yang ditemui menyatakan minat mereka terhadap politik adalah pada tahap sederhana. Manakala mereka yang berminat dan amat berminat terhadap politik negara masing-masing mencatatkan 21.7 peratus dan 7.7 peratus. Walau bagaimanapun, apabila kita mengaitkan tahap minat dengan kesedaran untuk mendaftar sebagai pengundi dan menjadi ahli parti politik, wujud hubungan yang amat rendah. Didapati 27.7 peratus sahaja yang telah mendaftar sebagai pengundi dan 12.3 peratus pula yang menyatakan telah menjadi ahli sesebuah parti politik dan secara purata 2.2 peratus sahaja di kalangan mereka yang menjadi ahli parti BN. Belia PTPL Kota Kinabalu Sabah yang paling ramai menjadi ahli (7.0 peratus) diikuti oleh UMS (6.2 peratus), Kolej INTI Sabah (4.6 peratus), UNIMAS (4.1 peratus), UPSI (3.3 peratus), UTM (3.1 peratus), UDM (2.8 peratus), UiTM (2.6 peratus) dan USM (2.5 peratus). Fenomena tersebut menunjukkan bahawa ramai belia IPT masih tidak mempunyai identifikasi parti dan tahap keahlian dalam BN amat rendah. Apabila ditanyakan adakah anda mengundi pada pilihan raya umum 2008, hanya 18.2 peratus daripada mereka menyatakan demikian.

Fenomena tersebut boleh dikaitkan dengan pengaruh politiking yang berlaku di kalangan belia IPT dan pantulan aktiviti dalam kampus dan di luar kampus. Keadaan ini terbukti apabila penyertaan mereka dalam aktiviti ceramah politik, kursus politik, mesyuarat politik setempat serta mendengar kempen parti politik pembangkang adalah agak tinggi, berbanding dengan kurangnya penyertaan dalam ceramah politik parti kerajaan dan kurangnya minat menyertai kursus Biro Tata Negara (BTN). Ini bermakna belia lebih banyak terdedah dan dipengaruhi politik luar kampus.

SUMBER MAKLUMAT POLITIK

Sumber maklumat politik di kalangan belia IPT amat mempengaruhi pemikiran politik semasa dan identifikasi parti mereka. Maklumat yang dibaca mendedahkan pelbagai perkara termasuklah kebaikan dan keburukan sesebuah parti politik dan maklumat ini digunakan oleh mereka sebagai panduan menilai prestasi sesebuah parti dan juga calon. Berpandukan Jadual 1 sumber maklumat utama belia IPT ialah Akhbar Harian Perdana, diikuti oleh internet, Radio, Televisyen, akhbar parti dan ahli keluarga. Lima sumber yang dibaca atau dilayari oleh mereka dianggap boleh dipercayai dan mudah diperoleh tanpa memerlukan kos yang tinggi. Laman *blog*, SMS, majalah luar negara dan jiran merupakan sumber yang tidak banyak digunakan oleh belia IPT. Sumber politik dari SMS dan majalah luar negara tidak ramai yang menggunakan kerana masing-masing memerlukan kos dan kebanyakannya majalah dalam bahasa Inggeris serta kurang memuatkan perihal dalam negara. Maklumat politik dari jiran amat kecil kerana mereka kurang berinteraksi dengan jiran tetangga dan sebahagian besar masa dihabiskan belajar di Universiti.

Jadual 1: Sumber Maklumat Politik Belia IPT

Rank	Sumber	Peratus	Rank	Sumber	Peratus
1.	Akhbar Harian Perdana	38.7	8.	Rakan seuniversiti	1.7
2.	Internet	23.9	9.	Laman Bolg	1.5
3.	Radio	12.3	10.	Sistem Pesanan Ringkas (SMS)	1.3
4.	Televisyen	7.9	11.	Akhbar dan Majalah luar negara	1.3
5.	Akhbar Parti	4.2	12.	Pemimpin politik setempat	0.4
6.	Ahli Keluarga	4.0	13.	Jiran	0.1
7.	Guru atau Pensyarah	2.4			

Kalau ditinjau dari sudut populariti, internet merupakan sumber maklumat yang popular di kalangan belia IPT. Ia diikuti oleh televisyen, akhbar harian perdana, Guru-Pensyarah dan rakan seuniversiti. Kepopularan internet ada kaitannya dengan perkembangan ICT di Malaysia dan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) pada tahun 1995. Malaysia kini mempunyai 3.8 juta pelanggan internet dalam kategori *dial-up* dan 897,200 pelanggan jalur lebar serta 19 juta pelanggan telefon bimbit (G. Manimaram, Ezhar Taman & Abdul Muati@Zamri Ahmad, 2008:70). Ia menunjukkan bahawa media siber amat penting sebagai media alternatif yang menggantikan sumber maklumat konvensional seperti akhbar, televisyen dan radio yang sudah jemu didengari atau ditonton, malahan ia dilihat sebagai propaganda parti pemerintah. Oleh itu, internet dan khidmat pesanan ringkas (SMS) mengambil alih peranan menyebarkan maklumat politik seluas mungkin dan amat berkesan di kalangan belia di IPT. Secara keseluruhan, pada pilihan raya umum 2008, penggunaan perkhidmatan tersebut telah meningkat sehingga 30 peratus menjelang pembuangan undi. *Blog* yang dikendalikan oleh individu,

bekas wartawan media arus perdana dan parti politik menjadi saluran maklumat alternatif penting kepada belia. Internet mempunyai kelebihan dari segi memuat turun berita terkini dan pelbagai maklumat secara atas talian dan menyediakan ruang kepada belia untuk meluahkan rasa hati serta melontarkan pandangan secara peribadi tentang sesuatu topik. Walau bagaimanapun dari aspek kebolehpercayaan maklumat yang disampaikan, internet menduduki *ranking* ketiga selepas akhbar harian perdana dan akhbar parti di kalangan belia IPT.

ASPIRASI

Setiap pengundi diibaratkan sebagai pengguna. Mereka akan memilih parti mana yang dijangkakan dapat memenuhi kehendak atau yang dapat memenuhi harapan mereka. Pilihan mereka dianggap rasional kerana telah mengambil kira pelbagai kos dan ganjaran yang akan diperoleh berbanding dengan yang lain. Setiap individu mempunyai aspirasi yang berbeza terhadap sesebuah parti atau pemimpin yang akan dipilih. Aspirasi individu dipengaruhi oleh antaranya faktor umur, jantina, kaum, pendidikan dan persekitaran. Bagi golongan belia IPT harapan mereka lebih kepada memenuhi kehendak generasi muda dan begitu juga dengan kebijakan, polisi kerajaan dan kepimpinan kampus dan negara.

Berdasarkan aspirasi, belia IPT mahukan kerajaan memperbanyakkan peluang pekerjaan dan meningkatkan bantuan atau pinjaman pendidikan. Mereka juga mengharapkan usaha ditingkatkan untuk memupuk perpaduan, meneruskan Dasar Ekonomi Baru (DEB), prihatin terhadap kebijakan mereka, lebih tegas dalam menangani isu-isu sensitif berkaitan dengan perkauman, pentadbiran yang berintegriti, dan lebih banyak kebebasan bersuara iaitu mencadangkan AUKU dipinda bersesuaian dengan keadaan semasa. Di samping itu mereka juga mahukan kebijakan rakyat miskin dibela, bertindak adil dan saksama serta prihatin terhadap alam sekitar. Dari aspek perlakuan politik yang tidak disenangi oleh belia IPT ialah rasuah (76.3 peratus), diskriminasi (62.6 peratus), mementingkan diri sendiri (58.8 peratus) dan skandal (55.5 peratus). Mereka tidak bersetuju dan menolak demonstrasi sebagai satu cara yang terbaik untuk memperjuangkan hak-hak mereka kerana ia akan mengundang kekecohan dan mengganggu keamanan negara. Bagi memastikan keamanan dijaga mereka mahukan ISA dikekalkan tetapi dengan pindaan yang bersesuaian dengan keadaan semasa.

KRITERIA PEMILIHAN CALON DAN PARTI

Dalam sesuatu pilihan raya, pengundi membuat pilihan berdasarkan calon atau pun parti. Ada yang mengundi simbol parti tanpa dipengaruhi oleh faktor lain manakala ada yang memilih calon tanpa mengambil kira ideologi parti apa yang calon diwakili. Sehubungan itu belia IPT ditanyakan apakah yang dijadikan kriteria bagi memilih calon dan parti mereka. Berdasarkan Jadual 2, calon seagama menjadi kriteria utama di kalangan belia IPT dan diikuti oleh persamaan ideologi, persamaan gender dan tahap pencapaian akademik. Kriteria berdasarkan populariti pula, didapati bahawa pencapaian akademik yang teratas, diikuti oleh fahaman agama yang sama dan yang mempunyai latar belakang agama yang baik. Mengikut mereka ketiga-tiga ciri tersebut di samping personaliti kepimpinan calon, diharapkan dapat memandu seseorang ahli politik menjalankan tugas

dan tindakan yang berkesan berlandaskan nilai moral yang baik serta mempunyai integriti yang tinggi.

Jadual 2: Kriteria Pemilihan Calon mengikut Keutamaan dan Populariti

	Kriteria Utama	Peratus (%)	Kriteria berasaskan populariti	Peratus (%)
1.	Seagama	39.5	Pencapaian akademik	23.0
2.	Persamaan ideologi parti	17.4	Seagama	18.0
3.	Persamaan gender	10.9	Latar belakang agama	17.0
4.	Pencapaian akademik	10.6	Persamaan ideologi parti	17.0
5.	Sebangsa/Seetnik	7.5	Sebangsa/seetnik	11.0
6.	Latar belakang agama	6.7	Penampilan diri	5.0
7.	Penampilan diri	5.1	Senegeri	5.0
8.	Senegeri	2.4	Persamaan gender	4.0

Bagi kriteria pemilihan parti politik pula analisis menunjukkan bahawa parti yang memperjuangkan agama dan bangsa menjadi pilihan utama (71.5 peratus), di ikuti 64.8 peratus yang memperjuangkan isu kemanusiaan (seperti ketelusan, keadilan, hak asasi dan anti rasuah), dapat menuaikan janji dalam manifesto dan membasmikan kemiskinan (Rujuk Jadual 3).

Jadual 3: Kriteria Utama Pemilihan Parti Politik dalam Pilihan Raya

Kriteria	Peratus (%)
Yang memperjuangkan agama dan bangsa	71.5
Yang memperjuangkan isu kemanusiaan	64.8
Yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan	58.1
Yang mempunyai calon yang berwibawa, bersih dan berpendidikan tinggi	52.5
Yang dapat menuaikan janji-janji dalam manifesto	29.2
Yang mempunyai trek rekod yang baik	26.7
Yang memperjuangkan isu nasionalisme dan glokal	19.4

Berdasarkan analisis dapatlah dirumuskan bahawa kebanyakan belia IPT memilih parti politik yang bertunjangkan imej agama namun masih berasaskan bangsa dan memperjuangkan isu kemanusiaan. Justeru, parti politik haruslah meletakkan calon yang memiliki pengetahuan agama yang tinggi, berakhhlak mulia, dan mesra rakyat serta mempunyai asas perjuangkan bangsa yang kukuh agar masyarakat tempatan terus memberi sokongan kepada sesebuah parti politik.

SOKONGAN PARTI

Majoriti daripada mahasiswa tidak mempunyai identifikasi parti yang tetap, kerana ianya boleh berubah apabila mereka mengalami proses sosialisasi dan pembelajaran. Justeru hasil kajian mendapati pilihan politik mereka berbeza mengikut IPTA. BN mendapat pilihan yang tinggi di kalangan belia IPT iaitu 43.1 peratus, PAS 17.4 peratus, PKR 14.3 peratus, Bebas 5.6 peratus dan DAP 4.1 peratus. Sokongan parti kerajaan (BN) berasaskan aspirasi mengikut Universiti menunjukkan bahawa UNIMAS, UMS, PTPL Kota Kinabalu, UUM, UiTM, UMP, UTHM memberi sokongan yang tinggi terhadap BN. Belia IPT juga ditanyakan apakah parti yang mereka akan sokong pada pilihan raya umum (ke-13) yang akan datang, 45.6 peratus menyatakan akan menyokong BN, 32.1 peratus akan menyokong parti pembangkang, 6.7 peratus parti lain dan 15.6 peratus menyatakan tidak pasti. Apa yang menarik pada pola sokong tersebut adalah peratusan yang menyatakan tidak pasti adalah agak tinggi dan juga terdapat yang memilih parti lain, ini bermakna perbezaan sokongan antara BN dengan pembangkang hanyalah 2.1 peratus. Peratusan yang kecil pembangkang mendahului BN tidak lihat sebagai situasi yang merunsingkan, kerana sokongan mereka terhadap kerajaan akan berubah menjelang pilihan raya umum yang akan datang. Kalau dilihat dari aspek sokongan kepada BN pada pilihan raya akan datang mengikut IPT, hanya 10 daripada 32 IPT yang menyatakan akan menyokong kerajaan iaitu UniMAS, UiTM, UMK, UMT, UTHM, PTPL Sg. Petani dan Kota Kinabalu, Kolej Teknologi Bestari dan Kolej *Twin Tech*. IPT yang belianya menyatakan tidak akan menyokong BN pada pilihan raya akan datang dipaparkan dalam Jadual 4.

**Jadual 4 : Senarai Belia IPT yang Tidak Menyokong Kerajaan (BN)
pada Pilihan Raya Akan Datang**

IPT TIDAK MENYOKONG KERAJAAN					
BIL	IPTA	%	BIL	IPTS	%
1	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	77.4	1	<i>Help College</i>	91.1
2	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	70.9	2	Nilai <i>International College</i>	84.1
3	Universiti Darul Iman (UDM)	65.1	3	Kolej Segi	73.7
4	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	64.4	4	UTAR	71.1
5	Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM)	61.2	5	Inti <i>International College</i> Nilai	57.3
6	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	56.5	6	Kolej Teknologi Darul Naim	52.6
7	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	56.0	7	Kolej Inti Sabah	51.0

Nota: 8 lagi IPTA ialah: UKM (55.6%), UM (54.6%), USM (54.0%), UUM (53.2%), UPM (52.7%), UMP (52.0%), UniMAP (50.8%) dan UMS (50.5%)

Parti pembangkang PAS menjadi parti yang disokong kerana mereka menganggap parti ini bersedia menegur kerajaan, komited dengan dasar perjuangan Islam, mempunyai calon yang berpengetahuan agama yang tinggi dan di kalangan profesional, kurang mempunyai masalah dalaman parti dan mempunyai dasar dan perjuangan yang konsisten. Sebaliknya UMNO kurang diminati kerana sering dilanda dengan masalah dalaman, politik wang, terlalu bertolak ansur tidak tegas dengan isu kebangsaan, kurang prihatin terhadap aspirasi rakyat bawahan dan matlamat perjuangan parti mudah berubah apabila menghadapi tekanan.

Jika ditinjau sokongan terhadap kerajaan berasaskan aspirasi dan dalam pilihan raya akan datang, hasil kajian menunjukkan belia Melayu IPT mencatatkan peratusan keahlian dalam BN yang tinggi berbanding dengan belia bukan Melayu. Namun keadaan ini tidak memberi kesan positif kepada sokongan mereka terhadap BN dalam pilihan raya akan datang (lihat Jadual 5). Peratusan tidak menyokong BN berkurangan dan keadaan tersebut sama bagi belia yang berbangsa Cina dan India dan peratusan tidak menyokong kerajaan dalam pilihan raya akan datang meningkat lebih tinggi. Sebaliknya pola yang berbeza bagi belia IPT Bumiputra Sabah dan Sarawak, sokongan mereka terhadap kerajaan meningkat.

Jadual 5: Sokongan Belia IPT terhadap Kerajaan berdasarkan Bangsa

Bangsa	Ahli BN	Sokongan berdasarkan aspirasi		Sokongan BN akan datang (PRU-13)*	
		sokong	Tidak sokong	sokong	Tidak sokong
Melayu	8.8	38.5	34.2	34.3	38.4
Cina	1.3	7.7	6.7	5.0	9.5
India	0.6	2.1	1.9	1.6	2.4
Bumiputra Sabah/Sarawak	1.1	5.9	2.3	4.4	3.8
Lain-lain	0.2	0.4	0.3	0.4	0.3

Nota: *PRU-13 = Pilihan raya Umum ke-13

Berdasarkan aspirasi pola pilihan belia terhadap BN adalah tinggi tetapi dalam pilihan raya akan datang (PRU ke-13) memperlihatkan peratusan yang menyokong kerajaan menurun kecuali mereka yang dari Sabah dan Sarawak. Fenomena ini masih terlalu awal untuk dimanifestasikan kerana dalam beberapa tahun akan datang persepsi negatif terhadap kerajaan mungkin dapat diatasi dengan kebijaksanaan kepimpinan baru di bawah teraju Perdana Menteri Dato' Seri Najib Razak dan Timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin. Mengikut mereka sokongan kepada kerajaan akan meningkat sekiranya kerajaan dapat memenuhi aspirasi dan kebijakan belia IPT dan dapat menunaikan janji-janji mengikut manifesto pilihan raya umum yang ke-12 (2008). Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan atau mengatasi masalah pengangguran di kalangan graduan dijangka akan menjadi sebagai tunjang

yang mampu menarik semula belia kepangkuhan kerajaan.

KEPIMPINAN

Secara keseluruhannya pucuk pimpinan yang diketuai oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya Dato' Seri Najib Abd Razak dianggap oleh belia IPT sebagai pemimpin yang cemerlang dalam membangunkan negara. Mereka diterima sebagai gandingan pemimpin yang mantap, cekap dan sentiasa memupuk perpaduan. Majoriti (82.1 peratus) berpuas hati dan memberi tahap baik bagi usaha pembangunan ekonomi yang dijalankan oleh pucuk pimpinan Parti Barisan Nasional (BN). Kaum Melayu, Cina dan India berpandangan dasar dan politik negara diurus dengan baik oleh BN. Bagi anggota kepimpinan kerajaan pula, 61.1 peratus daripada belia IPT menyatakan di tahap baik dan 5.3 menyatakan cemerlang. Alasan yang diberikan oleh mereka ialah majoriti pemimpin kerajaan mempunyai kelayakan akademik yang tinggi, sentiasa mementingkan perpaduan kaum, mesra dan berjiwa rakyat, mempunyai karisma dan ketokohan, cekap dan berwibawa. Belia IPTA telah memilih Datuk Seri Najib Tun Razak (TPM) sebagai pemimpin yang paling layak menggantikan Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) apabila beliau bersara dan Tan Sri Muhyiddin Yassin pula telah dipilih sebagai gandingan terbaik bagi Dato' Seri Najib Tun Razak.

IMPLIKASI DASAR

Peratusan belia IPTA yang tidak mendaftar sebagai pemilih adalah tinggi dan ini akan memberi kesan pada peratusan yang layak mengundi apabila pilihan raya diadakan. Mereka perlu didaftarkan dan diberi rasa tanggungjawab untuk mengundi. Untuk mengatasi masalah ini dicadangkan pendaftaran sebagai pengundi diadakan semasa pelajar mula mendaftar masuk ke universiti. Proses pendaftaran boleh dibuat di peringkat Fakulti atau Jabatan masing-masing dengan kerjasama Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Bermakna apabila mereka mendapat Kad Pelajar secara automatik mereka telah terdaftar sebagai pengundi. Taklimat dari SPR dijadikan salah satu atur cara semasa minggu suai kenal di setiap universiti. Pihak universiti boleh membuat peraturan hanya mereka yang telah mendaftar sebagai pengundi sahaja dibenarkan mengundi dalam pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar (bagi mereka yang telah mencapai 21 tahun sahaja).

Isu yang penting bagi belia IPT adalah kebijikan dan peluang pekerjaan. Mereka mudah menyalahkan pihak kerajaan apabila mereka tidak mendapat kerja apabila keluar dari IPTA dan IPTS. Satu badan perlu ditubuhkan untuk memantau siswazah yang tidak bekerja. Pusat Khidmat Kerjaya Siswazah perlu ditubuhkan sama ada di peringkat nasional, negeri atau daerah untuk memberi khidmat mengenai hal-ehwal kerjaya siswazah. Institut Latihan Siswazah juga perlu ditubuhkan bertujuan untuk memberi latihan semula dalam bidang teknikal, IT, pengurusan, perniagaan dan kemahiran yang selaras dengan kehendak pasaran semasa. Skim pegawai sangkut perlu terus diwujudkan.

Sokongan politik pembangkang di IPTA masih kuat. Keadaan ini akan

mempengaruhi pola pengundian di peringkat nasional dan kampus. Oleh itu dicadangkan Puteri dan Pemuda UMNO perlu merapati mahasiswa-i dengan cara mengadakan lebih banyak aktiviti seperti ceramah,/dialog, seminar, lawatan dan bantuan yang diperlukan. Pemimpin di peringkat nasional dan negeri juga perlu kerap mendampingi mahasiswa-i dengan menyertai aktiviti yang dianjurkan. Pengurusan universiti perlu memikirkan strategi mengawal unsur-unsur politik luar (pembangkang) meresapi kampus. Memperbanyak aktiviti yang bersifat perpaduan kaum, mesra pemimpin dan pentadbir universiti, khidmat masyarakat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Parlimen dan sebagainya. Kursus Kenegaraan (ZT) yang wajib diambil oleh semua pelajar perlu digubal semula dengan memasukkan unsur patriotik, tokoh-tokoh negarawan, perjuangan parti-politik, elemen perpaduan dan unsur-unsur lain yang dapat memberi kesedaran, cintakan parti dan negara bangsa. Kursus Biro Tatanegara (BTN) diwajibkan kepada semua pelajar dan pendekatan baru, menarik dan tidak dianggap sebagai kursus propaganda kerajaan.

KESIMPULAN

Dapatlah dirumuskan bahawa minat belia IPT dalam politik adalah di peringkat sederhana dan peratusan yang telah mendaftarkan diri dengan SPR sebagai pengundi amat rendah. Majoriti mengiktiraf dan menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya Dato' Seri Najib Razak baik dalam membangunkan negara, bijak dan berani serta mesra rakyat. Aspirasi mereka agar pihak kerajaan lebih prihatin terhadap kebajikan dan dapat menyediakan peluang pekerjaan yang setimpal dengan kelulusan mereka. Kegiatan sebahagian daripada belia IPT dalam aktiviti politik di luar kampus dan ada yang terlibat dalam kempen parti pembangkang, memaparkan pola yang tidak menyenangkan dan ianya menjadi salah satu faktor yang menyebabkan sokongan terhadap BN di kalangan belia IPT berkurangan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pimpinan baru Perdana Menteri dan timbalannya untuk merancang strategi dan program memenuhi aspirasi belia IPT agar mereka meneruskan semula tradisi menyokong kerajaan pada pilihan raya umum ke-13 kelak.

RUJUKAN

- Arnold Puyuk. 2005. ‘The 2004 Ba’Kelalan ByElection in Sarawak, East Malaysia: The Lun Bawang Factor and Whither Representative Democracy in Malaysia’, in *Contemporary Southeast Asia*, 27, No.1: 64-79.
- G. Manimaran, Ezhar Taman & Abdul Muati@Zamri Ahamd. 2008. ‘Pilihan Raya Umum 2008 Isu dan Implikasi Politik Baru di Malaysia’, *Pemikir*, April-Jun, Bil:52: 65-98, Bangi: Utusan Karya Sdn. Bhd.
- Ghazali Mayudin & Mohd Rizal Yaakob. 2000. ‘Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas’, *Laporan Projek Penyelidikan*, Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, tidak diterbitkan: 1-32.

- Ghazali Mayudin. 2006. Demokrasi dan Pilihan Raya di Malaysia. Dlm. Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud & Zaini Othman (Pnyt.) *Demokrasi kepimpinan dan keselamatan dalam politik Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Hlm 50-51.
- Gomez, E.T. 1996. *The 1995 Malaysian General Election: A Report and Commentary*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Grenfell, N. 1979. *Switch on: switch off, mass media audiences in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ibrahim Abu Shah, Shireen Haron, Norshidah Nordin, Shaharuddin Badaruddin, Mat Zin Mat Kib, Yadman Sarwan, S. Salahuddin Suyurno, Zulkifli Dahalan, Mujib Muis & Shu'aibi Zainal Abidin. 2009. Kajian Pilihan Raya Kecil Parlimen Permatang Pauh: Pertembungan Strategi Yang Berbeza. Dlm Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Mohamad Lizal Duwasa. 2000. Pilihan Raya Umum. 2004: Tinjauan Awal Terhadap Penglibatan Golongan Tua Di Kampung Serkam, Melaka. *Kertas Projek*. Jabatan Geografi. UKM (Tidak diterbitkan).
- Mohd Fuad Mat Jali, Rashila Ramli & Mohd Yusof Kasim. 2005. 'Minat, Aspirasi dan Pilihan Politik Belia: Kajian Kes dikalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia', dlm Rohany Nasir, Hazita Azman, Ruzy Suliza Hashim, Mohd Yusof Hj. Abdullah & Rozmi Ismail (Pnyt.), *Prosiding Seminar Penyelidikan Pembangunan Generasi Muda: Realiti Generasi Muda Melangkah ke hadapan*, UKM: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan: 113-120.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2006. 'Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Pasir: Petanda BN berkuasa semula di Kelantan, Stanislaus Sandarupa (Pnyt.), *Kemelayuan Indonesia dan Malaysia*, Vol: II, Jakarta: Departemen Kebudayaan dan Pariwisata RI: 241-253.
- Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Nidzamuddin Sulaiman dan Zaini Othman. 2001. *Prapilihan raya umum 1999. Analisis pungutan pendapat di negeri Kedah Darul Aman*. Seminar Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan ke-4. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali & Sabihah Osman. 2002.'Politik Wilayah dan Politik Nasional dalam Pilihan Raya Umum 1999', Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad (Pnyt.), *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia:117-146
- Saifuddin Abdullah. 2008. *POLITI BARU Mematangkan Demokrasi Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Syed Arabi Idid & Mazni Hj. Buyong. 1995. *Malaysia's General Election 1995. People, Issues and Media use*. Bangi: Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Asia Foundation (Kuala Lumpur).

- Wan Abdul Rahman Wan Ab. Latif. 2008. 'Politik Feng Shui: Pengundi Cina dan Pilihan Raya Umum ke-12', *Makmal Sakhti 2008*, Wilayah Persekutuan: Jundi Resources
- Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif & Mohd Fuad Mat Jali. 2003. 'Pilihan raya DUN Sarawak2001: Satu analisis ekonomi politik', *Jebat*, Bangi: Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia: 23-41
- Zulkanain Abdul Rahman, Mohammad Redzuan Othman, Amer Saifude Ghazali, Shaharuddin Badaruddin & Md. Rozimi Md Nasir. 2009. Persoalan Dan Makna Di Sebalik Pilihan Raya Kecil Permatang Pauh. Dlm Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.

Profil Penulis

Mohd Fuad Mat Jali, PhD.

Profesor Madya

Pusat Pengajian Sejarah

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

fuad@ukm.my

Yahaya Ibrahim, PhD.

Profesor

Timbalan Naib Canselor

Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Universiti Malaysia Terengganu

ya@umt.edu.my

Noor Aziah Mohd Awal

Prof. Madya

Pensyarah

Fakulti Undang-Undang

Universiti Kebangsaan Malaysia

naha@ukm.my

Abdul Halim Sidek

Prof. Madya

Ketua Pegawai Eksekutif

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

a.halim@kbs.gov.my

Khaidzir Ismail, PhD.

Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Kebangsaan Malaysia

khaidzir@ukm.my

Pengetahuan Golongan Belia Terhadap Pendekatan Islam Hadhari

ADLINA AB. HALIM

ABSTRAK

Objektif kertas ini ialah untuk mengkaji pengetahuan golongan belia terhadap pendekatan Islam Hadhari yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia sejak 2003. Pensampelan terdiri daripada 1000 orang responden yang dipilih di kalangan belia berumur 19 hingga 30 tahun. Data dikumpulkan daripada borang soal selidik yang diisi sendiri oleh responden. Pengetahuan responden tentang Pendekatan Islam Hadhari diukur menggunakan empat Skala Likert iaitu, Sangat Setuju (4), Setuju (3), Tidak Setuju (2) dan Sangat Tidak Setuju (1). Hasil kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang pendekatan Islam Hadhari. Dapatkan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan pengetahuan di kalangan responden berdasarkan etnik dan terdapat perkaitan yang signifikan antara umur dan pengetahuan responden terhadap pendekatan ini.

Kata kunci: Pengetahuan, Pendekatan Islam Hadhari, Belia

ABSTRACT

The objective of this paper is to study the knowledge among Malaysian youth towards Islam Hadhari approach that was introduced by Malaysian Government since 2003. This survey involved a sampling of one thousand respondents from age 19 to 30 years old. Data was gathered through a survey method by using a questionnaire instrument answered by the respondents. The respondents' knowledge towards Islam Hadhari approach was measured based on four Likert Scale; Strongly Agree (4), Agree(3), Disagree (2), Strongly Disagree (1). Finding of this survey indicates that there were a significant relationship and difference in the knowledge among Malaysian youth based on the variables from the respondents' profiling.

Keywords: Knowledge, Islam Hadhari Approach, Youth

PENGENALAN

Pendekatan sepuluh prinsip Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia adalah satu pendekatan untuk membangunkan ummah dan negara berdasarkan perspektif ketamadunan Islam. Visi yang telah digariskan adalah untuk menjadikan Malaysia

sebagai sebuah Negara Islam Contoh, iaitu sebuah negara maju mengikut acuan sendiri. Manakala misi pendekatan ini pula adalah melaksanakan agenda pembangunan negara dan ummah berlandaskan pendekatan Islam yang universal, maju, bertamadun, bertoleransi dan seimbang (Abdullah, 2006; 2007; Wan Mohd Nor, 2006). Secara jelasnya, pendekatan Islam Hadhari memberikan penekanan kepada aspek pembangunan yang menjurus kepada pembinaan peradaban yang memberi fokus kepada usaha meningkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan dan pembangunan fizikal (Pekeliling Am, 2007).

Pendekatan Islam Hadhari diperkenal berdasarkan beberapa rasional dan justifikasi. Pertama, penerimaan Islam sebagai agama Persekutuan mengikut peruntukan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut '*Islam adalah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman damai di mana-mana bahagian Persekutuan*'. Dengan termaktubnya Islam sebagai agama bagi persekutuan Malaysia, tidak bermakna agama-agama lain tidak boleh dianuti oleh rakyat yang bukan beragama Islam. Mereka bebas memilih agama serta menjalankan upacara keagamaan masing-masing. Dengan adanya kepelbagaian variasi, agama dan etnik dalam masyarakat menjadikan Malaysia sebuah negara pluralistik dan wujud jaminan kebebasan beragama bagi semua rakyat menurut Perlembagaan Persekutuan.

Kedua, prinsip Islam Hadhari merupakan kesinambungan kepada Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam (DPNI) yang diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1985. Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran bertujuan untuk menanam nilai-nilai murni dalam sistem pentadbiran negara. Justifikasi nilai-nilai ini diperkenalkan oleh kerajaan adalah supaya rakyat Malaysia mempunyai sifat jati diri dan iltizam yang kental (Shafie & Mohd. Affandi, 1991). Banyak hasil dan manfaat yang dapat dikongsi bersama setelah dua dekad DPNI diperkenalkan kepada umum dan dalam era kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Islam Hadhari diperkenalkan dan menjadi pelengkap kepada Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam. Di antara justifikasi lain kenapa Islam Hadhari diperkenalkan ialah untuk menjadikan pendekatan ini sebagai pemacu Wawasan 2020 dan untuk membentuk sebuah negara maju dengan acuan ketamadunan Islam (Pekeliling Am, 2007). Pendekatan Islam Hadhari juga diperkenalkan dengan harapan untuk membangunkan ummah dan negara berdasarkan pendekatan ketamadunan Islam yang menyeluruh kepada seluruh masyarakat tanpa mengira etnik, agama dan budaya. Sepuluh prinsip utama pendekatan Islam Hadhari tersebut ialah:

- i. Prinsip 1: Keimanan dan ketakwaan kepada Ilahi
- ii. Prinsip 2: Kerajaan adil dan beramanah
- iii. Prinsip 3: Rakyat berjiwa merdeka
- iv. Prinsip 4: Penguasaan ilmu pengetahuan
- v. Prinsip 5: Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif
- vi. Prinsip 6: Kehidupan berkualiti
- vii. Prinsip 7: Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita
- viii. Prinsip 8: Keutuhan budaya dan moral
- ix. Prinsip 9: Pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi serta
- x. Prinsip 10: Kekuatan pertahanan dan perpaduan

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Mac 2004 meminta supaya agensi-agensi kerajaan mempromosikan pendekatan Islam Hadhari melalui pembaharuan dan penambahbaikan. Pada 17 Oktober 2004 Jemaah Menteri telah melantik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi penyelaras bagi melaksanakan pendekatan Islam Hadhari (Mustapha, 2007). Tumpuan awal pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai konsep-konsep umumnya kepada seluruh lapisan masyarakat (Ab. G. & Badlihisham, 2005). Tugas ini telah dipertanggungjawabkan kepada lapan agensi pelaksana dengan sasaran masing-masing. Agensi-agensi tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1: Agensi Pelaksana Pendekatan Islam Hadhari

Bil.	Agensi	Sasaran
1.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	Kakitangan kerajaan dan masyarakat awam
2.	Pejabat Penasihat Agama kepada YAB Perdana Menteri	Sektor swasta
3.	Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA)	Pertubuhan politik
4.	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM)	Guru dan belia
5.	Jabatan Pengajian Tinggi (JPT)	Institusi pengajian tinggi awam dan swasta
6.	Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT)	Warga Angkatan Tentera Malaysia
7.	Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)	Masyarakat bukan Islam
8.	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)	Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

Sumber: Pekeling Am, 2007

Pendekatan Islam Hadhari mestilah diserapkan dengan cara berkesan dan serius dalam pentadbiran kerajaan dan agensinya. Sebagai kesinambungan untuk memartabatkan pendekatan Islam Hadhari agar lebih diyakini rakyat, JAKIM bersama-sama dengan 28 buah Kementerian telah merangka satu garis panduan 'Perancangan Strategik 5 Tahun Pendekatan Islam Hadhari (2006-2010) untuk dilaksanakan di peringkat Kementerian dan agensi kerajaan. Perancangan strategik yang mengandungi 66 strategik ini digubal selaras dengan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dan dasar-dasar yang sedia ada seperti Pelan Integriti Nasional (PIN) dan lain-lain (JAKIM, 2007). Usaha memberikan kefahaman kepada masyarakat telah dipergiatkan di semua peringkat. Sehingga Jun 2007, sebanyak 86 program kefahaman tentang prinsip Islam Hadhari telah dilaksanakan di seluruh negara dalam bentuk modul, ceramah, bengkel, kursus, perkampungan Hadhari dan lain-lain (Dewan Rakyat, 2007). Bagi masyarakat bukan Islam beberapa program penjelasan telah dilaksanakan oleh IKIM dan JAKIM. Pendekatan ini juga wajar diberikan perhatian oleh masyarakat tanpa mengira latar belakang agama kerana Islam Hadhari berpaksikan nilai dan norma positif sekali gus membentuk keperibadian dan sahsiah individu bercirikan agama (Sarjit, 2007).

Di peringkat IPTA dan IPTS pula, Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi bertanggungjawab untuk merangka program memberikan kefahaman asas Islam Hadhari di kalangan belia. Selaras dengan usaha memberikan pendedahan asas kepada golongan belia dan belia, maka subjek Islam Hadhari telah diserapkan dalam sukatan kurikulum pembelajaran Kursus Umum Universiti yang diajar di kebanyakan IPTA dan IPTS di Malaysia. Tidak cukup dengan itu, program-program umum berbentuk ceramah, forum, kursus kefahaman juga dikendalikan secara berkala bertujuan untuk menyebarluaskan kefahaman tentang pendekatan ini kepada golongan belia yang terpelajar ini.

Persoalan sekarang, sejauh manakah pendekatan Islam Hadhari telah difahami dan dihayati oleh generasi muda khususnya golongan belia? Adakah pendekatan ini telah memberikan kesan positif kepada mereka untuk menghayati Islam dengan lebih sempurna atau sekadar konsep yang tidak dipraktikkan? Sebenarnya, hasrat kerajaan mengetengahkan prinsip ini bukanlah sekadar slogan atau retorik semata-mata, tetapi untuk direalisasikan dalam kehidupan serta mengubah persepsi masyarakat terhadap ajaran Islam secara total (Jakim, 2005). Mengikut pandangan Wan Mohd Nor (2006), kefahaman yang wadilah terhadap konsep Islam Hadhari ini boleh membantu menyelesaikan masalah kejahilan masyarakat tentang Islam. Malah, kesedaran yang betul berkenaan pendekatan ini amat penting untuk mengubah keadaan diri seseorang individu, keluarga dan masyarakat (Wan Mohd Nor, 2006).

Justeru, fokus kertas ini ialah mengukur tahap kefahaman golongan belia terhadap sepuluh prinsip Islam Hadhari serta mengkaji beberapa variabel yang mempengaruhi pengetahuan mereka terhadap pendekatan ini. Justifikasi golongan belia ini dipilih sebagai sampel kajian ialah kerana mereka adalah generasi pelapis yang bakal memimpin negara pada masa hadapan kelak. Respons daripada mereka adalah penting dan boleh dijadikan titik tolak ke arah memperbaiki modus operandi Islam Hadhari.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk survei bagi mengetahui tahap pengetahuan belia terhadap pendekatan Islam Hadhari. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif melalui instrumen kajian untuk menghasilkan dapatan yang akan dihuraikan melalui penulisan deskriptif.

Pensampelan dan Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah yang melibatkan 1000 orang responden yang mengikuti kursus Hubungan Etnik semester Julai 2007/08 di Universiti Putra Malaysia. Responden kajian terdiri daripada belia tahun pertama yang mengikuti pelbagai jurusan pengajian di Universiti Putra Malaysia. Borang kaji selidik digunakan sebagai instrumen kajian yang bertujuan mengukur tahap pengetahuan belia terhadap pendekatan Islam Hadhari. Pembahagian item dalam soal selidik meliputi maklumat demografi (12 item); pengetahuan tentang Islam Hadhari (14 item) dan ujian kefahaman (10 item). Instrumen kajian yang digunakan telah diuji kebolehpercayaannya dengan nilai alfa melebihi 0.6 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Nilai Cronbach Alfa

Variabel	N	Alpha
Pengetahuan responden tentang Islam Hadhari	15	0.950

Analisis Data

Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik kekerapan dan deskriptif digunakan untuk mengenal pasti taburan data dan mengukur tahap pengetahuan belia tentang 10 prinsip Islam Hadhari. Manakala statistik inferensi iaitu ujian-t dan analisis varian ANOVA digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan yang boleh mempengaruhi pengetahuan belia tentang Islam Hadhari. Analisis lanjut seperti Korelasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perkaitan yang signifikan antara item demografi dan pengetahuan belia. Analisis data dijalankan dengan menggunakan perisian SPSS 13.0.

DAPATAN KAJIAN**Profil Responden****Jadual 3. Profil Responden**

Latar belakang	N	%
Jantina		
- Lelaki	251	25.1
- Perempuan	747	74.7
Umur:		
- 19 tahun ke bawah	102	10.2
- 20 hingga 21 tahun	693	69.3
- 22 hingga 23 tahun	110	11.0
- 24 tahun ke atas	95	9.5
Agama		
- Islam	701	70.1
- Buddha	185	18.5
- Hindu	44	4.4
- Kristian	64	6.4
- Lain-lain	8	0.8
Etnik		
- Melayu	680	68.0

- Cina	223	22.3
- India	43	4.3
- Bumiputera Sabah & Sarawak	46	4.6
- Lain-lain	8	0.8

Pendidikan bapa responden

- tidak bersekolah	21	2.1
- sekolah rendah & menengah	750	75.0
- IPTA (diploma, ijazah, sarjana)	226	22.6

Pendidikan ibu responden

- tidak bersekolah	44	4.4
- sekolah rendah & menengah	808	80.8
- IPTA (diploma, ijazah, sarjana)	144	14.4

Jadual 3 menunjukkan taburan profil responden. Berdasarkan Jadual 2, seramai 747 responden adalah perempuan dan 251 adalah responden lelaki. Dari segi umur, responden dibahagikan kepada 3 kelas umur, iaitu seramai 102 belia (10.2%) berumur 19 tahun, 693 belia (69.3%) berumur di antara 20 dan 21 tahun, 110 belia (11%) berumur di antara 22 dan 23 tahun, manakala hanya 95 belia (9.5%) berumur 24 tahun dan ke atas. Majoriti (69.3%) menunjukkan umur responden adalah lingkungan 20 dan 21 tahun.

Dari segi kepercayaan beragama, seramai 701 responden beragama Islam (70.1%), 185 orang beragama Buddha (18.5%), 44 orang beragama Kristian (44%) dan 8 responden menganuti lain-lain agama seperti Sikh dan Taoism. Responden kajian juga terdiri daripada pelbagai etnik dan bangsa di mana, 680 responden adalah kaum Melayu (68%), 223 responden terdiri dari kaum Cina (22.3%), 46 responden adalah Bumiputera Sabah dan Sarawak, 43 responden adalah kaum India (4.3%) dan baki 8 orang (0.8%) adalah lain-lain kaum.

Seterusnya, kajian mendapati bahawa majoriti daripada responden mempunyai ibu bapa yang mempunyai taraf pendidikan formal (rendah dan menengah). Seramai 750 responden (75%) mempunyai bapa yang berpendidikan daripada sekolah rendah dan menengah dan 808 (80.8%) responden mempunyai ibu yang mempunyai taraf pendidikan yang sama. Manakala, seramai 226 responden (22.6%) mempunyai bapa yang mempunyai kelulusan dari IPTA (diploma, B.A, M.A dll) dan 144 orang (14.4%) mempunyai ibu yang berkelulusan IPTA. Hanya 21 orang responden (2.1%) mempunyai bapa yang tidak bersekolah dan 44 (4.4%) mempunyai ibu tiada pendidikan formal.

PENGETAHUAN BELIA TERHADAP PENDEKATAN ISLAM HADHARI

Bahagian ini menghuraikan aspek pengetahuan belia serta tahap kefahaman mereka terhadap pendekatan Islam Hadhari.

Jadual 4. Min dan Sisihan Piawai Pengetahuan Responden

Variabel	Min	Sisihan Piawai
1. Pengetahuan belia	3.2629	1.77629

Bagi menghuraikan keseluruhan tahap pengetahuan responden tentang pendekatan Islam Hadhari, jumlah keseluruhan min dikira dan dibahagikan dengan jumlah item untuk menghasilkan min keseluruhan. Berdasarkan Jadual 3, min bagi pengetahuan responden ialah, min = 3.2629 (SP = 1.77629). Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan responden terhadap pendekatan Islam Hadhari adalah tinggi dan menunjukkan mereka mempunyai asas kefahaman yang baik tentang Pendekatan Islam Hadhari. Taburan penentuan min tahap pengetahuan responden dapat dilihat berdasarkan Jadual 4.

Jadual 4. Taburan Penentuan Min Tahap Pengetahuan Responden

Tahap/kelas	Min
Rendah	1.00-2.00
Sederhana	2.01-3.00
Tinggi	3.01-4.00

Bagi mendapatkan taburan ini, prosedur/kaedah kelas berikut telah digunakan:

$$\text{Selang kelas} = \frac{\text{skala maksimum} - \text{skala minimum}}{\text{Bilangan kelas yang dikehendaki}}$$

$$\text{Selang kelas} = \frac{4 - 1}{3}$$

$$\text{Selang kelas} = 1$$

Seterusnya kefahaman responden terhadap pendekatan Islam Hadhari telah diukur dengan menggunakan empat Skala Likert iaitu, Sangat Setuju (4), Setuju (3), Tidak Setuju (2) dan Sangat Tidak Setuju (1). Min setiap item bagi pengetahuan responden dipaparkan dalam Jadual 5. Kajian mendapati terdapat 11 item menunjukkan pengetahuan responden yang tinggi (baik) terhadap pendekatan Islam Hadhari. Kesemua min tersebut berada pada aras 3.01-4.00. Tiga item yang tertinggi ialah item 1-'Islam Hadhari tidak bercanggah dengan ajaran yang termaktub dalam al-Quran dan As Sunnah' (min=3.7800) ; item 2-'IKIM dan JAKIM adalah antara agensi kerajaan yang melaksanakan aktiviti Islam Hadhari' (min=3.7340) dan item 3-'Saya faham dengan jelas tentang Prinsip 6 Kehidupan berkualiti' dengan min= 3.7070. Min yang tinggi bagi kebanyakan responden menunjukkan mereka memahami pendekatan Islam Hadhari serta meyakini bahawa adalah ianya boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Manakala terdapat tiga item yang menunjukkan pengetahuan responden adalah di tahap sederhana iaitu pada aras 2.01-3.00. Item-item tersebut ialah item 12-'Saya tahu tentang 10 prinsip Islam Hadhari' dengan min=2.9500; item 13- 'Saya faham dengan jelas tentang Prinsip ke-5 Islam Hadhari (Pembangunan ekonomi seimbang dan

komprehensif)’ dengan min=2.9110 serta item 14-‘Saya memahami dengan jelas tentang Prinsip 9’ (Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar) dengan min=2.5890. Ketigatiga ini menunjukkan pengukuran pengetahuan yang sederhana dan perbezaan min bagi kesemua item adalah kecil. Jadual 5 menunjukkan taburan pengetahuan belia terhadap pendekatan Islam Hadhari.


Jadual 5. Taburan Min Dan Sisihan Piawai Pengetahuan Responden terhadap Pendekatan Islam Hadhari

No.	Perkara	Min	S.P
1.	Islam Hadhari tidak bercanggah dengan ajaran yang termaktub dalam al-Quran dan As Sunnah	3.7800	6.10917
2.	IKIM dan JAKIM adalah antara agensi kerajaan yang melaksanakan aktiviti Islam Hadhari	3.7340	9.10968
3.	Saya faham dengan jelas tentang Prinsip 6 (Kehidupan berkualiti)	3.7070	9.11341
4.	Saya faham dengan jelas tentang Prinsip 8 (Keutuhan budaya dan moral)	3.5220	8.05173
5.	Saya faham dengan jelas tentang Prinsip 10 (Kekuatan pertahanan dan perpaduan)	3.2442	6.11467
6.	Saya faham dengan jelas tentang Prinsip 3 (Rakyat berjiwa merdeka)	3.2410	6.11312
7.	Saya faham dengan jelas tentang Prinsip 2 (Kerajaan adil dan beramanah)	3.2320	6.11683
8.	Objektif Islam Hadhari adalah mantap, ideal dan menyeluruh	3.3120	6.10917
9.	Saya faham dengan jelas tentang Prinsip 1 (Keimanan dan ketakwaan kepada Ilahi)	3.1280	4.37502
10.	Saya faham dengan jelas tentang Prinsip 7 (Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita)	3.0410	3.17544
11.	Saya memahami dengan jelas tentang Prinsip 4 (Penguasaan ilmu pengetahuan)	3.0040	4.40193

- | | | | |
|-----|---|--------|---------|
| 12. | Saya tahu tentang 10 prinsip Islam Hadhari | 2.9500 | 5.32746 |
| 13. | Saya faham dengan jelas tentang Prinsip 5 (Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif) | 2.9110 | 4.36212 |
| 14. | Saya memahami dengan jelas tentang Prinsip 9 (Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar) | 2.5890 | 3.17524 |
-

Sebagai pengukuhan terhadap pengukuran tahap pengetahuan belia tentang pendekatan Islam Hadhari, satu set ujian kefahaman yang mengandungi 10 soalan (100%) telah ditanyakan kepada responden. Pilihan jawapan yang diberikan adalah dwi-pilihan, iaitu betul atau salah. Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman belia bagi prinsip 1, 6 dan 7 adalah sangat baik iaitu melebihi 94% menjawab betul. Manakala bagi prinsip 5, 3 dan 9 menunjukkan tahap kefahaman belia yang sederhana iaitu peratus belia menjawab betul antara 57% hingga 79.7% sahaja. Analisis soalan ujian kefahaman ini menunjukkan bahawa terdapat prinsip Islam Hadhari yang boleh difahami dengan mudah oleh belia dan juga terdapat prinsip yang kurang jelas dan kurang difahami oleh belia. Ini menunjukkan bahawa prinsip yang kurang jelas seperti prinsip 5, 3 dan 9 perlulah dipertingkatkan penerangannya kepada umum. Analisis ujian kefahaman ini ditunjukkan dalam Rajah 1. Ringkasan P1-P10 adalah merujuk kepada Prinsip 1 hingga Prinsip ke-10.

**Rajah 1. Ujian Kefahaman terhadap Pengetahuan Responden
(Peratusan Pencapaian)**



Perbezaan pengetahuan responden terhadap pendekatan Islam Hadhari

Keputusan ujian-t adalah seperti Jadual 6. Ujian-t ini digunakan untuk menguji sama ada terdapat perbezaan min tahap pengetahuan belia yang signifikan dengan gender. Dapatkan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan yang signifikan antara belia berlainan jantina tentang pendekatan Islam Hadhari.

Jadual 6. Keputusan Ujian-T untuk Menentukan Perbezaan Pengetahuan Belia berdasarkan Jantina

Profil	N	Min	Nilai-T	Sig.
Jantina				
- Lelaki	251	3.205	-0.590	0.555
- Perempuan	745	3.282		

Keputusan ujian ANOVA satu hala dinyatakan dalam Jadual 7. Ujian ANOVA satu hala digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan yang signifikan antara responden mengikut profil. Dapatkan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan pengetahuan yang signifikan di kalangan responden berdasarkan perbezaan agama, tempat tinggal, latar belakang pendidikan responden dan pendidikan ibu bapa ($p>0.05$). Walau bagaimana pun, hasil ANOVA satu hala menunjukkan bahawa nilai $F(6,990) = 3.415$ dan $p<0.05$ bagi tahap pengetahuan belia berdasarkan faktor etnik. Ini bermaksud terdapat perbezaan tahap pengetahuan tentang pendekatan Islam Hadhari yang signifikan antara belia berlainan etnik/bangsa. Daripada dapatkan kajian ini, jelas bahawa tahap pengetahuan belia terhadap pendekatan Islam Hadhari adalah sama walaupun berbeza dari segi profil belia kecuali faktor perbezaan etnik sahaja.

Jadual 7. Keputusan Ujian Anova Satu Hala untuk Menentukan Perbezaan Pengetahuan Belia berdasarkan Profil

	SS	df	MS	F	Sig.
Agama					
- Antara Kumpulan	27.981	7	3.997	1.269	0.262
- Dalam Kumpulan	3114.613	989	3.149		
Jumlah	3142.594	996			
Etnik					
- Antara Kumpulan	63.725	6	10.621	3.415	0.002*
- Dalam Kumpulan	3078.870	990	3.110		
Jumlah	3142.594	996			
Tempat tinggal					
- Antara Kumpulan	18.824	3	6.275	1.995	0.113
- Dalam Kumpulan	3123.771	993	3.146		
Jumlah	3142.594	996			
Pendidikan responden					
- Antara Kumpulan	23.902	5	4.780	1.519	0.181

- Dalam Kumpulan	3118.693	991	3.147		
Jumlah	3142.594	996			
Pendidikan bapa					
- Antara Kumpulan	15.888	5	3.178	1.007	0.412
- Dalam Kumpulan	3126.707	991	3.155		
Jumlah	3142.594	996			
Pendidikan ibu					
- Antara Kumpulan	17.538	5	3.508	1.112	0.352
- Dalam Kumpulan	3125.056	991	3.153		
Jumlah	3142.594	996			

Petunjuk: SS=jumlah kuasa dua df=darjah kebebasan MS=min kuasa dua
 *signifikan para aras 0.05

Perkaitan antara tahap pengetahuan belia dengan profil

Berdasarkan ujian Korelasi dalam Jadual 8, hasil analisis yang diperoleh menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara pengetahuan belia dan umur, iaitu $r = 0.091$, $p < 0.05$. Seterusnya, tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara tahap pengetahuan belia dengan profil belia iaitu, $r = 0.091$, $p > 0.05$ (pendidikan bapa) dan $r = 0.091$, $p > 0.05$ (pendidikan ibu). Ini bermakna tahap pengetahuan belia tentang pendekatan Islam Hadhari dipengaruhi oleh faktor umur responden. Semakin meningkat umur responden, semakin baik kefahaman dan pengetahuan mereka terhadap pendekatan ini.

Jadual 8. Perkaitan antara Pengetahuan dan Profil Belia

Korelasi	Umur	Pendidikan bapa	Pendidikan ibu
Pengetahuan belia	0.091** .004	-0.006 0.851	0.056 0.076

*signifikan para aras 0.05

PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya pengetahuan belia mengenai pendekatan Islam Hadhari berada di tahap yang tinggi (baik). Ini menunjukkan bahawa majoriti belia mengetahui tentang 10 prinsip Islam Hadhari tersebut walaupun ada beberapa prinsip yang kurang difahami. Keputusan ujian kefahaman (Rajah 1) yang dijalankan mengukuhkan lagi daptan kajian. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa prinsip yang kurang difahami oleh responden contohnya seperti ekonomi (prinsip 5) dan pemuliharaan alam sekitar (prinsip 9). Bagi pemahaman terhadap prinsip ke-5 (ekonomi), berkemungkinan responden kurang memahaminya kerana rata-rata di kalangan mereka belum terdedah kepada alam pekerjaan. Mereka juga kurang jelas tentang peranan yang boleh dilakukan bagi menjana ekonomi negara.

Di samping itu, daptan kajian melalui ujian ANOVA satu hala menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pengetahuan yang signifikan ($p < 0.05$) di kalangan belia

berlainan etnik. Ini bermaksud belia berlainan etnik mempunyai pengetahuan yang berbeza. Keadaan ini mungkin disebabkan kerana majoriti responden (68%) adalah belia yang berbangsa Melayu. Seterusnya, hasil kajian melalui ujian korelasi mendapati bahawa terdapat perkaitan yang signifikan ($p<0.05$) di antara pengetahuan belia dan faktor umur. Semakin meningkat umur belia, semakin luas pengetahuannya tentang prinsip Islam Hadhari. Ini menunjukkan faktor umur memperlihatkan kematanangan berfikir, berpengetahuan dan berminat dengan isu-isu kontemporari. Di samping itu, terdapat perkaitan yang signifikan di antara pengetahuan dan persepsi belia ($p<0.01$). Ini bermaksud semakin luas pengetahuan seseorang belia, semakin jelas persepsinya terhadap pendekatan Islam Hadhari.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah dapat mengukur tahap kefahaman belia mengenai 10 konsep Islam Hadhari. Belia yang mempunyai kefahaman yang jelas tentang 10 konsep Islam Hadhari akan mempunyai respons yang positif mengenainya. Walau bagaimana pun, data yang diperoleh daripada kajian ini tidak boleh digeneralisasikan bagi mewakili keseluruhan golongan belia di Malaysia.

Secara keseluruhannya, program penjelasan tentang pendekatan Islam Hadhari perlulah diperkasakan di semua peringkat agensi kerajaan dan masyarakat. Penerbitan buku, penulisan bebas di akhbar dan majalah ilmiah, artikel untuk jurnal, ucapan-ucapan perasmian menteri dan ahli politik perlulah ditambah (Sarjit, 2007). Poster, bunting serta *billboard* mengenai Islam Hadhari juga perlu diperbanyakkan kuantitinya. Di peringkat universiti, pihak pengurusan IPTA perlulah merangka program-program modal insan yang berteraskan pendekatan Islam Hadhari kepada semua belia. Ini diharapkan dapat meningkatkan sikap toleransi dan setia kawan antara belia Islam dan bukan Islam.

Selain itu, jaringan antara kementerian dan agensi pelaksana Islam Hadhari seperti Jakim, IKIM, YADIM dan lain-lain adalah penting dan saling lengkap melengkapi. Dengan adanya Pekeling Am Bil. 2 Tahun 2007 iaitu, Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di Agensi-agensi Kerajaan dan Pelan Strategik Pelaksanaan 5 Tahun Islam Hadhari (2006-2010) dapat membantu untuk merealisasikan hasrat kerajaan melahirkan modal insan yang cemerlang dan terbilang. Diharapkan pendekatan Islam Hadhari ini tidak menjadi slogan politik semata-mata tetapi merupakan pendekatan dan wawasan yang perlu dipraktikkan secara maksimum.

RUJUKAN

- Abdullah A. Badawi. 2007. *Islam Hadhari Approach: Towards A Progressive Islamic Civilisation. (Selected speeches by Prime Minister of Malaysia)*. ed. Nazli M. Ghazali), Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdullah A. Badawi. 2006. *Islam Hadhari: A Model Approach for Development and Progress*. Kuala Lumpur: MPH Publishing.
- Ab. G. Surip & Badlihisham M. Nasir. 2005. "Pelaksanaan Organisasi dan Aktiviti Islam Hadhari di JAKIM: Satu Pengamatan Awal", *Prosiding Seminar Kenegaraan dan*

- Ketamadunan: Ke Arah Memahami Islam Hadhari di Malaysia (SOGOC)*. Fakulti Ekologi Manusia & Pusat Islam UPM, Universiti Putra Malaysia, 18-19 Mei 2005.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2005. *Islam Hadhari Satu Penjelasan*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Mustapha A. Rahman. 2007. “Pelan Strategik Pelaksanaan 5 Tahun Islam Hadhari: Perancangan dan Pemantauan”. *Prosiding Konvensyen Islam Hadhari 2006*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- JAKIM. 2007. *Perancangan Strategik 5 Tahun Pendekatan Islam Hadhari (2006-2010)*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia: Putrajaya.
- Pekeling Am Bil. 2. 2007. *Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di Agensi-Agenzi Kerajaan*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 2007
- Pemberitahuan Pertanyaan Dewan Rakyat (Jawapan Lisan bagi soalan PR-1143-T10450). JAKIM, Putrajaya, 02.09.2007.
- Sarjit S. Gill. 2007. “Islam Hadhari dari Perspektif Bukan Islam (nota power point)”, *Wacana Bulanan*, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia, 20 Mac 2007.
- Shafie M. Salleh & M. Affandi Hassan. 1991. *Kecemerlangan Pentadbiran: Dasar dan Amalan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara
- Wan Mohd Nor W. D. 2006. *Masyarakat Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Profil Penulis

Adlina binti Ab. Halim, PhD

Pensyarah Kanan

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

adlina@putra.upm.edu.my

Melahirkan Masyarakat Melayu Cemerlang: Persoalan Konsep dan Kerangka Teoretis

KAMARUDDIN M. SAID

ABSTRAK

Idea untuk melahirkan satu masyarakat yang cemerlang dan menjulang perlu mempunyai kerangka konseptual dan teoretis yang pragmatis. Artikel ini membincangkan beberapa masalah konseptual dan teoretis berhubung dengan idea melahirkan masyarakat Melayu yang cemerlang dan menjulang. Konsep personaliti, budaya, nilai dan perenggu minda dibincangkan dengan tujuan melahirkan satu sintesis konsep yang luas dan saling berkaitan. Dicadangkan supaya instrumen penyelidikan digubal dengan mengambil kira tujuan untuk mendapatkan data sosiologi dan psikologi berkaitan dengan personaliti, nilai dan perenggu-minda.

Kata Kunci: Personaliti, Budaya, Nilai, Perenggu Minda, Melayu.

ABSTRACT

The idea of creating an excellent and towering society should begin with a pragmatic conceptual and theoretical framework. This paper discusses several conceptual and theoretical problems related to the idea of creating an excellent and towering Malay society. In order to come up with a comprehensive conceptual and theoretical framework this paper discusses the interconnection of three major concepts: personality, value and mindsets. It is suggested that, in order to gather sociological and psychological data, a research instrument is to be constructed combining the three major concepts of personality, value and mindsets.

Keywords: Personality, Culture, Value, Mind Sets and Malay.

PENDAHULUAN

Pada Februari 2005, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, iaitu YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, telah membentangkan hasratnya untuk melahirkan ramai orang Melayu yang mempunyai "towering personality of excellence and success". Ini ialah satu idea yang sepatutnya menarik minat para sosiologis dan psiko logis di Malaysia. Walaupun begitu, pada 11 Mei 2005, bersempena sambutan ulang tahunnya yang ke-59, UMNO telah memilih Prof. Diraja Ungku A. Aziz untuk menerima Anugerah Melayu Terbilang 2005. Maka tergambarlah satu contoh personaliti menjulang yang perlu diteladani oleh orang Melayu. Oleh itu telah tiba masanya untuk para pemikir sosial merancang satu

kerangka konsepsi dan teoretis, serta melahirkan satu pelan tindakan khusus bagi membolehkan lahir dan bercambahnya bilangan anak Bangsa Malaysia yang mempunyai personaliti yang menjulang. Mereka inilah kelak yang boleh diharapkan untuk membantu Malaysia mencapai hasrat Wawasan 2020.

Pada asasnya, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi mempunyai wawasan untuk membina masyarakat Melayu yang memiliki kemasyhuran memuncak tinggi menerusi pendekatan Islam Hadhari. Islam Hadhari adalah salah satu inti pati ucapan beliau dalam "Amanat Presiden UMNO", selain menyentuh tentang soal perkhidmatan awam, pendidikan, pertanian dan pembaharuan sikap. Beliau mahu setiap orang Melayu menjadi "*towering personality*" - personaliti yang tinggi hemahnya, tinggi budinya, tinggi pengajiannya, tinggi kejayaannya dalam apa juga bidang yang diceburi, hatta menjadi orang yang gemilang (lihat Lampiran A).

Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, individu yang tinggi hemahnya dan sentiasa memperkasakan kemampuannya dalam apa juga bidang, diiktiraf kebolehannya oleh ramai pihak, akan menjadi aset kepada negara, dan bukannya menjadi beban kepada masyarakat dan negara. Justeru itu, beliau memilih Islam Hadhari sebagai pendekatan ke arah itu kerana pendekatan ini adalah kaedah yang berlatar belakangkan al-Quran dan hadis bagi memajukan umat Islam. Kata Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Kita mahu Islam Hadhari dapat diterangkan dengan sebaik-baiknya, dapat difahami bahawa ia bukan satu agama baru, bukan menyalahi ajaran al-Quran dan hadis, bukan mazhab baru, tetapi pendekatan yang Hadharah. Ia adalah pendekatan yang boleh memajukan lagi umat Islam berlandaskan 10 prinsip yang telah ditetapkan." Katanya, "Islam Hadhari yang dilaksanakan bertujuan memperkasakan agama, akal, nyawa, keturunan dan harta."

Kertas ini mengambil inti pati mesej yang disampaikan oleh Perdana Menteri, seperti yang tersebut di atas, sebagai titik-tolak perbincangan konseptual, teoretis dan gunaan selanjutnya.

KONSEP PERSONALITI

Personaliti ialah satu konsep yang kompleks berkaitan dengan emosi, pemikiran dan kelakuan individu yang ketara dan bertahan lama. Seseorang itu biasanya, dengan ketara dan berulang-kali, memperlihatkan personaliti tertentu, termasuklah pendiam, peramah, teliti, terburu-buru dan sebagainya, sebagai satu "pembawaan semula jadi." Namun demikian, pembawaan semula jadi ini, dari segi teorinya, boleh berubah kesan daripada proses sosialisasi yang berterusan, atau boleh diubah dan diperbaiki serta dimantapkan menerusi program pengubahan emosi, pemikiran dan kelakuan. Oleh itu, *road map* untuk melahirkan personaliti menjulang ini jauh lebih kompleks dan mencabar, dari segi konsep, teori dan caranya. Namun begitu, jika kita mentakrifkan personaliti ini secara konseptual dan secara operasional maka *road map* yang ingin dibina dan lalui itu akan lebih mudah tercapai. Para pengkaji sosial sering melihat personaliti dari dua perspektif: (a) Personaliti asal atau pembawaan semula jadi individu, dan (b) Personaliti binaan hasil proses sosialisasi dan "*social engineering*".

Dari sudut pandangan psikologi, personaliti merujuk kepada struktur minda individu yang dibentuk oleh proses yang menghubungkan *id*, *ego*, dan *super-ego* (akan

diperkatakan selanjutnya di bawah). Tetapi dari sudut pandangan antropologi dan sosiologi, personaliti mempunyai kaitan yang rapat dengan budaya sesebuah masyarakat, dan diperkatakan menerusi tajuk "budaya & personaliti." Selanjutnya, para antropologi dan sosiologis turut melihat isu personaliti daripada sudut pandangan institusi di mana personaliti dikaitkan dengan sub-budaya dalam institusi keluarga, institusi pendidikan, agama, pekerjaan, politik, ekonomi, hiburan dan sebagainya. Oleh itu, memandangkan begitu banyak faktor yang mempengaruhi personaliti individu (malah personaliti komuniti, masyarakat, bangsa dan sebagainya), persoalan mengenai pembinaan "personaliti menjulang" perlu diperkatakan dan dirancang daripada pelbagai perspektif.

PERSONALITI INDIVIDU & PENDEKATAN PSIKOLOGI

Sigmund Freud berpendapat bahawa minda ialah satu sistem tenaga (*individual*) yang kompleks yang pada pendapatnya lebih tepat difahami daripada sudut ilmu psikologi. Struktur minda manusia sentiasa bergelut untuk memenuhi tuntutan *id* dan *super-ego*. *Id* ialah tuntutan psikologi yang dirangsang oleh keinginan dan nafsu seksual, hiburan dan lain-lain keinginan peribadi yang memerlukan kepuasan. *Super-ego* ialah bahagian minda yang mengandungi "*conscience*", iaitu mekanisme kawalan nafsu serta keinginan peribadi (yang tak terbatas) yang dipelajari daripada budaya dan masyarakatnya menerusi proses sosialisasi. Komponen minda yang ketiga ialah *ego* individu, iaitu komponen yang menyelaraskan keinginan *id* dan *super-ego* - antara keinginan nafsu dan *conscience* sosial. Oleh itu dari kaca mata psikologi, personaliti menjulang ialah penjelmaan *ego* individu yang terbaik, yang berupaya menyeimbangkan tuntutan *id* dan *super-ego*. Ini bermakna bahawa proses dan program pembentukan personaliti menjulang yang sistematis perlu melibatkan perkiraan tertentu daripada perspektif teori psikologi. Untuk berhadapan dengan nafsu *id*, dan untuk tidak berkonflik dengan tuntutan *super-ego* (contohnya: moraliti dan integriti sosial), maka *ego* mempunyai strateginya sendiri. Ini termasuklah strategi penahanan nafsu (*repression*) dan strategi pengalihan tumpuan minda (*sublimation*) daripada keinginan nafsu kepada kesediaan memenuhi tuntutan *conscience*.

Selain itu, kebanyakan pakar psikologi juga bersetuju bahawa terdapat enam belas profil personaliti yang telah dikenal pasti, iaitu personaliti: (1) Pelaksana Tugas (*The Duty Fulfillers*), (2) Pengawal (*The Guardians*), (3) Pendidik (*The Nurturers*), (4) Perawat (*The Caregivers*), (5) Mekanik (*The Mechanics*), (6) Pekerja Keras (*The Doers*), (7) Juru Persembahan (*The Performers*), (8) Seniman (*The Artists*), (9) Eksekutif (*The Executives*), (10) Saintis (*The Scientists*), (11) Penggerak Wawawasan (*the Visionaries*), (12) Pemikir (*The Thinkers*), (13) Dermawan (*The Givers*), (14) Pelindung (*The Protectors*), (15) Pembangkit Inspirasi (*The Inspires*), dan (16) Pengutama Ideals (*The Idealists*). Kesemua profil ini dapat dikenal pasti pada diri individual menerusi kaedah peninjauan personaliti yang telah diiktiraf oleh para psiko logis. Dan kesemua profil ini tidak mungkin disusun lapis dalam bentuk *ranking*, mengikut kekuatan dan kelemahan masing-masing. Setiap satu profil ini sesungguhnya mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing bergantung kepada sumbangan personaliti ini terhadap perkara yang halal

atau haram, kebaikan atau kejahatan, kemuliaan atau kehinaan, kewiraan atau ke pengkhianatan, keadilan atau kezaliman dan pasangan *binary* yang lain.

Terdapat juga psiko logis yang telah menyimpulkan bahawa personaliti individu mengandungi pembawaan yang bersifat pendiam (*introvert* -- I), peramah (*extrovert* -- E), berderia perasa (*sensing* -- S), pengikut gerak hati (*intuitive* -- N), penghakiman (*judging* -- J), berfirasat (*perceiving* -- P), pemikir (*thinking* -- T) dan berperasaan (*feeling* -- F). Profil ini, mengikut teorinya, terbentuk hasil daripada kombinasi empat pasangan pembawaan peribadi: *introvert* atau *extrovert*, *sensing* atau *intuitive*, *judging* atau *perceiving*, dan *thinking* atau *feeling*. Oleh itu, enam belas profil personaliti yang tersebut di atas mempunyai komponen tambahan yang terdiri dari pasangan empat ciri pembawaan peribadi seperti yang tersenarai di bawah:

- | | |
|----------|--|
| 1. ISTJ | - Pelaksana Tugas (<i>The Duty Fulfillers</i>) |
| 2. ESTJ | - Pengawal (<i>The Guardians</i>) |
| 3. ISFJ | - Pendidik (<i>The Nurturers</i>) |
| 4. ESFJ | - Perawat (<i>The Caregivers</i>) |
| 5. ISTP | - Mekanik (<i>The Mechanics</i>) |
| 6. ESTP | - Pekerja Keras (<i>The Doers</i>) |
| 7. ESFP | - Juru Persembahan (<i>The Performers</i>) |
| 8. ISFP | - Seniman (<i>The Artists</i>) |
| 9. ENTJ | - Eksekutif (<i>The Executives</i>) |
| 10. INTJ | - Saintis (<i>The Scientists</i>) |
| 11. ENTP | - Orang Berwawasan (<i>The Visionaries</i>) |
| 12. INTP | - Pemikir (<i>The Thinkers</i>) |
| 13. ENFJ | - Dermawan (<i>The Givers</i>) |
| 14. INFJ | - Pelindung (<i>The Protectors</i>) |
| 15. ENFP | - Pembangkit Inspirasi (<i>The Inspirers</i>) |
| 16. INFP | - Pengutama Ideals (<i>The Idealist</i>) |

Sebagai satu contoh, berdasarkan formulasi yang tersebut di atas, seseorang yang mempunyai personaliti Pelaksana Tugas ialah orang yang mempunyai pembawaan peribadi yang pendiam (I), berderia perasa (S), pemikir (T), dan penghakiman (J). Oleh itu dari segi teori, seorang Pelaksana Tugas dianggap orang yang personalitinya menggabungkan empat pasangan pembawaan peribadi: ISTJ. Maka berdasarkan pemerhatian yang saintifik, kebanyakan psiko logis telah bersetuju bahawa setiap profil personaliti yang tersenarai di atas mempunyai komponen pembawaan peribadi yang agak jelas dan stabil sifatnya.

Dari segi teori, profil personaliti individu ialah profil pembawaan peribadinya (yang telah ditakdirkan). Dari segi teori juga, setiap profil personaliti ini mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing. Program pembentukan personaliti menjulang perlu mencari jalan untuk memaksimumkan kekuatannya, dan meminimumkan kelebihannya. Walau apa pun profil personaliti yang menjadi pembawaan semula jadi seseorang, apa yang dingini untuk tujuan pembentukan personaliti menjulang, ialah bahawa profil tersebut perlu berkembang dan mencapai tahap yang cemerlang. Dengan kata lain, program pembentukan personaliti menjulang perlu berupaya melahirkan "pelaksana tugas", "pengawal", "pendidik", "perawat", "mekanik", "pekerja keras", "juru

persembahan", "seniman", "eksekutif", "saintis", "orang berwawasan", "pemikir", "dermawan" dan "pelindung" yang cemerlang dan menjulang. Dan mengikut teori psikologi juga, personaliti menjulang ialah personaliti yang mempunyai ego cemerlang yang berupaya menyeimbangkan tuntutan *id* dan *super-ego*.

Jika satu program pembentukan personaliti ingin dijalankan dengan jayanya, dan jika satu pendekatan saintifik ingin dilaksanakan, maka kaedah mengenal pasti profil personaliti warga kumpulan sasaran perlulah digunakan. Ini ialah kerana, setelah mengenal pasti profil personaliti setiap warga kumpulan sasaran maka program pemerkasaan personaliti bolehlah dilaksanakan dengan lebih berkesan. Jika program pemerkasaan personaliti ini dilaksanakan, matlamatnya bukanlah hanya untuk mengenal pasti serta memperkasakan setiap profil personaliti, tetapi juga untuk menghasilkan satu komposisi profil personaliti yang terbaik bagi satu-satu kumpulan kerja atau *team*. Kumpulan kerja yang baik ialah kumpulan yang dianggotai oleh pelbagai profil personaliti yang seimbang dan boleh bekerjasama secara paling produktif, yang boleh digembung untuk menghasilkan produk yang terbaik dan cemerlang. Kumpulan kerja yang terganggu oleh konflik personaliti ialah kumpulan kerja yang tidak produktif, dan tidak mungkin cemerlang.

Sejak kebelakangan ini, para psikologis-sosial telah mengkategorikan jenis-jenis personaliti kepada lima kumpulan (*Five-Factor Model*) dengan tujuan untuk mengenal pasti emosi, pemikiran dan kelakuan individu berkaitan dengan lima faktor yang menjadi perkiraan utama ketika seseorang itu berhadapan dengan cabaran untuk membuat keputusan penting: Lima faktor yang dimaksudkan ialah:

1. Faktor Keperluan Kestabilan (*The Need for Stability Factor*): Adakah seseorang itu menghadapinya dengan tenang, berdaya tahan, berstrategi, optimistik, dan berupaya memulihkan keadaan dengan cekap, ataupun menghadapinya dengan perasaan cemas yang tidak terkawal, pesimistik, terburu-buru dan cepat pasrah?
2. Faktor Pendiam-Peramah (*The Extraversion Factor*): Adakah seseorang itu berfikir dan bertindak dalam sesuatu regu atau kumpulan kerja, berperasaan positif dan percaya kepada orang lain, beramah-mesra dengan anggota regunya, dan berhati-hati supaya tidak menyinggung perasaan anggota regunya? Ataupun seseorang itu lebih suka berahsia, tidak percaya kepada orang lain, membuat tindakan bersendirian, tidak suka beramah-mesra dengan orang lain? Faktor personaliti ini mempunyai kaitan dengan pembawaan *introvert* atau *extrovert*.
3. Faktor Keaslian (*The Originality Factor*): Adakah seseorang itu sentiasa memikirkan dan melakukan perubahan, suka mempelajari teknologi baru, menggalakkan percambahan idea, dan meneroka idea yang kompleks? Ataupun orang itu lebih cenderung mempertahankan idea dan kaedah lama, lebih cenderung mengutamakan idea dan kaedah yang *simpel*, dan lebih menekankan bentuk daripada isi? Faktor perubahan ini mempunyai kaitan dengan pembawaan penjaga warisan (*preserver*) ataupun peneroka-pengembara (*explorer*).

4. Faktor Bertolak-Ansur (*The Accommodation Factor*): Adakah seseorang itu bersedia menerima pandangan dan idea orang lain, bersedia bertolak-ansur, atau sedia berunding? Atau pun seseorang itu lebih mengutamakan kepentingan sendiri dan sentiasa berdegil. Faktor *accommodation* ini mempunyai kaitan dengan pembawaan penggugat, perunding, ataupun penyesuai.
5. Faktor Penggembelangan (*The Consolidation Factor*): Adakah seseorang itu bersedia menggembeleng seluruh tenaga dan sumber untuk mencapai matlamatnya, atau sekadar mencuba tanpa seluruh kudrat yang ada. Ini ialah personaliti yang berkaitan dengan daya fokus dan kecenderungan kepada keselesaan.

Personaliti yang cemerlang dan gemilang mesti mempunyai gabungan ciri-cirinya yang terbaik berdasarkan lima faktor utama yang tersebut di atas. Perancang *road map* untuk melahirkan personaliti menjulang ini perlu menyusun beberapa kemungkinan komposisi terbaik berdasarkan lima faktor utama ini.

PERSONALITI BUDAYA & PENDEKATAN INSTITUSIONAL

Dalam konteks yang lebih luas, soal personaliti bukanlah hanya soal psikologi individual. Personaliti juga ialah soal masyarakat dan budaya. Teori personaliti budaya menyatakan bahawa budaya ialah satu personaliti besar dan kolektif bagi masyarakatnya yang mengandungi adat-istiadat, sistem nilai dan perenggu minda (*mindsets*). Personaliti masyarakat, identiti dan imejnya, secara kasarnya tergambar menerusi adat-istiadat, sistem nilai dan perenggu minda yang paling menonjol di kalangan majoriti anggota masyarakatnya. Masyarakat *simpel* (pemburu dan pengumpul), masyarakat tani-desa (termasuk komuniti nelayan), masyarakat bandar, masyarakat industri, dan masyarakat pasca-industri mempunyai personaliti budaya masing-masing. Masyarakat sedang membangun, masyarakat negara maju, masyarakat kapitalis, sosialis, Islam, Protestant, Katholik, Hindu, Buddha, Jepun, China, Arab, Indonesia, Melayu dan sebagainya juga mempunyai personaliti budaya masing-masing. Dalam konteks ini, memahami personaliti budaya yang lebih besar skopnya ini, tentulah lebih sukar. Apa yang pernah disebut sebagai "keperibadian nasional" (*national character*) atau jati diri nasional (*national identity*) juga mempunyai kaitan yang rapat dengan konsep personaliti budaya ini.

Banyak telah diperkatakan tentang personaliti budaya Melayu, dan hampir kesemuanya membuat kesimpulan bahawa orang Melayu mempunyai budaya yang sukar menjadikannya cemerlang dan gemilang. Antara lain, orang Melayu dikatakan terlalu cenderung untuk masuk ke dalam *zone* selesa dan selamat, dan lebih suka terus berada dalam *zone* tersebut. Orang Melayu mempunyai budaya yang mementingkan kesederhanaan dan tidak berani bertarung untuk menghadapi cabaran dan risiko. Orang Melayu masih boleh dianggap mewarisi budaya Pak Kadok yang "menang sorak, kampung tergadai," atau "menang bentuk, kalah isi." Secara kasarnya, kesimpulan yang tersebut di atas masih relevan, walaupun tanpa bukti yang konkret.

Namun begitu, hakikat yang perlu ditimbulkan di sini ialah bahawa orang Melayu tidak lagi dapat dilihat sebagai satu entiti yang seragam, dan kesemuanya patut dianggap mempunyai personaliti budaya yang serupa. Sesungguhnya orang Melayu perlu dilihat sebagai satu kumpulan yang mempunyai pelbagai sub-budaya yang tersendiri. Pelbagai sub-budaya Melayu boleh dikatakan terbentuk kerana dimensi kedudukan sosioekonomi (kaya-miskin), desa-bandar, gender, pencapaian pendidikan, penghususan akademik, bidang kerjaya, umur, pangkat, darjah, pengalaman dan pendedahan antarabangsa dan sebagainya.

Cara yang lebih praktikal untuk memahami struktur personaliti budaya ialah dengan meneliti sistem nilai yang ditanamkan oleh sesuatu budaya menerusi pelbagai institusi sosial. Institusi sosial yang paling berkuasa ialah keluarga, agama, pendidikan dan media. Menerusi institusi inilah segala peraturan, norma, etika dan sistem nilai ditanamkan oleh "budaya" ke dalam minda anggota masyarakat. Menerusi satu proses penerimaan, penolakan dan sintesis yang kompleks, segala input budaya tersebut menghasilkan pelbagai perenggu minda di kalangan warga masyarakat. Dengan kata lain: setiap isu yang timbul dalam kehidupan masyarakat memerlukan penentuan: sangat setuju, setuju, tidak setuju, sangat tidak setuju dan tidak pasti.

Oleh itu, kini, satu profil mengenai personaliti budaya Melayu perlu dikaji dan dianalisis dengan mendalam. Ini ialah kerana orang Melayu telah dan sedang mengalami satu proses transformasi sosiobudaya, pendidikan dan ekonomi, menerusi Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang telah melahirkan pelbagai profil personaliti dan sub-budayanya. Walaupun satu kajian mendalam mengenai personaliti budaya Melayu secara menyeluruh belum dijalankan, namun kajian (Kamaruddin M. Said: 2005) terhadap perenggu minda generasi muda Melayu (sampel: 3,541 orang pelajar kolej matrikulasi, 2005) yang telah dijalankan memperlihatkan beberapa penemuan yang perlu diberikan perhatian serius:

1. Remaja lelaki Melayu mempunyai personaliti yang tidak teguh berbanding remaja wanita,
2. Kira-kira 30% golongan remaja Melayu berpendirian "tidak pasti" dalam beberapa isu besar (contoh: Mempunyai sikap tidak pasti terhadap kepentingan bahasa Inggeris, terhadap kerjaya dalam sektor swasta, terhadap kejayaan Kerajaan Persekutuan membangunkan negara dsb.),
3. Kira-kira 42% melihat remaja kaum lain sebagai pesaing yang sangat menakutkan,
4. Kira-kira 67% ingin negara ini diperintah oleh "Ulama Islam",
5. Kira-kira 36% berpendapat bahawa pengebom berani mati Islam ialah pejuang jihad Islam yang patut dicontohi (29% lagi tidak pasti),
6. Kira-kira 85% bersetuju dengan dasar mempelajari sains dan matematik menggunakan bahasa Inggeris,
7. Kira-kira 40% yang ingin bekerja dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, jika diberi pilihan (28% lagi, tidak pasti),
8. Kira-kira 65% percaya bahawa pada masa hadapan, wanita akan lebih berjaya dari lelaki (ini dipercayai oleh majoriti responden wanita, dan sebahagian besar responden lelaki. Kira-kira 16% responden berpendirian tidak pasti),

9. Sebanyak 5.3% yakin bahawa kejayaan dirinya pada masa hadapan adalah semata-mata hasil usaha sendiri (dan tidak perlu berterima kasih kepada pihak kerajaan). Sebanyak 84.8% akan berterima kasih atas bantuan pihak kerajaan), dan
10. Hanya 25% bersetuju bahawa masa depan generasi muda kini tidak lagi bergantung kepada (bantuan) pihak kerajaan.

Data kajian yang tersebut di atas, dan beberapa kajian lain yang berkaitan, memperlihatkan bahawa golongan remaja Melayu kini sedang menghadapi proses pergelutan yang serius dalam proses pembentukan dan pemantapan perenggu minda dan personaliti masing-masing. Dalam pergelutan ini, iaitu dalam proses betapa sukarnya untuk membuat penentuan tentang apa yang baik dan buruk, betul dan salah, hina dan mulia dan sebagainya, remaja lelaki Melayu menghadapi cabaran kecelaruan personaliti yang lebih parah. Ini memberikan implikasi jangka panjang bahawa personaliti menjulang di kalangan orang Melayu akan lebih cenderung muncul di kalangan kaum wanita, dan akan terlalu sedikit di kalangan kaum lelaki. Apakah kita akan pasrah kepada *trend* ini?

Persepsi kasar mengenai kecelaruan perenggu minda dan kerapuhan personaliti di kalangan sebahagian besar orang Melayu (berdasarkan model lima faktor di atas) boleh dikaitkan dengan:

1. Kelemahan institusi keluarga Melayu dan amalan sosialisasi asasnya (institusi keluarga Melayu. Pada umumnya, mungkin tidak mengetahui cara yang terbaik untuk menanamkan nilai kecemerlangan ke dalam minda anak-anak, ilmu keibubapaan di kalangan keluarga muda Melayu tidak cukup berkualiti dan mantap, anak-anak dibesarkan oleh pembantu rumah yang silih berganti tanpa pemantauan yang mencukupi oleh ibu bapa, dan sebagainya),
3. Kelompangan program pembentukan personaliti dalam institusi pendidikan formal di peringkat rendah, menengah, pra-universiti, dan universiti;
4. Penyebaran dan pengidolaan simbol-simbol personaliti yang murahan dan bermasalah oleh pelbagai pihak media,
5. Kerosakan minda generasi muda Melayu oleh amalan penagihan dadah yang cukup kronik, dan sebagainya.

Tidak dinafikan bahawa *road map* ke arah pembentukan personaliti menjulang di kalangan orang Melayu ini terpaksa dilukis dengan melalui gunung-ganang yang berbatu curam dan licin, lembah yang berlumpur dan sebagainya. Perjalanan yang akan dilalui cukup panjang dan berliku-liku. Institusi sosial yang perlu diberikan perhatian serius dalam perancangan *road map* personaliti menjulang ini ialah: keluarga, agama, politik dan pendidikan.

MEMAHAMI KEPELBAGAIAN PERENGGU MINDA MELAYU

Persoalan konsepsi yang timbul di sini ialah apakah kaitan antara nilai dengan perenggu minda? Pada sosiologis berpendapat bahawa "nilai" ialah sebahagian daripada budaya ideal (*ideal culture*), iaitu pemikiran dan pengertian formal serta kelakuan contoh yang dianjurkan serta dipertahankan oleh pendukung aliran utama budaya yang berkenaan. Nilai perlu dilihat sebagai satu aliran pemikiran dan pengertian ideal yang diperturunkan oleh para pembekalnya dengan tujuan supaya diterima pakai oleh seluruh warga masyarakat. Namun begitu, warga masyarakat juga mempunyai pengertian peribadi terhadap sesuatu perkara. Dalam masyarakat yang terbuka, anggotanya mempunyai tanggapan yang lebih tersendiri terhadap betul-salah dan baik-buruk sesuatu perkara. Tanggapan dan pengertian peribadi ini tidak semestinya selari ataupun bercanggah dengan nilai ideal, tetapi mengandungi variasinya yang tersendiri sehingga melahirkan pola-pola perlakuan yang pelbagai. Tanggapan dan pengertian peribadi inilah yang membentuk perenggu minda warga masyarakat tertentu. Dan perenggu minda inilah yang mempengaruhi kelakuan pelbagai golongan warga masyarakat. Oleh itu perenggu minda ialah pemancaran budaya sebenar (*real culture*) oleh pelbagai golongan warga masyarakat yang tidak semestinya selari dengan apa yang diingini atau tidak diingini oleh budaya idealnya. Oleh itu, jika nilai dapat dilihat daripada sudut pandangan pembekalnya, maka perenggu nilai dilihat dari sudut pelaku sosialnya. Jurang yang memisahkan antara budaya yang ideal dengan perenggu minda dan budaya yang sebenarnya itu sentiasa wujud setiap masa.

Pada umumnya para sosiologis berpendapat bahawa budaya sesuatu masyarakat mengandungi sistem nilai, sistem kepercayaan, pola-pola kelakuan kolektif, dan pelbagai barang hasil ciptaan warga masyarakat yang berkenaan. Oleh itu wacana mengenai budaya mencakupi tentang apa yang difikirkan, apa yang dilakukan, dan apa yang dimiliki oleh warga sesuatu masyarakat. Pemikiran, perbuatan dan pemilikan barang ini diandaikan terjelma menerusi satu proses perkongsian yang murni di kalangan warga masyarakat. Dalam konteks ini, sistem nilai dikatakan wujud sebagai komponen budaya tidak tampak atau bukan-benda, dan berpengaruh besar dalam pembentukan sikap, kepercayaan dan tanggapan hidup warga masyarakat. Ini ialah kerana, sebagai satu andaian, sistem nilai dapat ditanamkan ke dalam sanubari warga masyarakat menerusi proses sosialisasi.

Sosialisasi merupakan satu proses sosial yang sentiasa dianggap cukup penting oleh para sosiologis. Ini ialah kerana sosialisasi ialah, iaitu proses penanaman pelbagai unsur budaya, termasuklah orientasi nilai ke dalam minda individu. Apa yang dianggap baik ataupun buruk, mulia ataupun hina, halal ataupun haram, dan berpahala ataupun berdosa sentiasa ditanamkan ke dalam minda anggota masyarakat sejak kecil hingga dewasa, dan ditegaskan secara berulang-ulang dan tanpa hentinya oleh pelbagai agen sosialisasi. Pernah disimpulkan oleh para sosiologis bahawa "*peribadi sosial*" (*social self*) seseorang individu itu terbentuk hasil proses sosialisasi yang kompleks, bertahap-tahap dan berterusan. Peribadi sosial ini dianggap sebagai perwatakan individu yang dibentuk oleh proses sosialisasi sehingga menjadikan seseorang itu berkelakuan selari dengan keinginan masyarakatnya secara kolektif.

Andaian ini mungkin benar bagi komuniti *simpel* yang budayanya belum lagi terbuka dan dipengaruhi oleh budaya masyarakat lain, terutamanya masyarakat moden. Bagi masyarakat moden, anggapan ini tidak dapat diterima sepenuhnya kini kerana sistem nilai masyarakat tersebut telah terbuka kepada pengaruh luar dan global. Pelbagai agen sosialisasi iaitu institusi keluarga, institusi pendidikan, institusi agama, institusi pekerjaan, institusi politik, rakan sepermainan, rakan sekerja, pelbagai bahan media masa, dan maklumat dalam talian sentiasa memberikan input masing-masing kepada setiap seorang anggota masyarakat. Input ini tidak lagi datang sebagai satu komposisi sistem nilai yang murni dan tulen daripada masyarakatnya. Oleh itu input yang pelbagai ini boleh menghasilkan pelbagai sifat komposisi nilai dalam kalbu individu. Individu, sebagai si penerima input orientasi nilai ini, tidak lagi dapat mengenal pasti dan memahami apakah nilai teras masyarakat dan budaya natifnya yang sebenar. Malah anggota masyarakat juga sentiasa menghadapi persoalan mengenai orientasi nilai yang mana satu kah yang sebetulnya menjadi pilihan masyarakatnya.

Tidak dapat dinafikan bahawa institusi pendidikan ialah agen sosialisasi yang sangat berpengaruh dan dianggap lebih berupaya membentuk perenggu minda remaja dan belia. Sebelum disosialisasikan oleh institusi pendidikan, seseorang manusia telah terlebih dahulu disosialisasikan oleh institusi keluarga. Ibu, bapa, pembantu rumah, abang dan kakak, dan anggota keluarga besar memainkan peranan masing-masing dalam "menanamkan" orientasi nilai masing-masing ke dalam minda kanak-kanak. Kepelbagaiannya bentuk dan sifat keluarga, sama ada keluarga nuklear yang stabil atau tidak, keluarga yang diketuai oleh ibu atau bapa tunggal, keluarga yang berpecah-belah, keluarga yang mempunyai kedudukan ekonomi yang teguh ataupun tidak, keluarga yang berpegang kepada nilai keagamaan tertentu, keluarga hasil perkahwinan campur dan sebagainya, kesemuanya melaksanakan proses sosialisasi masing-masing. Hasil sosialisasi asas ini tentulah pelbagai. Namun begitu, sosialisasi kedua yang dialami oleh para remaja dan belia di sekolah rendah, menengah dan pra-universiti juga memberikan pengaruh yang besar terhadap proses pembentukan peribadi sosial dan perenggu minda mereka. Pada tahap pra-universiti, golongan pelajar yang baru meninggalkan zaman remaja dan mulai memasuki zaman belianya, pada hakikatnya telah pun mengalami proses sosialisasi kedua (di bangku sekolah) selama dua belas tahun. Golongan ini juga telah dan sedang melalui proses sosialisasi agama, yang semakin lama semakin mendalam. Sosialisasi agama bukan sahaja memperkenalkan hukum halal, haram, sunat, makruh dan sebagainya, malah memberikan garis panduan dan perspektifnya mengenai interaksi sosial. Persoalannya: apakah bentuk perenggu minda yang telah terhasil di kalangan remaja-belia ini hasil daripada input nilai yang ditanamkan oleh pelbagai agen sosialisasi ini?

Walaupun kewujudan budaya sebenar itu telah diiktiraf oleh para sosiologis, namun kewujudan variasinya masih belum begitu difahami. Budaya yang sebenar mempunyai kepelbagaiannya. Isu yang timbul di sini ialah apakah faktor yang melahirkan kepelbagaiannya kepada budaya yang sebenar ini? Adakah bentuk dan isi budaya yang sebenar ini mempunyai kepelbagaiannya berdasarkan faktor gender, umur, kedudukan sosioekonomi, atau latar belakang keluarga dan keturunan seseorang itu?

PENUTUP

Kita perlu melihat dinamis pemikiran Melayu dalam konteks teori personaliti dan teori *mindset*, dan teori budaya. Personaliti ialah pembawaan minda individu sejak kelahirannya. Pembawaan inilah yang "menjadikan" seseorang itu pendiam, peramah, pesimis, optimis, pasif, agresif, peneroka, penyerah kalah dan sebagainya. Namun begitu, pembawaan individu ini boleh berubah kerana pengaruh atau ransangan yang diberikan oleh pelbagai institusi sosial (pengalaman budaya). Menerusi institusi sosial seperti keluarga, agama, pendidikan, ekonomi, politik, media dan sebagainya, setiap individu dirangsang oleh pelbagai peraturan, adat, hukum, nilai (baik-buruk, hina-mulia dan sebagainya). Menerusi proses sosialisasi ini, personaliti seseorang itu melahirkan *mindsetnya* yang tersendiri. *Mindset* ialah kepercayaan, keyakinan, "ideologi" dan falsafah yang menjadi teras keyakinan dan prinsip hidup seseorang individu (dan kumpulan) pada sesuatu masa. Selanjutnya, *mindset* inilah yang mempengaruhi pemikiran dan kelakuan seseorang itu. Oleh itu, pemikiran seseorang itu tidak wujud dan berkembang dalam sesuatu kekosongan atau *tabula rasa*. Pemikiran seseorang itu sentiasa mempunyai kepercayaan asas dan prinsip hidupnya (walaupun dalam kehidupan yang nyata, seseorang itu kerap kali mengubah fikiran dan prinsip hidupnya). Sebagai contoh: dalam zaman kerajaan Melayu Melaka, Hang Tuah dan Hang Jebat jelas mempunyai *mindset* dan pemikiran yang berbeza terhadap Raja dan Kerajaan. Dalam zaman penjajahan Inggeris, Datuk Maharaja Lela (pembesar Melayu yang menyebabkan pembunuhan terhadap Birch) mempunyai *mindset* dan pemikiran yang berbeza daripada Tengku Kudin (pembesar Melayu yang bekerjasama dengan pegawai kolonial dan Yap Ah Loy di Selangor).

Oleh kerana pemikiran mempunyai kaitan yang rapat dengan personaliti dan *mindset*, maka usaha untuk melahirkan orang Melayu yang berfikiran cemerlang perlu bertolak daripada program melahirkan personaliti dan *mindset* yang cemerlang dan teguh.

Artikel ini sekadar melontarkan idea berkaitan konsep dan teori sosiologi dan psikologi yang perlu difahami serta diguna pakai dalam usaha melahirkan masyarakat Melayu yang cemerlang dan menjulang. Dicadangkan supaya konsep dan teori personaliti dan perenggu minda digunakan secara bergandingan dengan tujuan untuk memperoleh data sosial-psikologi yang mencukupi bagi memantau situasi terkini dan arah aliran minda masyarakat Melayu.

RUJUKAN

- Ajzen, Icek & Fishbein, Martin. 1980. *Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- "Asian Values and Democracy in Asia", Pascasidang pada 28 March 1997 di Hamamatsu, Shizuoka, Jepun.
- Eiser, J. Richard. 1994. *Attitudes, chaos and the connectionist mind*. Oxford: Blackwell
- Etzioni, Amitai. 1996. *The New Golden Rule: Community and Morality in a Democratic Society*. New York: Basic Books.
- Fukuyama, Francis. 1995. *Trust: The Social Virtues and the Creation of Prosperity*. New York: The Free Press.

- Giddens, Anthony. 2000. *Runaway World: How Globalization is Reshaping Our Lives*. New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Harrison, Lawrence E. & Huntington, Samuel P. (eds.) 2000. *Culture Matters: How Values Shape Human Progress*. New York: Basic Books.
- Hitchcock, David. 1994. *Asian Values and the United States: How much Conflict?* Washington: Centre to Strategic and International Studies.
- Huntington, Samuel P. 1997. *The Clash of Civilizations and Remaking of World Order*. New York: Touchstone Books.
- Ingelhart, Ronald. 1977. *The Silent Revolution: Changing Values and Political Styles in Advance Industrial Society*. Princeton: Princeton Universiti Press.
- _____. 1990. *Culture Shift in Advance Industrial Society*. Princeton: Princeton Universiti Press.
- _____. 1997. *Modernization and Post Modernization: Cultural, Economic, and Political Change in Forty-Three Societies*. Princeton: Princeton Universiti Press.
- Isbister, John. 1998. "Is America Too White?" dlm. "What, Then, is the American, This New Man?" Washington: Centre for Immigration Studies Center Paper 13, August.
- Maharidge, Dale. 1996. *The Coming White Minority: California,s Eruptions and America's Future*. New York: Times Books.
- Mahbubani, Kishore. 1998. *Can Asian Think ?* Singapore: Times.
- Milner, Anthony. 2002. "Asian Consciousness and Asian Values," Mimeograph. Faculty of Asian Studies, Australian National University.
- Milner, Anthony. 2002. "What's Happened to Asian Values?" Mimeograph. Faculty of Asian Studies, Australian National University.
- Parsons, Talcott. 1937. *The Structure of Social Action*. New York: Free Press.
- Rokeach, Milton. 1973. *The Nature of Human Values*. New York: Free Press.
- Rokeach, Milton (Ed.). 1979. *Individual and Societal*. New York: Free Press.
- Schlesinger, Arthur. 1992. *The Disunity of America*. New York: Norton.
- Sen, Amartya. 1997. "Human Rights and Asian Values: What Lee Kuan Yew and Le Peng don't understand about Asia," *The New Republic*. July 14, vol. 217, n2-3.
- William, Robin M., Jr. 1970. *American Society: A Sociological Interpretation* (Edisi 3). New York: Knopf.

Lampiran

"I want to say this. We have the twin tower that belongs to this Petronas. This is the Government.

I want to built another ten towers, I want to built a thousand towers, a million towers to make every Malay a towering personality of excellence and success. This is the towering personality, kerana kemasyhurannya memuncak tinggi, kemegahannya didengar, dilihat, diketahui, kehadirannya, walaupun kecil, tetapi orang tahu dia ada. Dari segi kebolehan, daripada segi ilmu, memang dari jenis cemerlang gemilang, dan kalau boleh menjadi terbilang.

Please take some attention of this cemerlang, gemilang terbilang. Ini character building. Very much consistent dengan human capital development, menjayakan kempen budi bahasa. Dengan memperkasakan sekolah kebangsaan, pendidikan, satu misi untuk menjayakan bangsa kita, itu mesti. That we must do.

Kita juga kena menjayakan program ini. Jangan kata kerana ini program kerajaan untuk rakyat, UMNO tak terlibat. Tidak, UMNO perlu terlibat sekali. Kerajaan pada hari ini kerajaan kita. Saudara sebahagian dari kerajaan itu yang menjalankan tugas masing-masing. Kerajaan kita perjuangan, kerajaan ialah manifestasi satu perjuangan, perjuangan, yang saudara sendiri dukung pada hari ini. *So we are together*. Bukan wakil rakyat sahaja. Bukan. *No such thing*. Kita kena sama-sama bekerja, sama membantu mengatasi kelemahan, tegur menegur, nasihat menasihati. Kita jayakan itu sebagai satu lagi misi.

Kita semua perlu *motivate*, saudara dan semua pemimpin perlu *motivate*, Pemuda, Wanita, Puteri, *you have a mission to do. Road map is the new word now*. Tidak mengapa. Kita guna."

(YAB. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Amanat Presiden" di hadapan lebih 2,000 pemimpin dan ahli Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 5 Februari 2005).

Profil Penulis

Kamaruddin M. Said, PhD.

Profesor Sosiologi

Program Antropologi dan Sosiologi

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Kamaruddinsaid1988@gmail.com

Socialization of Ethnic Identity and Its Consequence in the Form of Polarization among Youth in Malaysia

CHIN YEE MUN & LEE YOK FEE

ABSTRACT

The construction of ethnic identity has many consequences on ethnic relation. In the Malaysian youth context, the formation of ethnic identity through socialization has caused ethnic polarization. Researches proved that majority of Malaysian youths studying in public universities see ethnic as an important criteria in selecting roommate, assignment partner and even where to sit in the lecture hall. In view of the above circumstances, this paper intends to analyze the role of socialization in the forming of ethnic identity and its relationship with ethnic polarization among these youths. The intensity of ethnic polarization among them will be discussed by elaborating the findings of past researches related to the phenomenon. The role of nature in socialization will also be analyzed to ascertain the function nature plays in developing ethnic identity and ethnic polarization. This paper also discusses the role of nurture and the dialectic relationship of structural and action forces in creating ethnic identity which consequently may cause ethnic polarization.

Keywords: *Ethnic Identity, Socialization, Ethnic Polarization, Ethnic Relation, Ethnocentrism*

ABSTRAK

Proses pembentukan identiti etnik mempengaruhi hubungan etnik. Dalam konteks hubungan etnik di kalangan belia yang menuntut di universiti awam Malaysia, pembentukan identiti etnik telah menyebabkan berlakunya polarisasi. Kajian-kajian menunjukkan belia tersebut memilih rakan sebilik, rakan tugas dan teman untuk duduk bersama ketika kuliah dengan berpandukan faktor etnik. Bagi memahami permasalahan ini, kertas kerja ini menganalisis peranan sosialisasi dalam pembentukan identiti sosial dan kaitannya dengan polarisasi kaum di kalangan belia di universiti. Tahap intensiti polarisasi dibincangkan dengan mendalami kajian-kajian lepas yang mengkaji fenomena polarisasi kaum di kalangan penuntut universiti awam. Selain itu, peranan biologi dalam pembentukan identiti akan juga dianalisis. Hubungan dialektik antara peranan struktur sosial (structural) dan tindakan individu (action) dalam pembentukan identiti etnik juga diuraikan bagi menerangkan bagaimana perkaitan antara mereka boleh menghasilkan polarisasi etnik di kalangan belia universiti awam Malaysia.

Kata Kunci: *Identiti Etnik, Sosialisasi, Polarisasi Etnik, Hubungan Etnik, Etnosentrism*

INTRODUCTION

Ethnicities are social products built through construction either from an observer perspective or from an actor perspective (Banton, 1977: 156-172). The concept of ethnicity is used to distinguish people and to identify and hence forth forms the identity. As noted by many scholars (Banton, 1977; Eriksen, 1996; Brass, 1991), identities based on ethnicity are matters of perception, i.e. how others and a person identify himself or herself. While identifying, individuals typify and build perception which then influence how they interact with each other.

In the context of ethnicity, individuals typify people who do not share their criterion of as strangers and certainly such perception will dictate the type of relationship which will form thereafter. Samovar and Porter (2004) suggested that individuals from different cultural background will seek similarities with the objective of reducing uncertainties when communicating. In the end, individuals may choose to reduce or even withdraws from communicating with people from other races. Ethnic background will form polar which attract individuals from similar ethnic background to congregate and pool together. Thus race or ethnic relations are very much affected when individuals see each other as strangers. By doing so, they are constructing relationships with strangers.

The idea of “stranger” as discussed above is developed through identity which is how others identify a person and how a person perceives others. Therefore, ethnic background plays a pivotal role in laying the foundation of identity. Ethnicity has always been, or since the emergence of modern society, acknowledged as a major aspect of identity. When an individual is constructing his or her identity, the individual is also concurrently constructing his or her social space which in the case of Malaysia is manifested in the form of ethnic polarization (Sanusi Osman, 1989; Fatimah Daud, 2006). Ethnic identity somehow determines who a person is and also provides the person a guideline to interact in a plural setting. The outcomes of a research conducted by Fatimah Daud (2006) on undergraduates in five public universities in Malaysia show how the undergraduates were reluctant to mix with other ethnic groups and were more comfortable when were with the individuals of similar ethnic background.

This paper intends to explore how socialization as an agent for cultural transmission, constructs identities. This discussion will be followed by an evaluation on the impact of nature and nurture on the development of ethnic identity before the authors zoom into the role of socialization in constructing identity. At the end of this paper, the roles of structural and action forces in ensuring individuals to be socialized into the developing their ethnic identity is discussed. This is to ascertain how socialization contributed to the development of ethnic identity which naturally caused ethnic polarization among the youths.

INTENSITY OF ETHNIC POLARIZATION AMONG UNDERGRADUATES

Discourses on the ethnic polarization among undergraduates in Malaysia are not new. The plurality of Malaysian society which caused the phenomenon of ethnic polarization has become an important issue and concern for many Malaysians, especially policy

makers and academic scholars. Many are concerned about the intensity of ethnic polarization which is clearly observable in the higher education institutions of this country. The institutions housed Malaysian youths from diverse ethnic background. These youths meet within the compound of their campuses but the meetings do not necessarily indicate they are mixing well. Such phenomenon stirs anxiety. Naturally the anxiety arises when one assumes the phenomenon reflects the reality of Malaysian day to day life. As such, studies needed to be done to investigate the nature of this phenomenon. Questions such as to what extent the undergraduates are ethnically polarized should be thoroughly looked into to gauge its intensity. The intensity of ethnic polarization among undergraduates will indicate the severity of the problem and its form. Are these youths so ethnically polarized until they stop all forms of interaction among them or are they selective in choosing the areas where they would like to be with someone who hails from the same ethnic background?

Scholars like Mansor Mohd Noor who together with Abdul Rahman Abdul Aziz, Mohd. Izani Mohd. Zain and Umu Atiyah Mohd. Zakuan (2006) and Fatimah Daud (2006) had accomplished many studies on the intensity of polarization among undergraduates in Malaysian public universities. Unlike many other studies which did not clearly specify and identify how the undergraduates are ethnically polarized, their studies focused and provided much elaboration on the two areas. Their findings help in finding out how intense ethnic polarization was in Malaysian public universities.

Mansor Mohd Noor and associates' (2006: 295) study was conducted in the Universiti Utara Malaysia (UUM). In their conclusion, the ethnic relation among the undergraduates of UUM was relatively positive. The study discovered that the undergraduates were approachable by other ethnic students especially in formal learning setting. They were also able to interact and accept those who came from different ethnic background. However, in certain situation such as in daily interaction, the undergraduates chose to interact with those who are from their own ethnic group. For example, 75.5% of the Muslim Bumiputera respondents preferred to converse with other undergraduates from the same background. Meanwhile, 60.5% of Chinese undergraduates had similar preference. In concluding the interaction section, they believed that ethnicity would play a huge role in determining respondents' choices on the matters related to who to stay with, friendship, assignment group members and other related matters.

Fatimah Daud (2006: 111-128) conducted another study on similar matter in five public universities in Malaysia. The outcome of her study proves that the interaction between the undergraduates is not positive. Majority of the Malay and Chinese respondents prefer not to have roommates from other ethnic groups. They were also reluctant to share lecture notes with and offer help to course mates and university mates from other ethnic groups. Fatimah (2006: 126) concluded that the ethnic polarization phenomenon among Malaysian undergraduates was quite serious. Inter-ethnic interaction between the undergraduates was still low due to ethnic polarization when the study was conducted.

Both researches proved the interaction level between the undergraduates was low and this could be proven by their unwillingness to accept roommates from other ethnic groups. Although they were living together and had not much problem in co-existing, they were not interacting. In other words, they had no problem with each other at the

superficial level but this condition did not translate into the fact that they were interacting. Their preference in matters related to choosing roommates and other aspects of daily life showed ethnic polarization among them was intense.

What could have caused the youths to be polarized according to ethnicity? The above researches discussed the intensity and the form of ethnic polarization among Malaysia undergraduates but did not really elaborate on the cause(s) of to the phenomenon. However, both researches reported how the undergraduates perceived each either as members of either their in-group or out-group. They were more receptive of members of their in-group, i.e. members of their own ethnic group. Thus, ethnic identity has direct role in the formation of ethnic polarization. This means the processes of ethnic identity formation an individual gone through via socialization will have implication on ethnic polarization.

THE ROLE OF NATURE IN ETHNIC POLARIZATION

The idea that ethnic identity is inherited biologically is probably developed through the process of racialization in the 18th and 19th century. In these two centuries the quest to understand universe through science had caused the development of phenotype where human beings were classified according to their physical features. In tandem with this process, political motives such as the urge to control others developed. Western powers in particular had used race or phenotype as a tool to control people colonized by them. People from a particular race was then classified and linked to certain superior or inferior social features.

For instance, the 19th century scholars such as James Hunt believed that people of Negro descent can only be humanized by Europeans (Banton, 1977: 52). At more or less the same time, Darwinism developed and the thought that human should be divided into species became popular. The 19th century zoologist Ernst Haeckel was one of the proponents of Social Darwinism when he brought up the idea that racial differences were fundamental and people of different race will occupy different position in the evolution of human being.

Haeckel identified the lower race such as the Negro as race nearer to the animal creation and incapable of higher mental development (Banton, 1977: 99). Such propositions have created an impression that racial identity is related to the biology of a person. A white may be seen as a person who are more intelligent than a black and should deserve certain privilege. In return, this proposition will affect the formation of identity. The proposition is a form of cohesion constructed in the West to view others. Their position as the master of many nations in the 19th century had assisted in the spread of the idea that identity could be developed through skin color and other physical features.

While the Western colonialists should be blamed for formalizing race through their research and power, it would not be fair to put the blame solely on their shoulders. Racial identity through physical appearance was used by others in categorizing people. The Chinese called the whites as white ghost, foreign devils, barbarian devils, red-haired barbarians and blue-eyed barbarians. Chinese were also known to categorize out-groups as barbarian as they themselves as the truly civilized people (Dikotter, 1999: 152). Similarly, the Arabs had once upon in time used Africans as slave. This means how an

observer observes others are very much influenced by physical appearance. Race and ethnic identity are to certain extent developed through physical or biological features at least from the observer perspective.

However the role of nature in race and ethnic identity are superficial as the meaning of biological features are socially constructed and interpreted. Paul R. Brass (1996) explained that objective distinctions such as color will only start to carry meanings when several groups of people are involved in an interaction. In other words, color will not carry any meaning in a mono race or ethnic interaction. Thus, biological feature has been used as symbols in a multi race or ethnic interaction. Features such as color are thought to be representational and the meaning is construed through perception which a group has on others. Biology alone will not be able to generate identity. It has to be defined and the meanings are then attached to the biological features for them to embroider the task of being part of identity. Identification through biological features is also complicated due to the fact that individuals do not occupy one identity. Stuart Hall (1996: 163) explained that all individuals occupy different identity due to various reasons, i.e. hybridization, cut and mix and recombination. In relation to this, it is now clear that nature plays quite a limited role in constructed race or ethnic identity.

Hitherto, if ethnic identity is contributing to polarization, the role of nature or to be more specific human biology in causing polarization should also be quite limited. The physical traits carry no meaning without interpretation. Ethnic polarization among the undergraduates is then not caused by the physical traits an undergraduate carries. Nature is not playing the causal role but more of a distinguishing factor which is exploited for categorization purposes. However, in the Malaysian context, the fact that human physical traits can be helpful in the categorization process may not be true. For instance, the Bumiputera of Sabah and Sarawak are very much alike the Malay. In researches conducted by Mansor Mohd Noor together with his associates (2006) and Fatimah Daud (2006), the interactions between respondents of the two ethnic groups were also quite limited.

THE ROLE OF SOCIALIZATION IN ETHNIC POLARIZATION

Since nature will not dictate the identity a person occupies in term of ethnicities, some other process will or else ethnicity will not be a phenomenon as it is today. The other or the more dominant process in creating race and ethnic identity would be a force which involves group dynamics. The force would be able to coerce its members to conform and later internalize the identity the group is trying to create. Such conformity and internalization are important to ensure social order. As described by Talcott Parson, these two elements form the core of social consensus which allows social equilibrium to be achieved (Cuff, Sharrock, & Francis, 1998: 95). To achieve conformity and also internalization, socialization will ensure members of a particular society learn and develop what it takes to be an accepted member of society.

Through Parsonian perspective, racial and ethnic identity are constructed by socialization. Individuals learn from society and at the same time the learning is reinforced when the learning is internalized. Race and ethnic identity are then developed

through two processes which are learning and accepting. Individuals are informed who they are and the learning are then internalize.

While Parson provided a macro view of the role of socialization, Charles Horton Cooley and George Herbert Mead contributed to the micro view of how socialization develops identity. Cooley through his looking glass self theory explained that self is developed when people interact. The interaction provides a mirror which reflects how an individual is perceived by others. By using others' view, self is then constructed (Renzetti & Curran, 2000: 112). The concept of self however develops overtime. It is through numerous interactions, the concept of self strengthen. Cooley's explanation was further developed by Mead. Mead elaborated on how the concept of self which consists of the "I" and "me" developed through interaction in which individuals take roles. In other words, the self is constructed by interacting with others. Mead laid out in several stages how self developed through socialization.

The first stage is what Mead defined as the imitation stage. At this stage, children from birth till three years old learn by imitating others. At this stage, children are not able to differentiate the individuals around them but they will imitate actions of those who are closest to them. When children reach the age of three and six, they will enter the play stage where they will learn from particular others. They see the world from the perspective of those who are significant to them, i.e. family members. When children enter school they will also enter the game stage and at this stage they learn about the generalized others. They learn from the generalized others which are the people around them in a larger context.

Cooley and Mead had provided some enlightenment on how self is created via socialization. How an individual sees himself is very much dependent on how others see them. At the same time, how an individual perceives the world or others is also developed through interaction with others. Cooley and Mead's explanation has clearly summarized the role of interaction in the development of identity. Socialization helps in forming identity by ensuring social reproduction of individual who appreciate a more or less common beliefs, values and norms.

As highlighted by Mead, individuals learn from significant others and later generalized others. The significant others teach consciously or unconsciously the culture which they have been practicing. Cultural components such as language, beliefs, values and norms practiced by the significant others will be internalized to the children. Similarly, the generalized others (if they are from similar cultural background) will also be teaching the same culture taught by the significant others. When children imitate them, the children will learn how to be themselves by exemplifying others. Consequently, social reproduction of individuals belonging to a specific cultural group will become a reality. The sense of belonging and loyalty are then constructed, and at the end of the day, individuals will see people from those who share their concept of self as a part of their in-group. Individuals conform to the values and norms of their race or ethnic group, an outcome of socialization. Conformity according to Kelman (1999) requires compliance, identification and internalization. Through socialization, individuals conform to their ethnic or race grouping. The forms of conformity which they have ascribed are then internalized and form the identity.

With the presence of other races and ethnicities, individuals are also socialized to view others as out-groups. Parrillo (2008: 86) believes that socialization teaches members of a particular ethnicity to view others negatively. Children normally internalize and seldom question the teaching of their parents. Thus, elements which degrade the position of others such as prejudice and discrimination are also internalized. Prejudice and discrimination could be the outcome of positive ethnocentrism, an effort to boost integration and patriotism among group members. Negative perception about out-groups is transmitted. These perceptions will also be transmitted in the event when there is a competition with others.

This means the development of ethnic identity through socialization will contribute to ethnic polarization. Ethnic groups are formed by members who consciously or unconsciously accept the identity internalize in them through socialization. The acceptance has two effects. It strengthens the ethnic group and at the same time disintegrates its members from other groups. Thus, the socialization of ethnic identity could play a huge role in ethnic polarization among youths in Malaysia. Malaysians are socialized to be members of a particular ethnic group. To be a member of a particular ethnic group, the youths will learn to distinguish others by seeing them as strangers while accepting individuals from his own ethnic group as familiar faces. Through the researches discussed earlier, it is obvious that the respondents were ethnically selective in choosing assignment partners, roommates to even who to sit next to. The inability to accept others could well be associated to the fact that they see others as strangers while their ability to accept those who are from their own ethnic group is caused by the perception that they are from the same background and there should not be any problem with them.

ETHNIC POLARIZATION: A CONSEQUENCE OF THE DIALECTIC PROCESS TO FORM ETHNIC IDENTITY

Critiques on socialization have described socialization as simplistic and does not take into consideration the dynamics of action. For example, Mills (1970: 32-44) had criticized Parson's Grand Theory as a theory which overlooked the role of individuals. However, as discussed above, socialization is not a one way process. It is a process which requires the social cohesion for integration and conformity as described by Parson. At the same time, individuals are also actively taking part in the process both as learner and teacher. Cooley and Mead had clearly defined how individuals acquire their identity through learning from the others. Individuals are actively constructing their identity. While the society needs integration and conformity, individuals require an identity which they can hold on to. Ethnic group in Fredrick Barth's terms is a categorical ascription where actors use ethnic identities to categorize themselves and others for the purposes of interaction. Hence, through socialization social organizations such as ethnic groups are able to socially reproduce new members. At the same time, socialization by the groups is able to provide an identity needed by individuals for them to act and react. In this sense, socialization has performed a dialectic function (Barth, 1996: 78).

The dialectical functions performed by socialization have produced ethnic polarization. The ethnic group would like to preserve its existence and through agents

such as family, education, media and peers, new members are coaxed to internalize the identity which the group would like them to carry. At the same time, individuals are also consciously participating in the process of socialization and ethnic identity formation. The ethnic polarization phenomenon in Malaysian public universities is one clear example of how individuals consciously reject others under the pretext that others are not from their own ethnic group.

CONCLUSION

Ethnicity is a social constructed concept. Therefore, ethnic identities are also socially constructed. To accept nature as the determinant of ethnic identities is definitely a flaw. Physical features such as skin color, the color of hair and even the size of body should not be a guide of racial and ethnic identities, or in some manner, explain the social features of a particular group of people. However, due to political functions, i.e. the need to instill ethnocentrism for integration or maybe out of convenience, physical features are used to determine ethnic identity. Perhaps due to these reasons, ethnic groups are defined by anthropologists as a largely biologically self perpetuating group (Barth, 1996: 75).

Ethnic identity is internalized through the process of socialization. Inevitably, individuals need identity and ethnic groups involve in integration. Socialization manages to satisfy both by providing an access to individuals to learn their identity and at the same time allow the ethnic group's coercive force to shape individuals into its members. All these processes are vital for maintaining social order. While doing so, socialization has allowed one group of people to develop prejudice and stereotype on another group which may in the end affects interethnic relationships. Individuals are coerced into ethnic groups by forming identities which are recognized by themselves and also others as different. Fortunately or unfortunately, in the larger context, ethnicity may be a source of disunity rather than unity as in the case of Malaysian youths studying in the public universities of Malaysia.

The ethnic polarization phenomenon in Malaysian public universities is an outcome of ethnic identity formation of the various races in Malaysia. The youths are socialized to distinguish their in-group and our-group by using ethnicity as the pole. Ethnicity unites and then disunites. Perhaps this phenomenon is an inevitable outcome of the plurality of Malaysia. Youths in Malaysia must be able to see this phenomenon as a product of their community choice. They should also acknowledge that they had directly and indirectly constructed the phenomenon. Summarily, ethnic polarization among youths in Malaysia is not super imposed but rather a product of their own choice.

REFERENCE

- Banton, M. 1977. *The Idea of Race*. Cambridge: University Printing House.
- Barth, F. 1996. Ethnic Groups and Boundaries. In. Hutchinson, J. and Smith, A.D. (Eds.). *Ethnicity*. Norfolk: Oxford University Press.
- Brass, P.R. 1996. Ethnic Groups and Ethnic Identity Formation. In. Hutchinson, J. and Smith, A.D. (Eds.). *Ethnicity*. Norfolk: Oxford University Press.
- Bulmer, M. and Solomos, J. (eds.). 1999. *Racism*. Norfolk: Oxford University Press.

- Cuff, E. C., Sharrock, W.W. and Francis, D.W. (1998). *Perspective in Sociology*. London: Routledge.
- Dikotter, F. 1999. Group Definition and the Idea of Race. In. Bulmer, M. and Solomos, J. (Eds.). *Racism*. Norfolk: Oxford University Press.
- Eriksen, T. H. 1996. Ethnicity, Race, Class and Nation. In. Hutchinson, J. and Smith, A.D. (Eds.). *Ethnicity*. Norfolk: Oxford University Press.
- Fatimah Daud. 2006. Polarisasi Kaum dalam Kalangan Pelajar Universiti. In. Mohd. Fauzi Yaacob. (ed.). *Malaysia: Menangani Perubahan dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Hutchinson, J. and Smith, A.D. (eds.). 1996. *Ethnicity*. Norfolk: Oxford University Press.
- Kelman, H.C. 1958. Compliance, Identification and Internalization. *Journal of Conflict Resolution* 2: 51-60.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz and Mohamad Ainuddion Iskandar Lee. 2006. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya: Pearson.
- Marsh, I. (ed.). 1998. *Classic and Contemporary Readings in Sociology*. New York: Longman.
- Mills, C.W. 1998. Parsons and Grand Theory. In. *Classic and Contemporary Readings in Sociology*. New York: Longman.
- Mohd Fauzi Yaacob. (ed.). 2006. *Malaysia: Menangani Perubahan dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Parrillo, V.N. 2008. *Understanding Race and Ethnicity*. Boston: Pearson.
- Renzetti, C.M. and Curran, D.J. 2000. *Living Sociology*. Boston: Allyn & Bacon.
- Samovar, L. A. and Porter, R. E. 2004. *Communication Between Cultures*. Belmont: Wadsworth.
- Sanusi Osman. 1989. *Ikatan Etnik dan Kelas*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Stuart, H. 1996. The New Ethnicities. In. Hutchinson, J. and Smith, A.D. (eds.). *Ethnicity*. Norfolk: Oxford University Press.

Profil Penulis

Chin Yee Mun, M.A

Timbalan Dekan

Fakulti Industri Kreatif

Universiti Tunku Abdul Rahman

chinym@utar.edu.my

Lee Yok Fee, PhD.

Pensyarah Kanan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

leeyokfee@putra.upm.edu.my

Remaja dan Lumba Haram di Lembah Klang

HASLINDA ABDULLAH, SARJIT S. GILL, NOBAYA AHMAD,
ZAIID AHMAD & SYAMSYIHANA GHAZALI

ABSTRAK

Kajian ini memfokus kepada persoalan latarbelakang sosio-psikologi Mat Rempit dan memahami faktor-faktor sosial dan psikologi yang menyumbang kepada fenomena ini di kalangan golongan belia. Pengumpulan data menggunakan kaedah Perbincangan Kumpulan Berfokus yang melibatkan dua kumpulan Mat Rempit yang aktif dalam perlumbaan haram di Lembah Klang. Seramai 13 orang informan Mat Rempit telah dipilih dengan menggunakan teknik Snowballing. Objektif Perbincangan Kumpulan Berfokus ini adalah untuk memperolehi maklumat awal berkaitan aspek demografik, sosial dan psikologi Mat Rempit. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa faktor keluarga dan rakan sebaya merupakan faktor utama yang menyumbang kepada masalah Mat Rempit di kalangan belia di Malaysia. Perubahan nilai dalam corak asuhan keluarga hari ini di mana ibu bapa tidak lagi memainkan peranan utama dalam mencorak kehidupan anak-anak turut menjadi faktor yang mendorong berlakunya masalah ini. Kepincangan dalam institusi keluarga mendorong golongan belia ini mencari keseronokan bersama rakan sebaya. Rakan sebaya yang lebih memahami, menerima diri seadanya dan mempunyai pemikiran yang sama menjadikan individu ini lebih dihargai dan berasa tidak tersisih. Ini menyebabkan individu berasa lebih selesa untuk berkongsi masalah dan pandangan dengan rakan sebaya berbanding ibu bapa. Justeru, adalah wajar kita memahami isu sosial ini terutamanya dari aspek psikologi dan hubungan sosialisasi dengan ibu bapa dan rakan sebaya bagi menghalang fenomena ini dari merebak dan menjadi gejala yang menyumbang kepada masalah sosial di kalangan belia hari ini.

Kata Kunci : Lumba Haram, Nilai, Keluarga, Rakan Sebaya.

ABSTRACT

This research focus on the sosio-psychological background of “Mat Rempit” known as or driving motorcycle illegally. Data was collected through focus group discussion (FGD) which involved two groups of Mat Rempit who actively involved in illegal motorcycle racing in Klang Valley. 13 Mat Rempit was selected using the snowballing technique. The objective of this FGD is to collect the basic information regarding profile, social as well as psychological aspect of Mat Rempit. Results shows that family and friends play a crucial role in the activities of illegal motorcycle racing.

racing among youths in Lembah Klang. Context of education was found to have crucial role whereby parents of these groups are not actively involved in educating their children. Values among family members had been identified as one of the contributing factor. The distorted information regarding values among family members drives these youth to find outside excitement with their friends, for them friends are more understanding, reliable, and have similar thoughts as well as undeviated feeling. These are the reasons why these youth felt more comfort to share their problems and thoughts with their friends rather than their parents. Hence it is vital for us to understand this issue from the psychological aspect as well as socialization process among these youth, their parents and friends in order for us to be able to curb this problem from spreading.

Keywords: *Illegal Racing, Values, Family, Peer*

PENGENALAN

Golongan remaja merupakan pelapis dan pewaris tampuk kepimpinan negara pada masa hadapan. Dasar Sosial Negara menegaskan bahawa, individu pelapis negara dipertanggungjawabkan untuk membangunkan masyarakat yang berteraskan nilai-nilai murni serta masyarakat yang mempunyai ciri bersatu padu, berdaya tahan, demokratik, bermoral, bertoleransi, progresif, penyayang, adil dan saksama selaras dengan Wawasan 2020 (Rashid, 2003). Justeru, peranan dan tanggungjawab mereka sebagai generasi muda amat berguna kepada negara memandangkan mereka merupakan sumber tenaga manusia yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan negara secara keseluruhannya. Namun, peranan ini seolah tercalar dengan pelbagai masalah sosial yang sering dikaitkan dengan golongan remaja. Golongan muda sering dilihat oleh golongan dewasa sebagai mangsa atau masalah, dan tidak dilihat sebagai warganegara yang dapat memberikan penglibatan dan penyertaan yang bermakna kepada masyarakat (Finn dan Checkoway, 1998).

Masalah sosial yang berlaku dewasa ini sering menjadi polemik dan mendapat perhatian yang serius di kalangan pemimpin negara mahupun masyarakat setempat. Masalah sosial ini sering dikaitkan dengan golongan remaja khususnya. Dapat diperhatikan, media massa kerap melaporkan penglibatan remaja dalam pelbagai aktiviti jenayah yang bukan sahaja semakin kerap tetapi sudah mencapai tahap keganasan. Menurut Mohd Fadzil Che Din dan Ahmad Rashid (2006), masalah atau gejala sosial boleh diertikan suatu keadaan sosial yang mempunyai kesan negatif ke atas pertumbuhan psikologikal, fizikal, ekonomi dan pembangunan seseorang individu atau sesebuah negara.

PENYATAAN MASALAH

Sejak kebelakangan ini, masalah sosial dan keruntuhan akhlak terutamanya di kalangan golongan remaja di negara ini semakin jelas dan parah sehingga ke tahap yang amat membimbangkan semua pihak selain menjadi isu polemik yang sering diperkatakan.

Masalah sosial dan keruntuhan akhlak di kalangan remaja ini adalah implikasi daripada arus globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat yang telah membawa pensejagatan budaya dalam kehidupan. Namun, pada hari ini, masalah sosial yang sering diperkatakan oleh masyarakat umum ialah berkaitan masalah Mat Rempit.

Mat Rempit merupakan istilah kepada penunggang motosikal yang dikaitkan dengan perlumbaan haram di jalan-jalan awam. Kebiasaannya, Mat Rempit sering berlumba dan menunggang secara merbahaya di jalan raya. Perlumbaan secara haram ini menyalahi undang-undang jalan raya dan keadaan memandu secara melulu didapati membahayakan diri penunggang dan juga pengguna jalan raya yang lain. Lumba haram ini termasuk di dalam Seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Kebanyakan motosikal yang digunakan oleh Mat Rempit tidak memenuhi piawaian dan standard yang ditetapkan oleh PUSPAKOM ataupun telah diubah suai. Malah ada juga segelintir Mat Rempit yang tidak mempunyai lesen sah, tidak membayar cukai jalan dan menunggang motosikal curi. selain itu, Mat Rempit juga dikaitkan dengan pelbagai gejala sosial yang lain seperti kegiatan gengster, merompak, pergaduhan, vandalisme dan juga membuli.

Berdasarkan statistik Ops Lumba Haram bagi tahun 2007, sebanyak 1,014 jumlah tangkapan di bawah Seksyen 42, Akta Pengangkutan Jalan 1987 di seluruh negeri telah dilakukan bagi membanteras masalah lumba haram yang semakin meningkat saban tahun. Statistik Ops Lumba Haram dari tahun 2004 hingga 2007 menunjukkan peningkatan jumlah tangkapan di mana pada tahun 2004 sebanyak 498 tangkapan telah dibuat. Walaupun pada tahun 2005 dan 2006 angkanya menurun kepada 699 dan 616, namun jumlah tangkapan tetap tinggi. Manakala jumlah tangkapan pada tahun 2007 menunjukkan peningkatan yang mendadak iaitu sebanyak 1,014 kes. Ini jelas menunjukkan gejala lumba haram berada di tahap kritikal dan memerlukan langkah intervensi yang berkesan supaya masalah ini dapat ditangani dengan segera.

METODOLOGI KAJIAN

Perbincangan Kumpulan Berfokus ini melibatkan 2 kumpulan Mat Rempit yang aktif menyertai aktiviti lumba haram di sekitar Lembah Klang. Perbincangan Kumpulan Berfokus yang pertama telah diadakan pada 1 November 2008 di Masjid India, Kuala Lumpur pada pukul 4.20 hingga 6.00 petang melibatkan 6 orang informan. Manakala Perbincangan Kumpulan Berfokus yang kedua pula diadakan pada 12 November 2008 di Bandar Baru Bangi pada pukul 8.30 malam hingga 11 malam melibatkan 7 orang informan. Pemilihan informan adalah dengan menggunakan teknik *snowball* dengan bantuan rakan mat motor. Tujuan Perbincangan Kumpulan Berfokus ini adalah untuk memperoleh maklumat awal berkaitan aspek demografi, sosial dan psikologi Mat Rempit. Selain itu, hasil Perbincangan Kumpulan Berfokus ini seterusnya dapat membentuk instrumen kajian untuk proses pengumpulan data. Skop utama Perbincangan Kumpulan Berfokus yang dilakukan adalah untuk melihat latar belakang Mat Rempit, keterlibatan dalam aktiviti lumba motosikal, hubungan sosialisasi antara ibu bapa dan hubungan sosialisasi antara rakan sebaya.

Demografi informan

Kesemua informan yang melibatkan diri dalam aktiviti Mat Rempit adalah dalam lingkungan umur di antara 18 hingga 25 tahun, berbangsa Melayu dan tinggal di kawasan bandar di sekitar Cheras dan Bangsar. Kesemua informan adalah bujang dan seorang telah berkahwin. Tahap pendidikan minimum informan adalah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ada di antaranya melanjutkan pengajian yang lebih tinggi di Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan Kolej Proton di dalam jurusan Elektrik dan Automobil. Kesemua informan telah bekerja sepenuh masa dan mempunyai kerja sambilan untuk menambahkan sumber pendapatan. Informan yang terlibat bekerja sebagai pendawai, penghantar surat dan tidak bekerja. Dari segi pendapatan pula, purata pendapatan bulanan mereka adalah di dalam lingkungan RM500 hingga RM2000. Pendapatan ini digunakan untuk pengubahauan motor untuk meningkatkan prestasi motor ketika berlumba. Kesemua informan mempunyai lesen memandu yang sah.

KETERLIBATAN DALAM AKTIVITI REMPIT

Hari dan kawasan perlumbaan

Berdasarkan maklumat informan, kegiatan lumba haram kebiasaannya diadakan pada malam minggu iaitu malam Sabtu dan Ahad selain malam perayaan tertentu seperti Hari Kemerdekaan. Kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan mereka untuk berlumba adalah di Dataran Merdeka, Maju Junction, Titiwangsa, Bukit Raja, Uptown Damansara dan Pertama kompleks. Selain itu, mereka juga gemar berlumba di kawasan lebuhraya seperti di Connought dan KESAS. Bagi mendapat lebih keseronokan dan kepuasan, mereka lebih berminat untuk berlumba di jalan-jalan yang sesak kerana ia dikatakan lebih mencabar dan boleh melakukan aksi *cilok* atau mencelah-celah di jalan raya.

Aktiviti lumba motor kebiasaannya berlaku secara tidak dirancang atau spontan di mana pada mulanya *Mat-mat Motor* berkumpul di kedai-kedai makan. Seterusnya, mereka akan berkonvoi dengan menaiki motosikal dan akhirnya menunjukkan aksi dan kehebatan mereka. Perlumbaan ini biasanya tidak melibatkan sebarang pertaruhan kerana ia hanya bertujuan untuk keseronokan dan menunjukkan kehebatan masing-masing. Kebiasaan perlumbaan dilakukan hanya dalam lingkungan 1 hingga 2 kilometer sahaja, sehala dengan had laju di antara 120 hingga 140km/jam.

Tujuan perlumbaan

Hasil perbincangan kumpulan berfokus ini mendapati bahawa kesemua informan berlumba sekadar untuk mendapatkan kepuasan diri sendiri selain menghilangkan tekanan. Ia menarik minat muda mudi dalam mencari keseronokan dengan menunggang motosikal mereka secara merbahaya dan berisiko (Mannering dan Grodsky, 1995). Walau bagaimanapun, mereka juga pernah menerima wang pertaruhan hasil daripada perlumbaan. Namun, mereka tidak terlibat dengan sagu hati pertaruhan seperti wanita. Mereka berlumba hanya untuk menguji kelajuan motosikal selain menunjukkan kehebatan aksi-aksi merbahaya kepada orang awam. Pada pendapat mereka, aksi merbahaya dan berisiko adalah sesuatu yang menarik dan patut dicuba (Leaman dan Finch, 1987). Menurut kesemua informan, menunjukkan aksi atau kemahiran akan menjadikan diri mereka lebih '*macho*' di jalan raya. Golongan muda juga mempunyai

rangsangan tinggi untuk mencari sensasi dengan memandu secara bahaya atau menunggang motosikal dengan laju. Dengan cara itu, mereka akan dipandang sebagai ‘jantan’ dan berani oleh rakan-rakan sebaya mereka (Novandri Hasan Basri, 2007).

Jenis dan kumpulan mat motor

Selain itu, perlumbaan juga melibatkan jenis motor yang sama seperti kumpulan *scooter*, kumpulan *RXZ*, kumpulan *EX5*, kumpulan *125Z* dan sebagainya. Setiap kumpulan motor mempunyai identifikasi sendiri yang dapat dilihat melalui topi keledar, mempunyai *stiker* kumpulan tersendiri yang ditampal di topi keledar atau motor, baju dan topi. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah kumpulan yang tidak mengambil berat isu kumpulan dan jenis motosikal di mana mereka boleh bersama-sama berkongsi aksi-aksi hebat mereka di jalan raya. Selain itu, kumpulan Mat Motor ini juga mempunyai nama kumpulan bagi identifikasi kumpulan masing-masing. Di Lembah Klang, nama-nama kumpulan yang hebat dan disegani adalah seperti *Apacer*, *Apacer Sereng*, *Putra* dan sebagainya yang kebiasaannya mewakili kawasan masing-masing.

Lesen memandu dan saman

Kesemua informan memiliki lesen memandu yang sah dan memiliki motosikal sendiri iaitu dari jenis *scooter*. Kesemua infoman adalah daripada kumpulan *scooter* yang berlumba di sekitar Lembah Klang. Hasil perbincangan mendapati kesemua informan menyatakan pernah dikenakan saman kerana melanggar undang-undang jalan raya seperti berlumba secara haram dan memandu secara melulu dan merbahaya di mana secara amnya aktiviti rempit ini telah melanggar undang-undang di bawah Seksyen 42, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334). Kesemua informan pernah dikenakan saman di antara sekali hingga 12 kali. Kajian mendapati bahawa melanggar undang-undang jalan raya (Chang dan Yeh, 2006), menunggang tanpa lesen motosikal yang sah (Hurt, 1981) dan juga menunggang motorsikal di bawah pengaruh alkohol dan dadah (Syner dan Vegega, 2001) dan (Holmgren, Holmgren dan Ahlner, 2004) merupakan salah satu bentuk tingkah laku agresif.

Kemalangan

Kajian mendapati bahawa remaja yang kerap terlibat di dalam kemalangan jalan raya adalah di kalangan mereka yang berani untuk mengambil risiko yang tinggi (Elliot, Baughan dan Sexton, 2006). Menurut Vasallo, Smart, Sanson, Harrison, Harris, Cockfield dan McIntyre (2006), golongan muda lebih kerap terlibat dalam kemalangan jalan raya disebabkan cara pemanduan yang merbahaya. Menurut kajian ini, corak pemanduan golongan muda dipengaruhi oleh sikap panas baran, corak pembelajaran pemanduan yang mereka terima, pengaruh rakan-rakan dan juga masalah sosial yang dialami. Hasil Perbincangan Kumpulan Berfokus mendapati bahawa, kesemua informan pernah mengalami kemalangan ketika berlumba dan melakukan aksi-aksi yang merbahaya seperti *wheelie*, *wikang*, *ciloc* dan *superman* dengan had laju yang melebihi 100 km/jam. Kajian membuktikan bahawa penunggang motorsikal lebih gemar untuk menunggang motorsikal mereka dengan laju dan kerap memotong kenderaan lain jika dibandingkan dengan pengguna kenderaan yang lain (Horswill dan Helman, 2003). Kebanyakan kemalangan hanya melibatkan kecederaan yang ringan dan langsung tidak

membatasi mereka meneruskan aktiviti rempit ini. Bagi pendapat mereka, semakin banyak pengalaman kemalangan, mereka semakin berani dan seakan lebih berkuasa. Secara puratanya, kesemua informan mengalami kes kemalangan melebihi 5 kali akibat daripada perlumbaan.

Tingkah laku agresif

Mat-mat Motor ini juga tidak pernah terkecuali daripada isu pergaduhan. Menurut informan, pergaduhan sering berlaku adalah berikutan daripada kalah perlumbaan, tidak dapat membayar wang pertaruhan dan faktor pergaduhan yang paling utama adalah kerana wanita. Namun, mereka tidak pernah terlibat dengan pergaduhan besar yang melibatkan kematian serta menggunakan senjata yang merbahaya. Selain daripada terlibat dalam pergaduhan, segelintir Mat Rempit juga bersikap agresif dengan melakukan *vandalisme* atau merosakkan harta benda awam, mencuri motosikal serta membaling objek ke arah kereta dan orang. Kesemua informan mengakui pernah melakukan perkara tersebut terutamanya merosakkan harta benda awam namun, menyatakan bahawa ia tidak disengajakan. Dua orang informan mengakui bahawa mereka pernah mencuri motosikal. Menunggang motorsikal di bawah pengaruh alkohol dan dadah (Syner dan Vegega, 2001) dan (Holmgren, Holmgren dan Ahlner, 2004) adalah tingkah laku agresif yang sering dilakukan oleh informan. Selain itu, tingkah laku mereka juga menjadi lebih agresif apabila sesetengah mereka mengambil pil-pil khayal, dadah dan juga meminum arak. Pengambilan dadah, pil dan meminum arak bertujuan untuk meningkatkan keberanian ketika beraksi di jalan raya. Namun, menurut informan, tidak semua *Mat Motor* terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan meminum arak kerana ia adalah kehendak individu itu sendiri bukan kerana paksaan dan sebagai lambang kumpulan. Hasil perbincangan mendapati hanya seorang informan yang terlibat dengan pengambilan dadah dan meminum arak, tiga orang informan hanya meminum arak dan dua orang informan lagi bebas dari pengambilan dadah dan meminum arak.

HUBUNGAN SOSIALISASI DENGAN IBU BAPA

Keluarga merupakan satu unit penting dalam sistem sosial terutamanya sebagai agen sosialisasi kerana keluarga adalah kelompok asas yang pertama bagi setiap remaja. Menurut Hoffman (1996), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang ke alam dewasa. Persekutaran keluarga yang tidak memberangsangkan mampu memberi kesan ke atas prestasi pelajaran anak-anak, aktiviti sosial mereka dan perkara ini akan membawa kepada masalah tingkah laku yang negatif (Zarinah, 2001). Kebanyakan daripada ibu bapa hari ini mula bersikap terbuka, memberikan ruang kepada anak-anak dalam membuat keputusan dan bertindak. Namun malangnya, ada di antara mereka yang menyalahgunakan kebebasan serta kepercayaan yang diberikan kerana terlalu seronok, mudah terpengaruh, ceteknya pengalaman, menyebabkan remaja terlibat dengan gejala Mat Rempit ini. Menurut informan, ibu bapa mereka terlalu yakin dan memberi sepenuh kepercayaan kepada mereka di dalam melakukan kegiatan sehari-hari. Ibu bapa mereka mengetahui dan tidak kisah dengan siapa mereka berkawan. Selain itu, ibu bapa mereka juga kadang-kadang mengetahui aktiviti luar rumah yang dilakukan secara umum seperti makan bersama kawan, melepak dan

menonton wayang. Namun, kesemua informan mengakui bahawa mereka tidak pernah memberitahu aktiviti rempit yang mereka lakukan.

Tahap penglibatan dan komunikasi ibu bapa dalam perhubungan sosialisasi pula adalah sederhana di mana kesemua informan bersetuju bahawa hanya kadang-kadang sahaja ibu bapa bersedia meluangkan masa dan melakukan aktiviti bersama. Namun, ibu bapa mereka senang untuk berbual dan selalu cuba untuk memahami pandangan dan masalah jika mereka mempunyai masa. Walau bagaimanapun, informan masih tidak dapat berkongsi dan menceritakan kepada ibu bapa perasaan sebenar berkaitan sesuatu perkara. Ini kerana, informan berasa lebih selesa untuk berkongsi masalah dan pandangan kepada rakan sebaya. Secara keseluruhan, kesemua informan berpuas hati dengan cara ibu bapa berbual dengan mereka. Dari segi kawalan disiplin pula, ibu bapa informan juga cenderung untuk memberi teguran apabila mereka melakukan kesalahan. Namun, dua orang informan mengakui bahawa ibu bapa mereka selalu menyakiti hati jika memarahi mereka. Selain itu, kesemua informan bersetuju bahawa ibu bapa cuba mengawal kehidupan dan menyekat kebebasan mereka.

Dalam perbincangan kumpulan berfokus tersebut, dapat disimpulkan bahawa ketiadaan nilai-nilai moral dalam perhubungan kekeluargaan merupakan faktor utama wujudnya masalah sosial di kalangan remaja hari ini. Ibu bapa juga dilihat tidak menjalankan fungsi keibubapaan yang baik terhadap anak mereka. Mereka terlalu memberi kebebasan dan tidak kesah dengan persekitaran anak mereka yang banyak memberi kesan buruk kepada mereka. Justeru, kepincangan dalam fungsi institusi keluarga menyebabkan pengabaian terhadap anak-anak. Sekali gus, didikan agama dan moral serta nilai-nilai murni tidak dapat diterapkan dengan berkesan ke dalam jiwa mereka. Keadaan ini telah menyebabkan anak-anak kurang mendapat didikan dan kasih sayang dengan sempurna sehingga mereka terbiar dan tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Oleh yang demikian, remaja terdorong untuk mencari keseronokan sendiri dengan cara yang mudah terutamanya melalui rakan sebaya. Menurut Warr (1993), apabila remaja bersama rakan-rakan, mereka akan berasa lebih selesa kerana mereka bebas dengan gaya, cara hidup serta peraturan yang diingini.

HUBUNGAN SOSIAL DENGAN RAKAN SEBAYA

Rakan sebaya adalah lanjutan kepada proses sosialisasi dalam keluarga di mana mereka bertindak sebagai agen kedua proses sosialisasi. Kumpulan rakan sebaya dapat berfungsi sebagai penggantian jika perhubungan dengan ibu bapa tidak baik atau tegang (Dunphy, 1963). Oleh yang demikian, perhubungan rakan sebaya dapat memberi kesan yang besar terhadap personaliti dan perkembangan sosial remaja terutamanya dalam membentuk gaya hidup remaja. Menurut informan, perhubungan antara rakan sebaya adalah lebih rapat berbanding dengan ibu bapa mereka. Ini kerana, rakan sebaya lebih memahami emosi dan kehendak diri mereka. Selain itu, rakan sebaya juga boleh menerima keadaan diri seadanya dan tidak perlu untuk memenuhi kehendak mereka seperti ibu bapa. Menurut Edward (1996), penerimaan dan sanjungan daripada rakan sebaya meningkatkan lagi kemungkinan individu tersebut terlibat dengan kesalahan juvenil. Selain membina satu konsep bersepadan dan memenuhi harapan rakan sebaya, penglibatan remaja dalam

aktiviti kesalahan juvenil dapat menolong individu itu untuk melindungi diri mereka daripada ditolak dan diketawakan oleh masyarakat.

Kesemua informan bersetuju bahawa rakan sebaya lebih banyak membantu memahami diri dan membentuk identiti menjadi lebih baik. Selain itu, rakan sebaya dikatakan lebih menghormati perasaan mereka. Menurut informan, mereka lebih selesa untuk menceritakan tentang masalah dan keraguan mereka kepada rakan sebaya berbanding ibu bapa. Elliot dan Janice (1974) menyatakan remaja selalunya akan memilih individu yang mereka rasa selesa berdampingan. Ini kerana, informan berpendapat bahawa rakan sebaya adalah pendengar yang baik dan prihatin dengan keadaan diri mereka. Rozmi dan Norhayati (2007) dalam kajiannya menyatakan Mat Rempit mempunyai keinginan untuk berkongsi masalah dengan orang lain terutamanya rakan sebaya (sesama Mat Rempit). Di samping itu juga, informan menganggap hubungan sosial dengan rakan sebaya adalah sebagai satu cara untuk berhibur dan menghilangkan tekanan. Dapatkan kajian ini disokong oleh kajian Rozmi dan Norhayati (2007) yang menyatakan bahawa Mat Rempit mempunyai jaringan rakan sebaya yang mempunyai matlamat yang sama iaitu inginkan keseronokan berlumba sebagai satu cara bersosial.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis Perbincangan Kumpulan Berfokus, secara keseluruhannya, mendapati bahawa golongan belia yang terlibat di dalam aktiviti lumba haram ini adalah dalam lingkungan 20-an, mempunyai tahap pendidikan sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan sijil lanjutan dan memiliki motosikal berkuasa rendah seperti *scooter*, *Honda EX5*, *Yamaha 125z* dan *Yamaha RXZ*. Aktiviti lumba haram ini dilakukan pada malam minggu atau pada hari perayaan tertentu. Aktiviti ini dilakukan oleh golongan muda untuk mencari keseronokan dan menunjukkan kehebatan masing-masing. Selain itu, mereka juga berlumba untuk melepaskan segala tekanan yang mereka hadapi. Sesetengah Mat Rempit yang terlibat dengan aktiviti tidak sihat ini juga pernah menerima ganjaran seperti wang, namun mereka tidak terlibat dengan pertaruhan wanita. Sekiranya ada melibatkan wanita, ianya bersifat peribadi dan bukan secara berkumpulan. Mereka juga bersikap agresif apabila terlibat dengan pergaduhan, merosakkan harta benda awam dan mencuri. Selain itu, segelintir Mat Rempit juga terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan pengambilan minuman beralkohol untuk menjadikan lebih berani dan agresif ketika menunjukkan aksi-aksi dan berlumba.

Faktor hubungan sosialisasi antara ibu bapa juga mendorong mereka terlibat dengan kegiatan lumba haram ini. Tahap penglibatan dan komunikasi yang kurang berkesan memberikan impak terhadap individu ini. Perubahan corak asuhan keluarga hari ini di mana ibu bapa tidak lagi memainkan peranan utama dalam mencorakkan kehidupan anak-anak turut menjadi faktor yang mendorong berlakunya masalah ini. Keadaan ini berikutan dari kesibukan dan kesuntukan masa ibu bapa yang lebih menumpu terhadap kerja sehingga mengabaikan tanggungjawab yang sepatutnya dipikul. Kepincangan dalam institusi keluarga juga merupakan faktor pendorong individu ini mencari keseronokan bersama rakan sebaya. Rakan sebaya yang lebih memahami, menerima diri seadanya dan mempunyai pemikiran yang sama menjadikan individu ini lebih dihargai

dan berasa tidak tersisih. Ini menyebabkan individu berasa lebih selesa untuk berkongsi masalah dan pandangan dengan rakan sebaya berbanding ibu bapa. Justeru, dapat disimpulkan bahawa perhubungan rakan sebaya dapat memberi kesan yang besar terhadap personaliti dan perkembangan sosial individu terutamanya dalam membentuk gaya hidup remaja.

RUJUKAN

- Chang H.L & Yeh,T.H. 2006. *Motorcyclist Accident Involvement By Age, Gender And Risky Behaviors in Taipei, Taiwan*. Elsevier Publisher.
- Dunphy, D.C. 1963. *The Social Structure of Urban Adolescent Peer Group*. San Francisco, Albion.
- Edward, W.J. 1996. A Measurement of delinquency differences between a delinquent and nondelinquent sample: What are the implications? *Adolescence*.31(124), 973–988.
- Elliot M.A, Baughan, C & Sexton, E. 2006. *Errors and Violations in Relation to Motorcyclist's Crash Risk*. Elsevier Publisher.
- Finn, J.L., & Checkoway, B. 1998. *Young People As Competent Community Builders: A Challenge To Social Work*. 43 (4), p.335.
- Hoffman, L. 1996. *Progress and Problems in The Study of Adolescence*. Developmental Psychology, 32, 777-780.
- Holmgren, P., Holmgren, A. & Ahlner, A. 2004. Alcohol And Drugs In Drivers Fatality Injured In Traffic Accidents In Sweden During The Years 2002-2002. *Journals of Forensic Science International*, 151, 11-17.
- Horswill, M.S. & Helman, S. 2003. A behavioural comparison between motorcyclists and a matched group on non-motorcycling car drivers: Factors influencing accident risk. *Accident Analysis and Prevention*, 35, 589-597.
- Hurt, H.H., Outlet, J.V., & Thom, D.R. 1981. *Motorcycle Accident Cause Factors And Identification of Countermeasure*. Volume 1. University of Southen California. Los Angeles.
- Keluarga Pincang Punca Rempit. Berita Harian. Mei, 10 Mei 2009. Di muat turun dari http://www.bharian.com.my/Current_News/BH/Sunday/Bmdua/20090510075918/Article/ pada 11 Mei 2009.
- Leaman, A. & Finch, M. 1987. Impulsiveness and venturesomess in young motorcyclists. *Personality and Individual Differences*, 8, 945-946
- Mannering, F.L. & Grodsky, L.L. 1995. Statistical analysis of motorcyclists'perceived accident risk. *Accident Analysis and Prevention*, 27, 21-31
- Mohd Fadzil Che Din dan Ahmad Rashid. 2006. *Menangani Gejala Sosial Melalui Pendekatan Psiko-Sosial dan Model Alternatif*. Prosiding Seminar Psikologi Pembangunan Komuniti ISM-UKM. Hotel Renaissance. Kuala Lumpur.
- Novandri Hasan Basri. 2007. 85 peratus faktor pemandu. Di muat turun dari Utusan Malaysia pada 7 September 2007.
- Rashid, M. I. 2003. Kertas Kerja Konvensyen Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah (JKKD) Kebangsaan 2003. Tidak diterbitkan. PWTC. Kuala Lumpur.
- Rozmi Ismail dan Norhayati Ibrahim. 2007. *Faktor-faktor mempengaruhi keterlibatan remaja dalam perlumbaan motorsikal haram dan hubungannya dengan jenis*

- personaliti, sokongan sosial dan coping skill.* Laporan akhir penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan.
- Syner, J.W. & Vegega, M.E. 2001. *Impaired Motorcycle Riding : What Motorcyclist Think About Alcohol and Motorcycling.* U.S Department of Transportation National Highway Traffic Safety Administration Washington D.C
- Vasallo, S., Smart, D., Sanson, A., Harrison, W., Harris,A., Cockfield,S. & McIntyre, A. 2007. Risky Driving among Young Australian Drivers : Trends, Precusors and Correlates. *Journal of Accident Analysis and Prevention.*
- Warr, M. 1993. Age, Peers, and Delinquency. *Criminology.* 31:17-40.
- Zarinah, A. 2001. *Kualiti Tingkah Laku Keibubapaan dan Penyesuaian Tingkah Laku Anak dalam Keluarga Berisiko Di Luar Bandar.* Tesis Master tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia. Serdang, Selangor.

Profil Penulis

Haslinda Abdullah, PhD
*Ketua Laboratori Pendidikan Komuniti dan Pengajian Belia
 Institut Pengajian Sains Sosial
 Universiti Putra Malaysia
lynn@putra.upm.edu.my*

Sarjit Singh Darshan Singh, PhD
*Pensyarah Kanan
 Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
 Fakulti Ekologi Manusia
 Universiti Putra Malaysia
sarjiit@putra.upm.edu.my*

Nobaya Ahmad, PhD
*Timbalan Dekan (Akademik dan Pengantarabangsaan)
 Fakulti Ekologi Manusia
 Universiti Putra Malaysia
nobaya@putra.upm.edu.my*

Zaid Ahmad, PhD
*Profesor Madya
 Ketua Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
 Fakulti Ekologi Manusia
 Universiti Putra Malaysia
zaid_a@putra.upm.edu.my*

Syamsyihana Ghazali
*Pelajar
 Institut Pengajian Sosial Malaysia
 Universiti Putra Malaysia
syamsyihana@yahoo.com*

Kepuasan Kerja Belia Beruniform: Kes Anggota Armada Laut, TLDM

MANSOR ABU TALIB & NOR LIYANA MOHD. BOKTI

ABSTRAK

Pembangunan modal insan adalah agenda penting dalam pelan Rancangan Malaysia. Kepentingan golongan belia telah diberikan fokus ekoran penglibatan aktif mereka terutama dalam sektor pekerjaan. Dua objektif kajian ini adalah untuk memerihalkan tahap kepuasan kerja dan tekanan kerja serta menentukan perkaitan antara tekanan kerja dan kepuasan kerja di kalangan belia dalam kerjaya ketenteraan. Sebanyak 120 anggota Tentera Laut yang dipilih melalui pensampelan rawak berlapis berkadar daripada tujuh buah kapal TLDM. Kaedah pengisian sendiri borang soal selidik digunakan untuk pengumpulan data. Alat pengukuran bagi tekanan kerja dan kepuasan kerja adalah melalui Quantitative Workload Scale (Spector & Jex, 1998; alpha=.78), dan Job Satisfaction Survey (Spector, 1985; alpha=.87) masing-masingnya. Majoriti responden mempunyai tahap tekanan kerja (n=88, 73.3%) dan kepuasan kerja (n=69,57.5%) yang sederhana. Justeru, organisasi harus mempertingkat kesihatan psikologi anggota tentera dengan meningkatkan modal insan melalui program penerapan semangat berpasukan selain daripada meningkatkan pengurusan sumber manusia dengan aplikasi Sistem Divisyen (Pendekatan Kaunseling Kelompok). Keadilan dalam hak terhadap faedah sampingan dan penghargaan organisasi akan menjurus kepada kepuasan, mengurangkan konflik berhubung polisi organisasi dan memberikan kursus-kursus untuk peningkatan prestasi.

Kata Kunci: Tekanan Kerja, Kepuasan Kerja, Anggota Tentera Laut

ABSTRACT

Human capital development is an important agenda in the Ninth Malaysian Plan. The importance of youth is given a special emphasis due to the contribution they made especially among the working group. Objectives of this study are to describe level of jobs satisfaction and work stress and to determine the relationship between work stress and job satisfaction among youth in military career. A total of 120 male Navy personnel at the Royal Malaysian Navy (RMN) afloat, Naval Base Lumut were selected through the proportionate stratified random sampling from seven RMN ships. A pretested self-administrated questionnaire was used to collect data. The measurements of work stress and job satisfaction were adapted from the Quantitative Workload Scale (Spector & Jex, 1998; alpha=.78) and Job Satisfaction Survey (Spector, 1985, alpha=.87) respectively. Result indicated that majority respondents experienced moderate level of work stress (n=88, 73.3%) and job satisfaction (n=69,57.5%). The finding also revealed that frequencies of military operation

are significantly related to job satisfaction ($r = .267, p \leq .01$) among RMN afloat. On the other hand, this study also found a significant relationship between work stress ($r = -.344, p \leq .01$) and job satisfaction among RMN afloat, Naval Base Lumut. Organization can promote psychological health among troops by increasing its human capital through team oriented program while enhancing human resource management through the Divisional System (group counseling approaches). Perceived fairness in the form of fringe benefit and organizational reward can lead to job satisfaction, reducing conflict with organizational policies and provide sufficient training for job enrichment.

Keywords: Work Stress, Job Satisfaction, Navy Personnel

PENDAHULUAN

Golongan belia di negara ini terdiri daripada mereka yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 40 tahun. Berdasarkan Unit Perancang Ekonomi seperti yang dipetik dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), bilangan belia di negara akan meningkat dari tahun ke tahun. Contohnya, pada tahun 2000, bilangan belia di negara ini berjumlah 9.85 juta orang manakala pada tahun 2005 jumlah tersebut meningkat kepada 11.10 juta orang. Sehubungan itu, belia menyumbang kepada sumber guna tenaga kerja dalam pelbagai sektor ekonomi negara. Dalam RMK-9 (2006-2010), sejumlah 65% daripada guna tenaga dalam pekerjaan adalah golongan belia. Ini menunjukkan bahawa belia adalah penyumbang utama kepada sektor pekerjaan di seluruh negara. Oleh itu, keprihatinan terhadap perkembangan kerjaya golongan belia amat penting untuk diberikan perhatian sewajarnya. Golongan belia masa kini telah dan akan terus mengalami transformasi hasil dari perubahan kemajuan dunia. Ini adalah kerana pekerjaan, kerja dan kerjaya adalah satu elemen penting pada remaja awal sehingga awal dewasa dan perkembangan kerjaya bermula dan mencapai tahap optimum pada peringkat ini. Perkembangan kerjaya adalah satu proses yang berpanjangan dan hampir sama dengan pembangunan manusia di mana keperluan pada setiap tahap perlu dipenuhi secara sempurna bagi mencetus keinginan mencapai tahap seterusnya.

Dari aspek pembangunan manusia dan perkembangan kerjaya, setiap manusia melalui beberapa transisi dari zaman kanak-kanak hingga melewati usia emas. Peringkat belia adalah salah satu transisi terpenting dalam pembangunan manusia. Di Malaysia, menurut Dasar Pembangunan Belia Negara, peringkat belia adalah golongan yang berusia antara usia 15 hingga 40 tahun. Antara isu yang sinonim dengan dunia belia adalah perkembangan kerjaya dan alam pekerjaan. Menurut Landy dan Conte (2004) pekerjaan amat penting bagi manusia dewasa. Pekerjaan bukan sahaja menjanjikan upah atau gaji sebagai ganjaran tetapi memberikan kepuasan dan kebahagiaan kepada seseorang belia dan mungkin juga sebaliknya. Malahan ianya akan memberi impak dalam kehidupan berkeluarga dan dalam hubungan sosial dengan ahli komuniti.

Membangunkan modal insan merupakan satu agenda besar negara terutamanya isu yang memfokuskan kepada belia. Salah satu cabaran dalam membangunkan modal insan belia adalah konteks personal belia itu sendiri, seperti ciri-ciri psikologinya. Kesejahteraan psikologi adalah penting dalam pembangunan manusia termasuklah dalam

aspek pekerjaan. Bagi belia yang telah menjengah ke alam kerjaya, cabaran dalam menjalankan tugas sudah semestinya berbeza mengikut jenis pekerjaan dan bidang yang diceburi. Oleh itu, setiap pekerjaan semestinya mempunyai cabaran tertentu termasuklah belia dalam kerjaya beruniform seperti tentera.

Bidang ketenteraan sering dilihat sebagai satu kerjaya yang penuh dengan cabaran dan memerlukan golongan belia yang mempunyai ketahanan mental dan fizikal yang tinggi serta berusaha secara konsisten. Di samping itu, kerjaya dalam bidang ketenteraan didapati menghadapi tekanan yang lebih tinggi (Pflanz & Sonneks, 2002) dan tahap kepuasan kerja yang rendah (Sanchez, Bray, Vincus & Bann, 2004) berbanding kerjaya lain. Ancaman yang mungkin berlaku tanpa mengira waktu menuntut siapsiagaan yang tinggi. Selain itu, perang psikologi yang kini mengambil alih evolusi perang dunia memperlihatkan kepentingan kesejahteraan modal insan dan kesihatan psikologi.

Kepuasan kerja adalah salah satu konsep yang popular dalam bidang psikologi industri dan organisasi. Mencapai kepuasan kerja adalah salah satu impian dalam kehidupan semua pekerja kerana ia mampu bertindak balas secara positif apabila sesuatu keperluan dan kehendak dipenuhi sewajarnya. Menurut Smith (1994), keinginan mengenal pasti faktor yang menyebabkan pekerjaan itu menyeronokkan dan persekitaran kerja yang mampu meningkatkan kepuasan kerja seseorang adalah keunikan dalam pengkajian bidang kepuasan kerja. Selain itu, kepuasan kerja sering menjadi isu signifikan kerana ia berkait dengan kepuasan hidup. Ini disebabkan kerjaya adalah komponen utama kehidupan hampir semua manusia terutama golongan belia. Kepuasan kerjaya ini pula dikaitkan dengan modal insan selaku faktor penggerak personal setiap pekerja. Oleh itu, kepuasan kerja adalah reaksi seseorang individu terhadap pengalaman kerja mereka (Berry, 1997). Kepuasan kerja juga sering menjadi indikator kejayaan sesebuah organisasi dan seseorang individu dalam kerjayanya. Oleh itu usaha ke arah peningkatan kepuasan kerja dan pembangunan modal insan yang konsisten adalah tonggak kepada pengurusan sumber manusia yang berjaya. Bagi belia berkerjaya dalam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) contohnya, hal ini ditekankan oleh Panglima Tentera Laut dalam satu perutusannya dan dilaporkan dalam Mingguan Malaysia bertarikh 16 September 2007. Beliau menegaskan bahawa walaupun kemodenan dan keupayaan TLDM yang mantap dari segi teknologi pertahanan, namun anggotanya tetap menjadi aset paling penting dalam TLDM.

Tekanan kerja pula terhasil apabila tuntutan dan kehendak pekerjaan yang tidak bersesuaian dengan kemahiran dan tahap pengetahuan belia yang mencabar mereka untuk mengendalikan masalah tersebut (Leka, Griffiths & Cox, 2004). Dalam bidang ketenteraan, tekanan kerja wujud akibat tuntutan kerja seperti operasi khas ketenteraan dalam jangka masa tertentu. Menurut Pawar dan Rathod (2007) tekanan kerja salah satu bahaya terhadap kesihatan anggota tentera. Selain itu, Pflanz dan Sonneks (2002), mendapati anggota yang menghadapi tekanan dan masalah emosi secara tidak langsung cenderung melakukan kesilapan dan penilaian kurang tepat yang boleh mengakibatkan kemusnahan atau kegagalan dalam misi ketenteraan.

TINJAUAN LITERATUR

Kepuasan kerja

Kepuasan kerja dapat didefinisikan sebagai reaksi seseorang individu terhadap pengalaman kerja mereka (Berry, 1997). Kepuasan kerja juga adalah perilaku positif atau keadaan emosi kesan daripada penilaian terhadap pengalaman kerja seseorang (Landy & Conte, 2004) juga memperlihatkan tahap seseorang menyukai kerjanya (Ahmadi & Alireza, 2007). Selain itu, reaksi emosi seseorang terhadap pekerjaan tertentu juga boleh dirujuk sebagai kepuasan terhadap kerja (Gruneberg, 1979).

Content Theory menyatakan kepuasan kerja dicapai apabila perkembangan dan kesempurnaan diri dipenuhi dalam kerjaya seseorang dan *Process Theory* pula adalah penjelasan kepuasan kerja melalui sejauh mana sesuatu pekerjaan memenuhi nilai dan inspirasi seseorang individu. *Situational theories* pula adalah teori-teori yang menerangkan kepuasan kerja adalah hasil daripada kesepadan yang berhasil antara ciri personal individu dan juga ciri organisasi. Herzberg (1968) telah mengetengahkan Teori Dua Faktor. Teori ini membincangkan dua komponen iaitu *motivator* dan *hygiene*. *Motivator* atau faktor intrinsik (dalaman) adalah pencapaian dan pengiktirafan yang akan memberi kesan kepada kepuasan kerja manakala *hygiene* atau faktor ekstrinsik (luaran) seperti gaji dan keselamatan pekerjaan akan menghasilkan ketidakpuasan kerja (Lindner, 1998). Kewujudan faktor ini akan menentukan sama ada pekerja mengalami kepuasan bekerja atau tiada kepuasan bekerja bukannya perasaan tidak puas hati. Oleh itu, kedua-dua faktor ini harus diaplikasikan secara serentak.

Kepuasan kerja akan semakin berkurangan apabila masa bekerja bertambah (Groot & VanDen Brink, 1999). Pekerja yang bekerja lebih masa akan secara psikologi akan berpuas hati dengan apa yang dilakukan (Brett & Stroh, 2003). Manakala, Reis dan Pena (2001), berpendapat adalah sukar untuk melatih seseorang untuk mencapai tahap yang sedia ada. Selain itu, Humple dan Caputi (2001) mendapat semakin tinggi tahap pendidikan, seseorang pekerja didapati mempunyai tahap kepuasan kerja yang rendah tetapi lebih bermotivasi. Eskildsen, Kristensen dan Westlund (2003), mendapat pekerja yang berpangkat pegawai mempunyai kepuasan kerja yang lebih tinggi dan bermotivasi berbanding pekerja biasa.

Tekanan kerja

Tekanan kerja merupakan tindak balas individu apabila pengetahuan dan kemahiran mereka tidak sepadan dengan tuntutan tugas serta mencabar keupayaan mereka untuk mengendalikan masalah tersebut (Leka *et al.*, 2004). Jelasnya, bebanan berhasil apabila seseorang individu gagal memenuhi tuntutan tugasnya. Leila (2002), mendefinisikan tekanan sebagai tindak balas individu terhadap tuntutan yang dihadapinya sama ada tuntutan dalaman (fisiologi) dan luaran (fizikal dan sosial). Sauter, Murphy, Colligan, Swanson, Hurrell Jr., dan Scharf, Jr. (1999), mendefinisikan tekanan kerja sebagai satu tindak balas terhadap bahaya fizikal dan emosi yang muncul apabila tuntutan kerja tidak sepadan dengan kemampuan, pengetahuan dan keperluan sebagai seorang pekerja. Smith (2001), menyatakan bahawa tekanan kerja adalah satu sifat negatif persekitaran kerja dan satu tindak balas psikologikal terhadap persekitaran yang bahaya dan terancam.

Menurut Davey, Obst and Sheehan (2001), tekanan kerja berpunca daripada aspek-aspek berkaitan organisasi, jumlah jam bekerja serta sokongan dan perubahan dalam organisasi. Pflanz & Sonneks, (2002) mendakwa persekitaran kerja memberi kesan kepada tekanan kerja, kepuasan kerja dan kesihatan. Leka *et al.* (2004), pula mendapati antara keadaan yang mempunyai risiko untuk menjadi punca kepada tekanan kerja adalah bebanan kerja dan ruang kerja. Selain itu, Graham, Ramirez, Field dan Richards (2000) juga mendapati bebanan kerja adalah punca utama tekanan kerja. Sementara itu, dalam ketenteraan pula, Pflanz dan Ogle (2006), mendapati punca utama tekanan kerja adalah kekurangan kakitangan, bebanan kerja yang banyak, masa kerja yang panjang, jadual kerja dan masa bersama keluarga sering bertembung, latihan peperangan, operasi, masalah disiplin tentera, masalah dengan pihak atasan dan beberapa isu lain berkaitan kerja seperti kepimpinan, gaji, kekurangan latihan dan sikap negatif terhadap rakan sepasukan.

Menurut Humpel dan Caputi (2001), ada kalanya tekanan memberikan kesan positif. NIOSH mendapati, individu yang mengalami tekanan kerja atau tekanan peribadi biasanya memberikan tindak balas yang hampir sama. Selain itu Sauter *et al.*, (1999), telah bersetuju bahawa tekanan kerja juga mengakibatkan sakit kepala, gangguan pemakanan, gangguan tidur, mudah marah dan juga kurang perhatian. Menurut Leka *et al.* (2004) pula, pekerja tertekan adalah seorang individu yang tidak sihat, bermotivasi rendah, kurang produktif dan cenderung untuk mengalami kemalangan di tempat kerja. Pendedahan kepada tekanan kerja secara berterusan akan menjurus kepada masalah psikologi yang serius. Menurut Schultz (2005), tekanan yang tinggi di tempat kerja menjurus kepada hasrat untuk berhenti kerja dan perbuatan salah laku. Pflanz dan Ogle (2006), menyatakan bahawa tekanan kerja adalah satu bahaya kepada kesihatan emosi dan fizikal anggota tentera sekali gus memberi kesan ke atas pasukan tentera dan juga prestasi misi ketenteraan.

Dari aspek latar belakang, perkahwinan dan hidup berkeluarga dapat menghindarkan tekanan kerja (Kirkcaldy, Brown & Cooper, 1998). Belia yang telah berkahwin mempunyai tahap perkembangan psikologi yang lebih baik berbanding yang masih bujang (Pawar & Rathod, 2007). Dari segi jantina, lelaki terdedah kepada tahap tekanan yang tinggi berbanding wanita (Nakata, Takahashi, Ikeda, Hujou & Araki (2007). Namun, belia lelaki mempunyai kemampuan untuk mengawal situasi tertekan dan menyesuaikan diri berbanding wanita (DeArmond, Tye, Chen, Krauss, Rogers dan Sintek, 2006). Selain itu, merujuk kepada jawatan dan juga status dalam pekerjaan, semakin tinggi ke fungsian sesuatu jabatan semakin rendah kesan tekanan yang dialami (Kirkcaldy *et al.*, 1998). Namun tekanan kerja berkurangan apabila seseorang sudah mempunyai pengalaman dalam pengendalian tugas tersebut (Humble & Caputi, 2001).

Tekanan Kerja dan Kepuasan Kerja dalam Ketenteraan


Kepuasan kerja juga salah satu aspek penting dalam kerjaya dalam ketenteraan. Semangat berpasukan dan persekitaran yang baik adalah faktor penyumbang utama kepada pengekalan kepuasan kerja di kalangan pegawai tentera yang menjalani latihan di atas kapal (Fairbrother & Warn, 2003). Konflik antara kehendak dalam kehidupan sebagai seorang tentera laut dan keperluan hubungan personal menyumbang kepada kepuasan kerja yang rendah. Ini adalah kesan daripada kekerapan berjauhan dengan

keluarga dan rakan-rakan serta kehilangan kawalan terhadap kehidupan personal. Alpass, Long, Chamberlain, dan MacDonald, (1997) mendapati semakin lama perkhidmatan seseorang tentera semakin rendah kepuasan terhadap kerjanya manakala semakin tinggi gaji semakin tinggi kepuasan kerja. Selain itu, mereka mendapati antara penyumbang kepada kepuasan kerja tentera adalah dengan wujudnya kepimpinan yang bagus, kerjaya yang mencabar dan kurangnya konflik. Selain itu, Sanchez et al., (2004) dalam kajian yang melibatkan anggota tentera berstatus tetap dan tentera simpanan mendapati tahap kepuasan kerja dalam kalangan anggota tentera tetap atau aktif lebih rendah dibandingkan dengan anggota tentera simpanan kerana mempunyai bidang tugas yang berbeza. Sehubungan itu, faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada kepuasan anggota tentera adalah umur, etnik, status perkahwinan, klasifikasi kerja, perubahan yang baik dalam hidup, punca masalah besar dalam hidup, kepuasan hidup secara holistik dan tekanan kerja.

Menurut Pflanz dan Sonneks (2002), di dalam bidang ketenteraan, tekanan kerja turut dirasai malahan lebih teruk dari profesion lain. Tekanan kerja salah satu bahaya terhadap kesihatan di kalangan tentera dan mendapati kelasi *junior* tentera laut di India menghadapi tekanan kerja paling tinggi daripada klasifikasi tugas lain (Pawar & Rathod, 2007). Selain itu juga, tekanan yang dialami tentera di setiap bahagian berbeza juga mempunyai tahap tekanan yang berbeza termasuklah tentera yang berada di pangkalan, kapal selam dan juga dalam pelayaran. Selain itu, punca tekanan yang biasa di kalangan tentera adalah perubahan tanggungjawab dan perjawatan, perubahan waktu bekerja dan masalah berhubung pihak atasan di mana tekanan akan mengakibatkan pekerja cenderung untuk berhenti kerja, lantaran seorang tentera tidak mempunyai pilihan untuk berhenti kerja jika menghadapi permasalahan dengan pihak atasan (Pflanz & Sonneks, 2002).

Kesimpulannya, berdasarkan tinjauan literatur, didapati terdapat perkaitan antara tekanan kerja dengan kepuasan kerja. Oleh itu, kajian ini secara amnya, adalah untuk menentukan perkaitan antara tekanan kerja dengan kepuasan kerja dalam kalangan belia dengan kerjaya beruniform iaitu anggota tentera laut di Armada TLDL, Tambatan Pangkalan Lumut. Kajian ini juga bertujuan bagi menjawab persoalan-persoalan berikut; (a) Apakah tahap tekanan kerja dan kepuasan kerja responden?, (b) Adakah ciri-ciri latar belakang mempengaruhi tekanan kerja dan kepuasan kerja responden? dan (c) Adakah tekanan kerja mempengaruhi kepuasan kerja responden iaitu anggota Tentera laut di Armada TLDL? Gambar Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini.

Gambar Rajah 1: Kerangka Konseptual kajian



METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan bahagian yang menerangkan mengenai kaedah bagaimana kajian ini dilaksanakan. Pendekatan kuantitatif telah digunakan, di mana perubahan dalam fakta sosial diterangkan melalui pengukuran dan analisis mendalam. Kajian ini memfokuskan kepada kajian mengenai perkaitan antara tekanan kerja dengan kepuasan kerja belia yang telah memilih tentera sebagai pekerja. Akhirnya, maklumat responden diperoleh melalui borang soal selidik tadbir sendiri.

Lokasi dan pensampelan

Di Malaysia, terdapat sembilan buah pangkalan TLDM yang utama. Pangkalan TLDM, Lumut telah dipilih secara rawak dengan mencabut salah satu pangkalan yang telah disenaraikan. Seterusnya Markas Armada telah terpilih daripada empat Markas utama di Pangkalan tersebut menggunakan kaedah yang sama. Markas armada pula mempunyai sembilan unit dan Tambatan Pangkalan Lumut telah dipilih secara rawak. Akhirnya sebanyak tujuh buah kapal telah dijadikan sampel daripada 22 buah kapal berdasarkan kepelbagaiannya kelas dan fungsi dan berada di Tambatan Pangkalan Lumut semasa pengumpulan data dilakukan. Kelas kapal yang terlibat adalah kapal hidrografi, kapal pengesan dan pemusnah periuk api, kapal bekalan dan pelbagai guna, kapal perang serta kapal tunda. Kapal-kapal tersebut adalah Kapal Diraja (KD) Mutiara, KD Laksamana Muhammad Amin, KD Laksamana Hang Nadim, KD Kinabalu, KD Maha wangsa, KD Hang Tuah, dan Kapal Tunda Diraja (KTD) Sotong.

Akhirnya seramai 120 orang anggota Tentera Laut yang terdiri daripada pegawai dan lain-lain pangkat dalam TLDM dipilih sebagai responden melalui pensampelan rawak berlapis berkadar. Responden telah dipilih daripada kerangka pensampelan

(*sampling frame*) iaitu jadual awasan dan penempatan berdasarkan klasifikasi jawatan. Senarai ini dipaparkan di setiap pangkalan dan kapal TLDM. Sampel diambil dari setiap kapal berdasarkan jumlah anak-anak kapal menurut nisbah klasifikasi jawatan iaitu pegawai dan lain-lain pangkat.

Prosedur pengumpulan maklumat

Kelulusan bertulis telah diperoleh daripada Panglima Tentera Laut melalui Markas Tentera Laut di Kementerian Pertahanan. Kemudian, data dikumpulkan daripada responden melalui pengisian borang soal selidik. Pengumpulan data diadakan di kapal-kapal yang terpilih dan terhad untuk kapal yang berada di Tambatan pada 4 hingga 7 Februari 2008 sahaja.

Terdahulu, kajian rintis telah diadakan melibatkan 40 anggota Tentera Laut yang di Wisma Samudera. Responden bagi kajian rintis adalah terdiri daripada pegawai dan lain-lain pangkat yang bertugas di Wisma Samudera iaitu kediaman pegawai-pegawai Tentera Laut. Kajian rintis ini adalah untuk membantu penyelidik menentukan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dan mengenal pasti masalah yang mungkin dihadapi apabila melaksanakan kajian sebenar kelak (Abbott & Bordens, 2005). Setelah analisis menggunakan kaedah konsistensi dalaman, nilai pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi instrumen tekanan kerja dan kepuasan kerja adalah baik di mana masing-masing adalah .81 dan .82. Menurut Ma, Yam, Tsui dan Yau (2006), kebolehpercayaan yang diterima adalah nilai pekali *alpha* antara .70 hingga .90.

Pengukuran angkubah

Ciri-ciri latar belakang bagi kajian ini merangkumi umur, status perkahwinan, tempoh sudah berkhidmat dengan TLDM, kekerapan menjalani kerja luar dan klasifikasi jawatan.

Tekanan kerja diukur dengan menggunakan *Quantitative Workload Inventory* (QWI; Spector & Jex, 1998) yang mengandungi 5 soalan bagi mengukur bebanan kerja mengikut kekerapan sesuatu perkara itu berlaku. Lima skala *Likert* digunakan di mana 1 = “Tidak Pernah”, 2 = “Sekali Atau Dua Kali Sebulan”, 3 = “Sekali Atau Dua Kali Seminggu”, 4 = “Sekali Atau Dua Kali Sehari” dan 5 = “Beberapa Kali Sehari”. Skor yang tertinggi menggambarkan bebanan kerja yang tinggi di mana julat adalah antara 5-25. Nilai kebolehpercayaan bagi instrumen ini adalah .78.

Kepuasan kerja telah menggunakan *Job Satisfaction Survey* (JSS) (Spector, 1985). JSS mengandungi 36 soalan yang merangkumi sembilan aspek untuk menguji sikap pekerja terhadap pekerjaan mereka. Aspek meliputi gaji, kenaikan pangkat, majikan, faedah sampingan, penghargaan, polisi, rakan sekerja, bidang tugas dan komunikasi. Enam Skala *Likert* digunakan di mana 1 = “Sangat Tidak Bersetuju”, 2 = “Sederhana Tidak Bersetuju”, 3 = “Sedikit Tidak Bersetuju”, 4 = “Sedikit Bersetuju”, 5 = “Sederhana Bersetuju”, 6 = “Sangat Bersetuju”. Skor tinggi menggambarkan tahap kepuasan yang tinggi. Julat adalah antara 36 - 216. Kebolehpercayaan bagi instrumen ini adalah .87.

Penganalisisan data

Data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Data yang telah dianalisis melalui analisis deskriptif atau analisis infrensi. Ujian statistik deskriptif dalam bentuk frekuensi, peratusan, min, dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis maklumat ciri-ciri latar belakang responden, tahap tekanan kerja dan tahap kepuasan kerja. Manakala Ujian Korelasi Pearson, Ujian-T dan Ujian ANOVA digunakan untuk pengujian hipotesis-hipotesis yang telah diformulasikan.

HASIL KAJIAN

Ciri-ciri Latar Belakang

Kajian ini telah melibatkan 38 (31.7%) pegawai TLDM dan 82 (68.3%) anggota lain-lain pangkat yang terdiri daripada belia yang berusia antara 22 hingga 40 tahun (min = 29.77, sisihan piawai = 4.83). Seramai 103 (85.8%) berusia antara 22 hingga 35 tahun manakala 17 (14.2%) melewati usia 35 tahun. Sementara itu, seramai 40 (33.3%) responden masih bujang manakala 80 (66.7%) responden telah berkahwin. Seramai 11 (9.2%) responden memiliki ijazah atau sarjana. Responden telah berkhidmat dengan TLDM antara dua hingga 21 tahun (min = 10.20, sisihan piawai = 4.68) di mana seramai lima (4.2%) responden telah berkhidmat lebih daripada 18 tahun dalam TLDM.

Hasil soal selidik juga mendapati responden menjalani kerja luar antara sekali hingga 48 kali (min = 17.10, sisihan piawai = 13.14) dalam masa tiga bulan yang lepas di mana kekerapan kerja luar yang dimaksudkan adalah sebarang tugasan luar seperti latihan ketenteraan, kursus atau keperluan perkhidmatan di luar rutin kerja harian mereka. Selain itu, julat gaji bulanan pula adalah antara RM 1,028 sehingga RM 4,287 (min = RM 2,274.92, sisihan piawai = RM 709.33) di mana sembilan (7.5%) responden menerima anggaran pendapatan melebihi RM 3,500 sebulan.

Tahap Tekanan Kerja dan Kepuasan Kerja

Tekanan Kerja: Tiga kategori tahap digunakan bagi mempe rihal tahap tekanan kerja menggunakan formula $Min \pm 1Sisihan\ Piawai$. Hasil kajian mendapati julat skor adalah antara tujuh hingga 25 (min = 17.00, sisihan piawai = 3.93) di mana 16 (13.3%) mengalami bebanan kerja yang rendah, 88 (73.3%) mengalami bebanan kerja sederhana dan seramai 16 (13.3%) pula didapati mengalami bebanan kerja yang tinggi (lihat Jadual 1). Bebanan kerja yang dialami merangkumi kehendak rutin harian yang memerlukan anak-anak kapal bekerja keras dan menyiapkan sesuatu tugas dengan segera dan tergesa-gesa. Selain itu, tekanan wujud akibat tuntutan kepada tugas yang melebihi kemampuan dan kesuntukan masa menyelesaikan tugas yang diamanahkan.

Kepuasan Kerja: Tiga kategori skor bagi rendah, sederhana dan tinggi adalah menggunakan tahap yang dicadangkan oleh Spector (1997). Kajian ini mendapati julat skor adalah antara 51 hingga 194 (min = 128.48, sisihan piawai = 23.71) di mana seramai 30 (25.0%) berada di tahap berpuas hati. Sementara itu, 69 (57.5%) didapati berbelah bagi antara berpuas hati atau tidak berpuas hati dan hanya 21 (17.5%) didapati berasa tidak berpuas hati (lihat Jadual 1). Analisis bagi setiap skala menurut turutan ketidakpuasan hati pula mendapati anggota Tentera Laut yang bertugas di kapal-kapal TLDM tidak berpuas hati dengan polisi organisasi ($n = 69$, 57.5%), faedah sampingan ($n = 62$, 51.7%), gaji ($n = 56$, 46.7%), dan penghargaan ($n = 52$, 43.3%). Manakala aspek yang didapati oleh anggota di Armada TLDM sebagai baik menurut tuntutan ialah

berpuas hati dengan bidang tugas ($n = 76$, 63.3%), rakan sekerja ($n = 69$, 57.5%), komunikasi dalam organisasi ($n = 64$, 53.3%), dan majikan ($n = 44$, 36.7%).

Jadual 1: Tahap Tekanan Kerja dan Kepuasan Kerja Anggota Tentera Laut di Armada TLDM Tambatan Pangkalan Lumut

Angkubah	n (%)	Min	Sisihan Piawai	Minimum	Maksimum
Tekanan Kerja					
Rendah (skor 5 - 12)	16 (13.3)	17	3.93	7	25
Sederhana (skor 13 - 21)	88 (73.3)				
Tinggi (skor 22 - 25)	16 (13.3)				
Kepuasan Kerja		128.48	23.71	51	194
Tidak berpuas hati (skor 36 – 108)	21 (17.5)				
Berbelah bagi (skor 109 - 143)	69 (57.5)				
Berpuas hati (skor 144 - 216)	30 (25.0)				

Perkaitan antara ciri-ciri latar belakang dan tekanan kerja

H_{o1} :Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara umur dengan tekanan kerja anggota Tentera Laut di Armada TLDM.

Kajian ini mendapati tidak terdapat perkaitan yang signifikan ($r = -.134$, $p > .05$) antara umur dengan tekanan kerja. Secara statistiknya, tahap stres atau bebanan kerja tidak dipengaruhi oleh kematangan usia. Sampel yang kecil dan julat umur yang besar mempengaruhi analisis statistik menyebabkan perubahan usia tidak dapat dilihat terhadap tahap tekanan kerja. Namun begitu, menurut DeArmond *et al.* (2006) pekerja yang berumur berhadapan dengan risiko dianggap tidak mampu menerima tugas baru, pengendalian teknologi dan perubahan prosedur seperti penyesuaian fizikal dan budaya. Selain itu, Humple dan Caputi (2001) pula percaya bahawa pengalaman dalam pengendalian tugas mengurangkan tekanan.

H_{o2} :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tekanan kerja anggota Tentera Laut di Armada TLDM yang bujang dengan yang sudah berkahwin.

Kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan [$t (75) = .44$, $p > .05$] tekanan kerja anggota Tentera Laut yang masih bujang dengan yang sudah berkahwin. Keputusan ini menunjukkan kehidupan bujang atau berkeluarga tidak mempengaruhi tahap tekanan kerja responden. Dapatkan ini mungkin dipengaruhi oleh kehendak tugas sebagai seorang tentera yang memerlukan mengehadkan masa mereka bersama keluarga menjadikan kehidupan mereka yang bujang dan juga berkeluarga hampir sama dan lebih tertumpu kepada tugas. Selain itu, selain hidup berkeluarga, perasaan dipunyai atau perapatan juga boleh hadir apabila hubungan dengan rakan-rakan, keluarga dan komuniti dalam pangkalan. Namun begitu, menurut Kirkcaldy *et al.* (1998) perkahwinan dan hidup berkeluarga dapat menghindarkan tekanan kerja. Manakala Pawar dan Rathod (2007) mendapati seseorang yang telah berkahwin mempunyai tahap perkembangan psikologi yang lebih baik berbanding yang masih bujang.

H_{o3}: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kekerapan menjalani kerja luar dengan tekanan kerja anggota Tentera Laut di Armada TLDM.

Hasil kajian mendapati tidak terdapat perkaitan signifikan ($r = -.047$, $p > .05$) antara kekerapan menjalani kerja luar dengan tekanan kerja. Kekerapan menghadiri kursus, operasi ketenteraan dan tugas di luar rutin kerja tidak mempengaruhi tahap tekanan kerja. Dapatkan ini dipengaruhi oleh julat kekerapan kerja luar yang besar, kerana variasi bidang tugas adalah bergantung kepada aspek lain seperti jenis kapal, kepakaran anggota dan klasifikasi kerja. Kepelbagaiannya ini memberi kesan kepada hasil analisis. Namun begitu, Pflanz dan Sonneks (2002) punca tekanan anggota tentera adalah perubahan dalam tanggungjawab, perubahan masa kerja dan masalah dengan pihak atasan. Selain itu, menurut Kluger *et al.*, (2003), pertukaran jabatan atau perpindahan tempat kerja juga merupakan satu tekanan yang besar.

H_{o4}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tekanan kerja pegawai dengan lain-lain pangkat dalam Tentera Laut di Armada TLDM.

Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan [$t (63) = 1.57$, $p > .05$] tekanan kerja yang dialami oleh pegawai dengan lain-lain pangkat. Ini bermakna tiada perbezaan ketara terhadap bebanan pekerjaan antara pegawai dan lain-lain pangkat. Dapatkan ini dipengaruhi oleh bentuk tugas seseorang anggota. Terdapat tiga cawangan iaitu pelaut, kejuruteraan dan bekalan yang terdiri daripada pelbagai kepakaran. Oleh itu, jumlah sampel kajian tidak mencukupi bagi melihat perbezaan dalam kalangan anggota yang bervariasi (*Heterogenous*). Namun, hasil kajian Kirkcaldy *et al.* (1998) mendapati semakin tinggi ke fungsian sesuatu jabatan, semakin rendah kesan tekanan yang dialami. Dapatkan tersebut disokong Pawar dan Rathod (2007) mendapati tekanan dalam pekerjaan anggota Tentera Laut India lebih tinggi dalam kalangan *junior* kelasi berbanding *senior* kelasi dan pegawai.

Perkaitan antara ciri-ciri latar belakang dan kepuasan kerja

H_{o5}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kepuasan kerja anggota Tentera Laut di Armada TLDM yang bujang dengan yang sudah berkahwin.

Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan [$t (62) = 1.181$, $p > .05$] kepuasan kerja anggota Tentera Laut yang bujang dengan yang sudah berkahwin. Hal ini dipengaruhi oleh aspek kepuasan kerja yang dikaji. Kajian ini lebih menumpukan kepada aspek seperti kepuasan terhadap gaji, kenaikan pangkat, majikan, faedah sampingan, penghargaan, polisi, rakan sekerja, bidang tugas dan komunikasi. Oleh itu, persepsi dan maklumat yang diperoleh lebih merujuk kepada aspek pekerjaan responden. Namun, kajian Kirkcaldy *et al.*, (1998) mendapati kehadiran anak dalam sesebuah keluarga dapat memberikan kepuasan kerja dan mereka yang sudah berumah tangga dapat mengendalikan pengurusan rumah tangga dan tempat kerja dengan lebih baik berbanding yang masih bujang.

H_{o6}: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara tempoh sudah berkhidmat dengan TLDM dengan kepuasan kerja anggota Tentera Laut di Armada TLDM.

Kajian ini mendapati tidak terdapat perkaitan yang signifikan ($r = .025$ dan $p > .05$) antara tempoh sudah berkhidmat dalam TLDM dengan kepuasan kerja anggota Tentera Laut di

Armada TLDM. Ini menunjukkan tahap kepuasan kerja tidak dipengaruhi oleh tempoh perkhidmatan dalam TLDM. Dapatan ini mungkin dipengaruhi oleh julat yang besar dan faktor tempoh sudah berkhidmat dalam kajian ini tidak dikawal. Namun, Gruneberg (1979), berpendapat semakin lama tempoh berkhidmat, kepentingan kepuasan kerja menurun.

H_{o7}: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kekerapan menjalani kerja luar dengan kepuasan kerja anggota Tentera Laut di Armada TLDM.

Kajian ini mendapati terdapat perkaitan yang signifikan ($r = .267$ dan $p \leq .01$) di antara kekerapan menjalani kerja luar dengan kepuasan kerja anggota Tentera Laut di Armada TLDM. Semakin bertambah kekerapan menjalani kerja luar seperti kursus, operasi ketenteraan dan tugas di luar rutin kerja akan mampu meningkatkan kepuasan kerja anggota Tentera Laut di Armada TLDM. Dapatan ini dipengaruhi oleh aspek kerjaya sebagai seorang tentera itu sendiri. Menurut Alpass et al., (1997) cabaran adalah sumber kepuasan kerja bagi seorang tentera. Oleh itu, kepelbagai dan kekerapan tugas yang di luar rutin kerja akan menimbulkan keseronokan dan kepuasan terhadap pengalaman baru yang diperoleh. Selain itu, kepakaran dan juga kecekapan anggota dapat ditingkatkan dengan adanya latihan ketenteraan dan kursus secara konsisten.

H_{o8}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kepuasan kerja pegawai dengan lain-lain pangkat dalam Tentera Laut di Armada TLDM.

Kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan [$t (57) = 1.17$ dan $p > .05$] kepuasan kerja pegawai dengan lain-lain pangkat Tentera Laut di Armada TLDM. Ini bermakna tiada perbezaan secara statistik kepuasan kerja yang dialami pegawai dan lain-lain pangkat. Dapatan ini mungkin dipengaruhi oleh sistem pentadbiran ketenteraan yang membezakan kasta pegawai dan lain-lain pangkat. Ini termasuk perbezaan dari segi imbuhan, gaji, perhubungan interpersonal dan kelebihan lain perkhidmatan. Perbezaan ini menjadikan bahawa tahap kepuasan kerja bagi pegawai tidak sama dengan tahap kepuasan kerja lain-lain pangkat dan sebaliknya. Namun, kajian oleh Eskildsen et al., (2003) mendapati pekerja berpangkat pegawai mempunyai kepuasan kerja yang lebih tinggi berbanding pekerja biasa.

Perkaitan antara Tekanan Kerja dengan Kepuasan Kerja

H_{o9}: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara tekanan kerja dengan kepuasan kerja anggota Tentera Laut di Armada TLDM.

Kajian ini mendapati terdapat perkaitan yang sangat signifikan ($r = -.344$, $p \leq .01$) antara tekanan kerja dengan kepuasan kerja anggota Tentera Laut di Armada TLDM. Jelasnya, semakin tinggi tekanan kerja yang dihadapi anak-anak kapal, kepuasan kerja akan merosot. Kajian dalam kalangan tentera di barat juga mendapati terdapat perkaitan antara tekanan kerja dengan kepuasan kerja (Fairbrother & Warn, 2004, Sanchez, et al., 2004). Bebanan kerja dalam kajian ini adalah termasuk kehendak tugas seharian yang memaksa individu bekerja secara tergesa-gesa dan melebihi kemampuan. Tuntutan ini menyebabkan tahap kepuasan kerja terjejas. Walaupun tahap kepuasan kerja responden adalah sederhana, namun setiap individu akan ada kepuasan dan tiada kepuasan dalam masa yang sama terhadap aspek yang berbeza. Menurut Spector (2008), seseorang

individu mempunyai tahap kepuasan berbeza terhadap aspek yang berbeza. Bagi mendapatkan kepuasan kerja yang tinggi, tekanan kerja harus diminimumkan dan diuruskan dengan baik.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan memerihalkan tahap kepuasan di kalangan belia dalam kerjaya beruniform. Responden kajian ialah 120 orang anggota Tentera Laut di Armada TLDM Lumut. Menerusi kajian terhadap responden yang bertugas di tujuh buah kapal TLDM, keputusan menunjukkan anggota atau warga kapal menghadapi tahap tekanan kerja yang sederhana dan tahap kepuasan kerja yang sederhana. Kajian ini membuktikan secara statistik bahawa terdapat perkaitan positif antara kekerapan menjalani kerja luar dengan kepuasan kerja anggota tentera di mana semakin kerap anggota menjalani kerja luar semakin tinggi tahap kepuasan kerja dan sebaliknya. Belia yang memilih kerjaya beruniform terutamanya tentera sering kali dikaitkan dengan semangat kesateria dan cintakan negara yang tinggi. Lantaran itu, bagi memastikan keamanan dan keselamatan perairan negara ianya menuntut kesiapsiagaan anggota Armada TLDM untuk sentiasa berada pada tahap terbaik. Oleh itu, bagi mencapai tahap yang diingini, kekerapan latihan, eksais dan juga pengujian sistem persenjataan dan kecekapan pengendalian oleh warga kapal perlu kerap dianjurkan. Hasil kajian ini mendapati semakin kerap pelaksanaan kerja luar, eksais dan kursus di kalangan anggota telah meningkatkan tahap kepuasan kerja anggota. Ini merupakan satu indikator positif bagi seorang tentera yang melaksanakan tugas demi negara. Oleh itu, pihak atasan harus berusaha mengekalkan prestasi ini dan meningkatkannya secara konsisten.

Hasil kajian ini menunjukkan antara faktor yang menyumbang kepada ketidakpuasan kerja adalah gaji, imbuhan sampingan, penghargaan organisasi dan polisi yang diamalkan dalam organisasi. Secara teoretikal, Herzberg (1968) menerusi Teori Dua Faktor menjelaskan keperluan aspek-aspek yang penting dalam kajian kepuasan pekerjaan. Terdapat dua faktor yang berkait rapat dengan kepuasan iaitu *Motivator* atau faktor intrinsik (dalaman) dan *hygiene* atau faktor ekstrinsik (luaran). Dalam kajian ini, gaji, imbuhan sampingan dan polisi dalam organisasi adalah faktor *hygiene* dan penghargaan organisasi adalah faktor *Motivator*. Kesepadan dan saling melengkapi antara kedua-dua faktor ini akan membantu dalam perkembangan kerjaya individu.

Selain itu, kajian ini juga mendapati terdapat perkaitan negatif antara tekanan kerja dengan kepuasan kerja. Dengan kata lain semakin tinggi tahap tekanan kerja yang dihadapi semakin rendah tahap kepuasan kerja dan sebaliknya. Kajian ini mendapati aspek seperti gaji, imbuhan tambahan, penghargaan dari organisasi dan polisi berkaitan organisasi adalah kekangan yang wujud dalam mencapai kepuasan kerja. Manakala hubungan dengan pihak atasan, rakan sekerja, kesepadan bidang tugas dan komunikasi dalam organisasi adalah pemangkin kepada perkembangan kerjaya dan kepuasan kerja seorang anggota Tentera Laut di kapal TLDM. Pengetahuan terhadap faktor negatif ini dapat menyumbang kepada pemahaman terhadap kualiti hidup belia beruniform terutamanya mereka yang berada dalam kerjaya ketenteraan.

Leka *et al.*, (2004) dan Sauter, *et al.*, (1999) menyatakan bahawa punca utama tekanan kerja adalah kegagalan seseorang pekerja memenuhi tuntutan tugas seperti yang

diharapkan. Oleh itu, kursus dan latihan peningkatan kecekapan serta kesepadan tugas dengan kepakaran adalah penting bagi menjamin kepuasan bekerja dan mengurangkan tekanan. Pekerja akan lebih yakin dan bersemangat untuk melakukan sesuatu apabila dia mempunyai ilmu dan kepakaran dalam bidang tersebut berbanding terpaksa melakukan kerja tambahan bagi tugas yang di luar kepakarannya. Oleh itu, anggota tentera harus diberikan tugas sejajar dengan kepakaran dan juga kemampuan yang ada bagi memastikan tahap guna tenaga yang optimum. Selain itu, bagi menghasilkan anggota yang komited dan berwawasan, kursus peningkatan kemahiran insaniah dan pembangunan modal insan anggota harus dipertingkatkan sejajar dengan hasrat kerajaan bagi membangunkan pekerja yang holistik.

Seperti yang diterangkan terdahulu, peningkatan kepuasan kerja dan meminimumkan tekanan kerja mampu menyumbang kepada kualiti hidup belia terutamanya anggota TLDM yang menjadi responden kajian ini. Lantaran, usaha bagi menangani isu ini perlu digembleng oleh pihak pengurusan TLDM. Kesesuaian tugas yang dilakukan dengan latihan yang telah dilalui serta pembayaran insentif dalam bentuk gaji dan kemudahan lain adalah perlu bagi memastikan pekerja merasakan dirinya mendapat layanan seperti yang dijangkakan terutama bila dibandingkan dengan rakan sebayanya di organisasi lain. Pihak pengurusan harus meneliti perbezaan imbuhan dan insentif anggota agar setimpal dengan bidang tugas dan kepakaran yang dimiliki. Selain itu, kesepadan tugas yang diberikan penting bagi mengelakkan pembaziran kepakaran dan mencapai misi TLDM ke arah "*right man for the right job*". Selain pemberian insentif bersesuaian, pengurusan TLDM boleh mengemas kini aspek pengurusan rutin kerja yang efisien dan sistematik dengan mengambil kira kebijakan dan keperluan sosial anggota. Sebagai contoh, memperuntukkan masa bagi anggota yang telah berkahwin untuk bersama ahli keluarganya, masa untuk melakukan urusan peribadi dan keperluan sosial lain seperti bersama rakan-rakan, bercuti dan melaksanakan aktiviti sosial dalam komunitinya. Selain itu, anggota yang menunjukkan prestasi yang baik harus diberikan penghargaan sewajarnya. Penghargaan mampu memberikan semangat dan keyakinan kepada anggota untuk terus berkhidmat dengan baik. Melalui teori oleh B.F. Skinner (1905-1990) iaitu Teori Pengukuhan, sesuatu ganjaran mampu menjadi satu pengukuh positif kepada pengekalan tingkah laku yang diharapkan (Crain, 2005). Pada masa yang sama, sistem dendaan atau penalti yang dimaklumkan lebih awal kepada anggota mampu mengubah tingkah laku ke tahap yang diingini.

Selain itu, kesihatan psikologi adalah sangat penting bagi anggota tentera yang sering berhadapan dengan tugas-tugas yang mencabar tanpa mengira masa. Perang psikologi adalah satu dimensi peperangan era baru yang mengancam sumber manusia. Oleh itu, pihak pengurusan harus menyediakan program bagi menjaga kebijakan dan kesejahteraan anggota agar menjurus kepada kesihatan psikologi yang baik. Antaranya adalah dengan mempraktikkan sepenuhnya Sistem Bahagian iaitu salah satu sistem pengurusan sumber tenaga manusia yang diamalkan oleh semua organisasi Tentera Laut di seluruh dunia. Sistem ini adalah implementasi dari konsep kaunseling berkelompok secara profesional. Selain itu, sistem ini juga dapat menerapkan nilai kekitaan dan semangat setia kawan (*esprit de corps*). Pengurusan sumber manusia yang cemerlang dapat meningkatkan pembangunan modal insan pada tahap yang membanggakan dan

sekali gus melahirkan belia yang berwibawa dalam menjalankan tugas iaitu berkhidmat untuk negara.

Selain itu, mentaliti semangat berpasukan yang wujud antara anggota yang bertugas di kapal adalah penyumbang kepada kepuasan kerja. Untuk mengekalkan keadaan ini dan mengharapkan tahap kepuasan kerja sentiasa meningkat secara konsisten, semangat berpasukan dan kemahiran insaniah serta modal insan harus dititikberatkan. Antara aktiviti yang boleh meningkatkan semangat ini adalah aktiviti kesukanan, hari keluarga dan juga majlis keraian. Selain itu, penganjuran aktiviti keagamaan dan juga ceramah berunsurkan motivasi dan peningkatan semangat kerja harus dilaksanakan secara konsisten agar memastikan anggota sentiasa disuntik semangat.

Namun begitu, terdapat tujuh hipotesis yang gagal ditolak walaupun terdapat kajian lepas mengatakan perkaitan itu wujud antara angkubah yang dikaji. Hal ini adalah berpunca daripada *Type II Error*. Menurut Bordens and Abbott (2005), keadaan ini terjadi akibat daripada ketidaktepatan, bias, juga sumber maklumat yang tidak lengkap dan kesahan intrumen yang digunakan. Selain itu sampel saiz yang tidak mencukupi kajian yang mempunyai angkubah yang lebih dari dua juga mempengaruhi daptan kajian yang tidak konsisten.

Kesimpulannya, kajian ini juga mempunyai limitasi tertentu iaitu terhad kepada anggota Tentera Laut di Armada TLDM, Tambatan Pangkalan Lumut sahaja. Kajian akan datang diharap dapat mendapatkan sampel saiz yang lebih besar kerana saiz sampel mempengaruhi kestabilan statistik korelasi yang digunakan. Oleh itu, saiz sampel yang diambil mestilah bersesuaian dengan populasi. Selain itu, pemilihan instrumen juga harus dititik berat dengan mengambil kira tinjauan literatur, nilai pekali *alpha* dan juga sampel responden yang ingin dikaji. Kesesuaian instrumen kajian dengan konteks di negara Malaysia juga perlu diambil kira apabila mengambil instrumen yang dikaji bagi sampel di barat. Dalam usaha meningkatkan kajian ke atas anggota Tentera Laut pula, kajian akan datang boleh mengkaji lebih banyak faktor yang berkaitan tekanan kerja seperti persekitaran kerja, lokus kawalan, keselamatan pekerjaan dan konflik di tempat kerja. Kajian mengenai kepuasan kerja pula boleh di aplikasi menggunakan instrumen kepuasan kerja yang lain. Perbandingan juga boleh dibuat dengan mengambil kira elemen-elemen lain yang menyumbang kepada kepuasan dalam pekerjaan.

RUJUKAN

- Ahmadi, K., & Alireza, K. 2007. Stress and Job Satisfaction among Air Force Military Pilots. *Journal of Social Sciences*, 3(3),159-163.
- Alpass, F., Long, N., Chamberlain, K., & MacDonald, C. 1997. Job Satisfaction Differences between Military and Ex-Military Personnel: The Role of Demographic and Organizational Variables. *Military Psychology*, 9(3), 227 - 249.
- Berry, L.M. 1997. *Psychology at Work*. San Francisco: McGraw Hill.
- Brett, J.M., & Stroh, L.K. 2003. Working 61 plus a week: why do managers do it?. *Journal of Applied Psychology*, 88(1), 67-78.
- Bordens, K.S., & Abbott, B.B. 2005. Research Design and method, a Process Approach (6th ed.). new York:McGraw Hill

- Crain, W. 2005. *Theories of Development: Concepts and Applications* (5 ed.). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education Inc.
- Davey, J., Obst, P., & Sheehan, M. 2001. Demographic and workplace characteristics which add to the prediction of stress and job satisfaction within the police workplace. *Journal of Police and Criminal Psychology*, 16(1), 29-39.
- DeArmond, S., Tye, M., Chen, P.Y., Krauss, A., Rogers, D.A., & Sintek, E. 2006. Age and Gender Stereotypes: New Challenges in Changing Workplace and Workforce. *Journal of Applied Social Psychology*, 36(9), 2184-2214.
- Eskildsen, J.K., Kristensen, K. & Westlund, A.H. 2003. Work Motivation and Job Satisfaction in the Nordic Countries. *Employee relations*, 26 (2), 122-136.
- Fairbrother, K., & Warn, J. 2003. Workplace Dimensions, Stress and Job Satisfaction. *Journal of Managerial Psychology*, 8(1), 8-21.
- Graham, J., Ramirez, A. J., Field, S. & Richards, M. A. 2000. Job Stress and Satisfaction among Clinical Radiologists. *Clinical Radiology*, 55, 182-185
- Groot, W. & VanDen Brink, H.M. 1999. Job Satisfaction of Older Workers. *International journal of Manpower*, 20(6), 343-360.
- Gruneberg, M. M. 1979. *Understanding Job Satisfaction*. London: The Macmillan Press Ltd.
- Herzberg., F. 1968. *Work and The Nature of Man*. Great Britain: Granada Publishing Limited.
- Humble, N., & Caputi, P. 2001. Exploring the relationship between work stress, year of experiences and emotional competency using a sample of Australian mental health Nurses. *Journal of Psychiatric and Mental Health Nursing*, 8, 399-403.
- Kirkcaldy, B., Brown, J., & Cooper, C.L. 1998. The Demographics of Occupational Stress among Police Superintendents. *Journal of Managerial Psychology*, 13 (1/2), 90-101.
- Kluger, M.T., Townend, K. & LaidLaw, T. 2003. Job satisfaction, stress and burnout in Australian Specialist Anesthetists, *Anaesthesia*, 58, 339-345
- Landy, F. J., & Conte, J. M. 2004. *Work in 21st Century, An Introduction to Individual & Organizational Psychology*. New York: McGraw Hill.
- Leila. G. 2000. Stress dan kepuasan kerja. Disertasi tesis master yang tidak diterbitkan di Universitas Sumatera Utara.
- Leka, S., Griffiths, A. & Cox, T. 2004. Work Organization & Stress, Systematic Problem Approaches for Employers, Managers and Trade Union Representatives retrieved from http://www.who.int/occupational_health/publications/pwh3rev.pdf
- Lindner, J.R. 1998. Understanding Employee Motivation. *Journal of Extension*, 36(3).
- Ma, K. H., Yam, K. L., Tsui, K. W., & Yau, F. T. 2006. Internal Consistency and Test-Retest Reliability of The Chinese Version of The Self-Report Health-Related Quality of Life Measure for Children and Adolescents With Epilepsy. *Epilepsy & Behavior*, 9(1), 51-57.
- Nakata, A., Takahashi, M., Ikeda, T., Hojou, M. & Araki, S. 2007. Perceived psychological job stress and sleep bruxism among males and females workers. *Community Dent Oral Epidemiol 2007*.
- Pawar, A. A., & Rathod, J. 2007. Occupational Stress in Naval Personnel. *Military Journal of Armed Forces India*, 63(2), 154-156.

- Pflanz, S. E., & Ogle, A. D. 2006. Job Stress, Depression, Work Performance and Perceptions of Supervisors in Military Personnel. *Military Medicine*, 171(9), 861-865.
- Pflanz S, Sonnek S. 2002. Work Stress in the Military: Prevalence, Causes and Relationship to Emotional Health. *Military Medicine*, 167, 877-882.
- Reis, D., & Pena, L. 2001. Reengineering the motivation at work. *Management Decision*, 39(8), 666-675.
- Sanchez, R. P., Bray, R. M., Vincus, A. A., & Bann, C. M. 2004. Predictor of Job Satisfaction among Active Duty and Reserve/Guard Personnel in the U.S Military. *Military Psychology*, 16(1), 19-35.
- Sauter, S., Murphy, L., Colligan, M., Swanson, N., Hurrell Jr. J., & Scharf, Jr. F., et al. 1999. *STRESS...At Work*. National Institute for Occupational Safety and Health; No. 99-101 dimuaturn daripada <http://www.cdc.gov/niosh/atwork.html> pada 24 March 2008.
- Schultz, D.P. 2005. *Psychology and Work today, An Introduction to Industrial and Organizational Psychology* (9th ed.). Prentice Hall.
- Spector, P.E., & Jex, S.M. 1998. Development of Four Self-Report Measures of Job Stressors and Strain: Interpersonal Conflict at Work Scale, Organizational Constraints Scale, Quantitative Workload Scale and Physical Symptoms Inventory. *Journal of Occupational Health Psychology*, 3, 356-367.
- Spector, P. E. 1985. Measurement of Human Service Staff Satisfaction: Development of the Job Satisfaction Survey. *American Journal of Community Psychology*, 13(6), 693-713.
- Smither, R. D. 1994. *The Psychology of Work and Human Performance* (2nd ed.). New York: Harper Collins College Publishers.
- Smith, A. 2001. Perception of stress at Work. *Human Resource Management Journal*. 11(4), 74-86.
- Unit Perancang Ekonomi. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Profil Penulis

Mansor Abu Talib, PhD.

Profesor

Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi
 Fakulti Ekologi Manusia
 Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM, Serdang, Selangor
 MALAYSIA
mansorat@putra.upm.edu.my
mansorat@hotmail.com

Nor Liyana Mohd. Bokhti

Pelajar M.S. (Gender dan Pembangunan)

Jabatan Pembangunan Manusia & Pengajian Keluarga

Fakulti Ekologi Manusia, UPM

Kerja Sosial Puteri UMNO: Satu Tinjauan

MAT ZIN MAT KIB & SHIREEN HARON

ABSTRAK

Perbincangan kertas kerja ini tertumpu kepada budaya kesukarelawanan Pergerakan Puteri UMNO amnya dan Bahagian Sepanggar, Sabah khasnya. Ahli Pergerakan ini pada keseluruhannya adalah terangkum dalam golongan belia kerana ahli-ahlinya terdiri daripada kalangan wanita yang berumur 35 tahun ke bawah. Tulisan ini cuba memberi tumpuan kepada tiga perkara, iaitu (1) mengenal pasti kerja-kerja sukarela yang dibuat oleh mereka, (2) mencari sebab/faktor yang menarik Pergerakan untuk terlibat dalam kerja-kerja kesukarelawanan dan (3) halangan-halangan yang dihadapi oleh Puteri UMNO dalam usaha mereka untuk menjana lagi kerja-kerja kesukarelawanan. Penulis juga cuba melihat bahawa betapa pentingnya semangat kesukarelawanan dijadikan satu budaya yang berterusan yang sepatutnya diamalkan oleh Puteri UMNO tanpa menyerlahkannya sebagai gerakan parti politik, iaitu dengan memberi khidmat sukarela kepada semua golongan wanita tanpa mengira sahaman politik. Budaya kesukarelawanan Puteri UMNO ini akhirnya pasti akan dapat menarik golongan belia wanita dan juga masyarakat keseluruhannya untuk memberi sokongan kepada gerakan parti, khususnya UMNO dan Barisan Nasional setelah para ahli Pergerakan itu dan masyarakat keseluruhannya memahami betapa pentingnya sokongan mereka dalam menegakkan sebuah negara demokrasi.

Kata kunci: Belia , Budaya Kesukarelawanan, Kerja Sosial, Puteri UMNO, Parti Politik

ABSTRACT

This working paper will focus discussion on the culture of volunteerism among the Puteri UMNO (PUTERI) movement, especially in the Sepanggar division and in UMNO itself as a whole. Members of PUTERI UMNO are included within the youth category. Most members are women below 35 years of age. This working paper attempts to focus on 3 items, namely, (1) to identify voluntary work carried out by PUTERI UMNO, (2) to find out reasons/factors that attract PUTERI UMNO to be involve in voluntary work and (3) challenges faced by PUTERI UMNO in their effort to generate more voluntary work. The author also attempts to see the importance of the spirit of volunteerism as a culture that should be continued by PUTERI UMNO without having to present its work as a political party movement, meaning by providing voluntary services to all women regardless of political belief. The spirit of volunteerism shown by PUTERI UMNO will then be able to attract more young women and the public in general to support the party movement, especially UMNO and the National Front (Barisan Nasional) once members of PUTERI and the community as a whole understand the importance of their support in building a democratic country.

Key words: Youth, Culture Of Volunteerism, Social Work, Puteri UMNO, Political Parties

PENGENALAN

Artikel ini membincang tentang kerja sosial dan amalan budaya kesukarelawanan² Pergerakan Puteri UMNO. Tumpuannya ialah kepada Pergerakan Puteri UMNO Malaysia amnya, Bahagian Sepanggar, Sabah khasnya. Ahli Pergerakan ini pada keseluruhannya adalah terangkum dalam golongan belia kerana golongan ini menetapi definisi belia yang berdasarkan umur, iaitu golongan lelaki dan wanita yang berumur 15-40 tahun³ dan ini kerana ahli-ahlinya terdiri daripada kalangan wanita yang berumur 35 tahun ke bawah.⁴ Pembentukan golongan puteri sebagai Pergerakan dalam parti politik bukan sahaja terdapat dalam UMNO tetapi PAS (Parti Islam Se Malaysia) telah menubuhkan pergerakan puterinya dengan nama Unit Amal Nisa' manakala Parti Kongres India Malaysia pula turut menubuhkan Pergerakan Puterinya. Pembentukan pergerakan seumpama ini, termasuk juga dengan golongan lelaki belia bagi semua parti politik di Malaysia, contohnya Pergerakan Pemuda UMNO, Pergerakan Putera UMNO, Angkatan Muda Keadilan, Dewan Pemuda PAS kerana melihat bahawa golongan belia merupakan salah sayap penting dalam mana-mana pertubuhan politik dan mereka adalah golongan pelapis yang akan meneruskan kesinambungan kepimpinan negara. Kesedaran mereka tentang tanggungjawab belia bagi merealisasikan impian negara untuk melahirkan pemimpin-pemimpin yang berkaliber dalam arena politik Malaysia. Malah mengikut Azizan (1995: 23) terdapat segelintir masyarakat yang cuba memperkecilkan idealisme belia ini dan kelompok masyarakat ini tidak sedar bahawa sumber kekuatan dan asas pengorbanan yang semula jadi datang daripada perjuangan golongan belia.

SEJARAH PENUBUHAN PUTERI UMNO

Penubuhan Pergerakan Puteri UMNO adalah telah diilhamkan oleh Azalina (kini Datuk) Dato' Othman Said yang telah dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO pada Jun 2000. Mengikut beliau, beliau sedar berdasar keputusan pilihan raya umum 1999,

²Budaya kesukarelawanan dalam artikel ini merujuk kepada amalan yang dibuat oleh Pergerakan Puteri UMNO dan ahli-ahlinya dengan kehendak mereka sendiri dan tanpa menerima apa-apa bayaran atau upah daripada "pelanggan" mereka.

³ Rumusan penulis berdasarkan Hussain Mohamed, *Belia di Malaysia: Masalah, Gerakan dan Masa Depan*, Aneka Publishing, Kuala Lumpur, 1997 dan UNESCO, in Partnership with Youth, France, 1969.

⁴Kiraan umur ini dikira berdasarkan pada 1 Januari tahun berkenaan dan ahli belum lagi menjadi ahli Wanita UMNO. Lihat Fasal 4.1.1, *Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu: Peraturan Puteri UMNO*, hlm. 2 dan Fasal 21.2, *Perlembagaan UMNO* (cetakan ke-2), (dipersetujukan dalam Persidangan Perhimpunan Agung Khas UMNO, pada 18 November 2000), hlm. 65.

UMNO tidak lagi relevan: orang Melayu tidak menghormati UMNO; UMNO tidak dapat memikat golongan muda; orang-orang politik tidak lagi dihormati.⁵

Atas kesedaran inilah, Azalina, dalam jangka masa antara Julai dan Ogos 2000, telah mengemukakan kertas cadangan setebal 13 halaman kepada Majlis Tertinggi UMNO.⁶ Cadangan penubuhan Pergerakan ini diputuskan dalam Mesyuarat Khas Majlis Tertinggi UMNO pada 10 Julai 2000. Mesyuarat ini membuat keputusan bersetuju secara prinsipnya menubuhkan Pergerakan Puteri UMNO dengan satu harapan dan tugas besar Pergerakan untuk menarik lebih ramai menyertai UMNO.⁷ Kemudian pada Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 31 Mac 2001, telah melantik secara rasmi Azalina sebagai Ketua Penaja Pergerakan Puteri UMNO dan 9 April 2001, Pergerakan ini diperkenalkan kepada umum manakala pelancarannya telah dibuat oleh Y.A.B. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden UMNO pada 3 Ogos 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Azalina telah mengetuai Pergerakan ini setelah menang tanpa bertanding dalam Perhimpunan Agung Pertama Pergerakan Puteri UMNO Malaysia.⁸

Usaha Pergerakan ini menarik golongan wanita muda menyertai UMNO adalah sesuatu yang menggalakkan, contohnya sebanyak 45% gadis yang berumur 18-26 tahun telah menyertai Pergerakan ini⁹ dan dalam Bahagian Sepanggar, Sabah sahaja, sebagai contoh, ahli Pergerakan ini adalah seramai 453 orang.¹⁰ Dalam usaha untuk menarik dan “mengikat” para puteri dan masyarakat kepada UMNO, Pergerakan ini melihat dan percaya bahawa melalui kerja-kerja sukarela, usaha ini dapat direalisasikan.

KAJIAN LITERATUR

Tulisan ilmiah tentang Pergerakan ini, sehingga kini belum lagi ditemui. Walau bagaimanapun sebuah karya yang berjudul *Puteri UMNO: Kuasa Politik Baru Malaysia* telah ditulis oleh Hambali Abdul Latiff dan Fadzil Abdul Rahman yang diterbitkan 2001. Karya ini memberi tumpuan kepada penubuhan Pergerakan Puteri UMNO dan membincangkan tentang bagaimana dan sebab musabab yang mendorong penubuhannya. Sesuai dengan tajuk bukunya, penulis buku ini telah melihat bahawa Pergerakan ini merupakan satu angkatan baru yang ahlinya terdiri daripada wanita muda Melayu dan ini

⁵ Temu bual dengan Datuk Azalina Dato' Othman Said, Ketua Pergerakan Puteri UMNO Malaysia pada 17 Mac 2003, di Kota Kinabalu. Lihat juga Hambali Abdul Latif & Fadzil Abdul Rashid, *Puteri UMNO: Kuasa Politik Baru Malaysia*, Penerbit Wadah Karya, Selangor, 2001, hlm. 3-5.

⁶ *Ibid.*, hlm. 3.

⁷ *Ibid.*, hlm. vii.

⁸ Untuk maklumat lanjut, lihat *Aliran*, vol. 22, no. 8, 22.

⁹ *Berita Harian*, edisi Sabah & Sarawak, 8 September 2003, hlm. 1.

¹⁰ Temu bual dengan Aziah Atoh (26 tahun), Ketua Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Sepanggar pada 23 September 2003, di Rumah UMNO Gaya, Jalan Saga Likas, Kota Kinabalu.

tidak senangi oleh Pergerakan Wanita UMNO. Karya ini turut memuatkan gambar-gambar aktiviti Pergerakan Puteri UMNO dan juga lampiran ucapan Presiden UMNO pada Perhimpunan Agung Khas UMNO 18 November 2000 mengenai Pindaan Perlembagaan yang menyentuh tentang Pergerakan Puteri dan juga ucapan Azalina Othman Said, Ketua Penaja Pergerakan Puteri UMNO pada Perhimpunan Agung UMNO 2001 pada 21 Jun 2001. Sumber rujukan karya ini banyak bersandarkan kepada akhbar arus perdana seperti *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* yang memuatkan rencana dan berita tentang Puteri UMNO. Memandangkan tidak banyak karya tentang Pergerakan ini, buku *Puteri UMNO: Kuasa Politik Baru Malaysia* bolehlah dijadikan rujukan awal.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Aspek kualitatif dalam kajian ini merangkumi kaedah pemerhatian, temu bual dan kajian perpustakaan. Responden yang dipilih dalam kaedah temu bual ini tokoh-tokoh Puteri UMNO, telah berjaya mendapat maklumat sahih secara langsung tentang Pergerakan ini. Kajian perpustakaan pula, penulis banyak merujuk kepada surat khabar akhbar arus perdana seperti *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* yang memuatkan rencana dan berita tentang Puteri UMNO. Selain itu, penulis juga mendapatkan maklumat untuk tulisan ini daripada Penyata Tahunan Perhimpunan Agung Pergerakan Puteri UMNO.

PERBINCANGAN

Artikel ini juga memberi tumpuan kepada tiga perkara, iaitu (1) mengenal pasti kerja-kerja sosial yang dibuat oleh Pergerakan Puteri UMNO, (2) mencari sebab/faktor yang menarik golongan Puteri untuk terlibat dalam kerja-kerja sosial dan (3) halangan yang dihadapi oleh Pergerakan ini dalam usaha mereka untuk menjana lagi kerja-kerja sosial. Kajian juga cuba melihat bahawa betapa pentingnya semangat kerja sosial dan kesukarelawanan dijadikan satu budaya yang berterusan yang sepatutnya diamalkan oleh ahli Pergerakan ini tanpa menyerlahkannya sebagai gerakan politik, iaitu dengan memberi khidmat sukarela kepada semua golongan wanita tanpa mengira fahaman politik, walaupun akhirnya nanti pasti akan dapat menarik golongan belia wanita untuk memberi sokongan kepada gerakan parti, khususnya UMNO setelah para Puteri memahami betapa pentingnya sokongan mereka dalam menegak sebuah negara demokrasi.

KERJA-KERJA SUKARELA PUTERI UMNO

Budaya kesukarelawanan Pergerakan Puteri UMNO adalah menjadi salah satu tujuan dalam usaha Pergerakan ini untuk memberi sumbangan dan khidmat mereka kepada masyarakat melalui penglibatan ahli-ahli dalam program yang diatur, sebagaimana yang terdapat dalam Fasal 3 (3.1), Peraturan Puteri UMNO, iaitu:

Menggalakkan ahli-ahlinya mengambil bahagian aktif dalam kegiatan-kegiatan sukarela, agama, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan,

*perkhidmatan masyarakat dan kebudayaan.*¹¹

Bersetujuan dan dengan tujuan untuk memenuhi tujuan di atas, Pergerakan ini telah mengatur pelbagai program, termasuklah program sukarela. Program sukarela ini kebanyakannya merangkumi aspek pendidikan dan kesihatan yang bercorak perkhidmatan masyarakat.¹² Sebagai contoh, Pergerakan Puteri telah membina pusat tuisyen untuk kanak-kanak yang tidak kemampuan di Flat Taman Sri Manja, Petaling Jaya dan Sungai Tiang, Yan, Kedah. Di kelas ini kanak-kanak berpeluang belajar bahasa Inggeris dan tulisan jawi. Tujuan pusat ini ialah untuk membantu kanak-kanak yang mempunyai masalah kewangan dalam mendapatkan pendidikan sampingan selain dari menghadiri persekolahan biasa. Usaha ini merupakan satu iltizam untuk menaiktarafkan pendidikan dan membina masyarakat majmuk (khususnya di kawasan bandar) yang berilmu.¹³ Selain program sukarela yang dinyatakan, mereka juga telah mengadakan program pendidikan seperti Seminar Kecemerlangan SKOR “A” SPM, *English on Wheel* dan lain-lain lagi.¹⁴

Tumpuan juga diberikan kepada kerja-kerja sosial yang berbentuk kebajikan. Pergerakan ini menyedari bahawa masalah sosial yang melibatkan para belia wanita pada masa ini, contohnya pencabulan ke atas hak wanita, sumbang mahram dan beberapa keganasan dan jenayah seks yang dilakukan terhadap wanita, khususnya para belia. Bagi memberi kesedaran kepada golongan belia wanita tentang gejala sosial ini, Pergerakan ini telah mengadakan Kempen Wanita Alaf Baru (WABA).¹⁵ Kempen ini diinspirasikan oleh Biro Perundangannya dan usaha ini merupakan ilham dan keprihatinan untuk membanteras gejala sosial amnya dan keganasan seksual khasnya. Moto kempen ini ialah “Hentikan Keganasan, Semaikan Kasih Sayang”.

Bagi membantu masyarakat yang mempunyai masalah dan berhasrat untuk mendapat khidmat dan bantuan guaman, termasuk yang terlibat dengan gejala sosial dan keganasan seksual, klinik guamannya dibuka secara percuma di Stesen Putra *Light Rail Transit Kuala Lumpur City Centre*.¹⁶ Kedudukan klinik guaman di tempat terbuka yang menjadi tumpuan ramai, khususnya golongan belia akan memudahkan mereka yang terlibat untuk mendapat khidmat dan bantuan guaman. Usaha ini sepatutnya dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi politik.

¹¹Lihat Fasal 4.1.1, *Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu: Peraturan Puteri UMNO*, hlm. 1.

¹²Penulis sekadar memberi beberapa contoh sahaja.

¹³*Suara Puteri*, Bil. 1 Jun 2002, hlm. 4 dan lihat juga <http://www.puteri.net.my>.

¹⁴ Program ini pernah dibuat oleh P3 UMNO Bahagian Sepanggar. Temu bual dengan Aziah Atoh (26 tahun), Ketua Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Sepanggar pada 23 September 2003, di Rumah UMNO Gaya, Jalan Saga Likas, Kota Kinabalu.

¹⁵Kempen dilancarkan pada 16 Februari. Lihat *Suara Puteri*, Bil. 1 Jun 2002, hlm. 5.

¹⁶Pusat ini dibuka pada 8 Mac 2002, iaitu Hari Wanita Sedunia. Lihat *Suara Puteri*, Bil. 1 Jun 2002, hlm. 5.

Seperti yang pernah ditonton di kaca televisyen dan terpapar dalam akhbar-akhbar tempatan, ahli-ahli Pergerakan ini juga membuat kerja-kerja sukarela seperti memberi bantuan kepada mangsa kebakaran, membersihkan tanah perkuburan, membantu golongan yang kurang bernasib baik, memberi bantuan kepada ibu tunggal, membuat lawatan ke rumah orang tua, mengadakan lawatan terhadap pesakit-pesakit di hospital, mengadakan kempen derma darah, program membaca bagi golongan buta, membersihkan rumah orang-orang tua, membawa saudara baru ke hospital untuk mendapat rawatan, dan lain-lain lagi.¹⁷ Sebagai contoh, Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Sepanggar, Sabah pernah membuat lawatan ke Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, semasa pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Likas.¹⁸ Pergerakan Puteri UMNO Badan Perhubungan Negeri Sabah pula pernah membuat aktiviti gotong-royong membina jambatan dan bersama-sama dengan St. John Ambulan Malaysia membuat pemeriksaan kesihatan penduduk di Kampong Jambongan Sandakan.¹⁹

Puteri UMNO sebagai pergerakan yang keahliannya terdiri daripada kaum-kaum wanita yang berada pada usia remaja, Pergerakan ini juga mengadakan aktiviti sukarela yang berasaskan kepada penjagaan kecantikan seperti Bengkel Kecantikan Gaya, Seminar Keterampilan Wanita Alaf Kini, Penerangan Produk dan Cara Pemakaian Yang Betul dan lain-lain lagi.²⁰ Aktiviti-aktiviti seperti ini telah dapat menarik kaum-kaum wanita yang umurnya menjangkau umur Puteri.

Kerja kesukarelawanan Pergerakan Puteri UMNO Malaysia tidak terhad di Malaysia sahaja. Pergerakan ini juga telah mengambil inisiatif untuk membangunkan projek pembinaan sekolah di Kabul yang terpaksa dibangunkan semula akibat daripada serangan tentera bersekutu Amerika Syarikat.²¹ Pergerakan ini telah menyalurkan sebanyak RM 45,000.00 kepada Tabung Pendidikan Afghanistan kepada Duta Afghanistan untuk menubuhkan sebuah sekolah di Afghanistan.²² Ini dilihat sebagai satu usaha bahawa Pergerakan ini meletakkan kerja-kerja sukarela ini sebagai tanggungjawab sosial tanpa mengambil kira sempadan negara dan soal politik kerana di Kabul tidak ada rakyatnya yang menjadi ahli pertubuhan parti di Malaysia baik UMNO mahupun apa juar parti politik.

¹⁷Hambali Abdul Latiff & Fadzil Abdul Rashid, *op. cit.*, hlm. 22-23 dan 100-106.

¹⁸Temu bual dengan Cik Rosnah Abdul Rashid Shirlin (31 tahun), Ketua Pergerakan Puteri UMNO Negeri Sabah, pada 26 Mac 2003 di Pejabat Puteri UMNO Sabah, Pejabat Badan Perhubungan UMNO Negeri Sabah dan Aziah Atoh (26 tahun), Ketua Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Sepanggar pada 23 September 2003, lihat juga *Puteri UMNO*, Bil. 2, Ogos 2001, hlm. 17.

¹⁹http://stjohnkk.tripod.com/album_khidmat_bp.htm.

²⁰Puteri UMNO_website\Aktiviti.mht.

²¹*Berita Harian*, 2 Oktober 2003, hlm. 4.

²²*Berita Harian*, edisi Sabah & Sarawak, 8 September 2003, hlm. 1.

KENAPA PUTERI MELIBATKAN DIRI DALAM KERJA KESUKARELAWANAN?

Menyedari hakikat keputusan pilihan raya umum 1999 yang menunjukkan bahawa sokongan muda terhadap pihak pembangkang kian meningkat, iaitu 40% daripada 141,000 ahli Pemuda PAS adalah terdiri daripada mereka berumur 24 tahun ke bawah manakala Parti KeAdilan pula merangkumi 56% ahli dari kalangan pemuda,²³ Azalina merasai bahawa UMNO hendaklah lebih rendah diri dan perlu menjalankan aktiviti-aktiviti serta program yang lebih menarik golongan muda supaya mereka merasakan bahawa UMNO tetap relevan.²⁴

Kesedaran ini telah mendorong Pergerakan Puteri UMNO Malaysia membuat program *outreach* dan membuang “imej makcik” yang ada pada Pergerakan Wanita UMNO buat sekian lama.²⁵ Bagi Azalina, UMNO mesti berubah dari dalam sekiranya UMNO mahu diterima oleh kaum muda. Perubahan-perubahan yang dibuat oleh Pergerakan ini adalah melalui programnya yang bersifat “sebaya dengan orang muda”. Azalina juga menyebut semasa temu bual dengan penulis, bahawa ahli-ahli Pergerakan ini akan meletak soal kebaikan sebagai agenda utama dalam program Pergerakan itu.

Bermula dengan pakaian rasmi Puteri UMNO yang berwarna merah muda yang membawa mesej lembut, muda, bergaya dan bertenaga adalah sesuai dengan cita rasa kegadisan di samping para pemimpinnya pula terdiri daripada rakan sebaya mereka.²⁶ Sebagai orang muda, keghairahan mereka untuk berpolitik seperti para pemimpin di UMNO induk, Pemuda dan Wanita, pada masa ini, tidak menonjol. Ini ada kemungkinan mereka baru dalam soal arena politik di samping Pergerakan ini dilihat masih bersih kerana “kebaruan” mereka ini belum lagi tercaltar dengan beberapa label seperti politik wang, jutawan segera, kontraktor muda dan sebagainya.

Pergerakan Puteri UMNO merasa bertanggungjawab untuk memberi sumbangan kepada masyarakat, khususnya orang Melayu kerana mereka menyedari bahawa nikmat pembangunan yang ada pada hari ini masih tidak seimbang.²⁷ Pergerakan ini sedar masih ramai lagi orang Melayu yang mesti diberi kesedaran baik dari segi politik, pendidikan, mahupun pembangunan. Pergerakan ini mampu untuk melunaskan hasrat mereka kerana mereka ada banyak kemampuan apatah lagi sebagai sebuah sayap baru dalam parti yang menjadi tulang belakang yang memerintah Malaysia hari ini.²⁸

²³Hambali Abdul Latiff dan Fadzil Abdul Rashid, *op. cit.*, hlm. 4.

²⁴*Ibid.*, hlm. 5.

²⁵ Temu bual dengan Datuk Azalina Dato' Othman Said pada 17 Mac 2003.

²⁶Sebagai contoh, Ketua Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Sepanggar berumur 26 tahun dan belum berumah tangga.

²⁷Temu bual dengan Datuk Azalina Dato' Othman Said pada 17 Mac 2003.

²⁸Temu bual dengan Aziah Atoh (26 tahun), Ketua Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Sepanggar pada 23 September 2003.

Aktiviti-aktiviti kesukarelawanan ini adalah sesuai dengan semangat kegadisan kerana ada ahli-ahli Pergerakan ini yang baru tamat sekolah dan ada juga yang masih belajar, khususnya di Institut Pengajian Tinggi Awam dengan aktiviti persekolahan mereka.²⁹ Tenaga muda mereka yang masih kuat dan semangat yang berkobar-kobar dapat disalurkan melalui kerja-kerja sukarela yang diatur oleh Pergerakan ini.

HALANGAN-HALANGAN

Dalam usaha melaksanakan kerja sukarela, kebanyakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO's) menghadapi halangan-halangan tertentu, khususnyakekangan dari segi kewangan. Masalah ini tidak serius kepada Pergerakan Puteri. Bahkan ahli-ahli Pergerakan ini merasai bertuah kerana mendapat kerjasama daripada jabatan dan agensi kerajaan apabila mereka mengendalikan beberapa program, contohnya mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengenal pasti orang tua yang daif, anak yatim piatu dan ibu tunggal.³⁰ Namun begitu Pergerakan Puteri UMNO tidak terlepas daripada kekangan lain. Usaha dan kerja-kerja kesukarelawan Pergerakan ini dilihat sebagai kegiatan dan mempunyai agenda politik, khususnya oleh parti-parti pembangkang, hinggakan Pergerakan ini dituduh menggunakan pendekatan Zionis.³¹ Usaha mereka juga sering kali dicemuh dan dikait dengan soal-soal peribadi pemimpin dalam Pergerakan Puteri itu sendiri.³²

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa program Pergerakan Puteri UMNO kelihatan bertindan dengan program-program yang telah dirancang Pergerakan Wanita UMNO seperti program sukarela berbentuk pendidikan dan kebajikan, dan dirasai tidak perlu diteruskan oleh mereka.³³ Ini dilihat satu pertembungan idea yang kecil pada peringkat awal sahaja kerana dikatakan adanya kepentingan politik di kalangan Pergerakan Wanita UMNO. Walau bagaimanapun, pertembungan idea ini lenyap begitu sahaja setelah, Majlis Tertinggi UMNO melantik Azalina secara rasmi sebagai Ketua Penaja Pergerakan Puteri UMNO pada 31 Mac 2001.

²⁹Temu bual dengan Hasni Opong (28 tahun), Setiausaha Kerja Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Sepanggar pada 23 September 2003.

³⁰Temu bual dengan Aziah Atoh (26 tahun), Ketua Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Sepanggar pada 23 September 2003.

³¹Hambali Abdul Latiff dan Fadzil Abdul Rashid, *op. cit.*, hlm. 77.

³²Untuk maklumat lanjut, lihat *Suara Puteri*, Bil. 1, Jun 2002, hlm. 5 dan <http://www.puteri.net.my>.

³³Lihat Hambali Abdul Latiff dan Fadzil Abdul Rashid, *op. cit.*, hlm. 11 dan temu bual dengan Puan Jainab Datuk Seri Panglima Haji Ahmad, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Sepanggar pada 17 September 2003 di pejabat guaman beliau.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Kerja-kerja sukarela Pergerakan ini perlu dilihat sebagai satu usaha yang murni. Sebagai pertubuhan yang bersifat politik, kerja-kerja sukarela ini dikatakan mempunyai serampang dua mata, iaitu untuk memberi khidmat kepada masyarakat dan akan dikatakan ada agenda politik. Walau bagaimanapun masyarakat dari setiap lapisan sudah cukup bijak untuk menimbang khidmat sukarela mereka ini: sesuatu usaha yang baik yang berteraskan kepada nilai-nilai kemanusiaan, tanpa “mengira baju yang mereka pakai”, akan diterima baik. Masyarakat perlu menilai khidmat sukarela yang dapat membantu mereka baik secara jasmani mahupun rohani.

Pergerakan Puteri UMNO pula hendaklah mempunyai daya tahan yang kuat: sanggup menepis segala kecaman dan tuduhan yang bersifat politik. Usaha yang baik, akan tetap baik: bak kata pepatah Melayu kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau; mutiara tetap bercahaya walaupun berada dalam lumpur.

Walau bagaimanapun, kerja sukarela Pergerakan ini hendaklah dibuat secara terancang untuk sepanjang masa, tidak pada masa tertentu sahaja khususnya, yang pada kebiasaannya nampak menonjol pada musim pilihan raya sahaja. Kejayaan mengatur program kesukarelawan sepanjang masa akan menjadi satu budaya dan tidak akan dilihat sebagai agenda politik lagi. Dengan cara inilah Pergerakan Puteri UMNO dapat memikat hati masyarakat yang akhirnya memberi sokongan yang berpanjangan demi menegakkan sebuah negara demokrasi berparlimen di Malaysia.

RUJUKAN

Aliran, vol. 22, no. 8, 22.

Azizan Bahari, *Belia dan masyarakat*. Institut Kajian Dasar, Kuala Lumpur. 1995

Berita Harian, edisi Sabah & Sarawak, 8 September 2003.

Berita Harian, 2 Oktober 2003.

Hambali Abdul Latif & Fadzil Abdul Rashid, *Puteri UMNO: Kuasa Politik Baru Malaysia*, Penerbit Wadah Karya, Selangor, 2001.

Hussain Mohamed, *Belia di Malaysia: Masalah, Gerakan dan Masa Depan*, Aneka Publishing, Kuala Lumpur, 1997.

<http://www.Puteri.net.my>.

http://stjohnkk.tripod.com/album_khidmat_bp.htm.

UNESCO, in Partnership with Youth, France, 1969.

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu: Peraturan Puteri UMNO, t. p., t. th., t.t. *Perlembagaan UMNO* (cetakan ke-2), (dipersetujukan dalam Persidangan Perhimpunan Agung Khas UMNO, pada 18 November 2000).

Puteri UMNO, Bil. 2, Ogos 2001.

Puteri UMNO_website\Aktiviti.mht.

Suara Puteri, Bil. 1 Jun 2002.

Responden:

Azalina Dato' Othman Said, Ketua Pergerakan Puteri UMNO Malaysia pada 17 Mac 2003, di Kota Kinabalu.

Aziah Atoh (26 tahun), Ketua Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Sepanggar, Sabah pada 23 September 2003, di Rumah UMNO Bahagian Sepanggar, Jalan Saga, Likas.

Hasni Opong (28 tahun), Setiausaha Kerja Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Sepanggar pada 23 September 2003, di Rumah UMNO Bahagian Sepanggar, Jalan Saga, Likas.

Jainab Datuk Seri Panglima Haji Ahmad, Ketua Wanita UMNO Bahagian Sepanggar, pada 17 September 2003 di pejabat guaman beliau.

Rosnah Abdul Rashid Shirlin (31 tahun), Ketua Pergerakan Puteri UMNO Negeri Sabah, pada 26 Mac 2003 di Pejabat Puteri UMNO Sabah, Pejabat Badan Perhubungan UMNO Negeri Sabah.

Profil Penulis

Mat Zin Mat Kib

Profesor Madya

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi

Universiti Teknologi MARA

Sabah.

Shireen Haron, PhD

Profesor Madya

Penolong Naib Canselor

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu

Universiti Teknologi MARA

Shah Alam.

shireen738@salam.uitm.edu.my

BOOK REVIEW/ULASAN BUKU

Understanding Deviance (5th ed). David Downes and Paul Rock (editors). 2007. Oxford University Press: Oxford, 374 pages, 13 chapters

The book “Understanding Deviance” by Downes and Rock provides an in-depth analysis in understanding crime and criminal behavior from a sociological point of view. It covers 13 chapters dealing with topics on sources of knowledge about deviance, background on the theories underlying sociology of deviance like symbolic interactionism, phenomenology, radical criminology and feminist criminology and concluded by posing the question on the metamorphosis of deviance.

The book describes the evolution of the thoughts and theories in understanding crime and criminal behavior from the early 20th century and the latest development in the theories from the European and North American context.

Crime and criminal behavior is a behavior that fascinates many sociologists and psychologists who deals with social problems. However, the yet unresolved problems have brought researchers from various disciplines to try and understand what causes crime and deviant behavior. Hence, this book which is already in its fifth edition, put forward some theoretical foundations to understand this behavior.

The evolution of the thoughts on the study of deviance can be traced back from the early studies done by the Chicago School of Sociology. While the approach suggested at that time to understand social deviance was observation, specifically participant observation, it can be said that the approach is still relevant in understanding current social deviance behaviors. As time develops, other approaches that lead to more theories to study deviance introduced like phenomenology, anomie and control theories. This has enabled the researchers to have a better understanding of what contributes to deviant behavior from various dimensions. The strength of the book is its extensive review of literature on crime, social deviance and criminal behavior. The provision of an in-depth analysis of each of the approaches enables a reader to seek further understanding of the approaches by seeking the original text referred to in the chapters.

What this book does not provide are empirical studies using the theories except for examples that been takes from cases reported in many other publications. Hence, examples of application of the theories in research is lacking as a guide for young researchers who are interested to pursue studies on crime and social deviance. Besides, most of the approaches discussed were from the sociological perspective and not much from the psychological perspectives although crime and social deviance has its roots in psychology.

However, that was probably not the purpose of the book. The authors have earlier stated that the book was meant to outline some theoretical foundations that can became the basis of research on crime and criminal behavior from various disciplines, mostly sociological. Written in an easy to understand manner, the book should be a first reference for anyone interested in understanding crime and what drives criminal behavior and social deviance. Therefore, it is recommended that the book be used as a textbook by

students, academicians, researchers and practitioners who would like to understand the sociological background in appreciating the sociology of deviance.

Dr. Nobaya Ahmad, PhD
Timbalan Dekan
Akademik dan Hubungan Antarabangsa
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia.

Buku/Modul *Pencegahan Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Generasi Muda* oleh Prof. Dr. Rohany Nasir, Prof. Madya Dr. Fatimah Yusoff, Prof Madya Zainah Ahmad Zamani & Mohd Norahim Mohamed Sani, terbitan 2008, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.

Buku ini merangkumi tiga modul penting tentang pencegahan penyalahgunaan dadah di kalangan generasi muda. Masalah penyalahgunaan dadah di kalangan generasi muda semakin membimbangkan semua pihak terutama kerajaan. Pihak kerajaan melalui pelbagai agensi berkuasa telah membelanjakan jutaan ringgit untuk menjalankan pelbagai usaha membasmi masalah penagihan dadah di Malaysia. Namun masalah ini masih meningkat disebabkan oleh banyak faktor. Perlu ditegaskan jumlah belia di Malaysia pada 2007 adalah 11.96 juta (Jabatan Perangkaan Malaysia 2008). Angka berkenaan adalah satu bilangan yang besar dan memerlukan perhatian semua pihak dalam usaha memastikan belia Malaysia menjauhi najis dadah.

Modul pertama berjudul ‘Pengenalan Mengenai Dadah’ mengupas latar belakang tentang dadah, jenis dadah, kesan pengambilan dadah terhadap manusia, penagihan dadah serta pemulihan dan penagihan semula. Bahagian ini menjelaskan secara terperinci pelbagai jenis dadah yang disalah guna oleh manusia. Justeru, kesan pengambilan dadah dari segi fizikal, mental dan emosi serta sosial turut dibincangkan secara ilmiah dalam modul ini.

Modul kedua berjudul ‘Kajian Penyalahgunaan Dadah’ pula menyentuh pelbagai kajian lepas tentang masalah dadah dan penyalahgunaannya di Malaysia. Kajian lepas jelas menunjukkan bahawa masalah penyalahgunaan dadah perlu ditangani secara bersepudu oleh semua pihak termasuk peranan keluarga. Masalah penyalahgunaan dadah di kalangan generasi muda juga perlu diberikan perhatian yang lebih serius. Banyak kajian lepas telah dijalankan oleh pensyarah dan pelajar universiti mengenai masalah penyalahgunaan dadah di Malaysia. Semua kajian berkenaan perlu diberi perhatian dalam usaha mencari penyelesaian yang berkesan untuk membasmi masalah dadah yang menghantui masyarakat dan menjelaskan imej negara.

Modul ketiga pula berjudul ‘Latihan Peningkatan Personaliti’ mengupas pelbagai jenis latihan yang diperlukan oleh belia untuk membantu kejayaan diri dalam era globalisasi serta perubahan pembandaran dan pada masa sama menangani masalah dadah. Terdapat empat latihan peningkatan personaliti yang dibincangkan untuk membangun belia agar lebih maju dan berdaya saing dengan tuntutan semasa. Antaranya latihan tingkah laku asertif, latihan penghargaan kendiri, latihan motivasi pencapaian dan latihan ketahanan diri. Semua latihan tersebut amat diperlukan oleh belia untuk memajukan diri mereka dan bergiat cergas dalam aktiviti yang sihat serta mengelakkan diri dari terjerumus dalam gejala penagihan dadah. Pendekatan psikologi yang diguna pakai dalam keempat-empat latihan ini boleh membantu belia memperkasa personaliti dan kendiri secara positif.

Modul *Pencegahan Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Generasi Muda* ini dapat menyumbang kepada pendekatan alternatif untuk mencegah penyalahgunaan dadah terutama belia berisiko. Program intervensi yang direncanakan dalam modul ini berupaya

melahirkan generasi muda positif terutama dalam pembangunan kendiri dan menolak pengaruh najis dadah dalam kehidupan mereka.

Sarjit S. Gill, PhD
Felo Adjung IPPBM